



NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**MESYUARAT PERTAMA
PENGKAL PERSIDANGAN KEDUA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

29 APRIL 2019 (ISNIN)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

26 APRIL 2019 (ISNIN)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	5 - 6
PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI	7
PEMBENTANGAN RISALAH-RISALAH	7
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No.1 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee)	7
Soalan No. 2 – Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	10
Soalan No. 3 – Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	12
Soalan No. 4 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	15
Soalan No. 5 – Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	17
Soalan No. 6 – Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin)	20
Soalan No. 7 – Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen)	24
Soalan No. 8 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	26
Soalan No. 9 – Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz)	28
Soalan No. 10 – Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang)	29

Kandungan	Muka Surat
PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)	30
Usul oleh Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)	30
Sokongan Usul oleh Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid)	37
<i>PERBAHASAN USUL TERIMA KASIH KE ATAS UCAPAN PERAMSIAN T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG</i>	
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	42
DEWAN DITANGGUHKAN	
DEWAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) menyambung semula sesi perbincangan	54
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	61
Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	67
Ahli Kawasan Jawi (YB. H.ng Mooi Lye) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	73
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	77
Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	82
Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	88
Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	96
DEWAN DITANGGUHKAN	

Kandungan	Muka Surat
DEWAN DISAMBUNG SEMULA	
Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	102
Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	109
Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	113
Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan	119
DEWAN DITANGGUHKAN	

PENYATA RASMI

MESYUARAT PERTAMA PENGAL PERSIDANGAN KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 29 APRIL 2019 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
9.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
10.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
11.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
12.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
13.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
22.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
23.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
24.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
25.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
26.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang
27.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
28.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
29.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
30.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
31.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
32.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
33.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
34.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
35.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
36.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
38.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
39.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

TIDAK HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
2.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Tuan Norazmi Bin Mohd Narawi	Penasihat Undang-Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha mDewan:

“Bacaan Doa”.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan akan bersidang semula.

Setiausaha Dewan:

Pengumuman oleh YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dua (2) bekas Ahli Dewan Undangan Negeri telah meninggal dunia iaitu mendiang Encik Khoo Teng Chye telah pun meninggal dunia pada 28 November 2018. Mendiang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri untuk kawasan Dhoby Ghaut dari 1969 hingga 1974 dan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Paya Terubong dari 1974 sehingga 1978. Manakala mendiang Dato’ Dr. Goh Cheng Teik telah meninggal dunia pada 17 Mac 2019. Beliau telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri untuk kawasan untuk Sungai Bakap dari 1990 hingga 1995. Dan juga telah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi tempoh tersebut. Oleh itu para hadirin saya mohon untuk bertafakur selama satu (1) minit, sila berdiri. ***(Ahli-ahli Dewan berdiri).***

Hadirin diminta duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini sedia maklum diadakan di Dewan Sri Pinang memandangkan kerja-kerja menaik taraf bangunan Dewan Undangan Negeri di Lebuhraya Light sedang dilaksanakan. Projek tersebut telah dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan akan dijangka siap pada 11 Mac 2020.

Ahli-ahli Yang Berhormat kali terakhir persidangan DUN diadakan di Dewan Sri Pinang adalah pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Kesebelas pada tahun 2005 di mana pada ketika itu bangunan DUN mengalami kerosakan pada alang bumbung. Merujuk kepada ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada 26 April 2019 yang lalu, berkenaan dengan bangunan Dewan Undangan Negeri Yang baharu, Kerajaan Negeri perlu memberi keutamaan dalam menyediakan tapak untuk pembinaan bangunan DUN.

Dengan mengambil kira keadaan dan kos baik pulih bangunan DUN sedia ada ini secara langsung akan memberi keselesaan terutamanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan juga kepada semua yang hadir ke persidangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pada sesi ini kita akan mempertimbangkan sejumlah 80 Soalan Lisan, 613 Soalan Bertulis dan 2 Usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Setiausaha Dewan:

Pembentangan risalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya mohon membentangkan di atas meja Risalah Bilangan 1 hingga 6 Tahun 2019 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

Setiausaha Dewan:

Soalan-soalan, Soalan Bertulis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis telah diletakkan di atas meja ahli yang bertanya selaras dengan subperaturan 15(1)(h) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat seisi Soalan Lisan saya ingin mempersilakan soalan pertama Kebun Bunga

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Dengan izin Dato' Speaker, soalan saya nombor satu (1).

- No. 1. Apakah rancangan pengurusan risiko, kecemasan dan krisis sekiranya berlaku kemalangan dan/atau kecelakaan semasa pelaksanaan projek-projek mega seperti PTMP?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Kebun Bunga. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Pelan Tindakan Balas Kecemasan atau *Emergency Response Plan* terperinci semasa fasa pembinaan dan operasi akan disediakan seperti disyaratkan dan dipatuhi bagi menjaga kepentingan orang ramai dari aspek keselamatan, kesihatan dan juga alam sekitar yang disebabkan oleh kemalangan atau bencana alam. Pelan ini disediakan selari dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang akan merangkumi beberapa situasi sepanjang pelaksanaan projek seperti kerosakan peralatan, kecuaiian manusia atau juga bencana alam.

Pelan Tindakan Balas Kecemasan ini memberi keutamaan dan penekanan terhadap perlindungan nyawa, kesihatan orang awam, alam sekitar dan sumber asli, sosial ekonomi dan kebudayaan dan hartanah persendirian serta harta awam. Satu Jawatankuasa Bertindak Kecemasan Khas akan ditubuhkan bagi mengendalikan projek-projek infrastruktur di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang terutamanya dalam memantau dalam memastikan Pelan Tindakan Balas Kecemasan bagi projek berkenaan dilaksanakan.

Jawatankuasa ini akan bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan dan keselamatan sedia ada termasuk Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Hospital, Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi teknikal yang berkaitan. Sekian.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Tambahan Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):

Terima kasih soalan tambahan saya ialah sama ada ini *response emergency response plan* termasuk dalam syarat-syarat yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar berkenaan dengan Pelan Induk Pengangkutan, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat, semestinya Dato' Yang di-Pertua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan. Nombor satu (1) ialah adakah Kerajaan Negeri telah mengambil kira kajian daripada *Institute of transport* atau pun *institute* pengangkutan yang antarabangsa untuk membuat kajian bebas, kedua *since* BRT.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penanti, faham masalah pokok?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya tau, tau tau sebab, *Institute of Transport* dia akan kaji *all the* semua pengkelasan *including safety and social impact*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kebetulan institut berkenaan wakil dia berada di Negeri Pulau Pinang dan satu sesi awam diaturkan di mana wakil dari institusi ini membentangkan pandangan mereka terhadap Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang di mana wakil kerajaan dan *project delivery partner* juga hadir dan membangkitkan beberapa soalan kepada pakar berkenaan. Tetapi secara rasmi Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menjemput badan-badan sedemikian untuk memantau atau meneliti apa yang dirancangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan. Dari segi keselamatan saya fikirkan BRT itu mungkin lebih senang dan lebih selamat kalau saya nak tanya adakah BRT itu boleh dilaksanakan dulu tanpa menunggu pelaksanaan terowong. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Penanti. Untuk makluman Dewan yang mulia ini BRT iaitu *Bus Rapid Transit* boleh dilaksanakan mengikut dua (2) kaedah. Pertamanya *at grid* iaitu menggunakan jalan raya yang sedia ada dan mengkhaskan satu lorong bagi bas-bas untuk lalu di atas sistem jalan raya yang sedia ada. Misalnya kalau kita memperkenalkan BRT dari Komtar ke Air Itam maka di sepanjang Datok Keramat, Jalan Air Itam katakan sampai ke Pasar Air Itam maka satu lorong di satu belah perlu dikosongkan bagi kegunaan bas itu.

Atau kalau *at grid* tidak dikhaskan lorong maka ianya perlu kongsi lorong dengan kenderaan-kenderaan yang lain yang semestinya mengurangkan *efficiency* sistem BRT sedemikian mudah berlakunya kemalangan sebab lain-lain kenderaan akan masuk ke lorong bas itu satu kaedah *at grid* iaitu menggunakan jalan yang sedia ada. Yang kedua kaedahnya ialah membina *elevated structure* di mana bas-bas boleh menggunakan *elevated structure* maknanya ianya satu sistem yang *dedicated* untuk penggunaan bas-bas sahaja. Maka itu sistem dari segi operasinya adalah lebih selamat berbanding dengan *at grid* dan soal pembinaan dan operasi itu berlainan mungkin semasa pembinaan struktur *elevated* itu akan

menimbulkan kacau ganggu kepada orang awam kerana kita akan membina *elevated structure* dengan menggunakan medium jalan yang sedia ada untuk membina struktur berkenaan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya mempersilakan Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Dato' Yang di-Pertua, soalan saya adalah nombor dua.

No. 2. Pelancaran Dasar Keterangkuman Gender merupakan satu pemacu perubahan bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan keperluan wanita dan lelaki, yang tua dan muda, dan yang OKU diambil kira.

- (a) Apakah pelan pelaksanaan yang telah dirancang untuk memastikan keberjayaan dasar tersebut?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Lancang. Soalannya ialah apakah pelan pelaksanaan yang telah dirancang untuk memastikan kepercayaan Dasar Keterangkuman Gender? Dasar Keterangkuman Gender ataupun dengan pendeknya DKG telah dirangka bagi memastikan wujudnya keseimbangan *gender* dan mempromosikan kesaksamaan *gender* di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dasar ini juga dirangka selaras dengan visi Penang 2030. Terdapat enam strategi pelaksanaan untuk memastikan kejayaan DKG ini iaitu yang pertama, latihan dan pendidikan secara berterusan bagi memahami lebih ramai orang lebih memahami keterangkuman *gender*, menyediakan latihan bagi semua jabatan dan agensi kerajaan negeri dari masa ke semasa untuk memastikan semua anggota memiliki ilmu dan kemahiran yang relevan berkenaan keterangkuman *gender*, analisa *gender* akan diguna sebagai alat untuk melaksanakan arus perdana transgender.

Kedua, pengumpulan data pecahan jantina ataupun *sex disaggregated* data atau dalam pendek SDD. SDD merupakan data yang menunjukkan perbezaan keadaan golongan wanita dan lelaki serta kanak-kanak perempuan dan lelaki. Satu sistem harus dibina untuk memastikan SDD dikumpul dengan sistematik dan dianalisa di semua jabatan dan agensi, kerajaan, swasta, institusi penyelidikan dan NGO. Perkongsian SDD antara sektor awam dan swasta amat digalakkan.

Langkah ketiga, memastikan keseimbangan *gender* di semua jabatan dan agensi Kerajaan Negeri. Memastikan peluang yang sama diberikan kepada lelaki dan wanita dalam peringkat pembuat keputusan dan pelaksanaan di Negeri Pulau Pinang mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada kedua-dua lelaki dan wanita yang berkelayakan. Ini dapat mengelakkan komposisi satu *gender* melebihi 60 peratus dan dominasi satu *gender* sebagai pembuat keputusan.

Keempat, pelaksanaan *Gender Responsive Participatory Budgeting* atau dengan pendek GRPB sepenuhnya di peringkat Kerajaan Negeri. GRPB membantu untuk mengenalpasti keperluan perbezaan bagi kumpulan satu individu yang berlainan. Oleh itu, pengubah dasar pembuat keputusan dan pelaksana program perlu memahami konsep *budgeting*.

Kelima, konsentration dan rakan kongsi strategik dengan pelbagai agensi kerajaan sektor swasta pertubuhan bukan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan komuniti, kerjasama melalui perkongsian maklumat dan jabatan penyelidikan antara jabatan kerajaan, swasta, NGO, IPT dan institusi penyelidikan yang diiktiraf sebagai rakan kongsi dalam hal *consultancy policy* peningkatan kapasiti dan program-program peringkat akar umbi akan diadakan.

Keenam, pemantauan dan penilaian. Maklum balas dan keberkesanan program hasil daripada pemantauan dan penilaian dasar ini akan dikumpul dan digunakan sebagai input penambahbaikan untuk perancangan program dan pembentukan dasar pada masa hadapan. Setiap jabatan atau agensi Kerajaan Negeri harus mengenalpasti dan mewujudkan satu unit pemantauan serta penilaian untuk mengaplikasikan cadangan penambahbaikan dan program yang berkaitan. Berdasarkan strategik pelaksanaan yang telah dirangka pelan pelaksanaan menyeluruh yang memperincikan tindakan yang akan diambil oleh jabatan agensi Kerajaan Negeri dalam mengunakan BKG akan dibentuk melalui tiga (3) tahap iaitu mengenalpasti skop dan hala tuju rangka kerja tindakan dan tanggungjawab pihak berkepentingan jabatan agensi negeri. Mengenalpasti sasaran untuk dicapai dan membangunkan strategik serta rancangan tindakan untuk mencapai sasaran dan pelancaran dan pelaksanaan pelan.

Oleh yang demikian, pada peringkat awal untuk memastikan pelan pelaksanaan ini berhasil maka Kerajaan Negeri dengan kerjasama *Penang Women Development Copration* (PWDC) akan mengadakan bengkel membina kapasiti kedua-dua jabatan pegawai-pegawai pelaksana dan kakitangan pada bulan Mei 2019. Melalui bengkel ini akan membolehkan ketua-ketua jabatan bersama pegawai pelaksana, merancang pelan tindakan yang realistik dan bersesuaian dengan jabatan masing-masing. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Padang Lalang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Soalan tambahan. Terima kasih Yang di-Pertua. Satu jawapan yang amat terperinci. Satu saja tambahan dari saya. Adakah pelaksanaan Dasar Keterangan Gender akan melibatkan peruntukan tambahan untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Sebenarnya walaupun ada, mungkin ada penambahan tetapi tidak banyak kerana semua projek yang sudah yang sedia ada dia akan melalui proses GRPB. Jadi perjalanan proses GRPB ini mungkin ada sedikit perbelanjaan. Kita tidak memberi ataupun ini adalah pelaksanaan. *We are not asking you to have a new program* adalah program yang sedia ada. Program pembangunan yang sedia ada umpamanya sekiranya pejabat DO sekarang dia tahun ini dia mahu bina satu dewan komuniti di kawasan Batu Lancang, jadi memang peruntukan itu sudah ada yang kita hendak yang kita hendak mereka melaksanakan ialah supaya menjalankan *consultation* menggunakan proses GRPB. Bertanya penduduk-penduduk di situ mengikut jantina, mengikut umur dan mendapatkan pandangan mereka apakah jenis aktiviti yang mereka hendak laksanakan. Apakah kegunaan dewan itu dan selepas itu membinakan dewan itu mengikut pandangan mereka.

Umpamanya mungkin kalau ramai wanita yang mahu gunakan dewan itu jadi dewan itu mesti mesra wanita. Kalau ada OKU yang mahu gunakan dewan itu, jadi dewan itu mesti ada kemudahan OKU. Jadi, perbelanjaan hanya ke atas proses GRPB itu dan bukan perbelanjaan yang lain jadi tidak banyak. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Yang di-Pertua. Saya melihat bahawa dasar keterangkuman *gender* akan dilaksanakan di peringkat di negeri Pulau Pinang ianya merupakan satu dasar yang mungkin akan memberi keadilan kepada lelaki perempuan dan sebagainya. Adakah dasar ini merangkumi bukan hanya sekadar jawatan-jawatan kerajaan tetapi juga pembahagian dan juga pengagihan dari segi projek pembangunan dan sebagainya juga diagihkan mengikut 40-40 *percent* dan juga lain-lain 20 dan juga dari segi *gender* ini sama ada ia melibatkan hanya *gender* lelaki perempuan ataupun termasuk juga satu lagi *gender* yang diperkatakan dulu oleh Tanjung Bunga, *transgender* terlibat sama atau tidak dalam ini? Saya rasa sepatutnya hanya dua, lelaki dan perempuan. Adakah termasuk sekali golongan-golongan ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Dua kerana menyokong dasar keterangkuman *gender* ini. Sekiranya tadi ada dengar jawapan saya memang hanya kepada *gender* lelaki dan wanita sahaja dan ia sekarang pada peringkat sekarang dia fokus kepada pencapaian keseimbangan di dalam jawatan dan tidak ada mengenai projek tetapi kita untuk menggalakkan lebih ramai wanita untuk mengambil bahagian dalam projek-projek jadi mungkin kita akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat supaya kita seimbang kalau kekurangan kaum lelaki kita akan bagi satu insentif untuk mereka mengambil bahagian. Kalau kekurangan kaum wanita jadi kita memberi insentif kepada kaum wanita. Jadi saya hendak ucapkan banyak terima kasih kerana bersama-sama sokong dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tambahan

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukit tambun.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor tiga.

No. 3. Sila nyatakan jumlah penumpang domestik dan antarabangsa yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi Januari 2018 hingga Mac 2019.

- (a) Apakah status penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP).
- (b) Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan pembinaan Kulim International Airport (KXP)?
- (c) Apakah cadangan tambakan laut di perairan selatan merangkumi cadangan Lapangan Terbang baharu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Untuk memberi jawapan kepada YB. Bukit Tambun, penumpang domestik dan antarabangsa yang menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang bagi tempoh Januari 2018 sehingga Februari 2019 adalah seramai 9,100,888 penumpang seperti perincian di jadual berikut iaitu bagi keseluruhan tahun 2018, antarabangsa adalah 3.607 juta, domestik 1.183 juta iaitu jumlah 7.79 juta. Manakala bagi dua (2) bulan pertama bagi tahun ini, antarabangsa adalah 0.597 juta, domestik 0.713 juta dan jumlah bagi tempoh ini 1.31 juta dengan jumlah besar 9.1 juta. Pihak Kementerian Pengangkutan dan Malaysia Airport Holdings Berhad kini dalam perancangan bagi menaik taraf dan membesarkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Cadangan projek ini bermatlamat untuk meningkatkan tahap penyelesaian dan keselamatan penumpang serta untuk menangani isu kesesakan di kawasan terminal. Buat masa ini Lapangan Terbang Pulau Pinang berkapasiti 6.5 juta penumpang setahun dan cadangan penaiktarafan tersebut dapat menampung keperluan sehingga 12 juta penumpang setahun. Status terkini projek menaik taraf Lapangan Terbang Pulau Pinang adalah pelantikan dua (2) syarikat perunding iaitu Konsortium CPG Consultants Berhad, Private Limited dan AHS Architects Sdn Bhd sebagai juru perunding projek menaik taraf dan pembesaran lapangan terbang ini. Pelantikan ini telah dibuat pada 15 Februari tahun ini melalui tender terbuka oleh pihak MAHB. Pihak perunding bertanggungjawab untuk mencadangkan pelan dan reka bentuk terbaik bagi pihak kementerian dan juga MAHB untuk menaik taraf dan membesarkan lapangan terbang.

Projek menaik taraf dan pembesaran lapangan terbang ini dijadualkan akan mula pada bulan Jun 2020 dan mengambil masa selama 36 bulan untuk disiapkan. Selain itu projek pembinaan bangunan letak kereta bertingkat di depan lapangan terbang telah dimulakan pada bulan Ogos tahun lepas dan kerja-kerja pembinaan adalah selama 14 bulan. Bangunan letak kereta bertingkat tersebut akan menyediakan kira-kira 1,800 lot letak kereta untuk Blok A, Fasa Pertama. Fasiliti tempat letak kereta bertingkat ini akan memberi kemudahan yang lebih selesa dan selamat kepada para pengguna.

Bagi bahagian (b), pembinaan lapangan terbang seperti yang dicadangkan Lapangan Terbang Kulim adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan pengurusannya dilaksanakan melalui MAHB. Kerajaan Negeri berpendapat cadangan pembinaan Kulim International Airport perlu diteliti secara mendalam dan lebih terperinci. Berdasarkan semakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan dua (2) laporan yang disediakan oleh juru perunding yang telah melaksanakan kajian kebolehlaksanaan pembinaan Lapangan Terbang Kulim. Pembinaan lapangan terbang ini akan memberi impak yang negatif kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan juga kepada negeri kita.

Kerajaan Negeri berpendirian tegas bahawa pihak Kementerian Pengangkutan perlu meneliti perkara ini sekali lagi dan kajian yang lebih terperinci perlu dilaksanakan agar cadangan pembangunan tersebut adalah holistik dan menguntungkan semua pihak.

(C), Cadangan penambakan laut di selatan bahagian Pulau Pinang merupakan cadangan penambakan yang holistik dalam usaha melonjakkan ekonomi negeri Pulau Pinang. Cadangan untuk membina lapangan terbang yang baharu di atas tanah tambakan tersebut adalah satu opsi yang akan ditimbang. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Soalan Tambahan Y.A.B. Padang Kota. Adakah lapangan terbang yang baru ini telah dimasukkan dan dibentangkan di dalam MPFN yang lalu. Dan kedua, apakah pendekatan Kerajaan Negeri untuk mempengaruhi Kerajaan Persekutuan untuk mempertimbangkan semula seperti jawapan daripada Y.A.B. tadi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tambun. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, cadangan Kulim International Airport tidak dibentangkan dalam Majlis Perancangan Fizikal Negara sehingga kini dan mesyuarat yang baru lepas itu pun tak nampak ianya disebut pun. Bagaimana untuk mempengaruhi cadangan ini, pihak Kerajaan Persekutuan khususnya Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa sekiranya cadangan ini hendak dilakukan ianya cuma dilakukan melalui *private financial initiative*. Maka

kalau ada pihak swasta yang berminat, maka barulah mula untuk meneliti sama ada projek ini perlu dilaksanakan atau mampan dilaksanakan atau tidak. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Speaker. Y.A.B. Padang Kota, saya ada satu pertanyaan sebab ada orang yang menyatakan bahawa *airport* ini adalah *airport* untuk kargo dan ia juga dari segi pembangunan secara zon utara ia dapat melengkapkan pembangunan secara holistik di seluruh zon utara. So apa pandangan Ketua Menteri terhadap yang kita tidak boleh melihat perkara ini sebagai satu *zero sum gain*, maka kita, apakah maklum balas yang boleh dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri tentang pandangan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Untuk makluman YB. Bukit Tengah, (ketawa) Machang Bubuk, lain pilihan raya mungkin pergi Bukit Tengah dan juga kepada Dewan yang mulia ini, saya telah memberi jawapan tadi bahawa Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Pulau Pinang telah mendapat dua (2) laporan daripada pihak Kerajaan Negeri Kedah berhubung dengan laporan yang dilakukan oleh dua (2) syarikat perundingan yang dilantik untuk menjalankan kajian kemungkinan pelaksanaan projek ini. Dan mengikut penelitian kami dalam pihak Kerajaan Negeri ianya semestinya membawa impak yang besar kepada Negeri Pulau Pinang sekiranya ia dilaksanakan.

Walaupun Y.A.B. Menteri Besar Negeri Kedah semasa mengunjung ke negeri Pulau Pinang untuk membentangkan hasrat ini kepada pihak saya dan juga Kerajaan Negeri, Y.A.B. Menteri Besar Kedah terangnya menyatakan ianya sebuah lapangan terbang kargo sahaja. Tetapi kajian itu adalah kajian untuk suatu lapangan terbang yang menyeluruh termasuk penumpang dan juga kargo. Jadi itulah status dia, walaupun kajian itu untuk kajian lapangan terbang yang menyeluruh tetapi pihak Kerajaan Negeri Kedah menyatakan ianya lapangan terbang untuk kargo sahaja. Jadi kita tak pasti sama ada PFI yang kalau ada minat apakah sebenarnya pandangan PFI, kalau PFI nak masuk ke projek ini, saya kira dia ada pertimbangan dia sendiri, sama ada mampan atau *feasible* atau tidak untuk melaksanakan sebuah lapangan terbang kargo semata-matanya.

Untuk makluman Dewan ini, setakat ini kapasiti, walaupun kapasiti penumpang di Bayan Lepas pula telah melepasi hadnya tetapi bagi kargo, kita masih ada ruang yang besar sebab kapasiti kargo di Lapangan Terbang Bayan Lepas belum mencapai kapasiti lagi. Jadi itulah senario yang perlu dikaji. Oleh itu kita tahu bahawa hakikat ini, jadi kita sebelum kita membantah projek ini dalam semangat setia kawan kita minta telitilah dengan lebih mendalam. Kalau boleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri pun telah putuskan kita akan juga melaksanakan satu kajian bagi memastikan cadangan ini betul-betul diperlukan untuk Wilayah Utara ini.

Jadi kita pun menyuarakan bahawa setiap Kerajaan Negeri mempunyai hak untuk pembangunan tetapi memandangkannya ianya begitu dekat dengan negeri Pulau Pinang, kita harap lapangan terbang ini akan mencetuskan *win-win situation* kepada dua negeri tetapi bukan untuk menjadikan satu keadaan di mana negeri Pulau Pinang akan rugi dalam projek baru yang akan dibina itu. Jadi memangnya ada kesan kepada Negeri Pulau Pinang tetapi apa yang kita mahu adalah kesan positif dan bukan kesan negatif.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Soalan seterusnya Machang Bubuk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan 4.

- No. 4. Terangkan secara terperinci tentang kronologi isu tapak pelupusan sampah haram di Bukit Teh.
- (a) Senaraikan tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ke atas kegiatan pembuangan sisa pepejal di kawasan tersebut.
 - (b) Kenapa Kerajaan Negeri tidak rampas balik tanah tersebut yang jelas disalahguna serta membawa kemudaratan kepada orang awam?

Ahli Kawan Datok Keramat (YB Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih kepada rakan saya daripada Machang Bubuk atas soalan berkenaan kronologi tapak pelupusan sampah haram di Bukit Teh. Untuk makluman semua Dato' Speaker, kronologi kes pembuangan sampah haram di Bukit Teh adalah seperti berikut: Tapak pelupusan sampah secara haram di Bukit Teh mula disiasat oleh Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang sejak tahun 2017 susulan aduan pembakaran terbuka yang dibuat oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat. Hasil siasatan Jabatan Alam Sekitar mendapati kawasan di Bukit Teh tersebut telah dijadikan tapak pelupusan sampah haram.

Pada 15 Februari 2017, Jabatan Alam Sekitar telah mengesan aktiviti pembakaran terbuka dilakukan dan sehubungan dengan itu, Dato' Speaker, tindakan kompaun telah dikeluarkan kepada pemilik tanah bagi kesalahan ini. Jabatan Alam Sekitar juga telah memanjangkan perkara ini untuk perhatian dan tindakan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai. Dan pada 15 Mac 2019, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima maklumat terbaru daripada Jabatan Alam Sekitar mengenai pembuangan sisa terjadual yang dipercayai minyak pelincir yang terpakai di kawasan ladang kelapa sawit berdekatan. Tindakan bagi isu ini telah diambil oleh pihak Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang

Pada 16 Mac 2019, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah menerima aduan daripada orang awam mengenai sisa dalam bentuk serbuk dengan kuantiti yang banyak yang dikhuatiri mengandungi sisa-sisa toksik yang dibuang ke dalam tapak pelupusan sampah haram Bukit Teh. Dan Dato' Speaker pada 17 Mac 2019, Jabatan Kejuruteraan MPSP telah turun ke kawasan tersebut untuk melakukan siasatan. Hasil semakan mendapati pembuangan sampah secara haram melibatkan beberapa lot iaitu lot-lot 1689, 1690, 1691, 1692, 1693, 1694, 1695 dan 1696 di Mukim 16 Daerah Seberang Perai Tengah.

Dato' Speaker, senarai tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri melalui MPSP adalah seperti berikut:

- (i) Jabatan Kejuruteraan telah mengeluarkan 3 notis Larangan Kerja Tanah di bawah (Seksyen 70A, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) kepada pemilik tanah. Pemilik tanah tersebut dikehendaki menghentikan kerja tanah dengan serta merta dan mengeluarkan semua jenis alat jentera dan memulihkan semula tanah. Pemilik tanah diminta untuk memulihkan semula tanah setakat yang mungkin dalam tempoh 20 hari dari tarikh disampaikan seperti keadaannya sebelum kerja tanah tersebut dimulakan;
- (ii) Jabatan Kesihatan telah mengeluarkan 3 notis kacau ganggu di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan. Pemilik tanah dikehendaki menghapuskan kacau ganggu iaitu penglihatan dan dari segi bau dalam tempoh 7 hari;

- (iii) Jabatan Bangunan telah mengeluarkan 5 notis binaan tanpa kebenaran dan 1 notis mengosongkan bangunan di bawah Seksyen 72, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kepada premis yang menjalankan aktiviti perniagaan ataupun industri;
- (iv) Jabatan Pelesenan telah mengeluarkan 1 kompaun dan 2 notis memberhentikan perniagaan kepada kilang kayu dan perusahaan memproses ayam berdekatan di bawah Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980;
- (v) Pada 21 Mac 2019, Jabatan Direktorat Penguatkuasaan telah menyita sebuah lori 10 tan yang membawa sisa pembersihan tapak; dan Dato' Speaker,
- (vi) Pada 28 Mac 2019, Jabatan Direktorat Penguatkuasaan telah menyita 2 lagi buah kontena yang mengandungi sisa habuk seperti mana sisa yang dijumpai pada 16 Mac 2019.

Dato' Speaker, Kerajaan Negeri tidak dapat merampas balik tanah lot tersebut kerana lot-lot tersebut dari segi perundangan berstatus "*First Grade*" dan tidak tertakluk di bawah Kanun Tanah Negara 1965, untuk sebarang syarat guna tanah tertentu. Oleh itu, tuan tanah berkenaan dari segi ini, tidak melakukan sebarang kesalahan pelanggaran syarat di bawah Seksyen 127, Kanun Tanah Negara 1965 yang membolehkan sebarang tindakan perampasan diambil. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB. Datok Keramat. Saya ada dua (2) pertanyaan. Satu, adalah tapak pelupusan sampah tersebut sebenarnya ia telah dikenal pasti sebagai tapak perlombongan haram. Tapak lombongan pasir haram sebelum ini, *I think* 10 tahun yang lepas. So, dan ia telah 20 tahun, 20 tahun yang lepas dan ia, ia dijadikan dibiarkan macam itu dan saya rasa tindakan tidak diambil oleh tuan tanah juga, untuk memulih balik tanah yang sedia ada itu. Dan malah sekarang ia telah dijadikan tapak pelupusan sampah haram. Dan apakah jika Kanun Tanah Negara tidak dapat memberi kuasa kepada kerajaan untuk rampas balik tanah tersebut, dan tuan tanah juga tidak membuat apa-apa untuk memulih balik keadaan tanah yang sedia yang sebelum ini. So, apa tindakan lagi yang boleh kerajaan ambil untuk memastikan tapak tersebut tidak dijadikan atau berterusan sebab pemantauan Kerajaan Tempatan pun tidak dapat menghentikan pembuangan sampah haram ini.

Kedua, adalah sekiranya adakah kita Kerajaan Negeri dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa iaitu tuan tanah tersebut telah memulakan kerja tanah tanpa kebenaran, adakah kita boleh masukkan tindakan mahkamah untuk hukum tuan tanah kerana tidak menjaga tanah dia dengan baik dan membiarkan orang. Kita juga dapat maklumat ada orang bayar untuk membuang sampah di sana. So, adakah boleh kita guna Akta Perancangan Bandar dan Desa, untuk hukum tuan tanah yang membenarkan orang untuk membuang sampah di tapak mereka? Itu dua (2) pertanyaan saya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Dato' Speaker, terima kasih Ahli daripada Machang Bubuk. Soalan yang begitu baik sekali. Saya ingin mula dengan menyatakan pendirian negeri Pulau Pinang, adalah kita langsung tidak menerima tindakan-tindakan daripada pihak-pihak yang membuang sampah haram di merata-rata di Pulau Pinang, termasuk di Bukit Teh. Tadi saya telah nyatakan apa tindakan yang kita boleh lakukan yang mana tindakan telahpun berlaku di bawah undang-undang seperti mana Machang Bubuk tanya tadi. Undang-undang yang sedia ada yang kita boleh pakai, sememangnya tindakan telah diambil. Notis-notis telah dikeluarkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan seperti mana saya nyatakan di bawah Akta Kerajaan Tempatan.

Saya juga dimaklumkan polis, laporan polis telahpun dibuat dan kepada saya, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang sememangnya meminta kalau boleh pihak MPSP *follow up* dengan pihak Polis, sama ada tindakan daripada pihak polis juga boleh diambil kerana di bawah Akta-Akta yang saya sebut memang tindakan boleh diambil sehingga ke mahkamah, di mana mereka boleh didenda dan sebagainya. Di mana hukuman boleh dilakukan, tetapi pada saya Dato' Speaker, mungkin, mungkin masa telah tiba agar tindakan yang lebih tegas diambil terhadap semua ini. Orang ini yang membuang sampah-sampah ini, sampah-sampah toksik dan sebagainya. *I think the time has come, we take it very seriously...(dengan izin) but the question is* di bawah Akta Kerajaan Tempatan ataupun di bawah Akta Jalan dan Parit dan sebagainya, mungkin hukuman yang ada adalah tidak setimpal. *It is just a pinch on the hand, I think all of you especially the ex-counselor here will know.* Mungkin kita perlu lihat kepada meminda Akta-Akta ataupun peruntukan yang ada di peringkat negeri ataupun saya minta Kerajaan Persekutuan juga meminda Akta-Akta di peringkat persekutuan supaya ada satu hukuman yang lebih berat terhadap mereka ini, kerana ini tidak boleh kita terima lagi. Ia memudaratkan rakyat negeri Pulau Pinang, dan saya ingat bukan sahaja di negeri Pulau Pinang apabila saya buat kenyataan tempoh hari, saya rujuk kepada banyak peristiwa di negara Malaysia. Lihat pada Sungai Kim Kim di Johor, apa berlaku di situ. Apa tindakan terhadap mereka, ambil tindakan terhadap mereka di Bukit Teh juga. Saya harap pihak polis, pihak MPSP yang ada pagi ini, *follow up. This is a very serious issue, Dato' Speaker and we do not want this to continue elsewhere. Not just in Bukit Teh, Machang Bubuk.* Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tambah sikit, saya nak tambah sikit.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Err. Duduk. Memandang soalan seterusnya pun bersabit dengan perkara yang sama, saya minta soalan dari Jawi dulu.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya, soalan nombor 5.

No. 5. Kebelakangan ini kita selalu menghadapi masalah berkaitan pencemaran alam sekitar. Apakah langkah-langkah dan Undang-undang untuk kawalan pelupusan atau pembuangan sampah secara haram.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) :

Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih pada Ahli dan rakan saya daripada Jawi, yang juga tanya soalan yang hampir sama berkenaan masalah berkaitan pencemaran alam sekitar, di mana apakah langkah-langkah dan Undang-undang untuk kawalan pelupusan atau pembuangan sampah secara haram. Saya ulangi tadi apa yang saya nyatakan, tetapi saya

teruskan dengan jawapan di mana Dato' Speaker, pencemaran alam sekitar berkaitan pelupusan sampah adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh PBT bagi mengawal pelupusan dan pembuangan sampah secara haram adalah seperti berikut :

- (i) Membuat siasatan di lokasi sampah haram dengan mencari bil serta alamat surat-menyurat yang dibuang dan kompaun dikeluarkan berdasarkan alamat pesalah;
- (ii) Mengeluarkan pemberitahuan tentang kesalahan ke atas individu atau syarikat yang dikenal pasti melakukan pembuangan sampah haram;
- (iii) Mengambil tindakan untuk memberhentikan dan menghapuskan segala kacau ganggu terhadap pemunya tanah dan pemilik berdaftar kenderaan yang membuang sampah;
- (iv) Memasang *portable* CCTV di kawasan *hotspot* bagi memantau dan mengawal kegiatan pembuangan sampah secara haram;
- (v) Menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah dan Tanah dan Jabatan Pengairan & Saliran bagi menangani masalah pembuangan sampah haram di tanah milik kerajaan atau rezab sungai;
- (vi) Menuntut kos pembersihan yang dilakukan oleh PBT ke atas pihak yang melakukan kesalahan tersebut.

Peruntukan undang-undang bagi mengawal pembuangan sampah secara haram adalah seperti berikut. Dato' Speaker;

- (i) Seksyen 46 dan 47 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi kesalahan meletakkan barangan di tempat awam ataupun menyebabkan halangan;
- (ii) Seksyen 80 dan 82 Akta Kerajaan Tempatan 1976 bagi kesalahan kacau ganggu;
- (iii) Seksyen 70A Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi kesalahan kerja tanah; dan
- (iv) Undang-undang kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-sampah sarap MPSP 1994.

Sekian, Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Soalan tambahan. Terima kasih Datok Keramat. Soalan tambahan saya adalah apakah status terkini, berkaitan dengan *illegal dumping* yang telah berlaku di sebelah E&O Hotel pada minggu yang lalu. Dan soalan yang kedua, adalah adakah Jabatan Alam Sekitar boleh mengambil tindakan sekiranya ada pembakaran haram di satu lot ataupun di sesuatu kawasan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih kepada rakan saya daripada Jawi. Berkenaan kes-kes di mana ada aktiviti pembakaran haram sememangnya, Jabatan Alam Sekitar boleh mengambil tindakan dan sememangnya telahpun untuk kes-kes tertentu telah diambil tindakan. Yang berkenaan soalan yang pertama, yang ditanya tentang kes pembuangan sampah yang menjadi viral di tepi E&O iaitu di Penang Bowl baru-baru ini yang telah saya pun bangkitkan di media masa.

Sememangnya pada tarikh tersebut, MBPP telah pun membuat satu laporan polis dan saya telahpun menyatakan kepada MBPP supaya tindakan tegas diambil, di mana untuk makluman Dewan yang mulia ini, ada beberapa akta yang wujud berkenaan pembuangan sampah ataupun sisa-sisa kepada laut ataupun sungai, di bawah beberapa akta. Antara lain

dia adalah Akta Kerajaan Tempatan dan juga Akta Kualiti Alam Sekitar or *Environmental Quality Act*.

Dan di dalam Akta-Akta ini, beberapa hukuman diperuntukkan di mana antara lainnya secara am, hukuman denda yang terendah ialah RM1,000.00 sehingga RM500,000.00 *that is* hukuman denda. Untuk hukuman penjara juga ada, di mana ia adalah antara 1 tahun sehingga 5 tahun. Dan saya sememangnya seperti mana jawapan saya untuk soalan terdahulu, sememangnya kita tegas. Kerajaan Negeri ini tidak akan menerima sebarang aktiviti haram sebegini dan kita lihat Dato' Speaker, sekarang di Jelutong iaitu di *dumpsite* Jelutong, kita lihat ia telah sudah hampir sampai ke kemuncaknya iaitu *almost capacity*. Ada beberapa zon di Jelutong dan antara lima (5) zon yang ada di Jelutong, empat (4) telah ditutup. Ada lagi satu yang masih buka untuk sisa-sisa C&D tetapi kita lihat mereka masih degil walaupun ada tempat di sini, walaupun kita sekarang sedang berusaha untuk membuat satu lagi tempat pembuangan sisa di bahagian Seberang, di Pulau masih ada satu tempat di Jelutong yang kita *reserved* untuk sisa-sisa C&D ini tetapi mereka masih buang di tempat-tempat yang tidak dibenarkan. Jadi saya telah minta pihak Polis untuk siasat. Saya telah minta pihak JPJ juga untuk siasat kerana kes viral ini nasib baik ada CCTV. Ini CCTV bukan CCTV kita walaupun kita ada hampir 1000 lebih CCTV yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di seluruh Pulau Pinang iaitu di Pulau dan di Seberang tetapi nasib baik kebetulannya, di Penang Bowl apabila ia buat sebegini ada satu orang awam yang ambil video kejadian tersebut. Jadi kita sudah tahu, siapa yang buat itu dan saya pohon supaya pihak Polis dapat siasat dengan secepat mungkin.

Tapi berbalik kepada soalan Jawi, apakah status kes tersebut, untuk makluman semua, saya dimaklumkan walaupun Polis *report* dilakukan, saya difahamkan oleh pihak MBPP bahawasanya ia telah dirujuk ke pihak Jabatan Alam Sekitar kerana sepertimana saya nyatakan tadi Dato' Speaker, ada beberapa akta yang memperuntukkan hukuman terhadap aktiviti sedemikian dan saya percaya mungkin siasatan *preliminary* mereka menyatakan supaya Jabatan Alam Sekitar siasat. Dan saya haraplah kalau ada pihak Jabatan Alam Sekitar di sini, siasat dengan cepat. Jangan melengah lagi, saya nak mereka dihadapkan ke mahkamah. Hukuman mesti diambil terhadap orang-orang yang degil sedemikian supaya ia adalah satu contoh supaya orang lain tidak mengulangi perkara tersebut, Dato' *Speaker*. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Soalan tambahan. Terima kasih, Dato' *Speaker*. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Datok Keramat, adakah YB. Datok Keramat bersetuju bahawa lemahnya tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan Alam Sekitar adalah punca kenapa kes-kes pencemaran alam seperti mereka yang membuang barangan terlarang di tanah ataupun pencemaran pembakaran haram semakin berleluasa. Kenapa saya kata begitu? Sebab kita lihat Seksyen 24, Sekatan Mengenai Pencemaran Tanah Tanih, denda maksimumnya adalah RM100,000 denda maksimumnya adalah lima tahun. Pembakaran haram, Seksyen 29A, denda maksima RM500,000 penjara maksima lima (5) tahun tetapi apa yang kita sering lihat adalah Jabatan Alam Sekitar lebih gemar mengeluarkan kompaun daripada membawa mereka-mereka yang bersalah ini ke muka pengadilan, ke mahkamah untuk diambil tindakan yang lebih tegas. Adakah YB. Datok Keramat bersetuju bahawa JAS adalah lemah dalam penguatkuasaan dan itu telah menyebabkan kes-kes sebegini semakin meningkat. Terima kasih Dato' *Speaker*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih rakan saya daripada Bagan Dalam. Saya tak mau kata sama ada mereka lemah atau tidak dalam tindakan mereka tapi apa yang saya hendak sarankan daripada pihak Barisan Kerajaan adalah kita pertingkatkan tindakan kita. Apa yang kita ada sekarang,

tingkatkan dan bukan saja Jabatan Alam Sekitar, saya kata pada JPJ, saya kata kepada Polis, semua agensi-agensi penguatkuasa, tingkatkan tindakan penguatkuasaan kita, betul atau tidak? Mereka keluarga kita jadi jangan kita tunding jari kata mereka lemah dan sebagainya. Bukan senang, *they don't have manpower maybe but we have to look into how they can increase and enhance*, Dato' Speaker....(dengan izin), sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Soalan seterusnya, Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan no. 6.

- No. 6. Apakah langkah-langkah susulan Kerajaan Negeri untuk menyokong usaha Penanti membangunkan Pusat *Foodbank* Komuniti Teknologi *Retort* untuk selamatkan makanan masak yang belum dimakan dari dewan dan hotel-hotel yang masih baik dari dibuang dan makanan mentah (daging korban, kambing, ayam) untuk dijadikan *foodbank* makanan-siap-dimakan (*Ready-to-Eat Meal*) tanpa pengawet atau masuk peti sejuk?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih Dato' Speaker, izinkan saya menjawab soalan nombor enam. Program Mutiara *Foodbank* adalah satu inisiatif kesinambungan untuk program-program kebajikan kepada rakyat Pulau Pinang iaitu kata Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) dan Program iSejahtera yang telah memberikan impak yang tinggi di kalangan rakyat. Konsep program ini adalah untuk menyelamatkan lebih makanan yang masih berkualiti dan tidak tercemar seperti makanan bermasak, makanan mentah, makanan kering, makanan dalam tin atau makan pra-peka hasil sumbangan daripada *hypermarket*, pasar raya, hotel, restoran, pasar borong basah dan kering serta syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan makanan.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah unit iaitu Unit Mutiara *Foodbank* yang bertanggungjawab untuk mengelolakan ini, mempunyai kakitangan seramai lapan orang pekerja yang beroperasi di Kompleks Masyarakat Penyayang dengan kemudahan pejabat dan dapur. Unit ini akan menyelaras dan bekerjasama dengan pelbagai agensi/syarikat/individu yang berminat untuk menjadi penyumbang termasuk hotel dan penguasaha restoran. Selain itu, Persatuan Hotel Pulau Pinang dan Persatuan Chef Pulau Pinang telah menandatangani *Memorandum of Understanding* (MoU) bersama Kerajaan Negeri dan bersetuju untuk menjadi rakan strategik kepada unit ini bagi menjamin keselamatan makanan. Setakat ini, Mutiara *Foodbank* telah mengadakan beberapa usahasama dengan kedua-dua persatuan ini dalam menjayakan beberapa program kebajikan.

Mutiara *Foodbank* turut mempunyai prosedur operasi standard (SOP) tersendiri bermula dari kutipan bahan makanan, penerimaan dan pelupusan bekalan makanan, pengkelasan makanan, penyimpanan bekalan makanan sehingga ke pengagihan makanan kepada kumpulan sasar di KADUN-KADUN dan penyelaras KADUN kesemuanya mematuhi prosedur yang sangat teliti. Mutiara *Foodbank* telah menyiapkan *Central Kitchen* dan *Cold Room* di Kompleks Masyarakat Penyayang yang mampu menampung jumlah lebih makanan sejuk beku dari seluruh Negeri Pulau Pinang. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri berpandangan bahawanya penubuhan Unit Mutiara *Foodbank* adalah memadai untuk menguruskan keseluruhan pelaksanaan program *foodbank* agar mudah untuk diurus dan berpusat pada satu unit sahaja.

Cadangan untuk menubuhkan sebuah lagi *foodbank* atau Pusat *Foodbank* Komuniti Teknologi *Retort* ini perlu dikaji dengan teliti dari pelbagai aspek terutamanya implikasi jenis makanan. Manakala bagi cadangan menggunakan teknologi *retort*, Kerajaan Negeri

berpandangan bahawa teknologi ini masih belum sesuai untuk dipraktikkan oleh Mutiara *Foodbank* disebabkan perkara-perkara berikut:

- (a) Bekalan makanan bermasak masih belum mencukupi kerana ianya memerlukan jumlah bekalan yang tinggi sekiranya teknologi *retort* digunapakai. Bekalan makanan yang bermasak berkemungkinan mengakibatkan masalah berlakunya makanan terlebih masak (*overcooked*). *Retort pouch* yang digunakan mestilah dapat dalam lingkungan tekanan (*pressure*) 2psi dan suhu kepanasan yang mencukupi untuk menghapuskan bakteria dengan 121 darjah Celsius dalam tempoh 30 minit. Namun terdapat kemungkinan berlakunya keracunan makanan atas sebab bakteria khas yang tidak didapati semasa makanan tersebut dipanaskan. Tambahan pula, makanan yang dipanaskan dalam *retort pouch* itu tidak boleh bertulang atau berduri bagi mengelakkan kebocoran yang akan mengakibatkan bakteria tidak dapat dihapuskan.
- (b) Makanan yang melalui proses *retort* ini perlu dipantau dan disahkan selamat oleh pakar yang terlatih (*food tech*) yang berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Mutiara *Foodbank* memang sedia berkolaborasi bersama dengan YB. ADUN dan NGO memperkasakan lagi program *foodbank* di Negeri Pulau Pinang pada masa akan datang. Kajian dan penelitian perlu dilaksanakan sebelum perkara ini dimuktamadkan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan. Jadi dari jawapan dari kerajaan maknanya Kerajaan Negeri tidak menyokong usaha yang dilakukan oleh Penanti. Saya nak tanya soalan, untuk bulan Ramadan ini, kita akan memulakan *pilot run* ataupun bersama dengan hotel dan juga, ini di bawah projek perintis, di bawah Jabatan Agama Islam untuk *foodbank* halal dan juga bersama dengan Pejabat Kesihatan dan semua sample-sample makanan, sebab ini adalah *pilot run*, dan makanan yang akan difokuskan di sini ialah kambing, ayam, daging dan team penguatkuasaan kesihatan, kami telah bersetuju dan mereka akan menguji makanan yang telah diretort setiap hari di makmal di Butterworth, *food safety*. Ini yang telah dipersetujui dan kita buat ini bersama mungkin Kerajaan Negeri tidak memberi sokongan di bawah Mutiara *Foodbank* tetapi projek ini dilakukan bersama dengan Yayasan *Foodbank* Negara, di bawah menteri dan ada juga JAKIM dan Jabatan Agama Islam dan Pejabat Kesihatan. Jadi...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penanti, soalan?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalannya, langkah-langkah Kerajaan Negeri itu maknanya tidak menyokong, jadi saya nak tanya soalan lainlah, soalan yang berkenaan. Bagi pihak hotel, hotel yang akan bersama kita, yang telah bersetuju ialah Hotel The Light dan mereka sebagai *vice chairman*, Persatuan Hotel Pulau Pinang, dia telah tanya sama ada dan juga *chairman*, Encik Azhar, mereka juga tanya, bolehkah kutipan fi RM3.00 yang dikutip oleh hotel untuk penginap hotel digunakan oleh hotel yang ingin menurut serta dalam *foodbank ready-to-eat meal* ini digunakan sebagai insentif untuk *packaging* mempromosikan makanan-makanan terutamanya di Seberang Perai, 1,200 tan makanan sehari yang dibuang ataupun *I mean*, 1,200 tan *waste* dan *I think* sekurang-kurangnya 40% adalah *food waste*. Jadi sebab projek ini dibuat di Seberang Perai, mereka tanya boleh ke kutipan fi RM3.00 yang dibayar penginap hotel itu digunakan sebagai insentif selepas...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey YB.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Selepas tempoh *pilot run* ini habis sebulan dalam waktu bulan Ramadan ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, memang nombor satu, saya ingin bahawa Yang Berhormat daripada Penanti menarik balik kenyataan bahawa Kerajaan Negeri tidak sokong. Kerana sehingga hari ini, tidak ada sebarang surat atau *working paper* yang diserahkan kepada pejabat saya. Ada atau tidak? Kalau tidak macam mana kata *you* telah memohon daripada Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tak, saya *base on* jawapan tadi.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

No. I respect you, saya hormat kepada anda. *I answer you*, ada atau tidak ada hantar surat dengan *working paper* kepada pejabat saya untuk wujudkan ini? Ada atau tidak ada?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Halal *Foodbank* projek saya buat dengan Jabatan Agama Islam.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tapi Mutiara *Foodbank* ada di Negeri Pulau Pinang, jika nak menggunakan nama, jenama Mutiara *Foodbank*, harus dapatkan...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Tak guna jenama Mutiara *Foodbank* pun, *this is our initiatives under Yayasan Foodbank*...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu dan Penanti.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau *you* punya *initiatives*, jangan tuduh bahawa Kerajaan Negeri tidak bagi sokongan apabila anda tidak memohon, tidak *submit working paper*, harusnya pergi Menteri pergi sana dan dah tekan sama saya untuk ujar *where is your show of respect?* Apakah anda buat? Saya nak tau...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu dalam soalan ini jawab saja. Jawab.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang ini tuduhan. Kedua...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Buat penjelasan saja.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya telah bagi penjelasan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan naik angin.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Penjelasan bahawa...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagi soalan, jawapan yang jelas pun didengar, sudah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Okey. Anda tidak mohon daripada Kerajaan Negeri. Jangan buat tuduhan bahawa Kerajaan Negeri tak sokong. Saya kata hendak buat kajian dan ditelitikan. Sebagai seorang yang dipanggil Yang Berhormat, mesti dia hormat dengan apa kisah benar sahaja. Jangan *mislead*...(dengan izin).

Yang Berhormat Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Saya memang sebut *pilot run*. *It's a pilot run*...(dengan izin) *its a kajian*.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Duduk dulu...duduk dulu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk tak duduk, itu saya yang putuskan. Sila, Ahli Kawasan Sungai Puyu dan Ahli Kawasan Penanti, soalan sudah ditanya, didengar oleh Dewan, saya nak dengar jawapan sahaja dan saya tak mahu perkara begini berlaku. Sila Ahli Kawasan Sungai Puyu bagi jawapan ringkas, padat, jelas, sudah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Yang Berhormat Dato' Speaker, iaitu kata dasar SOP, *Mutiara Food Bank* adalah dengan segeranya makanan yang dikutip terus dengan serah agihannya. Jika *retort pouch* adalah *soft can*, *soft can* adalah untuk barang simpanan untuk *marketing* dan juga ini. Kalau tak tau, ini ada *retort pouch*. Ini ada. Ini bukan teknologi yang baru. Teknologi ini telah lebih kurang 20 tahun iaitu kata setiap bungkusan tidak serupa khasnya saya nak bagi dalam *retort pouch* yang apa penting sekali yang dibagi laporan World Health Organization pada 10 Januari 2018, *key facts* iaitu kalau *botulism* amat bahaya. *Home made can preserve of fermented food are common source of food botulism and preparation requires extra caution. Extra caution, there's a reason why you need a food pack*...(dengan izin). *Food pack* yang faham iaitu kata barangan yang disimpan di sini, daging dan *seafood* itu tidak serupa.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Sungai Puyu, *hold a minute*. Saya dengar soalan "Adakah RM3 yang dikutip oleh hotel itu boleh dikecualikan?". Jawab yang itu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Itu bukan saya punya pintu. *She knocked at the wrong door*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Kalau jawapan yang itu pun, itu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Iaitu kata ini adalah berkenaan dengan *hotel fees* adalah dengan *tourism*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okay nanti *tourism* bila penggulungan, tolong. Sila Ahli Kawasan Sungai Puyu ada jawapan lagi?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Kalau nak jawapan banyak panjang, kalau bagi keterangan. (Ahli Dewan ketawa).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila. Ahli Kawasan Sungai Puyu, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

laitu kata *what is the combination of the retort pouch? Do you know the combination?* Nak buat ni *pouch* punya jam, dia kena tau....(gangguan).

Yang Berhormat Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Boleh saya jawab tak soalan ni?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak payah jawab.

Yang Berhormat Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Atau pun.. *what he is trying to do?*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Sungai Puyu dan Ahli Kawasan Penanti, sila duduk. Dipersilakan Yang Berhormat Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua, soalan Pengkalan Kota, soalan No.7.

No. 7. Memandangkan pengusaha hotel di Pulau Pinang dikenakan Fi Kerajaan Tempatan, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan Fi Kerajaan Tempatan terhadap pengusaha penginapan Airbnb?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan dan juga Yang Berhormat Pengkalan Kota. Mengenai kutipan Fi Kerajaan Tempatan yang sekarang dikenali sebagai Fi Hotel dilaksanakan sejak tahun 2014 melalui Kerajaan Tempatan iaitu MPSP dan juga MBPP. Buat masa kini, Pihak Berkuasa Tempatan hanya mengutip Fi ini daripada pemegang lesen hotel yang sah mengikut Undang-Undang Kecil Hotel. Bagi pengusaha penginapan Airbnb, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak melesenkan aktiviti berkenaan kerana premis yang digunakan untuk Airbnb kebanyakan adalah berstatus rumah kediaman yang tidak dibenarkan untuk aktiviti perniagaan.

Kerajaan Negeri melalui pejabat saya juga membangkitkan isu Airbnb ini dengan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia dan dimaklumkan bahawa perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian Pelancongan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di peringkat pusat mengenai status undang-undang Airbnb di Malaysia. Daripada maklumat yang diterima oleh pejabat saya, Kerajaan Persekutuan melalui Malaysia Productivity Corporation sedang menyediakan rangka kerja bagi mengawal selia aktiviti Airbnb. Menurut laporan media, rangka kerja ini akan dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan untuk diluluskan pada masa terdekat. Bagi negeri peringkat Pulau Pinang, pejabat saya juga pada masa yang sama sedang mengkaji peraturan Kerajaan Tempatan supaya seiring dengan pelaksanaan sistem tersebut pada peringkat negeri. Pejabat saya akan mendapat kerjasama daripada Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menjalankan kajian dan mengguna pakai rangka kerja ini selaras dengan keadaan atau situasi di Negeri Pulau Pinang. Ini akan memastikan tiada percanggahan polisi Kerajaan Negeri dengan polisi Kerajaan Persekutuan. Ini juga untuk memastikan pada masa yang sama Kerajaan Negeri dapat mengkaji sistem untuk melaksanakan Fi Kerajaan Tempatan atau Hotel Fi ini untuk pengusaha Airbnb.

Sebagai satu pejabat yang proaktif, pejabat saya juga telah mengambil inisiatif dengan sendiri dengan mengkaji keadaan undang-undang di luar negara. Daripada kajian pejabat saya, di Singapura, Urban Redevelopment Authority (URA) di Singapura telah mencadangkan supaya membenarkan pemilik rumah persendirian untuk melepaskan harta mereka secara penyewaan jangka pendek dengan menghadkan 90 hari setahun. *90 days per year*. Cadangan ini adalah selaras dengan langkah-langkah yang diperkenalkan oleh bandar-bandar seperti Paris, London dan Amsterdam. Cadangan penghunian satu (1) unit maksimum enam (6) orang untuk satu (1) masa. Ini adalah cadangan oleh URA di Singapura. URA juga mencadangkan untuk *non strata title properties*, pemilik mesti menghantar permohonan kepada URA untuk didaftarkan sebagai *short term accommodation* tertakluk kepada syarat-syarat yang diketengahkan. Bagi *strata title properties*, seperti pangsapuri dan kondominium adalah perlu untuk mendapatkan pandangan semua pemilik *strata title property*...(dengan izin).

Dengan ini, Singapore Urban Redevelopment Authority (URA) mencadangkan pemilik pangsapuri yang ingin menyewakan harta mereka untuk penginapan jangka pendek sebagai Airbnb boleh berbuat demikian jikalau mereka mendapat sekurang-kurangnya 80% persetujuan daripada keseluruhan pemilik hartanah tersebut untuk penyewaan tersebut. Di London, pada tahun 2017 satu undang-undang baru telah diperkenalkan untuk pemilik rumah di kawasan Greater London supaya menghadkan juga 90 hari atas penyewaan jangka pendek. Ini bermakna hartanah tersebut tidak boleh disewa melalui Airbnb lebih daripada 90 hari setahun. Airbnb secara automatic akan menutup tempahan atas hartanah pemilik tersebut.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis jawapan?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Nanti ya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak ada jawapan lagi?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Ada, ada lagi. Di Catalonia iaitu Barcelona, Spain, denda juga akan dikenakan ke atas Airbnb yang tidak ada lesen untuk operasi. Maksimum denda boleh dikenakan maksimum 30,000 euro atas tuan rumah dan di Jepun juga, Jepun telah memperkenalkan satu undang-undang dikenali sebagai Minpaku Law untuk mengawal selia konsel rumah iaitu Airbnb juga dengan menghadkan penyewaan Airbnb kepada 180 hari setahun dan kesemua hartanah Airbnb ini juga perlu didaftarkan dan mesti mendapat lesen untuk operasi.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang diberikan. Jawapan yang amat teliti diberikan oleh Yang Berhormat Paya Terubong. Berhubung dengan isu Airbnb ini, kita sedia maklum kesenangannya dibawa oleh Airbnb ini di mana ia menawarkan lokasi yang menarik dengan harga yang berpatutan tapi pada masa yang sama kita turut menerima maklum balas khususnya daripada pengusaha hotel yang mengalami kemerosotan perniagaan sehubungan dengan peningkatan Airbnb ini dan juga kita juga menerima rungutan daripada khususnya JMB ataupun perbadanan pengurusan (MC) di mana di antara penduduk yang telah mengguna rumah kediaman untuk dijadikan sebagai Airbnb ini. Jadi dia sememangnya ada pro dan cons nya lah.

Jadi soalan saya adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk berjumpa atau pun membuat sesi *engagement* secara langsung dengan Syarikat Airbnb agar kita dapat membincangkan masalah-masalah yang dibawa khususnya dengan isu Airbnb ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Ya, saya memang setuju Yang Berhormat Pengkalan Kota bahawa Airbnb ini mempunyai *pro and cons*. Sebagai EXCO Pelancongan, saya juga ada menerima aduan daripada industri hotel bahawa Airbnb ini memang merupakan satu *threat* kepada industri hotel yang telah mengurangkan perniagaan hotel nya dan juga menimbulkan isu-isu sosial kepada kawasan perumahan tempatan dan untuk makluman Yang Berhormat, pejabat saya telah pernah melalui PGT mengadakan satu *engagement* dengan Airbnb dan Airbnb dengan bersedia dan mereka *willing, they are willing to cooperate with the government to be register....*(dengan izin), untuk didaftarkan dan untuk pendaftaran ini seperti yang saya menyebut tadi, kita masih menunggu rangka kerja daripada Kerajaan Persekutuan dan di Peringkat Kerajaan Negeri, saya memang berpandangan bahawa aktiviti Airbnb ini mesti dikawal selia.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Yang Berhormat Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan, *since*..EXCO Pelancongan ada di sini. Soalan saya macam saya kata tadi, kita kan nak cuba selamatkan 1,200 tan sehari makanan daripada dibuang. Jadi, bolehkah insentif ini sebab katakan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti..nanti. Dengar saya. Soalan pokok faham tak?

Yang Berhormat Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela binti Ariffin):

Ya. Soalan FI Kerajaan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Airbnb.

Yang Berhormat Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Yes. Tapi dia juga soalan tambahan untuk Fi Kerajaan Tempatan yang dikutip RM3 tu. Bolehkah ia juga untuk sebagai insentif kepada hotel sekiranya *pilot run* dengan semua ujian makmal dan semua memang *food technology* akan membuat *retort process* tu semua setiap hari di hotel, bolehkah fi ini digunakan untuk bagi insentif kepada hotel sebagai *branding, good will you know good will* untuk menyelamatkan makanan menggunakan *retort technology* ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey. Soalan jelas.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Saya boleh menjawab soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Penanti, hotel Fi ini ditubuhkan untuk bertujuan hanya untuk pelancongan sahaja. Lain-lain tujuan tidak akan diambil kira, tidak akan dipertimbangkan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okay. Saya nak jemput Ahli Kawasan Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Soalan saya No. 8.

No. 8. Sila nyatakan status proses bagi menyelaraskan pemberian kuasa lucut hak kenderaan terbiar kepada seseorang Datuk Bandar mengikut pada pindaan Akta JPJ 1987.

- (a) Adakah kedua-dua PBT telah bersedia untuk membuat penambahbaikan SOP pelupusan ini selaras dengan keputusan Kabinet baru-baru ini?
- (b) Berikan jumlah kereta terbiar di PBT dalam senarai untuk pelupusan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih rakan saya daripada Batu Uban yang bertanyakan tentang proses pemberian kuasa lucut kenderaan terbiar kepada seseorang Datuk Bandar mengikut Akta JPJ 1987. Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Pindaan Seksyen 65 Akta Pengangkutan Jalan 1987 melalui Akta E1585 iaitu Pindaan 2019 telah dibuat baru-baru ini yang memberi kuasa kepada Datuk Bandar atau pun Yang di-Pertua Pihak Berkuasa Tempatan melalui warden lalulintas untuk mengalih kenderaan terbiar. Walau bagaimanapun, kaedah serta garis panduan melucut hak kenderaan masih di peringkat penelitian Kementerian Pengangkutan.

Kedua-dua PBT iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bersedia untuk membuat penambahbaikan Standard Operating Procedure (SOP) pelupusan selaras dengan keputusan Kabinet nanti. Sehingga Mac 2019, senarai kereta terbiar di PBT yang dalam senarai untuk pelupusan berjumlah 304 buah kereta masing-masing 187 di MBPP dan 117 di MPSP. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Soalan tambahan, terima kasih Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Datok Keramat soalan tambahan saya adakah bangunan-bangunan strata JMB dan MC perlu membuat laporan Polis sebelum memohon PBT untuk membuat pelupusan kerana sekarang kita melihat banyak kawasan-kawasan yang terutamanya bangunan strata yang banyak kereta-kereta yang terbiar terdapat di kawasan tersebut dan apakah prosedur baru yang digunakan bagi memudahkan cara untuk pelupusan kereta itu dibuat dan kedua adakah PBT mempunyai perancangan untuk tapak baru depoh. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) :

Dato' Speaker, terima kasih pada rakan saya dari Batu Uban atas soalan tambahan tersebut. Untuk tindakan diambil terhadap kereta-kereta terbiar tidak semestinya laporan Polis dibuat tetapi satu laporan terus kepada PBT boleh dibuat cuma apabila ini berlaku ada prosedur yang begitu remeh yang perlu diambil yang menyebabkan pindaan berlaku kepada Akta di tahap pusat. Dato' Speaker, *many people are involve* ada pemilik kereta, ada JPJ, ada Pihak Polis. Kereta itu mungkin terlibat dalam jenayah, kereta itu dari segi JPJ mungkin terlibat dari dalam segi kesalahan dari segi trafik dan juga dari segi pemilikan, jadi itu yang menyebabkan prosedur dia begitu panjang lebar dan kita di peringkat Negeri pun sudah banyak mesyuarat diadakan oleh saya sendiri *I think* mungkin Batu Uban *happen to be present in one of the meeting, several community one of the community is that we are discussing* bagaimana kita nak turun kuasa kepada Warden Lalu Lintas supaya ambil tindakan lebih cepat cuma di peringkat ini walaupun itu telah diperuntukan secara pindaan di peringkat pusat garis panduan belum dimuktamadkan lagi jadi kita tunggu itu supaya berlalu.

Berkenaan dengan apa yang perlu dibuat oleh Pihak JMB yang dinyatakan tadi sememangnya saya pun di peringkat Kerajaan Negeri telah pun menerima banyak laporan dan aduan daripada JMB-JMB dan MC-MC berkenaan kereta-kereta yang terbiar, di mana tindakan perlu diambil dan *of course* kita telah panjangkan kepada pihak kedua-dua PBT tapi hakikat dia Dato' Speaker untuk makluman kebanyakan depo-depo kita untuk meletakkan kereta-kereta usang dan terbiar ini semua hampir penuh dan *we having another problem although enforcement is one issue the others problem is where do we place all this abandoned*

car but balik kepada Batu Uban kita sedang bincang dengan Kementerian supaya cepatkan permuktamadan garis panduan tersebut supaya tindakan boleh diambil dengan cepat. Sekian.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya nak jemput Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya nombor 9.

No. 9. Berapakah jumlah penawaran kerja dalam sektor industri di Pulau Pinang dan berapa pula jumlah pekerja industri yang diberhentikan pada tahun 2019?

(a) Jelaskan langkah-langkah yang diambil bagi membantu mereka yang telah diberhentikan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Speaker, terima kasih kepada ADUN Bayan Lepas. Berdasarkan data yang diperolehi daripada Penang Career Assistance and Talent Centre, sehingga 15 April 2019 terdapat sebanyak 3,151 kekosongan jawatan di Pulau Pinang termasuk sektor industri manakala jumlah pekerja industri yang diberhentikan berdasarkan statistik daripada Jabatan Tenaga Kerja sehingga Mac 2019 adalah seramai 400 orang pekerja. Oleh itu 400 orang pekerja ini jika masih berminat tidak menghadapi sebarang masalah untuk bekerja semula.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan adalah pelbagai, cuma hendak saya nyatakan adalah yang terdapat yang lebih konkrit. Bekerjasama dengan agensi-agensi lain melalui *investPenang* untuk meneruskan usaha mempromosi dan menarik pelaburan sama ada pelaburan baru, penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan industri kecil dan sederhana tempatan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pekerja yang hilang pekerjaan mempunyai potensi untuk ditawarkan pekerjaan.

Kedua, mempelbagaikan pelaburan dalam sektor *Global Business Services* (GBS) supaya peluang pekerjaan dapat ditingkatkan dalam bidang kewangan, teknologi maklumat, seni kreatif, perisian dan sumber manusia selain daripada sektor pembuatan, pendidikan dan pelancongan perubatan (*medical tourism*).

Ketiga, menggalakkan sektor keusahawanan melalui program sokongan untuk startup dan memberi bantuan melalui projek @CAT (*Accelerator for Creative, Analytics & Technology*) untuk meningkatkan peluang pekerjaan. CAT @CAT berfungsi mempercepatkan penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat baharu kreatif berasaskan teknologi, memupuk bakat-bakat baharu dalam bidang *cloud computing*, aplikasi teknologi, *Big Data Analytics* dan *Internet Of Things*.

Keempat, membantu semua golongan graduan yang menganggur, pekerja yang diberhentikan kerja dan pekerja baharu dengan menjalankan pepadanan jawatan bersesuaian apabila menerima permintaan yang dikemukakan oleh majikan melalui Pusat CAT. Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga Mac 2019, seramai 10,000 orang hampir 11,000 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 6,490 pepadanan jawatan telah dijalankan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Perai. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 10.

No. 10. Apakah status terkini *Penang Art District*?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Air Itam, untuk soalan 10 ini tapak projek pembanguna *Penang Art District* (PAD) terletak di antara Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu dan Gat Lebu Macallum. Projek ini telah mendapat kelulusan pelan bangunan daripada Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Pada masa ini, projek PAD sedang menunggu pengesahan status projek laluan *Light Rail Transit* (LRT) yang melalui tapak projek cadangan tersebut. Berikutan itu, projek PAD hanya boleh dimulakan sebaik sahaja pembinaan tiang dan trek LRT selesai sepenuhnya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Soalan tambahan. Memandangkan soalan ini berkenaan dengan *Penang Art District* yang akan dibina di kawasan Pengkalan Kota, buat masa kini kami mengambil maklum jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Paya Terubong tentang isu laluan LRT sebelum kita dapat memuktamadkan pembinaan *Penang Art District* ini. Jadi buat masa kini adakah Kerajaan Negeri mencadangkan supaya kita boleh menggunakan bangunan-bangunan milikan Kerajaan Negeri ataupun di bawah Pihak Berkuasa Tempatan untuk dijadikan tempat untuk *Penang Art District* terlebih dahulu memandangkan kebanyakan konsep saya percaya telah pun dimuktamadkan khususnya untuk penubuhan *Penang Art District* ini jadi adakah mungkin kita boleh mempertimbangkan supaya kita menggunakan bangunan yang sedia ada untuk menjalankan *Penang Art District* terlebih dahulu sebelum kita meneruskan pembinaan bangunan baru untuk tujuan *Penang Art District*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Pandangan ini boleh dikaji sekiranya mempunyai bangunan lama yang *available*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh lagi, silakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Dato' Speaker.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pendekkan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Okey. Terima kasih Yang Berhormat Paya Terubong, berkenaan dengan *Penang Art District* saya pun telah tanyakan soalan bertulis Yang Berhormat telah menjawab Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Seberang Perai akan bekerjasama dengan untuk membangunkan *Butterworth Art District* di Seberang Perai pula, so, pertanyaan saya, adakah apa-apa geran tetap akan disalurkan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk meningkatkan aktiviti berhubung kait *art* atau budaya atau kesenian di kawasan Butterworth, geran tahunan tetap. Terima kasih Yang di-Pertua.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Grant tahun depan akan dikaji dalam peruntukan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih kepada Paya Terubong. Ahli-Ahli Yang Berhormat, satu jam tiga puluh minit untuk soalan lisan telah pun tamat selaras dengan sub peraturan 26(7) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletakkan di atas meja Ahli-Ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

Satu perkara lagi Dato' Yang di-Pertua, selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini 29 April, Isnin dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat ada sokongan?

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah pun mengemukakan usul di bawah peraturan 6A (1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini 29 April 2019 hari Isnin sehingga jam 10.00 malam. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Sebulat suara usul dipersetujui.

Setiausaha Dewan:

Usul daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan bahawa kami Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Pulau Pinang Yang di-pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenankan melafaskan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang ke-14 pada 26hb April 2019.

Terima Kasih Dato' Speaker, Dato' Speaker sesi sidang ini kali ini merupakan satu sesi yang cukup penting kerana kita sudah hampir satu tahun selepas pilihanraya PRU-14 di mana kita telah pun menang, Pakatan Harapan bukan sahaja di peringkat Negeri tetapi juga di peringkat Nasional dan untuk sesi sidang ini saya juga berpendapat bahawa ia cukup bermakna sebab ia juga merupakan ulangtahun hampir satu tahun sejak Y.A.B. Padang Kota dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang ke-5 untuk Pulau Pinang dan apabila beliau dilantik pada 15hb Mei tahun lepas.

Jadi saya sudah percaya sudah tentu kali ini dalam Dewan yang mulia ini disebabkan signifikansi satu tahun ulang tahun ini maka kita akan mendapat satu perbahasan yang meriah daripada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri serta akan juga mendengar daripada pihak

Kerajaan Negeri apakah rancangan mereka untuk Pulau Pinang dan juga pencapaian Kerajaan Pulau Pinang dalam tahun kebelakangan satu tahun ini.

Dato' Speaker, memang Pulau Pinang merupakan satu negeri yang *vibrant*, dan dalam ucapan T.Y.T, beliau telah pun menggariskan secara luas dasar-dasar kerajaan, rancangan-rancangan dan pelbagai lagi isu-isu kerajaan termasuk pencapaian kerajaan daripada belanjawan berhemah, prestasi ekonomi negeri, pelancongan, pengangkutan awam, projek-projek infrastruktur awam, pertanian, perumahan, sukan dan belia dan banyak lagi sektor-sektor lain Dato' Speaker. Dalam mukadimah ucapannya, Yang di-Pertua Terutama telah bermula dengan memuji, memuji dan saya juga di sini dan saya juga percaya bersama-sama semua ahli dalam Dewan yang mulia ini turut bersetuju sepenuhnya prestasi cemerlang pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan barisan EXCO di bawah pimpinan Y.A.B. Padang Kota. Saya sepenuhnya juga menyokong visi Penang 2030, Y.A.B Padang Kota untuk membangunkan negara negeri kita berteraskan *A Family Focus Green And Smart State That Inspires The Nation*.

10 tahun sebelum ini Dato' Speaker, pembangunan negeri kita berteras kepada dan dipandu oleh prinsip CAT yang dimulai oleh Y.A.B Y.A.B. Air Putih. Dan dalam tahun 10 tahun ke depan Dato' Speaker saya percaya dan yakin Y.A.B. Padang Kota akan membawa pembangunan Pulau Pinang jauh lebih ke depan dengan Visi 2030 beliau. Tahniah kepada Y.A.B. Padang Kota dalam pelancaran *Booklet Penang 2030* minggu lepas.

Dato' Speaker, seperti yang dimaklumkan oleh T.Y.T, Pulau Pinang *leads again* apabila kita meminda perlembagaan negeri kita untuk menghadkan penggal Ketua Menteri kepada dua (2) penggal. Kita adalah negeri pertama berbuat demikian dan langkah ini juga mendahului Parlimen dalam usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk juga menghadkan terma Perdana Menteri. Dan ini semua dilakukan dengan satu matlamat asas dan utama iaitu untuk memastikan kerakusan dan penyalahgunaan kuasa yang tak terkawal sebelum ini tidak akan berlaku dan berulang lagi.

37 daripada Ahli Dewan mulia ini, 37 daripada kita di sini bangga mencipta *history* sejarah apabila kita menyokong pindaan Perlembagaan Negeri kita. Cuma saya kesal sedikitlah sebab kalau kita boleh dapat 40 lebih baik *unanimous* sepenuhnya tetapi kesal PAS dan UMNO tidak menyokong kita dalam usaha yang bersejarah ini.

Dato' Speaker, di sini dan di peringkat Nasional boleh dijelas dilihat perbezaan Kerajaan kini dan dulu. Tak ada seperti dulu Kerajaan hari ini ingin dan dalam usaha mereka, untuk memperkukuhkan institusi-institusi demokrasi dan pentadbiran kerajaan supaya kerajaan boleh menjadi lebih institusi-institusi ini boleh menjadi lebih bebas, terbuka dan mengangkat *Rules of Law* supaya *check and balance* seperti yang disebutkan oleh Yang di-Pertua Terutama. Dalam erti lain, Kerajaan Pakatan Harapan adalah satu kerajaan yang berintergriti dan boleh dipercayai oleh rakyat, Dato' Speaker.

Dato' Speaker walaupun ekonomi negeri kita negara kita sekarang ini tidak begitu baik, negeri kita terus berjaya meningkatkan hasil kutipan dalam tahun 2018 berbanding tahun lepas dengan peningkatan 230 juta sehingga mencapai 980 juta ringgit. Kedudukan kewangan negeri tetap *stable* dan kukuh dengan rizab sebanyak 1.093 bilion dan ini adalah satu peningkatan dari tahun 2018 dan kejayaan ini boleh dicapai seperti yang disebutkan oleh Yang di-Pertua terutama bahawa ini adalah sebab atas prinsip kerajaan CAT - Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Pelaburan negeri terus berkembang dengan mencatat 5.78 bilion dengan pelaburan asing yang diluluskan adalah dalam jumlah RM3.69 bilion Dato' Speaker, pelaburan asing. Dan saya sendiri baru-baru ini merasa amat bertuah kerana dapat menyaksikan satu tandatangan Memorandum Persefahaman (MOU) pada 19 haribulan April diantara Kerajaan Negeri kita dan syarikat satu syarikat Netherlands pengeluar biji sayuran 6 terbesar dalam dunia dengan *turnover* tahunan Euro 350 juta untuk membangunkan sektor pertanian khususnya *agrovalley* di Pulau Pinang. Syarikat tersebut yang bernama Enza Zaden juga sebelum ini tidak lama sebelum ini membuka ibu pejabat rantau asia di Pulau Pinang di

Penang Science Park di kawasan saya. Jadi saya ingin mengucapkan tahniah sepenuhnya atas usaha EXCO Pertanian dan juga NCIA untuk mencapai perjanjian tersebut.

Dato' Speaker, sektor pertanian adalah, sektor pelancongan adalah satu sektor yang amat penting kepada ekonomi negeri kita. Dan jadi saya gembira apabila mendengar pengumuman rancangan menaik taraf kapal, Terminal Kapal Persiaran Swettenham Pier (SPCT) dalam ucapan Tuan Yang di-Pertua Terutama. Namun demikian Dato' Speaker, untuk satu masa yang lama, hak pengurusan dan kawalan Pelabuhan Pulau Pinang menjadi satu topik pertikaian di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sebelum ini. Kita harus diperingati bahawa Pelabuhan Pulau Pinang sangat bersejarah dan adalah kebanggaan negeri kita. Pelabuhan ini bermula dalam tahun 1784. Pelabuhan ini adalah pelabuhan yang paling tua di Malaysia dan pelabuhan yang paling *established* di Malaysia. Pada masa satu masa ketika dahulu, Penang Port, Pelabuhan Pulau Pinang adalah satu status *Free Port* tetapi status tersebut telah ditarik balik dalam 1969 walaupun pada masa itu *free port* status merupakan penyumbang pendapatan yang paling besar di antara yang paling besar untuk negeri kita. Tetapi tak apa, kemudiannya Penang Port pula dikopratasikan dalam 1994. Lepas dikopratasikan apa berlaku dalam 2014 Penang Port Sdn. Bhd yang dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara, mengurus dan *maintain* Penang Port status ini diswastakan. Dijual kepada Syarikat Syed Mokhtar Al-Bukhari Johor Seaport Terminal pada tahun 2014 pada harga RM170 juta yang ramai pada masa ketika tersebut membantah kerana menganggap ini adalah satu jumlah yang terlalu rendah. Itu 2014. Apa yang berlaku kemudiannya Dato' Speaker, tak sampai tiga (3) tahun, syarikat tersebut daripada poket kiri jual kepada poket kanan. Syarikat Syed Mokhtar, terminal apa ini syarikat Sea Port Terminal Johor, menjual syarikat sahamnya dalam Penang Port kepada MMC Corporation. Beli berapa? Beli RM170 juta. Jual berapa? RM420 juta Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat. Untung berapa? RM210 juta pada masa itu. *Clean profit. Where the Penang people did not get a single scent* atas penjualan Penang Port pada masa itu. Tidak ada konsultasi, Kerajaan Pulau Pinang tidak ditanya mengenai isu penjualan ini. Dan pada masa itu, Pulau Pinang, Kerajaan Pulau Pinang telah pun membuat tawaran sebelum penswastan untuk meminta supaya Pulau Pinang diberi hak untuk mengambil alih operasi dan *maintenance of the* Penang Port Sdn. Bhd. Tetapi itu tidak dihiraukan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan juga Kerajaan Persekutuan pada masa itu.

Sehinggalah, sehinggalah Y.A.B. Air Putih mendakwa penswastan pada masa itu penswastan pulau Pelabuhan Pulau Pinang bukan satu *privatization* tetapi adalah satu *piratization* pada masa ketika itu. Dan saya bersetuju dengan beliau. Jadi, itu hanya berkenaan dengan penjualan-penjualan Penang Port. Bagaimana dengan keuntungan? Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendapat keuntungan yang dijanakan daripada Penang Port Sdn. Bhd? Baru-baru ini tidak lama sebelum ini dilaporkan bahawa pendapatan operasi pendapatan operasi untuk Penang Port mencatatkan keuntungan sebanyak RM119, RM197 juta atas pendapatan *or revenue of four hundred and ninety million. Hundred and ninety seven million is their operating profits* Dato', Dato' Speaker. *How much of the hundred and ninety seven million does the Penang people get? I believe not the single scent* because rakyat Pulau Pinang bukan pemegang saham dalam Syarikat Syed Mokhtar Al-Bukhari.

Dan dalam pada masa Dato' Seri, Dato' Speaker apabila penswastan berlaku di antara terma yang saya faham yang dipersetujui adalah untuk syarikat Syed Mokhtar menerusi kawalan Penang Port untuk membuat *dragging* korekkan pengairan *sea ways, the sea ways of the* pelabuhan untuk mendalamkan pengairan Pelabuhan Pulau Pinang daripada 15 meter kepada 11 meter kepada 15 meter untuk membolehkan kapal-kapal yang lebih besar untuk singgah di Pelabuhan Pulau Pinang. Dengan kos yang dianggarkan pada masa itu RM350 juta. Tetapi itu tidak dilaksanakan. Lima (5) tahun kemudian. Jadi saya rasa ini adalah tidak adil untuk negeri Pulau Pinang dan juga rakyat negeri Pulau pinang. Sesungguhnya begitu, saya berasa gembira Pakatan Harapan menang dalam pilihanraya yang ke-14 di kedua-dua peringkat, negeri dan persekutuan. Dan kini Suruhanjaya Pulau Pinang, Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) diterajui oleh pimpinan baru. Saya ingin mengambil

kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada saudara Jeffry Chew atas perlantikan beliau sebagai Pengerusi PPC. Saya sudah kenal beliau untuk satu masa yang lama, dan saya tahu beliau ini adalah seorang yang cukup berdedikasi apabila beliau *sets his mind on* sesuatu, beliau akan membuat dan berusaha sepenuh-penuhnya dan saya yakin apa yang dia rancang, apa yang beliau rancang untuk PPC adalah yang terbaik untuk rakyat Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, saya berharap Kerajaan Negeri dalam sesi ini boleh menjelaskan apakah keraj rancangan Kerajaan Negeri untuk melihat bagaimana kita boleh mengambil peranan yang lebih besar untuk mengurus pelabuhan kita atau sama ada sesuatu boleh dilakukan untuk berunding dengan per Kerajaan Persekutuan supaya kita boleh mendapat balik hak pengurusan atau sebahagian daripada keuntungan yang diperolehi daripada mengurus dan mengendalikan pelabuhan bagi manfaat dan kepentingan rakyat Pulau Pinang Dato' Speaker.

Dato' Speaker isu pengurusan pelabuhan ini adalah sebenarnya hanya sebahagian daripada isu yang lebih besar iaitu perhubungan di antara *federal* dan negeri atau berkait dengan isu perkongsian kuasa di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri kita. Seperti yang pernah saya hujah dahulu sebuah negara, negeri seperti Pulau Pinang tidak boleh lagi dilayani seperti anak tiri atau Cinderella yang diabaikan. Dalam perjanjian buku Manifesto Pakatan Harapan No. 24 dinyatakan di sana adalah manifesto janji Kerajaan Harapan untuk memulihkan *raw federalisma...*(dengan izin) *to revive the spirit of our federalism*. Dinyatakan di dalam sana Malaysia adalah negara persekutuan yang mengamalkan konsep federalisma tetapi konsep ini terlalu banyak dirobek oleh pentadbiran UMNO dan Barisan Nasional yang rakus merampas kuasa negeri-negeri, kuasa negeri-negeri Dato' Speaker di peringkat Pusat. Pembahagian hak dan tanggungjawab seperti yang tersenarai dalam jadual ke 9 Perlembagaan Persekutuan akan dihormati dan perubahan jadual ke 9 untuk menambah kuasa Kerajaan Pusat akan diminimakan. Kuasa juga dinyatakan dalam buku manifesto, kuasa negeri-negeri akan diperkukuhkan dengan menurunkan beberapa kuasa yang sesuai kepada negeri seperti kuasa pentadbiran pengangkutan yang saya sebutkan tadi, Penang Port. Kebajikan, perkhidmatan sosial, pertanian dan perlindungan alam sekitar. Untuk membiayai kuasa negeri yang dipulangkan ini dijanjikan sekurang-kurangnya 10% hasil cukai pendapatan akan dipulangkan kepada negeri-negeri tempat pembayar cukai bermastautin. Atas sebab-sebab di atas saya memohon agar Kerajaan Negeri berunding dengan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan janji-janji tersebut untuk ditunaikan supaya hak milik kita, negeri kita, rakyat kita dapat dipulihkan dan dikembalikan kepada kita.

Sebegitu banyak perkara yang kita nak laksanakan Dato' Speaker di Pulau Pinang. Tidak dapat dibuat atau dilambatkan sebab perkongsian kuasa yang tidak diseimbangi di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri kita. Ambil contoh *Penang Transportation Master Plan*, Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Satu projek yang penting untuk Pulau Pinang yang perlu, yang sangat diperlukan dan ingin dilihat rakyat untuk dilaksanakan. Tetapi malangnya progressnya lambat kerana sekatan kuasa Kerajaan Pusat atas apa yang boleh dan tak boleh dilaksanakan dalam negeri kita. Jangan salah faham maksud saya adalah semua keperluan undang-undang harus dipatuhi dalam segala projek yang dilaksanakan. Cuma saya menyoal keberkesanan institusi-institusi seperti National Physical Planning Council sebagai satu contoh, Dato' Speaker. Saya merujuk kepada kenyataan bertulis media yang dikeluarkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan pada 19 April. Sehari selepas sahaja pengumuman Y.A.B. Padang Kota memberitahu mengumumkan bahawa kelulusan telahpun diperolehi untuk melaksanakan Project Penang South Reclamation. Menteri tersebut membidas pengumuman Y.A.B. Padang Kota dengan menyatakan bahawa NPPC tidak memberi sebarang kelulusan untuk projek tersebut. Dengan penuh hormat kepada Menteri tersebut, yang saya kenali secara peribadi dan menghormati, saya tidak faham, saya tidak faham bagaimana seorang Menteri yang bertanggungjawab untuk Wilayah Persekutuan boleh mpenkerusikan NPCC. Kita fahamlah kalau ada isu atau pertanyaan berkenaan Wilayah Persekutuan kita tanya menteri tersebut, dia boleh jawab. Tetapi apa yang diperlukan, apa

yang sedang berlaku keadaan di Pulau Pinang, saya rasa dia tak tahu. Hanya rakyat Pulau Pinang dan Kerajaan Pulau Pinang yang tahu. Saya menganggap ini dan boleh ditafsirkan kenyataan menteri tersebut sebagai satu (1) gangguan ataupun *interference in the state of the fair of Penang*, Dato' Speaker.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, penjelasan. Dato' Yang di-Pertua sebelum Yang Berhormat Bukit Tengah melanjutkan pandangan itu, tanggungjawab saya untuk memaklumkan bahawa di bawah Perancangan Bandar Dan Desa sudah pun diletak di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan daripada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan pada tahun ini juga.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Terima kasih atas penjelasan Y.A.B.. Jadi ini adalah satu (1) contoh dan secara peribadi yang saya katakan ada banyak institusi-institusi Dato' Seri, Speaker di mana kita apa yang nak buat di Pulau Pinang tak dapat dibuat. Kita nak buat Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, tak boleh buat. Sebab apa? Sebab dulu Nasional Council Of Local Government tak bagi. Sama juga dengan sistem perkhidmatan awam kita. Tak ada negeri-negeri Johor, saya nak sebutkan tentang sama juga tentang sistem perkhidmatan awam negeri kita. Tak seperti negeri-negeri Johor, Kedah, Kelantan, Terengganu the Unfederated Malay States yang menubuhkan dan menjalankan perkhidmatan awam negeri mereka sendiri. *They have their own civil service* sehingga hari ini tetapi kita di Pulau Pinang sebahagian daripada *Federal State*. Kita tidak ada *our own state civil service* dan kita tertakluk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam. Dan dalam *Federated State* sini termasuk Pulau Pinang ramai daripada jawatan tinggi pentadbiran negeri seperti Setiausaha Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-Undang, Pengarah EPU adalah daripada *federal civil service* yang *seconded* kepada negeri-negeri...(dengan izin). Dan walaupun saya yakin penuh bahawa pegawai-pegawai senior kerajaan melaksanakan tugas mereka dengan baik dan selalu saya mendengar puji-pujian tertinggi mengenai Setiausaha Negeri Kerajaan Negeri kita yang selalu meletakkan kepentingan Pulau Pinang terlebih dahulu. Tetapi ada juga ini adalah apa yang saya maksudkan adalah soalan-soalan struktur ataupun *structure* apa yang akan berlaku apabila Dato' Seri Setiausaha Negeri bersara nanti. Bagaimana pula proses pelantikan Setiausaha Negeri Kerajaan Negeri? Adakah kita akan melantik Setiausaha Negeri *homegrown* daripada Pulau Pinang? Atau pun lagi satu (1) isu di mana saya dengar Dato' Speaker, apabila saya bercakap dengan penjawat-penjawat awam memang kita di sini ada ramai daripada negeri-negeri lain yang membuat tugas yang cukup elok tetapi kita juga nak jaga mereka. Kita nak berikan mereka satu (1) *security of tenure* tetapi apabila saya bercakap dengan penjawat-penjawat awam, sering saya dengar bahawa ada penjawat-penjawat awam daripada negeri-negeri lain di pindah kepada Pulau Pinang dilatih mendapat pengalaman *and when he's very trained very well, very good*, beliau akan dipindah ke negeri-negeri lain. Dan ini mengakibatkan bahawa negeri Pulau Pinang, kerajaan kita, rakyat kita kehilangan penjawat-penjawat awam yang sangat berkebolehan. So ini adalah di antara sistem-sistem yang harus dilihat dan saya rasa mungkin sudah sampai masa untuk Kerajaan Negeri melihat, mengkaji dan mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk kita boleh menubuhkan *civil service, State Civil Service for The State Of Penang*, Dato' Speaker.

Dato' Speaker, seperti yang saya kata banyak isu-isu ini adalah *structural* dan kita tidak boleh bergantung kepada hujahan pertikaian sebelum ini hanya boleh berlaku dalam zaman BN dan tidak akan berulang lagi dalam masa depan. Masalah *structural* ini harus ditangani dan diselesaikan. Sama juga dengan peruntukan pembangunan. Ada banyak projek-projek infrastruktur yang tidak dapat dilaksanakan kerana kita bergantung kepada *hand*

out Kerajaan Persekutuan. Salah satu (1) contoh adalah the one (1) billion, RM 1 billion yang diperlukan untuk melaksanakan projek-projek tembatan banjir. Pagi ini juga saya mendapat jawapan mengenai soalan saya Kuala Muda, eh Kuala Juru, kawasan saya di luar muara sana kritikal sekarang. Sudah terlalu menjadi terlalu cetek. Dan saya tanya bilakah ini akan berlaku. Jawapan yang saya dapat adalah bahawa JPS telah pun memohon daripada Kerajaan Persekutuan untuk RM500,000 untuk membuat kerja tersebut, RM500,000. *Five hundred thousand* tetapi kita kena tunggu lah. Tunggu sehingga kita dapat jawapan daripada Kerajaan Persekutuan. Bagaimana pula baru-baru ini kita membaca mengenai berita bahawa Prasarana yang telah pun diberi hak untuk mengalih balik perkhidmatan servis feri yang dinyatakan di dalam laporan akhbar mereka sedang masih menunggu RM90 juta yang ditunggu, yang dijanjikan daripada Kerajaan Persekutuan untuk *revamp*, memulihkan perkhidmatan feri Pulau Pinang. Sehingga hari ini kita masih menunggu. Sebelum ini di bawah Penang Port Sdn. Bhd. Penang Port Sdn. Bhd yang bertanggungjawab. Apabila diswastakan dia dilepaskan kepada Prasarana.

Dato' Speaker, saya harap Kerajaan Negeri akan memberi penjelasan mengenai perkembangan terbaru mengenai isu prasarana ini. Dato' Speaker, tanpa keraguan Pulau Pinang adalah antara penyumbang terbesar cukai dan KDNK kepada negara kita. Namun kita hanya mendapat peruntukan tahunan yang amat kecil daripada Kerajaan Persekutuan. Daripada angka-angka yang saya perolehi, sebagai satu (1) contoh pada tahun 2016, daripada 13 negeri yang menerima peruntukan daripada persekutuan, *Penang is the last three* dalam tangga di bawah. Belakang Melaka dan belakang Perlis. Kita pada masa itu dapat RM216 juta, Melaka belakang dapat RM190 juta, Perlis dapat RM126 juta. Kedah dapat berapa masa itu, RM373 juta, Perak dapat RM657 juta. Ini adalah jiran-jiran negeri kita. Daripada peruntukan 13 negeri ini, keseluruhannya RM6.788 bilion. Pulau Pinang hanya mendapat 3.18%, bayangkan 3% of the keseluruhan peruntukan yang diberikan kepada seluruh negara kita, negeri-negeri kita.

Saya menyambut baik bahawa sebelum ini Ketua Menteri ada menjawab soalan saya, di mana beliau menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan berunding dengan Kerajaan Persekutuan mengenai syarat-syarat dan undang-undang sedia ada supaya Kerajaan Persekutuan akan meningkatkan biayaan dan geran tahunan Persekutuan Pulau Pinang. Pada masa itu juga Y.A.B. Ketua Menteri ada memberi saya angka-angka. Dalam tahun 2017, peruntukan *transfer* yang kita dapat daripada Kerajaan Persekutuan adalah RM195 juta. Sehingga Jun 2018, kita dapat RM127 juta, campur sekali dua-dua jumlah ini, 2017 dan 2018 separuh tahun, jumlahnya RM322 juta. Peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Berapa bagi kepada universiti USM? 2018, RM525 juta. Bayangkan satu (1) universiti dapat RM525 juta, seluruh negeri kita baru dapat RM300 juta, Dato' Speaker.

Oleh kerana itu saya merasa perkara-perkara ini berkenaan dengan *decentralization* dan perkongsian kuasa di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri adalah penting. Mesti ada *decentralization*. Dan saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menubuhkan satu (1) suruhanjaya bebas, Dato' Speaker. Untuk mengkaji dan memberi syor-syor disentralisasi kuasa yang boleh dicadangkan kepada Kerajaan Persekutuan. Untuk menjadikan perkongsian kuasa di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri lebih adil, saksama dan berkesan bagi pembangunan jangka masa panjang Pulau Pinang, Dato' Speaker. Hanya beberapa hari lalu saya sendiri ada menghadiri pelancaran kertas dasar, *policy paper* yang dikeluarkan oleh IDEAS, The Institute For Democracy And Economic Affairs. Mereka melancarkan kertas dasar ini yang bertajuk "*Reviving The Spirit Of Federalization Federalism Decentralization Policy Option for a new Malaysia*". Dan dalam kertas cadangan tersebut dia telah membuat lapan (8) syor dasar yang saya harap kerajaan akan memberi tumpuan kepada dan juga mengkaji. Di antara mereka yang saya berpendapat adalah penting dan paling penting berkaitan dengan isu ini adalah satu (1) mengkaji semula jadual ke sembilan (9) Perlembagaan Persekutuan dengan tujuan, (dengan izin)...*to centralize key policy function*. Yang kedua (2) membolehkan negeri-negeri yang seperti yang saya sebutkan tadi untuk menubuhkan Perkhidmatan Awam sendiri. Yang ketiga (3) mewajibkan Kerajaan Persekutuan

membuat konsultasi mengenai pelantikan jawatan pentadbiran penting dalam negeri. Kita tak mau lagi berulang seperti dalam Negeri Selangor sebelum ini 2010. Kecoh pelantikan besar mengenai isu pelantikan Setiausaha Negeri Selangor pada masa itu yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan tanpa Konsultasi dengan Kerajaan Negeri Selangor pada masa itu. Dan syor yang keempat (4) adalah untuk memberi negeri-negeri menerima hasil *consumption tax*. Dan akhir sekali untuk menubuhkan Suruhanjaya Geran yang bebas daripada politik untuk menentukan satu formula tetap bagi peruntukan kewangan persekutuan kepada negeri-negeri Dato' Speaker. Dato' Speaker akhir sekali saya mempunyai 2 isu kawasan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan dalam. Tak.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Saya ingin, saya ada dan ingin membawa dua (2) isu kawasan penting. Yang saya berharap Kerajaan Negeri boleh memberi perhatian dan penjelasan bagaimana ia akan membantu menyelesaikannya ini adalah masalah kawasan saya. Yang pertama berkait dengan keselamatan awam kawasan saya. Pihak Polis dari Balai Polis Bukit Tengah mempunyai satu tanggungjawab dan beban yang amat besar sekali. Mereka terpaksa menjaga keselamatan untuk kawasan yang amat luas. 57.6 square kilometer dengan penduduk 203,000 penduduk dan 1,800 kilang. Dato' Speaker. Walaupun dalam keadaan masa kadar jenayah masih terkawal pejabat saya masih menerima banyak aduan khususnya mengenai kes pecah rumah. Saya sesungguhnya percaya bahawa anggota Polis ada, Polis yang sedia ada sedang melaksanakan tanggungjawab dengan terbaik sekali tetapi namun saya berasa adalah amat tidak adil kepada mereka dibalai tersebut yang terpaksa menjaga kawasan yang sebegitu luas dengan 63 pegawai Polis. Bayangkan Balai Polis Bukit Tengah 63 anggota Polis yang menjaga kawasan seluas 57.6 square kilo meter. Pulau Tikus sebagai contoh, saya tahu bahawa di sana dia punya keluasan kawalan kawasan itu hanya 5.7 kilo meter. Mereka ada 170 pegawai Polis. Jadi saya rasa dalam keadaan ini tidak seimbang dan nisbah sedia ada hari ni dengan 203,000 penduduk di Bukit Tengah, satu *police officer* kena jaga 2,674 orang. Memang tak cukup. Sepatutnya status penggredan di Balai Polis Bukit Tengah kena dinaikkan dari gred C ke gred B membolehkan jumlah keanggotaan Balai Polis Bukit Tengah ditingkatkan kepada lebih 100 orang. Dalam hal ini saya telah menulis kepada Ketua Polis Pulau Pinang dan Kementerian Dalam Negeri mengenai masalah kekurangan keanggotaan polis yang ketara tetapi sehingga hari ini saya tidak dapat sebarang jawapan. Dalam keadaan sebegini saya haraplah Kerajaan Negeri dapat membantu kita di Bukit Tengah untuk menyelesaikan masalah ini dan juga saya berharap semasa penggulungan nanti Kerajaan Negeri akan menyertakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk cuba menyelesaikan masalah ini, Dato' Speaker.

Isu yang kedua (2) yang saya ingin membawa kepada Kerajaan Negeri adalah berkaitan dengan pencemaran Sungai Juru. Baru-baru ini dan juga pagi tadi kita mendengar Yang Berhormat Datok Keramat. Kita menyaksikan kes pencemaran Sungai Kim Kim yang sebegitu ketara dengan pembuangan sisa kimia dalam sungai dalam sungai yang mengakibatkan 5,848 orang sakit dan terpaksa mendapat rawatan perubatan selepas menghirup asap toksik daripada sungai tersebut dan dilaporkan pada 6 April 2019 sekumpulan seramai 120 orang yang terjejas dalam insiden pembuangan sisa toksik ini akan membawa satu kes sivil terhadap Kerajaan Negeri Johor, JAS, JPS, Bandaran dan kilang-kilang yang terbabit. 3 hari lalu pengarah syarikat kilang tayar terpaksa dituduh di mahkamah untuk insiden tersebut. Dato' Speaker kes tragedi ini boleh jadi di Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai kalau kita tak berhati-hati. Sebab saya ingin menyatakan di kawasan seperti Seberang Perai, Sungai Juru, Sungai Junjung. Sungai Perai adalah kawasan yang pesat

dengan kilang-kilang. Dan kalau kita mengambil masa untuk keluar ke kawasan kita apabila kita melihat pada sistem-sistem pamaritan kita ataupun sungai-sungai tertentu jelas warna sungai itu hitam. Dicemari dengan bahan-bahan kimia. Dan walaupun perkara-perkara ini aduan ini dibuat untuk satu masa yang lama kesannya kes ini seperti yang saya rujukkan sebelum ini di Royal Tambun. Saya tau Yang Berhormat Sungai Puyu sudah cuba kita ada buat perbincangan MPSP ada membantu juga ada beberapa perjumpaan untuk cuba nak selesaikan pencemaran yang berlaku di Royal Tambun Indah tetapi saya rasa masalahnya lebih besar. Saya mendapat tahu sebagai satu contoh. Untuk JAS yang menyelenggara atau menjaga memantau seluruh kawasan SPT. SPT mereka ada dua (2) zon, Yang Berhormat. Satu zon di Sungai Perai dan satu zon lagi di Seberang Perai Tengah mereka kena menjaga daripada kawasan Bukit Tengah sampai Bukit Tambun sampai Bukit Minyak sampai sempadan Seberang Perai Utara.

Untuk satu zon kedua ini berapa pegawai penguatkuasa yang mereka ada. Untuk menjaga 1,800 kilang yang seluas 65 kilometer persegi untuk kawasan Bukit Tengah. *I means* dua (2) zon ini mereka hanya ada 3 orang Dato' Speaker. 3 orang nak jaga 1,800 kilang ini adalah sesuatu keadaan yang tidak *sustainable* yang tidak mapan sesuatu yang perlu dibuat menangani isu kekurangan keanggotaan *staff* yang kritikal sudah tentu akan menghalang keberkesanan mereka dalam menjalankan tugas mereka. Isu ini adalah serius dan harus diberi perhatian utama Kerajaan Negeri untuk diselesaikan dengan serta-merta. Pemantauan sungai-sungai khususnya di Seberang Perai satu rancangan yang menyeluruh. Untuk mengatasi pencemaran sungai-sungai kita. Kita memerlukan satu *integrated river management plan* untuk memahami punca-punca pencemaran, kajian semula undang-undang yang sedia ada, yang tadi disebutkan oleh Yang Berhormat Datok Keramat untuk mencegah pencemaran penguatkuasaan yang lebih agresif dan menubuhkan unit khas untuk pemantauan pencemaran yang melibatkan semua agensi-agensi yang berkaitan. Dalam hal ini saya memohon agar Kerajaan Negeri menggariskan kepada Dewan yang mulia ini langkah-langkah yang sudah dan akan diambil untuk memantau pencemaran sungai-sungai kita khususnya di Seberang Perai untuk memastikan Sungai Kim Kim tidak akan berlaku di Pulau Pinang. Jadi Dato' Speaker saya tidak mahu mengambil masa yang begitu panjang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah panjang.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Saya memohon untuk mencadang. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Bukit Tengah. Ada Ahli Yang Berhormat yang menyokong usul ini? Sila.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya mohon menyokong.

Terima Kasih Dato' Speaker, EXCO-EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang, ADUN-ADUN sekalian, Ketua Jabatan, dan Agensi Negeri dan Persekutuan, Rakan-rakan Media, Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian. Syabas kerana akhirnya Pulau Pinang akan dianugerahkan dengan sebuah lapangan terbang yang benar-benar berstatus antarabangsa dan dapat menampung kapasiti pelancong yang kian bertambah. Menurut statistik dari Penang Global Tourism bilangan pelancong pada tahun 2017 merupakan 3.6 juta manakala tahun 2018 3.9 juta. Jadi bagi tahun 2019 hanya dua (2) bulan sahaja direkodkan setakat ini setakat bulan Januari dan Februari jumlah ini sudah berada pada 651,568. Dan saya yakin jumlah ini akan bertambah. Statistik ini ternyata menunjukkan betapa popularnya Pulau Pinang sebuah destinasi pelancong. Memang satu perkara yang tidak boleh nafikan.

Pulau Pinang sebuah negeri yang mempunyai sejarah yang unggul dan juga masa depan yang cerah jadi sebagai bandar yang bersejarah khususnya George Town tetapi Pulau Pinang cukup istimewa ya bukan kawasan UNESCO Heritage Site tetapi kawasan-kawasan di luar juga berlimpah dengan sejarah-sejarah yang unik. Cabaran Pulau Pinang adalah untuk memelihara warisan dan juga membangun negeri kita supaya selaras dengan keperluan dan kehendak abad ke-21 jadi istilah seperti Bandar Pintar, warga celik IT, sekolah-sekolah pintar memperkukuhkan lagi konsep ini. Walhal visi Penang2030 pun ada menyatakan perkara ini. Infrastruktur lama seperti longkang-longkang sistem perparitan perlu juga diperbaiki untuk menampung kehendak dan juga keperluan dan pada masa yang sama mencerminkan konsep bandaraya antarabangsa tetapi malangnya apabila kita sebagai wakil rakyat minta bantuan untuk menaik taraf atau memperbaiki permintaan kami sentiasa ataupun seringkali dihalang atau dibatas atau tersekat atas sebab-sebab tiada peruntukan atau dana dan sebagainya. Jadi perkara ini masih tertimbul walaupun Kerajaan Pakatan Harapan sudah berjaya mengambil alih pentadbiran pusat. Alasan yang disampaikan kepada orang awam sering kali diterima dengan nada sinis. Ada juga yang marah apabila kita bagi tahu alasan ini. Jadi saya harap justifikasi dan juga alasan ini kita kuburkan dengan Malaysia lama. Kerana Malaysia baru perlu mengambil inisiatif yang pro-rakyat. Proaktif dan juga semangat *can do attitude*...(dengan izin).

Pulau Pinang cukup terkenal sebagai hub pelancongan makanan *food heaven*...(dengan izin) makanan kita terkenal di *landscape* antarabangsa dan memang cun. Tetapi apa yang kita perlu kita di sini adalah utamakan jaminan kualiti makanan dan juga kebersihan di astaka-astaka kita. Sama ada yang swasta ataupun yang diselenggarakan oleh pihak berkuasa tempatan dan juga ICU. Imej yang bersih dan budaya yang mementingkan nilai-nilai sivik perlu wujud secara automatik dan bukan wujud sebagai slogan semata-mata.

Saya bagi contoh. Di kawasan Seri Delima terdapat sebuah astaka yang digelar Astaka Taman Tun Sardon. Lokasi astaka ini cukup *strategic*. Ia berhampiran dengan Jambatan Pulau Pinang berhampiran juga dengan Universiti Sains Malaysia. Sebuah Universiti yang berstatus APEX. Cukup berprestij. Ramai yang mengunjungi astaka ini dan saya yakin ramai juga yang berada dalam Dewan yang mulia ini pun turut mengunjungi astaka tersebut, tetapi sayang. Astaka yang telah dibina pada tahun 70-an, awal 80-an berada dalam keadaan yang menyedihkan. Ia perlu dinaiktaraf supaya ia membolehkan golongan warga emas dan juga golongan OKU untuk mengunjungi astaka tersebut tanpa sebarang prejudis. Ada juga pelanggan dari luar negara / luar negeri Pulau Pinang khususnya ke Astaka Taman Sardon untuk makan. Oleh itu Kerajaan Negeri perlulah mengambil inisiatif dalam mengubahsuai astaka-astaka kita supaya mampu menaikkan selera para pengunjung yang ingin menikmati keenakan makanan yang sememangnya tidak dapat dipertikaikan lagi. Astaka-astaka kita perlu dinaik taraf untuk mencerminkan hub pelancongan makan yang selalu kita *promote* di luar negara. Jadi konsep perniagaan *hawker food* ...(dengan izin) memang sinonim dengan negeri kita tapi kita perlulah ia mengambil inisiatif supaya kualiti makanan, kualiti pembersihan dan kualiti suasana terjamin.

Jadi kita berbincang atau menyebut mengenai pelancongan memang tak sah kalau kita tidak menyebut tentang Batu Feringghi. Batu Feringghi pada suatu ketika dahulu digelar sebagai Hawaii Malaysia. Tetapi setelah beberapa dekad melalui pembangunan yang boleh dikatakan tidak seimbang, tidak terurus. Batu Feringghi sekarang lebih dikenali sebagai sebuah pekan koboi. Terdapat banyak struktur-struktur yang haram. Pasar malam yang tidak terurus dan tidak tersusun sehingga membahayakan pejalan-pejalan kaki. Kalau kita melayari *Trip Advisor*, terdapat bab, minta maaf. Terdapat banyak komen-komen negatif mengenai Batu Feringghi. Isu-isu seperti keadaan yang kurang bersih, tidak teratur, terlalu banyak gerai-gerai haram dan kemalangan di jalan raya ataupun di pesisiran pantai, memang ada. Ada pula yang mengeluh kerana terdapat operator-operator kuda, operator-operator unta yang *operate* di luar kawasan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Jadi adalah kita sudah lupa tentang insiden kemalangan pada tahun 2011, di mana seorang kanak-kanak

berumur lima (5) tahun telah digelek oleh seekor kuda di Batu Feringghi ataupun kita sudah leka dengan janji-janji kita untuk memperkukuhkan penguatkuasaan untuk melindungi industri pelancongan kita dan juga martabat imej Pulau Pinang.

Isu sukan air di Batu Feringghi selalu juga menjadi isu yang agak panas kerana ramai pelancong merungut tentang kualiti dan langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pengusaha-pengusaha sukan air. Tahun lalu, kemalangan lancang air berlaku di hadapan Hard Rock Hotel. Yang mengakibatkan kanak-kanak berusia sembilan (9) tahun maut. Sehingga hari ini tidak ada apa-apa yang berlaku terhadap operator tersebut. Pada tahun 2013, seorang pelancong maut apabila menaiki *parasailing* di hadapan Golden Sands Hotel. Tapi sampai sekarang tidak ada apa-apa yang berlaku, tidak ada apa-apa tindakan yang diambil terhadap operator tersebut. Malah kes-kes serius ini dibiarkan begitu sahaja.

Keselamatan awam merupakan salah satu faktor utama pelancong memilih sebuah destinasi untuk bercuti. Agensi-agensi kerajaan, perbadanan profesional dan juga institusi-institusi yang lain telah pun merangka garis panduan yang efektif untuk menjamin keselamatan, menjamin *accessibility* dan juga kesihatan pelancong tetapi ia kurang berjaya kerana masih lagi wujud elemen-elemen negatif yang akan menggugat industri pelancongan kita. Jadi kita perlu lebih komited dan juga mempunyai *political will*...(dengan izin) supaya masalah-masalah ini dapat dikuburkan demi kebaikan semua dari pelancong ke peniaga ke pihak hotel dan juga kerajaan. Jadi bila ada permintaan, kita sebagai wakil rakyat, sebagai pemimpin perlu mencari solusi yang berjangka panjang supaya keadaan suasana lebih terurus dan dapat di kawal. *This is the best win win situation to all*...(dengan izin). Pada masa yang sama, mohon bina astaka ataupun kompleks-kompleks supaya kita dapat menampung peniaga-peniaga kecil yang tidak mempunyai lesen yang sah. Penguatkuasaan memang perlu wujud tetapi pada masa yang sama kita juga perlu memberi alternatif kepada warga Pulau Pinang.

Ekonomi Malaysia masih lagi berada dalam keadaan yang tenat. Ramai pekerja-pekerja dihentikan dan mereka tidak berpeluang untuk mendapat pekerjaan di kilang ataupun syarikat atas sebab-sebab tertentu. Maka untuk menampung kos sara hidup, mereka membuka gerai dan mereka berniaga secara satu alternatif untuk menjana wang yang diperlukan untuk membantu keluarga masing-masing. Saya tahu, undang-undang kecil Pihak Berkuasa Tempatan dan juga penguatkuasaan seringkali berlaku tetapi ia merupakan tanggungjawab kita sebagai pemimpin, sebagai wakil rakyat untuk membantu dan juga mengubah dasar-dasar yang lupuk supaya mencerminkan kehendak dan keperluan warga Pulau Pinang semasa.

Pulau Pinang Negeri Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat. Ramai yang berpendapat Pulau Pinang kini semakin bersih sejak di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan tetapi masih ada lagi kawasan-kawasan di mana tahap kebersihannya boleh diperbaiki. Tidak dinafikan, bahawa kebersihan merupakan aspek penting untuk melambangkan keberkesanan Pentadbiran Kerajaan Pakatan Negeri Pulau Pinang. Jadi kebersihan kita tidak boleh diabaikan. Saya cadangkan, supaya pihak-pihak yang berkenaan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan yang dapat memupuk nilai-nilai sivik seperti penyediaan tong-tong sampah, penyediaan tong-tong kitar semula di semua kawasan awam seperti kompleks, astaka, *pedestrian walk away*...(dengan izin) dan juga taman-taman kita. Kekurangan tong sampah seringkali dijadikan alasan orang ramai membuang sampah merata-rata. Kononnya depa tak jumpa. Jadi bila kita mendapat alasan sebegini, kita perlu melakukan sesuatu untuk menyelesaikannya. Jadi dengan adanya pertambahan tong-tong sampah juga, kekerapan kutipan sisa juga perlu diperbanyakkan lagi. Ini adalah untuk mengelakkan sampah-sampah dari bertimbun, dihurung lalat, burung gagak dan juga untuk mengelakkan dari diheret oleh anjing liar, monyet ataupun babi hutan. Sekaligus ia dapat membuatkan tempat-tempat tertentu kelihatan bersih dan cantik. Bila sedap mata memandangi, maka sejuklah hati. Tandas di kompleks-kompleks dan astaka juga kita perlu ditingkatkan supaya pelanggan berasa selesa dan sekaligus mereka dapat mengunjungi astaka-astaka tersebut. Sekiranya tandas tidak memuaskan, pelanggan tidak berasa selesa untuk mengunjungi lagi. Selain itu, pembiakan

seperti nyamuk, lalat, tikus membahayakan. Sekiranya pembiakan lalat, nyamuk dan tikus dibiarkan begitu sahaja, ia menyebabkan keracunan makanan dan kita tahu keracunan makanan boleh juga mengakibatkan kematian. Jadi bakteria yang sering kali berada di dalam kekotoran tandas dan sebagainya adalah seperti e-coli, shigella dan sebagainya. Bakteria ini boleh mengakibatkan ia merebak ke makanan-makanan yang dijual di astaka dan juga kompleks kita. Jadi kebersihan adalah peranan yang utama yang perlu kita mengambil perkara serius.

Selain itu, satu lagi isu yang seringkali mejadi tumpuan media adalah kes wabak denggi. Di mana Pulau Pinang adalah negeri yang, malangnya telah pun mencatat rekod yang agak tinggi setiap tahun. Hal ini ditangani sekiranya SOP berkenaan pembasmian wabak denggi dapat kita mempertingkatkan lagi dan juga dikaji semula keberkesanannya. Kerap kali setelah mendapat aduan dan kes-kes kematian barulah tindakan seperti *fogging* dan sebagainya diambil tapi ini merupakan kaedah merawat dan bukan pencegahan sebelum terjadi bak kata '*prevention is better than cure*'... (dengan izin). Oleh itu, kita perlulah mencegah sebelum terjadi apa-apa yang dapat mengorbankan nyawa rakyat Pulau Pinang.

Tahun lepas Pulau Pinang mencatatkan kes denggi sebanyak 6,071 manakala pada tahun 2017, hanya 2,681. Untuk tahun 2019, setakat ini mencatat 2,308. Agak tinggi juga tu. Jadi nyawa-nyawa tersebut dapat diselamatkan sekiranya SOP berkaitan denggi lebih efisien. Kita dapat melakukan kekerapan pemeriksaan berkala ataupun *spot-checking*...(dengan izin). Di kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai *hotspot* denggi. Laporan-laporan longkang tersumbat tempat-tempat rekreasi tertentu yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes dan sebagainya perlu dipantau dengan lebih kerap.

Dato' Speaker, nama Nicol David tidak perlu diperkenalkan memandangkan beliau telah pun mengharum nama negara di mata dunia dalam bidang squash. Ramai anak kelahiran Pulau Pinang yang sangat berbakat dalam sukan-sukan lain seperti bina badan, olahraga, tinju, badminton namun ramai daripada mereka terpaksa menjadi jaguh kampung akibat tidak dipupuk dengan betul. Mereka merupakan golongan pelapis generasi yang ada dalam bidang sukan masing-masing. Mereka mempunyai jihad dan kesungguhan tetapi tidak diberi peluang. Faktor utama kekangan adalah dari segi kewangan. Rintihan mereka seringkali gagal untuk mendapat tajaan. Sehubungan itu, EXCO Belia dan Sukan boleh terangkan sedikit sebanyak saluran-saluran yang membolehkan mereka hubungi untuk mendapatkan tajaan bagi memastikan bakat-bakat yang sedia ada tidak lenyap begitu sahaja.

Pulau Pinang juga merupakan salah satu negeri yang paling ramai melahirkan ahli sukan negara. Jadi hal ini perlu diberi tumpuan sebaik-baiknya. Kajian telah menunjukkan bahawa betapa pentingnya makanan yang sihat yang mengandungi pelbagai nutrisi dan juga latihan khusus yang efektif khasnya sukan-sukan yang memerlukan ketangkasan dan bina badan. Ramai di luar sana mempunyai pengetahuan dalam bidang sukan tetapi jahil dalam bab nutrisi serta pemakanan seimbang. Contohnya ramai tidak tahu bahawa seorang atlet ataupun seorang yang aktif memerlukan sehingga tiga (3) gram protein setiap kilogram berat badan bergantung kepada dari saiz badan, bebanan. Tahap ketatihan dan juga sukan. Jadi di sini, saya bercadang kita juga memberikan penekanan utama terhadap nutrisi kerana ia melahirkan atlet-atlet yang berjaya bukan hanya sukan, bukan hanya aktiviti fizikal tetapi perlu kekuatan mental dan nutrisi makanan, mineral, protein dan vitamin.

Pulau Pinang merupakan negeri yang boleh dikatakan mempunyai potensi dalam sukan lasak seperti *rock climbing, skateboarding*...(dengan izin) papan luncur dan sebagainya tetapi malangnya aktiviti-aktiviti ini kurang diberi tumpuan dan tidak dikembangkan seperti negeri-negeri lain, negara-negara lain seperti Thailand dan juga Indonesia.

Sukan-sukan lain seperti *mixed martial arts*...(dengan izin) juga tidak diberi perhatian yang maksimum. Sukan-sukan ini boleh dikatakan sebagai sukan yang diminati oleh khalayak ramai kerana terdapat permintaan terutamanya dari pelancong asing.

Mixed martial arts merupakan seni pertahanan diri yang dapat meningkatkan keyakinan diri supaya individu-individu tidak takut dalam kehidupan seharian mereka. Ia juga dapat, minta maaf. Ia juga amat diminati oleh khalayak ramai bukan sahaja di Pulau Pinang malah di seluruh dunia.

Dato' Speaker, mengenai bola sepak pula, Pulau Pinang sebenarnya ada kelab-kelab bola sepak wanita tetapi tidak dipromosikan pada tahap yang sama seperti kelab-kelab yang lain. 2019 FIFA World Cup, minta maaf. Women's World Cup akan berlangsung pada 7 Jun hingga 7 Julai pada tahun 2019. Dan saya yakin, ini dapat memberi dorongan dan juga semangat kepada pemain-pemain bola sepak wanita di negeri kita dan juga di negara kita. Jadi tibalah masa untuk Pulau Pinang untuk menerajui, *Let Penang lead again...* (dengan izin) dengan mempromosikan dan memartabatkan pasukan bola sepak wanita kita. Arena politik, STEM dan sukan, masih lagi didominasi oleh kaum lelaki dan perwakilan wanita hanya segelintir sahaja. *We need role models. When we empower women, women are empowered...* (dengan izin).

Seharusnya sukan-sukan ini diberi sokongan oleh Majlis Sukan Negeri dan Kerajaan Negeri harus peka terhadap bakat-bakat yang sedia ada supaya kita boleh asahkan lagi. Bakat-bakat yang terpendam anak-anak kita di Pulau Pinang.

Sejak kebelakangan ini, pelbagai kes jenayah yang menyebabkan kehilangan harta mahupun nyawa semakin mejadi-jadi bagaikan cendawan yang tumbuh selepas hujan. Kes-kes tersebut sudah telah menjadi perkara yang izhar dan juga menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak terutamanya masyarakat. Negeri Pulau Pinang menerusi kerjasama dengan PDRM dan juga Pihak Berkuasa Tempatan telah pun berjaya memasang kamera litar tertutup yang canggih. Boleh mengesan wajah, plat nombor dan sebagainya tetapi kita perlu ingat ia tidak akan membasmikan jenayah tetapi dapat membantu pihak-pihak berkuasa dan juga pihak-pihak yang berkenaan mengambil tindakan.

Oleh yang demikian, kita wajar melakukan sesuatu demi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa. Bak kata 'malang tidak berbau'. Sebagai pemimpin, kita perlu menyemai nilai-nilai murni dikhalayak komuniti masing-masing. Kita boleh membudaya dan mengutamakan budaya berdikari melalui pertubuhan-pertubuhan seperti Bomba Komuniti, Bomba Sukarela, Polis Komuniti dan sebagainya. Salah satu lagi cabang yang boleh membantu MPKK dan juga KADUN masing-masing.

Dari segi Program Rakyat. Kita juga boleh memulakan kelas-kelas mempelajari seni mempertahankan diri di mana kita dapat menggunakan teknik yang dipelajari semasa kecemasan untuk menyerang penjenayah ataupun untuk melindungi diri sendiri dan keluarga kita dan juga rakan-rakan kita. Selain itu, ia juga dapat menyihatkan tubuh badan kita kerana ia merupakan salah satu aktiviti yang dapat mengeluarkan peluh. Mencegah adalah lebih daripada mengubati. Jangan lupa. Dengan mempelajari seni mempertahankan diri, kita dapat menyihatkan tubuh badan dan seterusnya mengelakkan diri daripada penyakit. Perkara ini berlaku apabila melakukan pergerakan tertentu ketika berlatih. Kita akan mendapat kebaikan yang sama seperti bersenam. Jadi mengikut kajian saintifik, dipercayai bahawa apabila badan kita mengeluarkan peluh. Toksik-toksik dari badan turut akan dikeluarkan. Sekiranya toksik-toksik dari badan dikeluarkan, maka kita akan rasakan lebih sihat dan juga bertenaga untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seharian. Tambahan pula, badan kita akan lebih cergas disebabkan otot-otot badan kita semakin kuat melalui latihan seni mempertahankan diri. Secara tidak langsung, otak kita juga akan cerdas bak kata 'badan cergas, otak cerdas'.

Rakyat yang berdisiplin akan dilahirkan jika masyarakat sanggup mempelajari seni mempertahankan diri. Hal ini terjadi kerana kita diterapkan nilai-nilai murni apabila mempelajari seni-seni tersebut. Sebagai tamsilan, nilai menepati masa, nilai baik hati, nilai bekerjasama dan lain-lain lagi. Dengan kata lain, kita akan menjadi lebih gagah dan berkeyakinan diri untuk melakukan perkara yang betul seperti menegakkan keadilan apabila kita dilengkapi oleh ilmu-ilmu seni tersebut. Perkara ini berlaku kerana kita mesti menepati masa berlatih yang ditentutan setiap kali. Walaupun pada mulanya kita rasa tidak senang hati

dengan peraturan ini. Tetapi lama kelamaan amalan yang terpuji tersebut akan tertanam, tertanam, minta maaf. Dalam diri kita secara tidak langsung. Bak kata pepatah 'Alah bisa, tegar biasa'.

Intihanya, kita boleh memperoleh pelbagai kebaikan dengan mempelajari seni mempertahankan diri. Jadi kita tidak seharusnya beranggapan bahawa seni tersebut tidak lagi sesuai dengan arus pembangunan masa kini. Hal ini turut disebabkan oleh seni pertahanan diri merupakan warisan budaya yang tidak ternilai harganya dan kita patut kekalkan dalam masyarakat. Dengan itu, kita perlulah bertanggungjawab memastikan adat lama tersebut "tidak lapuk dek hujan, tidak lekang dek panas". Pelbagai pihak harus memberi kerjasama dalam usaha ini terutamanya pihak kerajaan, media masa, masyarakat dan lain-lain. Akhir kata, sekiranya pelbagai pihak mendapat menyumbangkan kerjasama, sudah pasti keindahan seni pertahanan diri, senam dan sebagainya dapat dipelihara kerana 'bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat'.

Jadi, izinkan saya mengakhiri ucapan saya dengan sebuah pantun :

Feri Pulau Pinang berlabuh di jeti,
Pulau Mutiara kita sebuah pulau bestari,
Buatlah yang terbaik untuk negeri,
Harap kalian jangan makan hati

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya ADUN Kawasan Seri Delima menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima. Ahli-ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi perbahasan yang usul, ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Ke-14 pada 26 April 2019.

Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin mengambil bahagian dahulu? Saya jemput Ketua Pembangkang. Sila Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. *Bismillahirrahmanirrahim (bacaan doa)*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, Ahli-ahli Dewan, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT. kerana dengan izin dan limpah rahmat inayahnya, kita dapat bersama-sama hadir, kita masih lagi diberikan kesempatan dan kekuatan dan kesihatan untuk kita sama-sama berada di Dewan yang mulia ini untuk kita sama-sama meneruskan tugas dan tanggungjawab kita sebagai Ahli Yang Berhormat, Ahli Dewan yang diamanahkan oleh rakyat di kawasan masing-masing di seluruh Negeri Pulau Pinang untuk kita sama-sama berbincang, sama-sama berbahas, sama-sama memberikan pandangan dan buah fikiran untuk kita menyelesaikan isu-isu dan masalah serta kita membuat keputusan demi kepentingan rakyat dan juga masyarakat di negeri Pulau Pinang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan sekalian, Sungai Dua ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk Sungai Dua bangun dan bersama membahaskan ucapan terima kasih di atas ucapan perasmian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri pada 26 April yang lalu.

Tugas dan tanggungjawab Pembangkang. Kali ini adalah kali yang ketiga saya bangun untuk kali yang pertama berucap sebagai Ketua Pembangkang dalam sidang DUN. Tidak pernah termimpi di dalam fikiran saya untuk saya berada di tempat ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Mungkin di tempat situ?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Situ, mungkin selepas ini. Mungkin PRU ke 15. Kita akan kesana. Jadi tidak termimpi saya untuk berada di kerusi Ketua Pembangkang. Ketua Pembangkang. Sebab saya bukanlah seorang yang hebat. Saya cuma YB kampung sahaja. Kawasan Sungai Dua okey. Dalam Sidang DUN, saya tidak sehebat Sungai Puyu. Sungai Puyu sebagai Ketua Pembangkang pernah bercakap 8 jam tanpa henti. Berhenti sat, *break*, sambung balik. Itu satu yang cukup hebat. Saya mungkin tidak mampu buat sedemikian tapi *Insyallah* saya dan rakan-rakan saya dua orang akan terus memberikan pandangan dan juga teguran di mana yang mungkin untuk kita menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Pembangkang.

Untuk kebaikan rakyat, ini yang penting. Kita sebagai Pembangkang akan terus melihat apa perkara yang belum disempurnakan, perkara-perkara yang mungkin menyentuh tentang masalah alam sekitar, masalah kebajikan dan kebaikan rakyat yang perlu dibuat penambahbaikan dan juga teguran. Ini kita akan teruskan *Insyallah*.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dan juga tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Menjadi sebuah kerajaan bukanlah suatu yang mudah. Begitu juga menjadi Pembangkang. Sebagai kerajaan kita perlu membuat perancangan yang teliti berkaitan pembangunan negeri dan juga rakyat dari segi ekonomi, infrastruktur, kebajikan rakyat, pelaburan, menyediakan peluang pekerjaan, membanteras gejala sosial, kemudahan kesihatan, kewangan negeri dan sebagainya. Kita perlu mengelakkan, menyalahkan atau sering menyalahkan kerajaan yang terdahulu dan melahirkan kebencian dan meletakkan apa saja kesilapan yang terjadi pada kerajaan terdahulu. Sebutkan apa saja yang berkaitan dengan kesilapan dan kesalahan. Semua kerajaan dulu yang bersalah. Ini tidak boleh dilaksanakan secara berterusan. Sebagai kerajaan kita kena terus memikirkan strategi dan juga perancangan untuk pembangunan sebuah negeri dan juga negara. Kalau kita asyik menyalahkan kerajaan yang terdahulu, kita ada peringkat masanya. Mungkin setahun kita boleh menggunakan isu ini. Kalau selepas setahun, kita masih lagi menggunakan isu kesalahan kepada kerajaan terdahulu, maka rakyat akan menjadi terdahulu bosan mendengar apa yang dibangkitkan. Rakyat hendak melihat perancangan dan juga apa yang akan dibuat oleh kerajaan yang dapat kepercayaan untuk mentadbir sebuah negara ataupun negeri.

Di sidang DUN ini juga. Saya masuk tahun 2013. Tahun 2008 mula dapat, membentuk Kerajaan Pakatan Rakyat pada masa itu hingga 2013 masih lagi menyalahkan kerajaan yang lama. Masih lagi meletak kesalahan membotakkan, penarahan bukit itu kerajaan dahulu, penambakan laut kerajaan dahulu dan sebagainya. Kalau kita melihat satu perancangan yang lebih baik, mungkin kita ada penambahbaikan dalam apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan yang terdahulu. Ini perlu difikirkan oleh kerajaan yang ada supaya tidak terlalu menyalahkan kerajaan yang lama, kerajaan yang dahulu meletakkan benda-benda ini sebagai satu perkara yang menyebabkan rakyat akan merasa kerajaan yang ada tidak mempunyai perancangan yang tersendiri dalam membangunkan sebuah negara dan juga negeri.

Begitu juga saya sebagai Ketua Pembangkang. Saya ini seorang jarang membangkang, tidak biasa membangkang, tidak biasa mencari kesalahan dan kesilapan orang. Itu bukan perangai saya. Jadi agak sukar untuk saya kadang-kadang nak mencari kesilapan dan kesalahan. Saya melihat yang baik, yang kita beri teguran. Bukan mencari kesalahan dan kesilapan orang. Itu sikap yang ada pada diri saya. Mungkin agak lemah dari segi itu.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tuan-tuan dan puan-puan. Kesusahan dan keperitan hidup rakyat. Tugas saya sebagai Ketua Pembangkang akan bersama rakan-rakan menjadi pilihan kepada rakyat khususnya diakar umbi untuk mereka mengadu nasib perihal pelbagai perkara yang menyentuh tentang hak dan keperluan mereka. Rakyat dia akan jumpa kita contohnya di Kawasan Sungai Dua dan sebagainya. Dia akan bangkitkan isu ini. Iaitu keperitan dan kesusahan hidup rakyat. Dan saya sedar bukanlah mudah untuk kita untuk memenuhi semua kehendak rakyat. Namun kita sebagai pihak kerajaan yang sedia ada ini perlu dan semestinya lah melihat kesusahan dan keperitan hidup rakyat sebagai satu perkara yang penting dan perlu dicari jalan untuk menyelesaikan tentang hal-hal yang berkaitan dengan kesusahan dan juga keperitan hidup rakyat di negeri Pulau Pinang ini.

Rintihan dan kesengsaraan rakyat ini kita boleh lihat pertamanya dari segi harga barang. Kini di mana-mana pun rakyat bercakap harga barang keperluan semakin tinggi, tidak termasuk harga barang kawalan iaitu harga di kawal macam beras, tepung, gula terkawal. Yang tak terkawal yang tak di kawal semakin hari semakin tinggi harganya. Rakyat merasa tertekan dan terhimpit dengan kenaikan harga barang, dulu janji harga barang akan turun tapi akhirnya masih juga belum turun, masih tak turun-turun. Pergi *supermarket* pun tak boleh beli barang banyak, boleh beli barang sikit sahaja dengan nilai duit yang ada. Jadi ini merupakan satu tekanan dan kerajaan kena tengok isu ini. Isu harga barang perlu dilihat bersama-sama untuk diselesaikan masalah rakyat. Kita wakil rakyat kena tengok masalah rakyat, kena selesaikan isu rakyat, harga barang naik tekanan kepada rakyat itu perkara yang pertama.

Kedua kos sara hidup semakin meningkat, kos sara hidup khasnya di kawasan kampung. Kawasan saya Sungai Dua dulu rumah sewa RM200, RM150, RM200 Taman Desa Murni itu dah boleh dapat. Sekarang tak boleh dah, sekarang kena RM400, RM450 dapat sewa rumah di Desa Murni, kawasan kampung. Kalau di *Penang* lagilah ni belah pulau lagi mahal. Itu kos sara hidup yang semakin menghimpit semakin tinggi kos sara hidup. Belanja persekolahan anak, anak nak pi sekolah kalau seorang itu pendapatannya RM1000 ataupun RM2000. Anak lima (5) orang sekolah empat (4) orang sekolah nak bagi kat anak tu sehari seorang RM5.00 sekarang RM5.00 dah. Zaman saya sekolah dulu tahun 70an sekolah rendah, 1970 darjah satu pergi sekolah bawa RM0.15 sen, RM0.15 sen, mak bagi bekal nasi bawa RM0.15 sen. Cakap dengan anak saya dulu ayah bawa RM0.15 sen anak saya terkejut betulkah ayah bawa RM0.15 sen? 15 duit air 5 sen, beli kuih nasi lemak 5 sen, boleh simpan lagi 5 sen.

Itu dulu makna taraf hidup dulu kos hidup begitu rendah masa itu. Walaupun tidak ada banyak kemudahan-kemudahan tapi kos sara hidup rendah dan gaji pun masa itu rendah. Gaji ayah saya anaknya lapan (8) orang gajinya RM120.00 sebulan kerja di Hospital Butterworth. RM120.00 itulah belanja yang untuk sekolah anak dan sebagainya tapi cukup kerana kos hidupnya rendah. Sekarang kos hidup tinggi so kita kena lihat benda ini, kena cuba bantu selesaikan isu ini *InsyarrosAllah* kita boleh selesaikan isu ini rakyat akan berpuas hati dan tidak ada masalah lagi.

Ketiga isu pekerjaan, kurang peluang pekerjaan dan rakyat hilang kerja. Ini juga tekanan kepada rakyat. Ramai graduan-graduan yang keluar kerja keluar belajar tapi tak ada ruang untuk bekerja terpaksa bekerja sendiri terpaksa bekerja tak setimpal dengan sijil, diploma dan sebagainya. Terpaksa bekerja sendiri mungkin kerja yang tak setaraf dengan kelulusan yang dia ada. Ini juga memberi tekanan kepada rakyat, tekanan kepada golongan muda, tekanan kepada golongan remaja, tekanan kepada golongan yang ada tanggungan yang banyak. Ini juga perlu dilihat sebagai masalah kesusahan dan keperitan hidup rakyat yang perlu sama-sama dilihat. Saya minta Kerajaan Negeri lihat dan selesaikan isu ini. Harga barang, kos hidup tinggi, hilang tiada pekerjaan, hilang kerja, isu pemilikan rumah masih lagi berlaku. Itu merupakan tekanan kepada rakyat dan juga isu-isu yang lain yang menjurus kepada kesusahan dan keperitan rakyat saya minta pihak Kerajaan Negeri menyelesaikan isu ini. Lama-kelamaan kalau tak selesai rakyat akan bertambah marah bertambah benci dan ini akan menyusahkan pentadbiran kerajaan yang ada. Ini perlu kita lihat bersama.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Minta laluan Yang Berhormat Sungai Dua sikit sikit ja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Yb. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Yb. Daniel Gooi Zi Sen :

Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam perbahasan beliau tadi, beliau telah membangkitkan tentang isu harga. Di sini mungkin saya ingin membuat sedikit pembetulan memandangkan saya mendapat maklumat yang terkini daripada Kementerian di mana selepas kita Kerajaan Pakatan Harapan menerajui pentadbiran di Kerajaan Persekutuan. Kita telah berjaya untuk memansuhkan cukai GST dan selepas itu kita telah mendapati bahawa 568 daripada harga 900 barang iaitu pada kadar 63.2% telah mengalami penurunan harga antara Mei dan Disember 2018 dan juga selepas pemansuhan cukai GST ini kita juga telah menyaksikan bahawasanya kadar inflasi negara kita berjaya diturunkan di mana pada 2018 kita berjaya mencatat kadar inflasi 1% iaitu paling rendah dalam masa sembilan (9) tahun dan sememangnya ini adalah maklumat yang kita dapat daripada Kementerian Hal Ehwal Pengguna.

Namun mungkin Ketua Pembangkang tadi pernah bangkitlah tentang masih ada harga lagi yang masih melambung tinggi, tapi saya yakin selepas pemansuhan cukai perkhidmatan dan barangan GST sememangnya rakyat kehidupan rakyat adalah lebih baik berbanding dengan apabila kita ada cukai GST ini. Cukai GST ini sememangnya satu (1) cukai yang mencekikkan sehingga dari bayi sehingga ke tua semua tidak dapat lari daripada terkena dengan cukai GST tapi dengan pengenalan semula cukai SST... (gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pengkalan Kota, pendekkan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Yb. Daniel Gooi Zi Sen) :

Dah dah *finish it* di bawah Kerajaan Pakatan Harapan kita *tax* ini adalah tertumpu kepada syarikat-syarikat tertentu dan juga banyak diantaranya jaringan barang-barangan yang telah dikecualikan cukai berbanding ketika kita ada cukai GST. Mungkin saya minta penjelasan Ketua Pembangkang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Pengkalan Kota menyentuh tentang isu GST dimansuhkan digantikan dengan SST dan ekoran itu harga barang turun, 568 harga barang turun. Itu yang diperkatakan harga barang turun tapi di peringkat masyarakat, di peringkat kampung, di peringkat kedai-kedai di kawasan kampung, di kawasan pekan kecil. Saya rasa harga barang ini masih belum turun sebab harga barang ini bukan harga barang kawalan. Kalau bukan harga barang kawalan kita tak boleh nak kawal harga itu. Kecuali harga barang kawalan contohnya tepung, gula, beras dan sebagainya minyak masak dan sebagainya. Itu barang kawalan mungkin kita boleh *control* dia boleh tahu kenaikan harga dia ada harga siling dan harga lantai dan sebagainya. Tapi kalau 568 ini bukan barang kawalan di peringkat bawah masih berlaku kenaikan harga barang termasuklah ikan dan sebagainya. Masih lagi berlaku kenaikan tidak ada penurunan di peringkat pasaran di kawasan kawasan-kawasan kampung, pekan-pekan kecil.

Walaupun GST telah di tukarkan kepada SST masih lagi berlaku kenaikan. Saya sendiri bila pergi ke pasar dan sebagainya, pergi beli barang memang kita nampak kenaikan harga barang bila SST diperkenalkan semula digantikan GST. Okey, saya ingat itu lah kot.

Jadi saya mengharapkan tadi tentang keresahan dan juga kesusahan tadi kalau boleh kita pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat membuat usahalah untuk menyelesaikan isu-isu dan masalah tersebut supaya rakyat dia tak mahu dengar alasan dia nak lihat perkara yang berkaitan dengan tekanan hidupnya boleh diselesaikan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tuan-tuan dan puan-puan janji yang tak ditunai dan manifesto, saya melihat ini sebagai satu (1) perkara yang perlu saya sentuh untuk peringatan kepada pihak kerajaan iaitu berkaitan dengan janji dan juga manifesto. Saya tidak akan sentuh di peringkat pusat, peringkat pusat dia ada janji sepuluh perkara yang perlu diselesaikan dalam 100 hari saya rasa masih lagi belum selesai sepenuhnya yang selesai mungkin satu (1), dua (2), GST, isu i-SURI kot yang selesai. Yang lain belum selesai lapan (8) perkara belum diselesaikan di peringkat pusat.

Cuma di peringkat Kerajaan Negeri kita melihat bahawa janji ataupun manifesto adalah merupakan perkara yang perlu ditunaikan ataupun kita kena berusaha untuk menunaikan janji tersebut. Kerana ini merupakan perkara yang kita bangkitkan kita selesaikan kita sediakan untuk memberi keyakinan kepada pengundi untuk mengundi kita, untuk bagi undi kepada parti tersebut.

So kita kena berusaha untuk menyelesaikan ini dan saya agak terkilan juga sebab soalan-soalan bertulis ini baru sampai pagi ini, saya tak sempat tengok sebab saya ada soalan berkaitan dengan manifesto. Saya tak sempat nak tengok tapi saya akan sentuh secara kasar. Jadi apa yang perlu kita lihat di sini Kerajaan Negeri perlu melihat 68 manifesto PRU 14 perlu diselesaikan dan juga 63 manifesto PRU 13 juga perlu diselesaikan, mengikut jawapan bertulis sebanyak 43 daripada 68 manifesto PRU 14 telah ditepati itu yang disampaikan jawapan kepada saya. Makna 63% bagi PRU 14. Bagi PRU 13, 50 daripada 63 telah ditepati. Itu yang disampaikan kepada saya dan juga senarai yang lengkap di sini cuma saya ingin sentuh di sini tentang 12 perkara selain daripada 68, 12 perkara yang di beri penekanan oleh pihak Kerajaan Negeri dalam manifesto ini.

Iaitu pertama dan kedua telah diselesaikan kes menghadkan jawatan Ketua Menteri dua (2) penggal telah diselesaikan telah dimasukkan dalam Sidang DUN diputuskan dan telah diselesaikan. Yang kedua melantik pemimpin pembangkang sebagai Pengerusi PAC, saya rasa telah diselesaikan, saya telah dilantik sebagai Pengerusi PAC. Ketiga meneruskan pelbagai Projek Infrastruktur Lebuhraya Terowong Dasar Laut dan (PIPPP) Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Meneruskan pelbagai projek infrastruktur lebuhraya jadi ini saya rasa dalam peringkat pelaksanaan dalam peringkat pelaksanaan oleh Kerajaan Negeri. Cuma pelaksanaan ini perlu, saya akan sentuh dalam isu-isu nanti, perlu melihat kesan, kesan kepada alam sekitar, kesan kepada sosial masyarakat dan sebagainya. Saya dah tekankan dalam sidang yang lepas supaya isu berkaitan dengan alam sekitar ini menjadi benda utama dalam membangunkan negeri hijau kita tak boleh membiarkan alam sekitar ini demi untuk generasi akan datang, kita nak pembangunan mampan seperti T.Y.T Yang di-Pertua Negeri sebut pembangunan mampan *sustainable development* perlu dibuat, perlu dilaksanakan. Maknanya generasi yang akan datang dapat melihat sungai laut, sungai-sungai yang elok, air laut yang cantik, ekosistem yang baik, bukit-bukit yang cantik, pokok-pokok yang banyak. Itu perlu dikekalkan *sustainable* perlu dikekalkan keadaan itu dalam kita membangunkan projek dan sebagainya itu perlu dilihat. Projek Tebatan Banjir itu janji yang keempat. Saya rasa masih belum selesai habis lagi belum selesai sepenuhnya. Menunggu peruntukan mungkin, jadi ini perlu diberi tekanan yang lebih kuat untuk menyelesaikan masalah tebatan banjir.

Dulu dikatakan Kerajaan Pusat tidak membantu kurang membantu mungkin dikatakan macam tu tapi sekarang Kerajaan Pusat pun pihak Pakatan Harapan sendiri saya harap tebatan banjir yang menjadi igauan masyarakat rakyat di Pulau Pinang khususnya di sebelah Pulau ini dapat diselesaikan segera, jangan kita tangguhkan lagi. Dulu janji awal dulu 9 bulan kita perintah kita akan selesaikan isu banjir, tetapi berlarutan sehingga ke 9 tahun masih belum selesai kerana alasannya Kerajaan Pusat tak bagi peruntukan, sekarang dah ada

Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri teruskan, bangunkan tebatan banjir sebaik mungkin untuk selesaikan isu banjir.

Kelima, menyemarakkan keunggulan Islam di Negeri Pulau Pinang. Ini manifesto yang kelima daripada dua belas, ini perlu juga kita lihat sebagai satu perkara yang penting untuk menyemarakkan agama Islam di Pulau Pinang. Agama Islam, agama rasmi Malaysia dan juga Pulau Pinang perlu memastikan bahawa keunggulan Islam di Pulau Pinang terus dipertahankan terus dipertingkatkan. Tidak mahu ada lagi unsur-unsur penghinaan kepada agama Islam, dakwah kepada orang-orang Islam oleh agama lain. Ini perlu dihentikan di peringkat Pulau Pinang ini. Kerana ini akan mencetuskan keadaan yang tidak baik di kalangan masyarakat. Ini perlu dihentikan dan manifesto menyemarakkan keunggulan Islam perlu diteruskan dan dipertingkatkan.

Membina 75,361 buah rumah kos rendah sederhana rendah dan mampu milik ini juga perlu diberi perhatian. Tuan Yang Terutama Tun menyebut dalam ucapannya bahawa Kerajaan Negeri telah membina sebanyak 29,000 dah siap rumah kos rendah dan sederhana rendah. 23,000 dalam pembinaan dan 40,000 lebih dalam peringkat perancangan. Kalau ikut jumlah itu mencapai 75,361. Cuma kita nak rumah yang akan dibina ini banyakkann rumah RMM A dan B. Maknanya RM40,000 lebih dan RM80,000 dan RM100,000 ke bawah. Kerana masyarakat di Pulau Pinang, rakyat Pulau Pinang masih lagi memerlukan rumah yang semacam itu. Kalau rumah RM300,000, RM400,000 kemungkinan tidak mampu. Rakyat Pulau Pinang yang kerjanya gaji RM3,000 ke bawah tak mampu untuk membeli rumah dengan harga yang sedemikian tak mampu nak bayar bank. Kalau rumah RM300,000 dia tak akan mampu untuk beli dengan pendapatannya RM3,000 ke bawah.

Seterusnya tingkatkan keusahawanan, dasar alam sekitar, pembangunan pendidikan dan kemahiran ini perlu terus dipertingkatkan. Perlu terus dilaksanakan. Dan juga bantuan-bantuan kepada warga emas yang dijanjikan dinaikkan ke RM200 sedang dikaji, *Insyallah*. Bantuan Program Kesihatan Negeri kepada rakyat pendapatan kurang RM5,000 juga sedang dikaji untuk beri kad-kad perubatan untuk bantuan beli ubat dan sebagainya. Dan juga bantuan kewangan kos sara hidup kepada wanita ini juga sedang dikaji tapi masa masih ada, *Insyallah*. Jadi pastikan 12 perkara ini dua (2) dah selesai sepuluh lagi perlu diselesaikan perlu dikaji, dilihat dan diselesaikan segera untuk memastikan janji-janji kita di Pulau Pinang ini dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan. Saya sebagai pembangkang kami tiga (3) orang kita tidak akan atau jarang kita sebut kejayaan yang dicapai oleh pentadbiran sebuah kerajaan yang dibangkangi takkan kita nak sebut kerajaan ini berjaya dan sebagainya. Kalau tuan-tuan dulu kalau YB. Sungai Puyu sebagai pembangkang dia tak akan sebut kejayaan yang dicapai. Dia akan cari apa masalah, apa kesilapan, apa kelemahan, itu benda yang dicari. Kita di peringkat saya tak belajar dari dia...(gangguan). Jadi kita juga akan menyentuh sedikit sebanyak, kita akan sentuh kegagalan dan juga kejayaan yang dicapai tapi kejayaan yang menjurus kepada masalah, itu kita akan sebut saya bahaskan di sini pertamanya isu pelupusan dan juga penjualan tanah, ini antara kejayaan yang dicapai.

Sebanyak 1,100 ekar saya nak kepastian saya buat Soalan Lisan, Soalan Bertulis penggal lepas. Tetapi tak dijelaskan. Saya tanya betul tak dijual Kerajaan Negeri jual tanah seluas 1,100 ekar dengan nilai RM12.5 bilion, tak dijawab cuma dijawab memang kerajaan Negeri tak jual, Kerajaan Negeri lupuskan tanah kepada pihak syarikat swasta dan sebagainya. Lupuskan, lupuskan maknanya dapat duit premiumlah, premium tu dapat pendapatan kepada negeri itu diberi dalam jawapan bertulis. Jadi ini juga merupakan kejayaan Kerajaan Pakatan untuk melupuskan ataupun menjual tanah seluas 1,100 ekar detailnya saya rasa ada saya dapat dalam ni kalau tak betul tolong jelaskan. Dengan syarikat yang membeli pun ada pendapatannya RM12.5 bilion dengan pelupusan dan juga penjualan tanah.

Kedua, isu tambakan menambah keluasan tambakan laut. Dulu Kerajaan Barisan Nasional dah ada kebenaran setuju untuk tambun tanah. Dan kerajaan yang ada tambahkan lagi, nak tambah lagi ni nak buat PSR, nak buat di Butterworth, kelulusan Utara-Butterworth pada Syarikat Rayston dan sebagainya. Tak payah menambah lagi kerja-kerja tambakan laut di kawasan Pulau Pinang. Ini kejayaan menambah keluasan tambakan laut itu satu kejayaan.

Ketiga, kejayaan menambak tanah sawah, tanah sawah ditambak di dalam kawasan pengairan dan juga warta tali air sistem pengairan ditambak. Daripada dulu 15,000 hektar sekarang tinggal 12,000. Termasuk di semua daerah di Balik Pulau ada, di Barat Daya, di selatan, ditambak dengan begitu banyak kawasan tanah sawah ni macam yang disebut oleh Datok Keramat tadi. Kawasan tanah sawah dijadikan tapak untuk buang sampah, buang tanah-tanah kotor, buang tanah-tanah yang ada simen, ditambun di dalam bendang dan nilai kompaun, nilai hukumannya begitu rendah. Kita ada bincang dalam PAC baru-baru ini. Nilainya begitu rendah dan kita minta keputusan yang kita buat dalam PAC, syor kita supaya hukuman itu ditingkatkan kepada maksimum di bawah Akta Perancang Bandar di bawah MPSP, di bawah tali air, Warta Tali Air ditingkatkan denda itu kepada maksimum mungkin RM500,000. Maksimumnya kalau boleh RM500,000 orang tak tambun bendang dah.

Dia tak sanggup nak tambun dah tetapi sekarang ini maksimum dendanya baru RM10,000 dia tambun bendang dah separuh 5 ekar dah tambun separuh dah, kena tahan dengan Majlis, di mahkamah denda RM10,000. So dia bayar tak dak masalah. Jadi tanah sawah dah ditambun agak banyak itu mungkin salah satu perkara yang berlaku sekarang.

Keempatnya, tiada langsung pembinaan rumah PPR. Jadi kita lihat daripada kerajaan ambil 2008 sehingga sekarang tidak ada rumah PPR yang dibina. Tapak PPR ada. Alasannya Kerajaan Pusat tak bagi peruntukan untuk PPR masa tulah tapi demi kepentingan rakyat kata ada 500, 600 orang dok menunggu dan *Alhamdulillah* dalam sidang yang lepas Datok Keramat sebut akan dibuat di setiap daerah. Jadi ini yang kita nak lihat supaya isu Kerajaan Negeri tidak langsung membina rumah PPR akan diselesaikan untuk membantu rakyat yang tak mampu nak sewa, nak beli rumah, nak sewa sahaja. Nak sewa rumah dia boleh dok.

Kelima, kejayaan pihak PBT, MPSP dan MBPP meruntuh gerai-gerai peniaga. Gerai-gerai peniaga kecil ada banyak di daerah Seberang Perai dan lebih kurang 55 gerai yang diruntuh, gerai yang diambil peralatannya, di kawasan perniagaan. Banyak runtuh-runtuh dibuat tetapi tidak ada jalan penyelesaian untuk selesaikan isu peniaga penjaja kecil. Mereka perlu tempat, mereka kena berhenti kerja tak ada apa dah nak buat. Boleh meniaga kuih sikit boleh meniaga makanan dan sebagainya tetapi kadang-kadang diambil tindakan runtuh dan sebagainya.

Kita akui memang kadang-kadang dia mengganggu jalan tapi di Raja Uda saya tengok saya biasa masuk ganggu jalan pun tak diruntuhkan. Saya tak tahu pasai apa ada tempat meniaga orang-orang Cina di Raja Uda yang tak diruntuhkan yang mengganggu jalan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta penjelasan, Ketua Pembangkang *I think...*(dengan izin) Ketua Pembangkang sedang *mislead* Dewan kononnya 55 gerai yang dirobah tu semua orang Malaysia ,ada juga yang diambil tindakan ada juga warga asing. Orang siam datang buka tomyam perkara ini memang kita bincang dalam PAC pun Ketua Pembangkang, so sila berikan maklumat yang tepat dan kalau kita lihat kepada statistik yang dikeluarkan oleh MPSP pada tahun lepas tindakan penguatkuasaan diambil terhadap penjaja yang berketurunan Cina adalah lebih tinggi di seluruh Negeri Pulau Pinang, dua-dua MPSP dan MBPP. So tidak ada unsur perkauman kenapa dalam isu ini dan Raja Uda pun *I think* memang sudah terkawal tidak ada lagi selepas pelebaran jalan tidak ada yang membina gerai-gerai haram di atas jalan ataupun mengganggu jalan itu memang di atas tanah rezab yang disediakan oleh Kerajaan Negeri sebelum lagi bukan sekarang. So saya minta Ketua Pembangkang membetulkan fakta. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Bagan Dalam. Saya tak dapat maklumat senarai ni tang mana saya letak jawapan bertulis. Cuma ada lebih kurang 55 saya tak pasti sama ada semua tu warga Malaysia ataupun ada yang warga asing dan kita paham bahawa sekarang ni warga asing banyak yang meniaga di pasar, di *market* dan sebagainya depa sendiri meniaga, hebat lagi meniaga dari orang Malaysia ini. Warga Rohingya dan sebagainya macam-macam yang meniaga jadi saya akan lihat balik kalau betul macam yang disebut saya jadikan sebahagian daripada fakta ini.

Cuma kita yang saya nak tekankan di sini kita runtuh, kita rampas barang-barang perniagaan dan dia kena bayar. Dia pergi ke Majlis, dia kena bayar RM150.00 baru dapat barang-barang dia balik, khemah, meja dan sebagainya. Cuma kita di peringkat Kerajaan Negeri dan juga PBT kalau boleh kita menyediakan tempat. Kalau di *market* itu dia mungkin berniaga tepi jalan tapi kita sediakan ruang untuk plot-plot untuk dia berniaga. Untuk orang itu saja jangan bagi orang lain, untuk orang yang berniaga di tepi jalan itu kita pindahkan dan kita sediakan lot-lot untuk dia. Jadi masyarakat peniaga kecil ini pun tidak marah, dia tidak marahkan kerajaan. Dia kata oh, kerajaan sediakan tempat untuk dia.

Isu di Raja Uda saya tiada kepastian. cuma saya nampak biasa lalu sekali dulu ada yang berniaga tepi jalan kita susah hendak lalu. Kenderaan kita susah hendak jalan di situ mungkin sudah lama.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Saya hendak minta laluan. Kata kereta yang letak di sana atau peniaga di sana? Jika kereta pihak PDRM telah ambil tindakan selalu ditulis saman. Jika kata peniaga saya ada lihat daripada Telaga Air sampai Bagan Ajam tidak ada satu gerai atau *stall-stall* di jalan yang menjaja. Janganlah kerana kata sudah berapa lama *you* tidak turun, bukan zaman dulu, zaman Barisan Nasional memang ada banyak tetapi di sini semua sudah dibersihkan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Sungai Puyu. Saya mohon berhenti tentang isu gerai Sungai Puyu. Seterusnya tentang kejayaan dan kegagalan tadi. Saya sebut di sini tentang kes banjir kilat. Kes banjir kilat yang berlaku di Pulau Pinang merupakan satu benda yang cukup hebat. Bila hujan sedikit sahaja banjir kilat. Dulu tidak pernah berlaku sedemikian. Tidak pernah berlaku macam keadaan hari ini. Hujan, masyarakat dan penduduk sudah susah hati air daripada bukit turun, sistem pengairan saliran tidak cantik dan sebagainya, sungai bermasalah. Jadi, kita menjadi juara juga dalam kes-kes banjir kilat. Banyak kes-kes banjir berlaku di sebelah Pulau dan mungkin di sebelah Seberang juga jadi ini merupakan sebahagian benda yang menjadi juara. Mungkin *Penang Lead* tapi masih memerlukan tindakan pembaikan yang baik.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dato' Speaker, minta jalan sedikit sahaja. Apa yang terjadi pada kini adalah *climate change*. Mengapa *climate change* kerana pada zaman Barisan Nasional yang tidak ambil perhatian. Apa terjadi pada dulu, kita hari ini yang jadi susah. Betul tidak? Jika dia kata bahawa ada bukit dan lain-lain, sedarkah bahawa di semua tempat seluruh dunia kami menghadapi masalah ini. Masalah ini kerana dulu pemimpin-pemimpin tidak ambil perhatian pada alam sekitar dan kita pada kini jadi mangsa.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat sesiapa yang hendak mengganggu sila baca Peraturan 46(2). Seseorang itu tidak boleh diganggu kecuali Yang Berhormat yang sedang berucap itu melanggar peraturan melainkan beliau izinkan. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Seterusnya isu yang ke tujuh. Iaitu kes-kes runtuh bukit tapi sat lagi Sungai Puyu kata mungkin salah kerajaan dulu dan juga *climate*

change dan sebagainya. Jadi benda yang berlaku hari ini Yang Berhormat, kita kena cari jalan penyelesaian. Tidak mengapa mungkin kesilapan dulu tapi sekarang kita kena perbetul kena baiki jangan jadi masalah di zaman ini. Zaman Pakatan Harapan timbul masalah ini, kerajaan jadi susah. Orang sebut macam itu. Banjir, isu tanah runtuh lebih kurang 150 kes runtuh 2017 dan 2018 termasuk keruntuhan kecil dan runtuh besar. Runtuh besar ini yang mati dua kes tu. Runtuhan kecil ini yang berlaku di Paya Terubong, Bukit Bendera sikit-sikit itu keruntuhan kecil yang plot-plot kecil yang runtuh ini. Terlalu banyak runtuh yang berlaku di era ini, ketika ini. Ini yang kadang-kadang menimbulkan isu dan tanda tanya kepada masyarakat dan rakyat yang perlu kita ambil perhatian. Kerajaan Negeri ambil perhatian. Saya cuma hendak beri itu saja...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Boleh bagi jalan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Isu apa hendak sebut ini?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Isu tanah runtuh.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No. no. Adakah dia langgar undang-undang? Adakah ia langgar peraturan?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Bukan. Selain daripada itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau tidak ada nanti Ketua Pembangkang limitkan masa. Sungai Puyu duduk.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Selain...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu, sila, tidak beri laluan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tidak beri jalan? Tidak berani?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tidak bagi. Satgi saya bagi.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Tidak bagi kerana tidak berani.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Puyu berpeluang untuk gulung banyak masa.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Okey yang kelapan, tentang ternakan khinzir. Ini kejayaan, kita sebut kejayaan. Ternakan khinzir. Kalau di Negeri Sembilan Dato' Mat Hassan dia kata babi, khinzir. Ternakan khinzir di Pulau Pinang menghasilkan SSL yang melebihi tahap yang ditetapkan. Kita guna tidak banyak, orang makan tidak ramai mungkin ada lebihan. *Self-sufficient level* dia lebih makna kita menjadi pembekal/penjual ataupun pengeksport kepada negeri dan juga negara lain. Cuma kita hendak buat berpusat sampai sekarang tidak boleh buat lagi. Persetujuan

dalam Dewan dulu, tahun 2016 setuju untuk buat ternakan khinzir berpusat untuk kita buat sistem yang begitu baik.

Saya pernah melawat ladang khinzir di Pongsu Seribu. Dia ada tiga *step*, daripada najis itu masuk ke takungan pertama, takungan kedua, takungan ketiga baru masuk ke parit tapi air itu masih orang Islam tidak boleh pakai tapi ia bersih, jernih air itu. Itu yang kita hendak buat di Kampung Selamat. Kampung Selamat sampai sekarang tidak boleh kita tidak boleh buat penguatkuasaan pun.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Boleh saya mohon laluan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Boleh.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Sebelum Yang Berhormat pergi lebih lanjut dalam soal ternakan babi ini. Saya hendak jelaskan bahawa keputusan yang dibuat 2016 bukan untuk buat peladangan berpusat bahkan sebenarnya hendak dibuat itu adalah penguatkuasaan Enakmen Ternakan Babi Tahun 2016 yang mana menekankan soal peladangan secara tertutup. Berbanding secara tradisional sekarang yang mana terbuka dan juga tidak ada proses tapisan dan juga rawatan air kumbahan. Itu yang sebenarnya.

Jadi kalau kata berpusat itu saya tak nak nanti Ahli Dewan dan media keliru dan rakyat keliru bahawa kita hendak buat pusat peladangan berpusat. Tidak. Dia memang sudah terkumpul secara semula jadi hasil dasar kerajaan Barisan Nasional dulu di Kampung Selamat dan juga di Valdor, kebanyakannya. Jadi yang kita hendak buat sekarang ini ialah kita hendak kawal dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Sungai Dua kawalan ini akan dijalankan sehingga dalam proses sekarang ini untuk kita laksanakan undang-undang itu. Mereka diberi tempoh sehingga hujung tahun ini untuk menukar sistem yang lama kepada sistem yang baru. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Seberang jaya beri penjelasan. Kita terima penjelasan itu bukan berpusat tetapi tertutup *close house*, macam ternakan ayam pula *close house* ia ada *aircond*. Cuma, ia ada *aircond*, ayam ada *aircond* dan najis tidak ada bau, tidak ada lalat dan sebagainya. Itu mungkin akan dibuat untuk ternakan khinzir. Cuma masalahnya sekarang penguatkuasaan tidak begitu kemas. Masalah masih berlaku secara berleluasa di Kampung Selamat. Dia akan lepaskan terus, dia *standby* saja bila sampai satu ketika musim hujan sikit dia lepaskan kumbahan masuk terus dalam sungai *direct* terus ke dalam sungai itu yang menimbulkan masalah kepada penduduk di kawasan sekitar Air Melintas, Kampung Tok Bedu, Pokok Machang dan sebagainya. Berlaku air kumbahan itu terlalu banyak ke dalam sungai. Itu tentang ternakan khinzir.

Kesembilan, berjaya menaikkan surcaj penggunaan air untuk pengguna sebanyak tiga kali 2010, 2013 dan 2015 dan akan naik tarif, naik tarif ini 2015 sekali *Insyallah* akan naik dalam tahun ini 20 *percent*, 20 *percent* akan dinaikkan daripada tarif yang sedia ada.

Kesepuluh, kejayaan Pulau Pinang juga negeri yang banyak caj mungkin untuk kebaikan negeri mungkin. Caj surcaj air, caj plastik, caj katil hotel dan sebagainya. Caj parkir sampai tengah malam itu berlaku di negeri Pulau Pinang mungkin untuk tujuan pendapatan tapi ia kadang-kadang membebankan rakyat yang ada di negeri Pulau Pinang.

Kesebelas, mencapai pencapaian keempat tertinggi dalam kes denggi. Kes denggi ini yang terkini kes terkumpul 2,354 kes yang terkumpul daripada bulan Disember 2018 hingga April 2019. 2,300 kes denggi yang keempat satu Malaysia dan yang keempat belakang Selangor dan negeri lain. Jadi ini benda yang perlu kita lihat dan selesaikan bersama. Kalau

juara dalam kes ini bahaya dan masalah kepada masyarakat pada taman-taman dan sebagainya.

Ketigabelas...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Dato'. Saya bantah apa yang telah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang tadi caj parkir hingga pukul 12.00 malam memang tidak berlaku di negeri Pulau Pinang. Pada masa ini, saya difahamkan MBPP telah selaraskan sehingga jam 6.00 petang sahaja. Saya memohon Yang Berhormat Ketua Pembangkang menarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya Tarik balik. Saya tengok sampai Sabtu Ahad pun kena hari cuti pun kena. Pahang tidak kot. Okey, okey.

Keempat belas, kos menyediakan laluan basikal yang terlalu tinggi. Saya tidak tahu laluan basikal ini macam mana. Saya tengok bentuk dia biasa saja cat hijau *line* tapi kos agak tinggi lebih kurang jawapan saya dapat ini kos satu kilometer, panjang jalan basikal kos *coaster cycling road* ini yang telah dibuat sepanjang 39.3 km kos RM45 juta. Sudah siap 30.2 km kos dia RM34.8 juta. Saya kali-kali, bahagi-bahagi satu kilometer lebih kurang kos RM1.15 juta per kilometer ini adalah bukan kerajaan saja dia ada swasta. Pecahan dia MBPP RM20.5 juta, JKR RM7.9 juta, pemaju sumbangkan RM6.4 juta. Jumlahnya RM34.8 juta. Kos agak tinggi.

Saya tengok yang dibuat tidak sampai tahap terlalu teknikal mungkin ada tempat-tempat kita bukan melintangi *bridge*, jambatan tetapi tidak banyak tempat tapi kena lihat balik kos ini yang saya rasa agak tinggi yang kadang-kadang menimbulkan tanda tanya kepada masyarakat kenapa kos laluan basikal ini terlalu tinggi kosnya.

Kelima belas kewujudan 2000 pusat hiburan. Ini saya dapat dalam akhbar. 2000 pusat hiburan dan rumah urut berlesen yang berlesen dan juga haram campur ada 2000 di merata tempat. Di *Icon City* itu pun banyak saya tengok massage rumah-rumah urut saya masuk pi situ macam masuk pi Siam tengok ada *massage*. Gerai tom yam pun ada jadi kena tengok balik kes-kes macam ini walaupun kita dapat pendapatan untuk negeri lesen dan sebagainya tapi pastikan benda yang tak baik kepada masyarakat perlu kita kurangkan, perlu kita kurangkan pengwujudannyalah. Serbuan dalam kes makmal dadah juga kes yang banyak di Pulau Pinang, jadi hero juga. Berjuta-juta, berpuluh juta, beratus juta kes-kes serbuan makmal-makmal dadah termasuk satu di Sungai Dua, saya terkejut ada makmal dadah di Sungai Dua yang wujud di taman, dalam rumah dia buat makmal. Kes yang begitu banyak di Pulau Pinang, jadi pusat proses untuk dihantar kepada negeri lain dan sebagainya. Ini perlu kita buangkan identiti itu. Orang kata la ni Pulau Pinang tempat untuk memproses yang begitu besar dadah dan sebagainya.

Dan seterusnya tentang isu-isu yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan PIL yang akan saya sentuh dalam isu nanti.

YB. Dato' Yang di-Pertua, tuan-tuan dan puan-puan, isu-isu yang ada di Pulau Pinang, dalam kita memimpin negeri, memimpin negara, sudah semestinya kita ada isu-isu dan masalah yang dihadapi oleh kerajaan. Ini perkara yang biasa, perkara biasa dan isu-isu dan masalah ini mesti kita selesaikan segera, selesaikan cepat supaya dia tidak menjadi barah, sekarang kanser tahap 1, jangan bagi jadi tahap 4, so kita kena pi berubat, kena ubatnya supaya tidak menjadi masalah kepada rakyat dan juga kepada kerajaan.

Pertamanya, isu Penang Island Link 1. Saya sudah sebut dalam mesyuarat yang lalu, persidangan yang lalu, PTMP mempunyai dua (2) projek utama, *Bayan Lepas Light Rail Transit* dan juga *Penang Island Link 1*. Dan saya sebut dah diluluskan projek PIL 1, dah diluluskan dan Y.A.B. Padang Kota sebut pada 10hb.4.2019, beserta 56 nasihat yang perlu dipatuhi dan dipenuhi. NGO, Parti Politik dan macam-macam menyentuh tentang PIL 1, saya

pun sentuh dalam mesyuarat yang lalu. Saya kata mengikut laporan impak alam sekitar, PIL 1 ini menjejaskan kehidupan seharian orang awam, bunyi bising, getaran, kesesakan lalu lintas dan sebagainya dan mungkin isu-isu lain akan timbul selepas PIL 1 ini dibuat. Seperti contohnya, satu nilai hartanah di kawasan PIL 1 akan jatuh, akan turun sebab rumah mungkin dekat dengan jalan. Rumah kita ini dekat dengan *highway*, tak selesa dah kita duduk, jadi rumah itu akan turun harga, akan jatuh. Pemandangan yang indah, jalan raya pokok-pokok mungkin akan berkurangan ataupun tak wujud lagi dah, banjir kilat mungkin berlaku, mungkin, ini mungkin dalam syarat akan disebut. Kalau boleh syarat itu kita pamerkan supaya rakyat tahu, masyarakat tahu, ini 56 perkara yang perlu dipenuhi, perlu diikuti, perlu dipatuhi, kalau boleh dipamerkan supaya semua orang tengok. Jabatan Alam Sekitar (EIA) tetapkan yang ini, satu apa dia, dua apa dia, tiga dan sebagainya. Kalau boleh kita terangkan, beritahu kepada rakyat, telus, kita telus, kita terang ini benda yang diperlukan, pihak kerajaan perlu penuhi ini untuk kita laksanakan PIL 1. Kesan kesihatan kepada penduduk, pelajar dan sebagainya itu mungkin ada dalam *social impact* dan sebagainya.

Terdapat bangunan yang akan terkesan kepada projek PIL 1, bangunan sekolah, tempat ibadat, tempat rekreasi, tanah perkuburan, hospital swasta akan terlibat dalam jejarian lebuhraya ini. Jadi ini akan menjejaskan dari segi keadaan sedia ada, menjejaskan dari segi sosial, kesan kepada masyarakat, kepada sekolah dan sebagainya. Jadi walaupun PIL 1 telah pun diluluskan dan penyediaan reka bentuk akan dilaksanakan, mengikut Padang Kota terangkan.

Jadi saya mohon pihak Kerajaan Negeri dan jabatan yang terlibat melaksanakan perkara-perkara berikut. Pertama, mohon pihak Kerajaan Negeri dan jabatan terlibat mengkaji semula kesan pembinaan kepada alam sekitar. Kesan-kesan kesihatan kepada penduduk, banjir kilat yang mungkin berlaku, pencemaran bunyi, pencemaran habuk dan sebagainya perlu dikaji semula, dilihat semula supaya tidak terjejas teruk bila kita bina PIL 1. Keadaan semula jadi yang mungkin terjejas akan kita kawal.

Kedua, memikirkan alternatif lain, bagaimana untuk menyelesaikan isu-isu alam sekitar dan pencemaran kepada penduduk, mungkin kena ada *second alternative*. Kita hendak buat projek 6 lorong, 4 lorong ke atau 6 lorong? 6 lorong, tiga, tiga luas kawasan so kena fikir alternatif untuk selesaikan isu alam sekitar dan pencemaran. Ketiga, memastikan projek PIL 1 memenuhi nasihat dan cadangan 56 perkara itu dipenuhi dan diikuti dan kalau boleh 56 perkara ini dimaklumkan, dipamerkan ataupun disenaraikan, boleh akses tengok, supaya rakyat boleh akses tengok ini 56 benda tidak menjadi rahsia, supaya rakyat boleh pantau, rakyat boleh tengok. Kita sendiri pun boleh lihat apa yang syarat-syarat yang diberikan untuk dipenuhi dan dilaksanakan dan rakyat boleh menilai kita dah buat ke belum. Dan isu berkaitan dengan PIL 1 ini saya minta penjelasan dari segi kos, kalau boleh dijelaskan nanti dalam penggulungan. Kos itu agak tinggi saya tengok, RM7 bilion untuk jarak 19.5. Kalau silap saya mohon maaf tapi saya nampak macam itulah, RM7 bilion untuk 19.5 kilometer, lebih kurang RM400juta untuk satu kilometer. Mungkin ada kerja-kerja tebukau terowong dan sebagainya dan mungkin itu kos yang tinggi. Kalau boleh dijelaskan supaya masyarakat, rakyat faham, tidak orang hentam, apa kos sampai RM400 juta, ECRL pun RM68 juta per kilometer, ini sampai RM400 juta, ini jadi isu. So boleh jelaskan, isu kita boleh selesaikan. Okey.

Dan juga penjelasan dari segi sumber kewangan untuk kita laksanakan projek, daripada mana sumber RM7 bilion, kalau untuk PTMP keseluruhannya dia ambil daripada duit *reclaim* itu, *reclaim* itu akan guna tapi *reclaim* tak buat lagi, jadi kita hendak guna sumber mana, pinjaman bank China kah, itu perlu dijelaskan, daripada sumber mana kita, sebab rakyat akan menanggung bersama kos-kos yang terlibat. Saya ingat itu tentang isu PIL 1. Nak *stop* dan sambung?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Sambung petang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak boleh...(ketawa). Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk sesi makan dan kita sambung pada jam 2.30 nanti.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.25 petang.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat, kita bersambung dengan sesi perbahasan dengan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) :

Salam Sejahtera, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Saya sambung terus, saya tak mau buang masa sebab banyak lagi benda saya nak cakapkan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh dihadkan ke 20 minit.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Pertama isu tambakan laut, pencemaran dan Projek *Penang South Reclamation* (PSR). Isu tambakan laut yang sedang berjalan, yang sedang berjalan di bawah E & O di kawasan Tanjung Tokong dan juga Gurney Drive, telah mengakibatkan air laut di sepanjang kawasan tambakan tersebut dan juga laluan pembuangan selut, menjadi kotor dan tercemar. Dan kerja-kerja ini telah memberi kesan kepada aktiviti nelayan pantai di kawasan terlibat, dan jejakan dari segi hasil tangkapan nelayan di kawasan tersebut. Jadi minta penjelasan daripada pihak YB. EXCO terlibat tentang kerja-kerja ini, dan juga kerja-kerja penguatkuasaan *enforcement* yang dibuat dari segi pemerhatian ke atas kualiti kerja yang dibuat.

Kedua, tentang isu kelulusan dan penyambungan kerja tambakan laut utara pantai Butterworth. Seperti yang dimaklumkan bahawa Syarikat Rayston Consortium Sdn. Bhd. telah diberi kelulusan untuk kerja-kerja penambakan laut sepanjang 7 kilometer utara pantai Butterworth, yang telah ditangguhkan sejak tahun 1999. Terdapat beberapa penambahbaikan dan perubahan dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri dan juga Syarikat Rayston. Antaranya Kerajaan Negeri akan memperolehi tanah seluas 90.31 hektar setelah kerja-kerja tambakan ini dilaksanakan.

Cuma peringkat sekarang pihak Rayston diperlukan menyediakan *master plan* untuk projek ini, dan juga pelan merancang dan juga kajian kesan alam sekitar. Dan apa yang dilihat kerja-kerja penambakan ini akan memberi kesan kepada kampung-kampung tradisional yang ada di kawasan Bagan Ajam, Bagan Lebai Tahir dan juga kawasan Teluk Ayer Tawar, juga menjejaskan jeti nelayan di Bagan Ajam dan juga di kawasan Teluk Ayer Tawar, Padang Bengali. Menjejaskan ekosistem, menjejaskan hasil dan pendapatan nelayan dan mungkin

pembangunan yang akan dibuat di kawasan ini, akan memberi pembangunan yang bercorak pembangunan bercampur, yang rasanya akan melibatkan kos yang tinggi. Sebab kerja-kerja penambakan juga memerlukan kos yang tinggi, maka pembangunan yang dibuat akan memberikan kos yang tinggi dan mungkin akan memberi kesan yang tidak baik kepada pembeli-pembeli yang bakal membeli iaitu orang yang tidak mampu, mungkin tak dapat membeli rumah pembangunan, rumah di kawasan tersebut. Dan kita minta dilihat balikkah dari segi keadaan nelayan, kampung tradisional supaya mereka ini mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Ketiga dari segi projek tambakan tiga (3) pulau di selatan, jadi mohon penjelasan dari segi pencanggahan diantara *statement* yang dikeluarkan oleh Y.A.B. Padang Kota dan juga Yang Berhormat Menteri tentang kelulusan projek tersebut. Dan projek ini juga memerlukan kos yang tinggi dan kemungkinan pembangunan di kawasan itu akan melibatkan pembangunan yang mempunyai nilai yang tinggi dan harga yang tinggi, dan kemungkinan penduduk tempatan tidak mampu untuk membelinya, dan juga perlu dilihat sebagai satu masalah yang akan berlaku.

Projek ini juga akan memberi kesan kepada isu sosial dan alam sekitar dan juga sepertimana tadi, 18 nasihat ataupun perkara yang perlu dipenuhi itu perlu dimaklumkan kepada masyarakat supaya kita melihat apa bentuk perkara yang perlu dipenuhi dalam meneruskan projek penambakan tiga (3) pulau di selatan Pulau Pinang.

Seterusnya tentang kewujudan asrama pekerja asing di taman perumahan. Ini berlaku di kawasan Taman Teluk Molek, kawasan Teluk Ayer Tawar. Saya melihat tadi ada jawapan diberikan oleh YB. EXCO tentang program Airbnb. Perumahan dijadikan macam tempat penginapan untuk pelancong. Dan apa yang diperlukan disitu, setiap resident di situ perlu kebenaran, perlu membenarkan rumah tersebut buat Airbnb. Berapa puluh *percent*, 90% penduduk setuju. Singapura 80%.

Jadi ini berlaku tentang asrama ataupun rumah pekerja asing. Syarikat yang melaksanakan kerja ni, membekalkan pekerja kepada sebuah kilang, Kilang SONY, dan dipilih rumah di kawasan Taman Teluk Molek sebanyak 15 buah rumah yang dimiliki oleh NGO iaitu Roman Catholic, NGO Roman Catholic. Dia ada 42 , buah rumah 15 buah telah dijadikan asrama ataupun rumah pekerja, bakinya belum dibuat. 17 lagi, dan akan dibuat.

Masalahnya bila pekerja asing daripada Myanmar, daripada Vietnam, dan juga Indonesia ni berada disitu seramai 450 orang, dia menimbulkan kesan negatif kepada penduduk yang asal di situ yang ada rumah di situ. Kesan dari segi sosial, kesan dari segi keselamatan dan sebagainya. Jadi, saya mohon penjelasan daripada pihak EXCO tentang isu ini. Tentang rumah dijadikan perumahan, taman perumahan dijadikan asrama ataupun rumah pekerja.

Mengikut apa yang saya bincang dengan pihak Majlis, ia tidak ada masalah dari segi rumah disewakan untuk pekerja duduk. Cumanya masalahnya sekarang rumah itu dijadikan macam asrama, satu rumah ada 30 orang agak ramailah. 30 penghuni dan ini menyebabkan berlaku pelbagai masalah dari segi sosial, dari segi keselamatan dan sebagainya. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak EXCO dan juga pihak Kerajaan Negeri tentang isu ini, yang kalau tidak diambil tindakan mungkin akan memberi kesan kepada persekitaran juga penduduk di kawasan Taman Telok Molek.

Seterusnya tentang pembuangan sisa kimia dan toksik di Pulau Pinang. Apa yang saya risaukan macam yang dibangkitkan tadi, tentang isu pembuangan sisa kimia dan toksik. Kawasan kita kawasan industri, kawasan perindustrian ni banyak sisa-sisa tu akan dibuang di sungai dan sebagainya. Yang mungkin macam mungkin boleh berlaku macam di Johor, di Pasir Gudang di Sungai Kim Kim, yang menyebabkan berlaku pelajar dan juga penduduk tempatan, muntah-muntah, sesak nafas dan sebagainya.

Dan perkara ni pernah berlaku di kawasan Gurun. Kawasan kilang baja di Gurun, apa pembuangan toksik melalui corong tu dah menyebabkan penduduk di kawasan kilang Gurun

tu, mengalami masalah. Dan ini perlu dilihat oleh pihak EXCO, pihak Kerajaan Negeri sebagai satu benda perkara yang perlu perhatian yang serius, supaya tidak berlaku di kawasan Pulau Pinang dan juga Seberang Perai. Isu yang semacam ini isu pencemaran, isu pembuangan dan sebagainya perlu dikawal lebih rapi, supaya tidak menyebabkan berlaku pelbagai perkara yang menimbulkan kesan serius kepada penduduk dan juga kepada masyarakat di kawasan sekitar.

Dan satu lagi di kawasan Sungai Dua ada loji PBA, loji pembersihan air untuk minuman. Dan di situ dia ada satu bahan kimia, bahan untuk pembersihan dan bahan ni, kalau dia bocor dan sebagainya dia akan memberi kesan kepada penduduk di sekitar. Jadi, kalau boleh benda ni juga diberi perhatian dan dimaklumkan ciri-ciri keselamatan kepada penduduk kawasan kampung terlibat. Di Sungai Dua tu banyak kampung dan juga taman-taman yang mungkin tak *aware* pun tentang perkara ni. Perkara ni boleh berlaku bila-bila masa, dan ini perlu dilihat sebagai satu perkara yang mungkin berlaku, dan akan menyebabkan masalah timbul di kawasan Sungai Dua.

Seterusnya tentang PYDC, Penang Youth Development Corporation. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, melalui apa yang saya dapat daripada ROS, terdapat 592 Pertubuhan Belia yang masih wujud di Pulau Pinang yang berdaftar di bawah ROS. Terdapat 15 pertubuhan yang mempunyai cawangan dan juga persatuan belia tunggal.

Pertubuhan Belia ni merangkumi Pertubuhan Belia Melayu sebanyak 8, yang 7 pertubuhan kaum Cina dan India. Dan buat masa ni, pertubuhan-pertubuhan ni yang mana satu masa dulu merupakan pertubuhan yang melahirkan kepimpinan di peringkat kampung, peringkat tempatan dan sebagainya, telah mula menghadapi masalah dari segi dana untuk pengurusan dan pentadbiran dan juga pelaksanaan program.

Kalau boleh pihak PYDC, melihat perkara ni dan memberikan fokus kepada Pertubuhan Belia ni, yang dah ada, sedia ada pendaftaran yang boleh yang dah ada pemimpin-pemimpinnya ataupun mungkin kita boleh pilih pemimpin yang lain, untuk meneruskan badan-badan pengurusan ni untuk meneruskan kepimpinan di peringkat cawangan, kampung, taman dan sebagainya. Supaya kita ada satu pertubuhan yang boleh menjadi pelapis kepada kepimpinan di peringkat akar umbi di peringkat orang muda, sebab orang muda ni dia berminat untuk menyertai Pertubuhan NGO yang bukan berpolitik, jadi kita boleh gunakan ini sebagai satu tempat untuk mendidik mereka melalui PYDC. Gunakan jentera yang sedia ada supaya kita boleh melahirkan kepimpinan yang ada. Bukan hanya sekadar kita menjurus kepada program-program yang berbentuk ekonomi sahaja, tetapi juga bentuk kepimpinan. Kepimpinan di peringkat akar umbi sebab Tuan Yang Terutama YDP juga menitik beratkan dari segi pembangunan golongan belia. Dalam ucapan beliau, beliau menyebut tentang pembangunan golongan belia dan juga minta Kerajaan Negeri terus memberi komitmen yang tinggi dalam membangun dan memperkasa peranan belia dalam masyarakat. Ini saya rasa kaedah yang boleh kita gunakan untuk membangunkan belia-belia di negeri Pulau Pinang.

Dari segi isu perumahan untuk rakyat. Dalam ucapan perasmian T.Y.T. Yang di Pertua Negeri juga telah menyentuh kepentingan penyediaan rumah untuk rakyat dalam membentuk keluarga serta komuniti yang sejahtera. Jadi T.Y.T nak kita menyediakan rumah yang cukup, yang mampu milik kepada mereka-mereka yang masih belum memiliki rumah di negeri Pulau Pinang. Cuma apa yang nak saya tekankan di sini, pembinaan rumah mampu milik kategori A dan B, saya sebut lagi sekali perlu dipertingkatkan. A / B maknanya RM40,000.00 dan juga RM80,000.00 perlu ditambah, dan kategori C yang RM150,000.00 ke bawah juga boleh. Tapi yang perlu ditambah, dipertingkatkan rumah mampu milik kategori A dan B yang perlu ditambah bilangan.

Dan apa yang saya nak cadangkan, saranan saya kalau boleh pertamanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu membina lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana rendah A dan B. Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu membina lebih banyak rumah PPR yang saya sebutkan tadi.

Dan *Insyallah* saya nampak Kerajaan Negeri akan buat di setiap daerah, tambahkan rumah PPR untuk tujuan penyewaan kepada mereka yang tidak mampu. Yang ketiga, Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu melaksanakan konsep *rent-to-own*. Ini juga telah mula dilaksanakan konsep *rent-to-own* ini bagi mereka yang tak mampu pinjam bank dan sebagainya, kita buat konsep ini dan saya nampak konsep ini boleh memberi jaminan bahawa semua orang yang tak mampu pinjam boleh memiliki rumah. Dan juga yang keempat, kuarters-kuarters rumah kerajaan yang terbengkalai tanpa sewaan perlu dilihat kembali, macam mana kita nak bangunkan kuarters ini, kuarters yang ditinggalkan, tak ada penghuni, banyak. Kuarters Pendidikan, kuarters macam-macam jabatan yang ada kuarters semua ditinggalkan, *abandon* macam tu...(dengan izin). Jadi kalau boleh kita lihat pendekatan yang boleh kita buat untuk jadikan kuarters ini, mungkin rumah sewa atau rumah *rent-to-own* dan sebagainya, boleh kita bincangkan.

Seterusnya Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dalam ucapan T.Y.T., menyebut tentang pelancongan. Tahniah kepada Sektor Pelancongan yang telah mencatat peningkatan daripada 7.23 juta pelancong, 2017 kepada 7.78 juta, 2018. Cuma pihak Tuan Yang Terutama Tun, memohon supaya dipertingkatkan pelancongan dari segi agro pelancongan dan aqua pelancongan, termasuk juga saya tambah sikit pelancongan yang berbentuk warisan juga perlu dipertingkatkan. Tiga (3) pelancongan tersebut dan kawasan Sungai Dua ada program pelancongan yang berbentuk agro *tourism* menyusuri sungai bersama dengan Penanti, sungai itu sekali dengan Penanti boleh kita laksanakan program agro *tourism* di kawasan tersebut dan dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan. Di sebelah Seberang Perai, saya rasa banyak lagi kawasan yang boleh lagi dijadikan kawasan pelancongan yang boleh dimasukkan. Saya rasa pihak EXCO telah memohon senarai untuk dijadikan kawasan pelancongan, jadi kalau boleh dilihat dan disenaraikan kembali supaya seluruh Pulau Pinang terlibat dalam siri pelancongan. Sebab di seberang ini banyak bentuk pelancongan yang boleh kita lihat selain daripada kawasan sungai, terdapat juga kawasan sejarah, kawasan burung hijrah, kawasan kelip-kelip dan sebagainya yang ada di sebelah Seberang Perai yang boleh kita jadikan sebagai penambahan tempat untuk pelancong-pelancong dibawa ke kawasan tersebut.

Bagi sektor Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Yang Terutama Tun menyebut dan menekankan tentang kepentingan dan mustahaknya pihak Kerajaan Negeri memikirkan dan menyusun strategi bersama jabatan dan swasta dalam memastikan sumber bekalan makanan mencukupi untuk penduduk Pulau Pinang. Jadi di Pulau Pinang ini, tanahnya agak terhad jadi kita kena menggunakan tanah yang ada dan tak boleh kita kurangkan, contohnya kawasan tanaman padi, tak boleh kita kurangkan kawasan tanaman padi. Kena pastikan 12,000 hektar tetap 12,000 hektar. Tak boleh kita kurangkan kepada 5,000, 10,000 dan ini akan menimbulkan masalah bekalan makanan. Begitu juga kawasan-kawasan pertanian yang lain yang perlu kita bersama dengan jabatan merancang satu perancangan dasar pertanian negeri mungkin untuk jangka panjang. Macam mana kita nak bangunkan pertanian dan membekalkan makanan yang mencukupi untuk rakyat di Pulau Pinang ini. Dan kita kena ada data, data itu kena ada, komoditi apa, pertanian, makanan apa yang perlu, sayur-sayuran, mungkin buah-buahan dan sebagainya, ternakan dan ini perlu dirancang sesuatu supaya pembekalannya mencukupi untuk masyarakat dan juga rakyat di masa yang akan datang. Antara cadangan saya, kalau boleh kita juga masukkan dalam cadangan itu, supaya kita negeri yang kurang tanah ni, kita mungkin boleh buat projek secara *hectare equivalent*, maknanya kita pilih kampung untuk buat tanaman limau contohnya, satu kampung itu, kita ada 50 keluarga dan dia akan tanam limau itu di kawasan rumah dia. Satu orang tanam 20 pokok. Kita dah ada 20 pokok kali 50 orang, 1000 pokok. Dekat-dekat 10 ekar dah ada dah. Tanpa kita memerlukan kawasan lapang yang banyak. Jadi kita boleh buat rangkaian

pemasaran melalui itu supaya kampung itu terkenal dengan limau, kampung ini dengan pengeluaran apa, so kita boleh buat secara *hectare equivalent* untuk kawasan kampung dan boleh menambahkan pendapatan orang kampung dari segi pengeluaran tanaman makanan.

Dan juga mungkin kita kenal pasti teknologi baru, mungkin gunakan pihak swasta dan mungkin kita menggunakan fokus untuk NCIA ini, fokus kepada pembangunan sektor pertanian. Fokus kepada pertanian sebab yang saya tau NCIA, dia ada *greenhouse* yang agak luas di kawasan Ara Kuda, dia ada kawasan *green house* seluas 26 ekar yang boleh dibangunkan dengan tanaman yang lebih menggunakan sistem yang moden.

Seterusnya Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, saya akan sentuh sedikit tentang rumusan dan syor PAC Negeri Pulau Pinang. So kita ada risalah yang dimasukkan bersama kita, ada dua (2) perkara yang telah diputuskan, dibincangkan dalam PAC. Pertama berkaitan dengan tanah-tanah bendang yang ditambun. Yang kedua tentang laporan banjir warga asing dalam menjalankan perniagaan dan aktiviti ekonomi di Pulau Pinang. So kita melihat, kita dah bagi syor, ada enam syor di kawasan tanah bendang dan juga empat (4) syor PAC bagi banjir pendatang asing dalam ekonomi. Jadi kalau boleh syor-syor ini diangkat oleh pihak Kerajaan Negeri untuk dijadikan sebagai satu penguatkuasaan yang betul-betul rapi dalam menyelesaikan isu penambakan tanah bendang. Ada enam perkara, termasuklah kita memaksimumkan denda yang dikenakan kepada mereka yang menambun tanah bendang. Itu boleh dikuatkuasakan dan mewujudkan jawatankuasa *task force*, membuat penguatkuasaan yang lebih rapi dan sebagainya. Yang itu, boleh kita lihat dalam buku ini, buku risalah ini dan kalau boleh kita pastikan benda-benda ini, perkara-perkara ini diambil tindakan yang sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Dan seterusnya tentang isu-isu dalam KADUN Sungai Dua, saya ada dua tiga isu yang perlu saya sentuh di sini. Pertama tentang projek pembinaan pembahagi jalan di Kampung Telok. Di kawasan ini ada kawasan makanan, kawasan jualan gerai makan di kiri kanan jalan dan tujuan pembinaan ini adalah untuk keselamatan dan juga mengelak kesesakan. Dan apa yang saya dapat maklumat, projek ini telahpun selesai kerja-kerja pemerhatian, tempoh percubaan telah selesai dan akan dibina pembahagi jalan. Cuma ada banyak bantahan daripada penduduk yang tak berapa setuju dan juga peniaga-peniaga di kawasan tersebut, tak setuju dengan pembahagi jalan. Cuma benda ni dah diluluskan, kita minta dipastikan bahawa kawasan *u-turn* di sebelah hujung kiri kanan mencukupi, diluaskan supaya pihak jentera-jentera berat boleh *u-turn* di kawasan. Kalau tak boleh *u-turn*, kedai-kedai makan itu akan matilah. Sebab kebanyakan bas-bas ekspres tidak akan masuk untuk makan di kawasan Kampung Telok, dia tak boleh nak *u-turn*, dia kena masuk ke dalam taman. Ini menimbulkan masalah. Begitu juga dengan penduduk di kawasan yang terpaksa buat *u-turn* yang jauh bila nak pergi ke masjid dan sebagainya. Cuma kelulusan dah diluluskan, kita minta tindakan untuk menyelesaikan apa-apa isu yang timbul di peringkat masyarakat.

Kedua tentang isu tanah perkuburan yang sempit, juga telah dibangkitkan dahulu. Saya minta pihak EXCO Agama dan juga pihak Majlis melihat tentang isu tanah perkuburan di kawasan Sungai Dua yang semakin hari semakin sempit walaupun kita dah ada perkuburan berpusat di Seberang Perai Utara, di Pinang Tunggal. Tapi pihak masyarakat ni susah sikit nak pergi ke sana, dia nak dekat dengan adik beradik juga, tak boleh pi jauh. Jadi ini merupakan masalah yang timbul dan kita dah cuba selesaikan, kita nak beli tanah dan sebagainya, cuma kita mohon supaya isu tentang pengambilan tanah untuk tanah perkuburan ini dapat dilaksanakan supaya isu di kawasan yang agak kritikal ini di kawasan Sungai Dua, di kawasan Masjid Al-Rasyid dan juga di kawasan Masjid Amin, dua masjid yang berhampiran mengalami masalah yang begitu ketara tentang isu tanah perkuburan. Perkara lain di kawasan Sungai Dua adalah pembinaan masjid baru di Sungai Lokan. Pinang Tunggal dah pergi melihat kawasan tersebut. *Insyallah* kita mohon supaya masjid baru Sungai Lokan dapat direalisasikan pembinaannya kerana kawasan itu menghadapi masalah dari segi anak kariah yang ramai bila menjelang hari Jumaat lah. Kawasan-kawasan kilang di situ yang hadir untuk sembahyang Jumaat. Okey, saya ingat itu isu-isu dalam kawasan Sungai Dua.

Seterusnya tentang kedudukan Islam di Pulau Pinang. Cabaran dan harapan, ini akhirlah. Pertamanya saya nak sentuh tentang kontrak sosial yang dipersetujui. Semua orang faham tentang kontrak sosial. Kita sebelum merdeka, kita bersetuju tentang kontrak sosial, tentang Islam agama rasmi, Kedaulatan Raja-Raja, Hak Orang Melayu dan juga Bahasa Melayu, bahasa rasmi dan juga kerakyatan. Itu lima (5) perkara yang terdapat dalam kontrak sosial yang sama-sama kita persetujui dahulu dan saya harap benda ini kita sama-sama akur dan patuhi tentang kelima-lima perkara supaya kita hidup dalam keadaan yang lebih baik, *InsyAllah* tiada masalah jika semua pihak memahami tentang isu kontrak sosial ini, saya ingat tidak ada masalah dari segi apa yang kita buat, memenuhi dan juga mematuhi apa yang telah kita persetujui sekian lama.

Keduanya tentang *manifesto* Pakatan Harapan Pulau Pinang iaitu memperkukuhkan status Islam, masyarakat berbilang kaum dan harmoni, mempertahankan hak-hak Pulau Pinang. Itu benda yang termaktub dalam *manifesto* dan kita harap ia dapat diteruskan dan dikekalkan dan dilaksanakan sebaik mungkin supaya tidak menimbulkan masalah kepada masyarakat yang berbilang kaum di Negeri Pulau Pinang ini.

Saya ingat itu sahaja perkara yang saya hendak sampaikan dan saya ingin menyentuh terakhir tentang Ulangtahun Pertama Kerajaan Pakatan Harapan, *last*. 9 Mei ulangtahun pertama dan ada banyak benda yang saya sentuh semasa di temubual oleh pemberita. Saya cuma boleh memberi 50% markah, 50 markah untuk lulus bukan *fail*, lulus. Cuma perlu ditingkatkan untuk cemerlang. 50 markah.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan. Kalau pemerintahan yang baru tak sampai setahun lagi, ada beberapa hari lagi ini diberi markah 50, apakah pula markah yang akan diberi untuk pemerintahan 60 tahun? Di mana kita lihat ada macam-macam skandal. Tak perlu cakap tentang 1MDB, Felda dicuri, Tabung Haji dicuri, semua yang berkaitan dengan Ketua Pembangkang bercakap tentang...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Mohon mencelah.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Biar saya habiskan dulu. Lepas tu. Ketua Pembangkang tadi telah berbincang pasal memperkasakan agama Islam sebagai kerana ianya adalah agama rasmi persekutuan tetapi ada orang-orang daripada parti Yang Berhormat sendiri telah terlibat dalam skandal Tabung Haji yang akan juga, *it's going to affect* orang-orang Islam khususnya mereka yang kelas bawahan. So apakah markah yang diberi kepada pemerintahan 50 tahun khususnya 10 tahun yang dipimpin oleh seorang perompak yang kini digelar, diangkat sebagai bos. *It's not 'bossku'*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Terima kasih Ahli Kawasan Bagan Dalam kerana menyebut tentang isu-isu dan sebagainya. Benda berkaitan dengan Tabung Haji, saya akan cerita Tabung Haji ni. Saya kata sekarang ni, dulu ni kalau syarikat tu rugi contohnya MAS rugi ataupun Telekom rugi, Celcom rugi, pihak kerajaan akan *pump* modal untuk selesaikan isu. Begitu juga dengan Rapid Feri rugi, perlu tambah baik, so kerajaan akan *pump* masuk duit. Tapi saya pun hairan kenapa Tabung Haji bila katanya rugi, lepas itu dia ambil aset dan dia jual. Saya tak tau. Dia ambil pelaburan-pelaburan dan dia jual sebanyak RM19.1 bilion. Katanya rugi RM4.1 bilion dan pembuktian kata rugi ni peringkat awal Audit Negara masuk, Audit Dalam ada, Ernst & Young buat akaun so tak nampak tak kata rugi pun. Bila masuk Price Waterhouse kemudian tu katanya rugi. Jadi kita jadi pelik lah kenapa kata rugi selepas selesai. Itu yang perkara berkaitan Tabung Haji...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Ketua Pembangkang, dulu dia kata 1MDB pun tak rugi, dia kata semua selamat so di pemerintahan lepas di bawah Najib, semuanya tak ada dia tak curi, dia tak apa, tapi bila Polis masuk rumah nampak RM116 juta *cash* dibawah. So memang dia orang suci, sekarang dia cakap bagai dia suci. So adakah Ketua Pembangkang menyalahkan Price Waterhouse dalam audit yang dibuat itu?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Saya tak salahkan Price Waterhouse tapi saya pelik kenapa sebelum tu tak rugi *after that* masuk jadi rugi. Itu yang saya pelik tu. Saya rasa hairan juga tentang 1MDB ni saya ingat kita tunggulah. Saya ingat tak lama dah. Tak lama lagi akan ada keputusan, kita tunggu keputusan perbicaraan. Felda pun tengah bicara. Tan Sri Isa Samad pun tengah bicara. So kalau berlaku benda-benda yang penyelewengan dan sebagainya, hukuman akan dijatuhkan. Kita terima dari segi itu. Kalau dah kata salah, salah. Kita tak kata orang salah tu betul. Salah, salah. Tapi yang buat betul tu kena mengaku juga. Tak boleh kata semua salah. Kalau semua salah, negara ni dah hancur dah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Minta laluan sekejap boleh. Nak cakap juga, pelik juga sebab kalau dibangkitkan Laporan Ketua Audit Negara pada tahun lepas, kita tahu hanya 1 kerajaan sahaja yang sering dipuji iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Betul tak?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Saya baru tengok tahun 2015, 2016, 2017. Saya rasa ada juga kelemahan-kelemahannya. Tak semuanya *perfect* lah. Ada yang kita tengok ada kelemahan dari segi kontrak, tender dan sebagainya. Itu kita akan bincang dalam PAC lah. Bukan semua *perfect*. Tak semua buat sempurna. Kita manusia biasa ada kelemahan-kelemahan tapi kelemahan-kelemahan yang dibuat tu tak lah sampai negara ni dah mufliis, bankrap tak boleh bergerak, hancur, punah-ranah, tak sampai tahap tu lagi lah.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Markah untuk pemerintahan Najib, belum jawab lagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Markah ni kalau dari segi manifesto, dia capai 98%. Pencapaian dari segi manifesto yang dibuat. Dari segi bantuan kepada rakyat juga. Benda ni kena tengok dari segi kebaikan kita. Betul lah, tuan-tuan dulu pembangkang maka melihat apa yang tak elok sajalah. Yang tak baik yang kelemahan dan sebagainya. Kita kena juga lihat kebaikan-kebaikan yang dibuat. Kita bina negara 60 tahun bukan senang. Daripada susah, daripada tak ada apa-apa dulu Merdeka kosong, kita bangunkan. Bukan senang nak membangunkan negara yang pelbagai kaum. Nak sediakan peruntukan untuk bangunkan pendidikan dan sebagainya macam-macam, susah. *Alhamdulillah* kita capai keadaan yang cukup baik hasil daripada perjuangan dulu. Ada hasil yang baik. Tak semua benda yang tak baik. Kena akuilah. Saya juga mengaku kalau ada kesilapan, kita mengaku jika ada kesilapan. Tak semua kita buat benda yang betul, ada yang salah silap kita manusia biasa tak lari daripada kesilapan. Timbalan Yang di-Pertua.

Jadi saya ingat itu dari segi ulangtahun pertama saya ucapkan tahniah dah sampai setahun. Cuma ada 2,3 benda yang saya nak sebut disini. Pertama, kita masih belum menyelesaikan 10 janji yang kita kena buat dalam masa 100 hari, kita selesaikan. Tolong selesaikan. Kedua, prestasi Menteri Kabinet perlu dipertingkatkan dari segi prestasi dan juga benda-benda dasar-dasar yang perlu dibuat dalam membangunkan negara ini. Ketiga, banyak keputusan lama diteruskan dan hanya membuat penjenamaan baru. Itu banyak yang berlaku. Keempat, keputusan dan cadangan baru menimbulkan kontroversi. Ini yang berlaku jadi perlu dielakkan kontroversi ini supaya orang lebih yakin dengan kerajaan yang ada dalam membentuk satu negara bangsa yang hebat. Sikap pemimpin kerajaan perlu diubah untuk

mencari usaha-usaha perbaikan, penambahbaikan, menyusun strategi, bukan hanya melihat kelemahan-kelemahan dan juga keburukan dan juga yang keenamnya, ekonomi negara perlu diperbaiki. Keadaan sekarang kita nampak agak kritikal. Kritikal dari segi mungkin ekonomi dunia juga terlibat jadi kita kena pastikan dari segi matawang, dari segi kemerosotan saham pelabur-pelabur menarik diri itu juga perlu dilihat dan diselesaikan supaya tak berlaku masalah kerugian di peringkat negara kita. Itu yang saya nampak dari segi rangka pertama ni kena banyak terus membuat perbaikan supaya segala isu dan masalah dapat diselesaikan secepat mungkin. Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan, terima kasih kepada jabatan agensi yang telah memberi pandangan dan juga sokongan kepada saya di peringkat DUN.

Terima kasih kepada rakyat di kawasan yang terus memberikan keyakinan kepada usaha-usaha yang kita dibuat, yang dibuat yang saya buat dan juga yang Kerajaan Negeri buat supaya mendapat faedah yang lebih menyeluruh kepada rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang. Terima kasih banyak, semoga persidangan kita berjalan dengan lancar dan sempurna dan saya minta maaf kalau ada salah dan silap dan saya sudahi dengan *Assalamualaikum W.B.T.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Dua. Dipersilakan Yang Berhormat Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

Bismillahhirrahmanirahim. Assalamualaikum W.B.T. dan selamat tengahari. Saya ingin mengucapkan berbilang setinggi terima kasih pada Timbalan Yang di-Pertua yang telah memberi saya peluang untuk membahaskan ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Pertamanya saya nak saya menyanjung tinggi dan berterima kasih kepada Tun Yang Terutama kerana telah meletakkan pelancongan warisan dan hasrat pelancongan warisan dan juga agro-pelancongan dalam ucapan T.Y.T., yang ini sebab sejak saya, ini dah *second term* pertama kali saya dengar yang dalam ucapan T.Y.T. dan juga berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meletakkan pelancongan warisan dan agro-pelancongan untuk *especially* pelancongan pada 2020. Yang ini sama dengan usaha yang telah dilakukan di Penanti sejak tahun lepas iaitu kami cuba sebab Penanti ini adalah kawasan yang kampung dan kami selama ini cuba mengekalkan keadaan kampung, 33 kampung di Penanti tapi di samping itu bukan kita tak mahu pembangunan tetapi kita nak meningkatkan pendapatan orang-orang kampung melalui pelancongan warisan, *homestay* dan juga agro-pelancongan dan yang ini saya nak tunjuk ialah *Paddy Festival* yang tahun lepas. *Paddy Festival* ini masa tu sidang DUN yang Ogos kan? Dan kali ini, tahun lepas kami hanya mempunyai kurang daripada sebulan untuk merancang dari *zero* untuk buat *Paddy Festival* ini dan hanya kali ini dan kami mempunyai persiapan yang lebih sedikit masa yang lebih panjang. Kami di sini, apa yang kami cuba buat, ialah sejajar dengan kehendak orang-orang kampung ialah cuba mengekalkan tanah-tanah bendang macam disebutkan laporan PAC. Kali ini menyebut tentang bagaimana tanah-tanah bendang yang kita ada sebagai contoh di Kampung Terus, Guar Jering kita ada 396 hektar. Jadi, seratus lebih itu telah ditukar kepada perumahan. Jadi apa yang kita cuba buat ialah bagaimana kita nak mengekalkan warisan.

Jadi kali ini kami mensasarkan 25,000 pengunjung. Pada tahun lepas kita mendapat lebih kurang 7,000 - 8,000 pengunjung yang datang, yang ini dapat membangunkan ekonomi orang kampung. Maknanya selepas *Paddy Festival* pada Ogos tu, penduduk kampung dan nelayan-nelayan sungai dapat meneruskan aktiviti bot bertambah dan kali ini kami bersama dengan pihak IADA iaitu bawah Kementerian Agrikultur. Pertanian, telah membuat persiapan awal *for example* dengan menanam padi baru sebanyak 15 hektar atau pun 25 hektar, nak bagi cantik, kuning, cantik,,arca-arca padi dan kali ini kita akan buat sekali dengan *Paddy River Run*. Maknanya larian menyusuri sungai dan juga bendang. Kali ini juga, buat pertama kali kami melibatkan Persatuan Hotel Pulau Pinang yang telah hadir dalam mesyuarat kami dan juga Persatuan *Agen* Pemandu Pelancong, *chairman* dia pun datang. Jadi kali ini kami mengharapkan yang dengan adanya aktiviti-aktiviti ini dan juga penduduk kampung sendiri

sekarang tengah *design* dan kelab rekreasi nelayan tengah *design* untuk buat *floating market* dan juga pasar pagi macam *style* Pasar Kemboja. Semua ini adalah untuk membangunkan pembangunan kampung di samping menjaga tanah-tanah bendang daripada dijual sebab kita di Pulau Pinang adalah paling *efficient* kita *produced* 6 tan sehektar, so kita antara yang paling nombor dua kira yang paling *efficient* jadi walaupun kita negeri yang kecil tapi selalunya pelancong dia pergi ke *Penang* pergi ke *Island* jadi kalau kita tengok dalam ucapan Tun dia sebut ramai sangat beratus ribu pelancong dari yang naik *cruise* tapi selalunya dia orang akan terus turun ke Kedah jadi semua usaha ini yang kami lakukan untuk bagi orang buka mata kalau dari *bridge* itu 20 minit dah sampai dah kat Kampung Terus jadi saya berharap Kerajaan Negeri akan membantu Penang Global Tourism, sebab bila saya tengok Penang Global Tourism dia mempunyai, *I think* RM14 – RM16 juta peruntukan setahun tetapi tak ada satu pun seberang *I mean* tak nampaklah kat Seberang Perai itu mungkin ada tapi tak nampak. Jadi saya harapkan agar Penang Global Tourism ini dapat membantu Kerajaan Negeri macam sekarang orang-orang kampung hendak buat *floating market* saya berharap pihak JPS akan membantu kami dan cuba bagi dorongan terhadap usaha-usaha yang kami lakukan bersama-sama dengan orang-orang kampung dan nelayan semua dan seperti saya kata itu saya sangat menyanjung tinggi ucapan T.Y.T. sebab dia memang sebut Pelancongan Warisan dan Agro Pelancongan dan tahun hadapan juga apa ini semasa mesyuarat dengan Jawatankuasa Padi Festival kami, institut dan juga persatuan landskap, lanskap arkitek akan mengadakan tahun hadapan dia punya kira dia punya *world conference* di *Penang*, jadi saya sangat berharap supaya hotel itu juga boleh dibuat di hotel di Seberang Perai sebab dia orang menjadikan Padi Festival kami itu sebagai salah satu acara utama untuk *world* landskap arkitek dunia ini di mana mereka semua akan datang.

Jadi kami mengharapkan supaya pihak Penang Global Tourism, pihak EXCO Pelancongan dan Kerajaan Negeri sama-sama membantu kami sebab itu tadi saya tanya juga kalau kita boleh buat BRT dari Pulau ke *you know* guna jambatan sebab BRT dia bas sahaja kalau kita boleh *dedicate* kita ada dua jambatan, *dedicate* satu jambatan itu untuk BRT dari Pulau ke Seberang Perai jadi kita boleh mengadakan pengangkutan awam ke Penanti, macam Penanti apa yang kami minta adalah van desa tapi lesen itu saya dapat jawapan bertulis maknanya lesen bas mini, *I mean* van desa dan bas mini ini tak wujud tapi kalau nak masuk jalan-jalan kampung elok kita boleh guna van desa jadi sangat praktikal sebab sekarang lesen yang ada bas biasa so bas biasa ini memang tak pratikal untuk kawasan kampung. Jadi saya sangat berharap bagaimana Kerajaan Negeri *flight* untuk dapatkan PTMP untuk buat LRT untuk membantu orang-orang di Pulau supaya tidak *face traffic jam* pergi ke *Airport*.

Saya harap Kerajaan Negeri juga akan membantu kami di Penanti yang tidak ada langsung pengangkutan awam. Kami tak ada hanya kami memang kami lesen van desa itu tak wujud tapi saya harap mungkin *since* kita sekarang dah satu Kerajaan kami *just* nak lesen itu sahaja sebab kalau bas-bas besar memang pengusaha bas itu tak mampu dan maknanya *is not commercially viable* so tak boleh nak buat *business* itu jadi kalau boleh guna van desa atau van lesen van desa itu boleh diusahakan dan dibantu oleh Kerajaan Negeri dan kami sangat berbesar hatilah *especially* kerana kami akan adalah *Insyallah*, *Penang Padi Festival* pada 16,17 dan 18 Ogos tahun ini bersama dengan *Padi River Run*.

Kami mengambil tarikh itu sebab penanaman padi telah bermula pada 22hb April dan kali ini pihak IADA juga menanam *Japanese Roses* untuk sebagai *natural pesticide* jadi *Japanese Roses* selalu orang tak tengok dekat bendangan tapi kami harap ini satu tarikan baru di Pulau Pinang bila datang tengok padi nampak arca padi, *all the artwork* dari jerami-jerami. So kali ini juga kami ingat kita punya bot-bot kita nak buat daripada buluh *and* boleh tidur dalam tu sebab saya dah tengok Dr. Nik Marzuki dah buat boleh tidur, boleh masak ada kitchen macam dekat Kuching *exactly like that* so di Desa Lestari Mengkuang juga mereka telah *order* empat jenis chalet ataupun *homestay* macam ini yang *it is like mobile chalet* yang dikelilingi oleh pokok-pokok buluh yang cantik sebelah betul-betul Mengkuang Dam .

Okey sebut tentang Mengkuang Dam ini, Mengkuang Dam itu sangat penting saya dapat jawapan semua orang tanya bila nak buka Mengkuang Dam? Jadi jawapan yang saya terima tak tahu, maknanya Kerajaan Negeri tidak bagi hanya jawapan kata akan hanya akan nak pastikan dulu tempat itu benar-benar selamat dan tak ada isu keselamatan. Jadi sekarang ini pembaikan tebing sedang berlangsung dari Februari 2019 sampai dijangka siap Jun 14.

Jadi saya harap kerja-kerja itu dijalankan saya harap Mengkuang Dam dibuka semula dan ini macam saya kata Desa Lestari MPKK Mengkuang ada koperasi dan mereka memang fokus untuk membuat chalet yang cantik *is like garden* boleh buat *garden wedding* sebab tempat itu memang ada buluh-buluh yang sangat-sangat cantik.

Sebut pasal Mengkuang Dam ini saya nak *highlight* kepada pencerobohan dan dia ada dua isu satu ialah pencerobohan tanah bukit depan Mengkuang Dam, Mengkuang Dam itu ada satu permohonan untuk perlingkungan semula untuk 84 ekar untuk dibuat perumahan, dan hanya saya telah buat macam-macam peringatan dan juga bantahan bukan bantahan macam mana maknanya kita nak kekalkan pembangunan yang dibuat di situ ialah mengikut apa yang tempat itu dinobatkan sebagai desa lestari jadi kita nak pembangunan perumahan itu semua mengikut mengikut dasar itu yang diberikan oleh Kementerian Luar Bandar. Jadi bila ada ura-ura nak buat 17 tingkat perumahan saya telah hantar surat kepada Ketua Menteri menyatakan kerisauan saya sebab kawasan itu depan Mengkuang Dam dan pernah bila hujan lebat berlaku berlaku banjir selut yang sangat teruk ke Mengkuang Titi dan di kampung-kampung belakang Masjid Mengkuang tetapi pada 12hb April telah berlaku satu pencerobohan kepada tanah pemaju Konkrit Gold itu di mana tanah itu telah dibotakkan jadi 12 April, jadi pegawai dari Pejabat Tanah datang adalah *authority* datang tapi bila pada 16hb pada *first* kita *detect* pada 12hb April so kita pergi kita ingat kalau pihak *authority* dah tahu satu tindakan untuk menghentikan kerja-kerja tanah ini dibuat sebab dia menceroboh tanah orang kan? Tapi rupanya pada 15hb saya terima panggilan kecemasan daripada pemaju dia kata pencerobohan itu dah lagi teruk. So saya pun buat *organized* satu lawatan tapak bersama MPSP, JPS, pemaju, konsultan tapi penceroboh itu dia datang dia lari lepas itu jadi bila kita tengok dalam masa seminggu bukit itu dibotakkan sampai paya-paya yang ada, bukit apa yang ada semua itu hilang maknanya dia bukan botakkan tanah dia ja dia botakkan tanah nak buat rumah itu yang saya dah buat syaratkan kena ada macam-macam itu kena ada dua kolam semua tak itu semua dah hilang.

So pada 16hb jadi masa saya masuk itu paya-paya semua dah hilang saya punya takut sebab JPS kata kalau ada empat jam hujan di depan Mengkuang Dam kalau ada empat jam hujan takut nanti berlaku sebab paya dah tak ada, pokok-pokok hutan itu semua dah tak ada akan berlaku apa ini banjir lumpur memang sekarang ini belum hujan sampai empat jam. Kita tak mengalami itu semua perumahan ada kolam sekarang dah tak ada sebab *the whole place* dah jadi botak, saya difahamkan saya bangkitkan perkara ini pada Mesyuarat Tindakan Daerah pada 25hb, apa yang saya dapat jawapan ialah ini adalah *private land*, tanah persendirian dan dia potong pokok dia tak ada buat struktur apa-apa. Maknanya dia tak ada langgar apa-apa undang-undang jadi saya nak pohon saya nak pohon sebab apa yang saya tahu kalau kita *in this case* ini dia ambil tanah-tanah yang dia dah gondolkan di bukit di bawah itu tanah-tanah itu digunakan untuk tambak paya di atas, so paya itu tinggal sedikit sahaja so kalau hujan paya yang sepatutnya serap air itu dah hilang dah tak ada tak *outlet* untuk air itu nak diserapkan dia akan turun ke kampung. Jadi maknanya di sini kita tak ada ke Kerajaan Negeri undang-undang untuk *protect* penduduk.

Maknanya kalau kita ada tanah di atas bukit dan kita boleh gondolkan tanah itu sesuka hati kita dan Kerajaan kita sebagai Kerajaan tak ada apa-apa yang kita boleh buat macam rasa macam duduk dekat Afrika mana. Macam tak ada undang-undang sebab macam takkanlah tak ada undang-undang yang boleh kita gunakan supaya kalau pun nak buat aktiviti dia kata nak tanam durian katakan dia pergi botakkan semua bukit dia pun botak bukit orang lain pun dia ceroboh lepas itu tak ada ke kita ada undang-undang supaya kalau ia pun dia *still* kena ada *slope protection*. Tuan tanah itu dia mesti buat *slope protection* macam dulu di Sungai Lembu bila bukit dibotakkan berlaku apa ini banjir lumpur ke atas jalan sangat bahaya

dah la jalan itu berbukit-bukit masa itu dia tanam pokok hiasan. Jadi saya bawa pertanian semua dalam keadaan begini saya faham Pulau Pinang ini *special* kita punya tanah adalah *first grade so this because* kita *special* kita punya tanah *first grade*.

So tak ada apa-apakah yang kita boleh buat untuk melindungi orang-orang yang akan terkesan dengan penggondolan bukit ini terhadap tanah kita itu. Kalau boleh saya minta sangat, seperti yang saya tengok masa kita membincangkan dalam PAC *report* yang tanah bendang yang saya tengok tanah bendang pun dia boleh ada akta-akta yang kuat di Pulau Pinang ini maknanya boleh masuk *jail* enam (6) bulan dan berapa ratus ribu saman dan ada 2 akta lagi satu lagi akta tambakan tanah tanpa dapat kelulusan lagi satu RM50,000 *and then jail* yang lagi panjang iaitu dua (2) tahun. Maknanya ada akta-akta yang *punishable* yang ada saman yang agak berat hukuman penjara yang tetapi *so far* yang kita tengok dalam PAC semua saman-saman hanya RM7,000 maksimum ada RM10,000 sebab semua kes dibawa ke Mahkamah Rendah dan tak di bawa ke Mahkamah Tinggi. Kalau Mahkamah Tinggi RM100,000 pun boleh. Jadi isu-isu begini saya amat berharap supaya kita di Pulau Pinang ini tidak ada macam *law* macam undang-undang rimba, siapa-siapa nak botakkan tanah berpuluh ekar pun ikut. Kita tak ada tak boleh buat apa dan macam tu dan menyebabkan kemusnahan kepada penduduk kampung.

Jadi saya amat berharap yang sesuatu yang boleh difikirkan antara Kerajaan Pusat dari segi undang-undang dan pihak PBT ada tak apa-apa yang boleh dilakukan untuk bagi syarat *slope protection*...(dengan izin) ke apa ke and the other isu *is* seterusnya saya....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr Hajah Norlela Binti Ariffin):

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Berkenaan dengan kes ini saya nak laporkan di sini iaitu pada 12hb April pasukan daripada Perhutanan Daerah SP bersama dengan pasukan penguatkuasaan Komtar telah mengadakan pemeriksaan di kawasan Empangan Mengkuang pada 12hb April dan susulan terdapat aduan orang awam mendakwa terdapat kegiatan membawa keluar kayu tanpa kebenaran. Selepas kami telah periksa kami mendapati kegiatan tebang pokok dijalankan di tanah persendirian oleh pemilik iaitu Encik Ong bagi menubuhkan ladang duriannya seluas 14 ekar dan di sini juga kami telah maklum kepada MPSP, dan MPSP telah juga ambil tindakan pada 17hb April dan MPSP mencadangkan membawa mereka pi mahkamah. So apabila Yang Berhormat pada 25hb April buat aduan kami telah habis jalankan tugas.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr Hajah Norlela Binti Ariffin):

Terima kasih, saya memang pegawai saya semua pergi 12 April dan saya sendiri turun masuk dalam kawasan itu pada 16hb April bersama dengan MPSP, JPS semua, bukan saya tak masuk hanya Mesyuarat Tindakan Daerah secara formalnya pada 25hb April dan saya bawa isu ini secara rasminya aduan ini. Sebab saya nak tahu apa yang boleh dilakukan sebab saya nak tahu jawapan Tuan DO dan Pejabat Tanah dan pihak-pihak berkuasa. Bukan saya tak masuk kita dah masuk aduan daripada 12hb April dan saya masuk pun masuk pada 16hb April memang kita ada video. Saya buat FB live boleh *check* dalam *my* FB.

Okey, *I mean* itu perkara sebenar saya hanya nak meminta macam ni, boleh tak MPSP ataupun Pejabat Tanah beli *drone*, beli *drone* pergi cek kawasan, bila ada aduan berentikan sebab benda tu berlaku pada 12 April tapi dia berterusan membuat penggondolan bukit itu, kerja dia *tractor* dia *continue* sampai 16hb April masa saya sampai masuk dia dah botakkan sampai nak masuk masa tu SU MPKK Sungai Lembu pun datang sebab dia risau jalan Sungai Lembu tu dia takut tanah runtuh sebab dekat situ selalu tanah runtuh dia punya risaunya.

Maknanya dari 12 April sampai 16 April walaupun 12 April penguatkuasa yang ada *authority* telah masuk dia masih melakukan kerja-kerja dia. Dia boleh mencerooboh tanah orang lain yang Konkrit Gold tu punya tanah dan dia boleh pergi ke tanah dia dan botakkan semua benda jadi kalau pihak berkuasa dah turun tapi orang tu *still* boleh buat kerja dia, mungkin sesuatu penguatkuasaan atau *drone* ke boleh difikirkan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat *you* berulang-ulang balik apa yang *you* sebut.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr Hajah Norlela Binti Ariffin):

But I know...(dengan izin).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

So saya nak bagitau masa kamu tinggal sepuluh minit lagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr Hajah Norlela Binti Ariffin):

Okey, tadi Sungai Puyu kata saya buat aduan hanya pada 25hb saya nak betukan fakta yang cakap antar 12 hingga 16hb yang pengondolan bukit tu berterusan, saya nak cakap tu. Supaya kalau *once* kita dah dapat aduan *we should stop* pasal kita dapat aduan *since* saya ada sepuluh minit sahaja saya ingin membuat penjelasan apa yang berlaku pagi tadi tu saya agak terkejut jawapan berkenaan dengan *food bank* itu saya bercakap di sini yang apa-apa saya buat saya bukanlah saya buat bersendirian saya tak buat bersendirian saya buat dengan kita di Penanti memang kita dah buat *food bank* sejak dua tahun setengah tapi masa kita buat *food bank* kita buat bersama dengan Dato' Saifuddin di bawah Program *Mutiara Food Bank* itu mengedar roti, sayur-sayuran dan buah. Hanya bila dah kira pada bila berlaku banjir besar pada November 2017, Penanti mengalami banjir di Kampung Terus, di Guar Jering di Kubang Kubu dan beberapa kampung di situ dan banjir selama tujuh hari. Bila berlaku banjir selama tujuh hari orang tak boleh balik rumah air tak surut kita kena bagi makan orang selama tujuh (7) hari dan masa itu saya mempunyai Kembara Kitchen yang datang dari Kuala Lumpur untuk tolong, Wiliam dan Yee Ling *team* dia datang dan hanya bila dia kata dia nak bersara, dia tak larat dah nak masak untuk banjir-banjir kan dia pun nak *fokus bisnes*. Dia saya pun fikir bagaimana kalau November ini berlaku, sebab Kampung Terus dia selalu banjir, tiga (3) hari pun selalu tapi tujuh hari, hari tu memang lama jadi saya fikir macam mana ni saya nak kena *stock* makanan ni. Jadi saya terfikir *retort technologies* sebab macam YB Phee pun cakap sebab *retort technologies* pun bukan satu teknologi yang baru dan saya fikir lama kalau saya boleh dapat makanan tu *free* dan makanan yang baik saya letak *retort machine* dekat di tempat tu. Saya mula-mula saya pikir dewan saya kalau ada kenduri tapi bulan puasa mana ada kenduri kan jadi saya fikir hotel-hotel. Jadi saya jumpa dengan Jabatan Agama Islam masa tu ada Palu punya Earth Quake semua mereka memang dok cari penyelesaian barulah macam *retort food* apa benda untuk hantar dekat Palu sebab tak ada *electricity, fridge* ke atau nak buat apa-apa. So diorang pun kita pun semua pergi ke kilang *easy pack*. *Easy pack* adalah satu kilang tempatan yang dua puluh tahun di Science Park kita pergi di situ buat *automation machine company* dan dia juga buat *retort machine* dan dia juga buat untuk eksport. Saya nak yang *mini retort* yang boleh masuk apa-apa dapur pun. Jadi di situ kita, saya *approach* hotel dan saya buat bersama dengan Yayasan *Food Bank* saya minta nasihat dia. Yayasan *Food Bank* di bawah Encik Wahab dan juga Dato' Saifuddin. *In fact* kita punya *pilot run* pun Menteri pun nak join kita punya *pilot run* sebab kita punya *pilot run* sebab kita nak pastikan SOP yang *easy pack* buat tu memang boleh di ikut. Orang yang akan packing termasuk semua *retort* itu termasuk enam or tujuh orang *team* semua dari Food Teknologi dan semua orang kita buat juga dengan Jabatan Agama Islam juga, kita juga mempunya Food Technology di bawah Ustaz Faizal. Kita nak *make sure* Ustaz Faizal *very concern food bank* ni mesti *source* dia adalah halal. Dia nak letak logo halal di situ. Saya berjumpa saya minta nasihat di situ dari Jabatan Kesihatan, Puan Ku Nafisah *she is the head of Keselamatan Makanan* dan dia hantar *team* dan orang-orang yang suka pi tangkap-tangkap kedai-kedai ni. Memang kerja diorang ni Penguatkuasa, *team* Penguatkuasa pun *join* bersama kami untuk

pastikan cara kami *retort* tu cara yang betul dan semua makan-makanan itu di bawa ke makmal di Butterworth, *food safety*. Maknanya projek ini kami buat bersama-sama dengan hotel sebab hotel ini mempunyai pensijilan halal. Jadi itu cerita dia.

Saya memang tidak, minta maaf tadi pagi saya memang agak terkejut apabila saya dengar jawapan itu. Saya tidak berniat *untuk you know* kita faham saya lagi takut kalau makanan itu *contaminated* ke apa-apa. Kita memang sangat takut, kita tak beli mesin-mesin dari China ke kita memang ambil dari syarikat tempatan yang memang *food automation* ni supaya kalau apa-apa hal dia ada di sini di Science Park. Jadinya saya nak sebut yang kita bermula pada bulan Ramadan ini kami buat *pilot run*. *Pilot run* ni maknanya ini *test period* kita akan hantar bersama dengan Pejabat Kesihatan. Kita ikut semua apa yang di suruh, kita ikut *so my time is over is it?*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

No still have.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr Hajah Norlela Binti Ariffin):

So okey kalau macam tu saya tak boleh cakap benda lain dah., tapi saya nak sebut ni lah saya rasa berkenaan dengan *Food Bank* ni kita juga bekerjasama dengan *Food Bank* UiTM Permatang Pauh bila saya pergi ke *food bank* dia penuh dengan maggi, biskut diorang macam suka kalau ada *ready to eat meal* jadi kalau projek ni berjaya maknanya makanan-makanan itu selamat dimakan sebab saya sendiri bila saya pergi umrah saya sendiri bawa makanan yang saya sendiri *retort*. Saya bawa masak cili padi daging salai yang menantu saya masak dia memang rajin pergi *retort* so saya memang bawa kalau gi umrah *buffet* dia pukul 3.00 dah habis so saya makan makanan *retort* anak saya bila balik daripada sekolah UNIZAR dia pun makan makanan *retort*, saya memang makan makanan *retort* saya mana ada masa nak masak.

Jadinya saya rasa kalau projek ni makanan hotel sebab Jabatan Agama Islam kata dalam bulan Ramadan selalunya hanya enam puluh peratus makanan habis. Jadi kita rasa bulan Ramadan ni adalah bulan yang baik untuk buat *pilot run* sebab mungkin kita ada makanan daripada hotel sikit kan. Kita boleh *test* kan sebab kita nak buat *pilot run* dan juga untuk raya korban kita juga dah *test* dengan daging mentah maknanya jika kita nak edarkan makanan daging korban yang kita dah *retort* di suhu *121 degree celcius* selama sejam. *It's a one-hundred-liter retort machine* jadinya memang kami dah test dah makan dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Selangor dengan JAKIM kita semua dah *test* makan dan kita memang hantar kepada *lab-lab* yang diiktiraf oleh pejabat kesihatan dan hanya *pilot run* kali ni memang kami hantar kepada *lab* oleh Kementerian Kesihatan sendiri. Kita tak hantar *to the independent lab*.

Dengan ini saya mohon menyokong, *before that* saya nak ucap terima kasih kepada Pejabat Daerah kepada semua team di JPS pada pegawai-pegawai ADUN Penanti, Ahli Parlimen Permatang Pauh, YB Nurul Izzah dan semua pegawai-pegawai kerajaan yang telah banyak sangat membantu saya. Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak, *JKR everybody all the EXCO and CM has been very kind.*

Saya kalau Dr Afif ada sini saya dah tengok jawapan pasar borong tu Dr Afif hanya ada empat orang saja dalam 22 ekar Agro Park Permatang Pauh di Penanti. Saya nak sangat *please* pada 21hb saya dah bawa *investor* diorang akan bayar empat ratus juta *no cost to the government, no cost* dan seperti yang YB. Rina kata *why not* orang-orang kampung *you all* MPKK kampung buat PBT sendiri. Maknanya bila kita buat pasar borong moden ni *four hundred million* ni JV dengan PBT kampung dan kita boleh dapat *income* dan boleh buat pembersihan kampung sendiri di Penanti. Kita tak payah asyik minta Kerajaan Negeri, MPSP datang membersihkan kampung kami, kami boleh bayar sendiri dengan adanya projek ini sebab ia adalah *private funding* dan saya sangat-sangat memohon pada Seberang Jaya dan juga Y.A.B. CM untuk menyokong projek ini ialah untuk memberi premis perniagaan untuk orang-orang kampung. Terima kasih. Saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Penanti dipersilakan Yang Berhormat Bertam.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):

Assalamualaikum warahmatullah hiwabarokatuh. Salam sejahtera dan salam harapan. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat kita berjumpa lagi di sidang DUN Mesyuarat Pertama Penggal Kedua kali ini Keempat Belas.

Bertam ingin merakamkan ucapan berbilang-bilang terima kasih di atas ucapan perasmian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 26 haribulan April yang lepas. Dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat di dalam persiapan untuk upacara perasmian DUN kali ini di mana walaupun kita bersidang di Dewan Sri Pinang tapi sekan-akan di dalam Dewan Undangan Negeri. Cuma dewan ini lebih besar lebih luas dan di luar ada mini zoo boleh dengar ayam berkokok, burung berkicauan dan saya percaya Yang Berhormat Bagan Dalam mesti suka cuma dia tak ada sekarang. Apa-apapun Bertam berharap kerja pengubahsuaian dan baik pulih Dewan Undangan Negeri dapat berjalan dengan lancar dengan elok dan harapan Bertam adalah selepas ini apabila siap nanti, Dewan Undangan Negeri lebih canggih, lebih cantik, dan lebih moden.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bertam juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah kepimpinan Ketua Menteri yang hebat, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dan seluruh barisan EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas pencapaian yang membanggakan. Kemajuan dan kepesatan pembangunan negeri Pulau Pinang pada masa ini dirasai nikmatnya oleh penduduk negeri Pulau Pinang dan Pulau Pinang kini bukan lagi Pulau Pinang seperti 10 tahun yang lepas. Dan ucapan terima kasih juga Bertam rakamkan kepada Yang Berhormat Sungai Dua selaku Ketua Pembangkang. Kita di Pulau Pinang ini cukup bertuah, kita ada seorang Ketua Pembangkang yang berhemah dan berbudi bicara. Kena gasak kena hentam pun masih *cool*.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bertam ingin memanjangkan beberapa isu untuk kita sama-sama bahaskan di dalam sidang Dewan kali ini. Sebagai sebuah negeri yang pesat membangun, sudah tentulah rakyat negeri Pulau Pinang memerlukan kemudahan yang mempunyai *standard* dan piawaian yang tinggi. Dan seringkali Bertam diajukan dengan pelbagai masalah yang berkaitan dengan Hospital Kepala Batas. Untuk makluman tuan-tuan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Hospital Kepala Batas adalah hospital kerajaan yang menyediakan kemudahan kesihatan untuk menampung penduduk bukan sahaja di sekitar Kepala Batas namun di Tasek Gelugor dan liputan kes meliputi Daerah Seberang Perai Utara dan juga kawasan negeri Kedah Selatan seperti Tikam Batu, Lunas dan juga Padang Serai. Dan menurut bancian jumlah penduduk yang menggunakan perkhidmatan Hospital Kepala Batas adalah 20% dari jumlah 305,402 orang iaitu kawasan liputan SPU dan Kedah Selatan maka ia pastinya akan berlaku kesesakan di hospital ini. Dan tambahan pula kapasiti untuk memberi khidmat kepada penduduk-penduduk adalah agak terhad. Walaupun terdapat kemudahan-kemudahan dan mesin-mesin yang canggih yang *up to date* ...*(dengan izin)*, tetapi dengan kekangan kekurangan kakitangan yang terlatih maka kebanyakan perkhidmatan tidak boleh disediakan dengan cepat, efektif dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli yang Berhormat, Hospital Kepala Batas ini merupakan salah satu tempat di mana penduduk-penduduk sekitar Kepala Batas mendapat, mendapatkan perkhidmatan kesihatan dari kerajaan *of course*. Dan sekiranya perkhidmatan yang diberikan mengecewakan, maka mutu perkhidmatan hospital-hospital kerajaan tidak akan dinilai sebagai satu perkhidmatan yang baik. Dan Bertam ingin memohon agar satu kajian menyeluruh untuk menaikkan imej Hospital Kepala Batas sebagai satu hospital yang canggih dan cekap dari segi peralatan dan kecukupan kakitangan yang terlatih.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, badan yang sihat melahirkan otak yang cerdas dan seterusnya akan menyumbang kepada sebuah masyarakat yang hebat dan produktif. Di sini Bertam ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat

Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan di atas usaha beliau bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merealisasikan projek pembaik pulih dan penaik taraf Padang Hoki di Bertam yang menelan kos lebih kurang 4.1 juta ringgit. Satu ketika dahulu, Bertam seringkali melahirkan pemain-pemain hoki yang telah berjaya mengharumkan nama bukan sahaja nama negeri Pulau Pinang malah nama negara Malaysia yang tercinta. Dan apabila siap sepenuhnya stadium ini, kemudahan ini dapat dinikmati sekali lagi oleh semua warga Bertam dan atlet-atlet hoki di negeri ini. Namun pembangunan sukan di DUN Bertam saya percaya dapat dirancakkan lagi sekiranya diberikan perhatian khusus. Kekosongan tanah yang terhad tidak membolehkan Bertam untuk membuat apa-apa cadangan mengenai padang awam untuk kemudahan komuniti setempat. Jika dahulu Kelab-kelab Bola Sepak di peringkat kampung boleh dibenarkan menggunakan padang-padang sekolah. Sama ada sekolah menengah atau sekolah rendah untuk aktiviti sukan. Tapi atas alasan-alasan keselamatan, pihak sekolah tidak lagi membenarkan penggunaan untuk aktiviti tersebut. Dan di sini Bertam ingin mencadangkan bahawa pihak pentadbiran sekolah dapat membuka atau memberi laluan kepada persatuan-persatuan belia atau kelab-kelab bola sepak untuk menggunakan kemudahan padang sebagai satu aktiviti riadah pada waktu petang dalam erti kata lain kita merakyatkan sekolah di dalam aktiviti sukan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bertam juga terkenal dengan pasukan boling padang. Maaf. Pasukan boling padang yang dipilih daripada kalangan pelajar sekolah pernah menyertai pertandingan SUKMA dan lain-lain kejohanan di peringkat kebangsaan. Namun begitu, kegemilangan dan kejayaan pasukan boling padang kini semakin suram. Ini adalah disebabkan oleh kemudahan gelanggang boling padang ini sudah tidak sesuai lagi untuk digunakan dalam acara pertandingan dan gelanggang boling padang ini sudah pun uzur dan perlukan pembaikan semula. Dan setakat ini Bertam telah menerima maklum balas daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai pada 11 haribulan April yang lalu mengenai permohonan membaik pulih padang boling dan pihak MPSP juga telah memohon peruntukan daripada Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) daripada Rancangan Malaysia ke-11 berjumlah lebih kurang RM1.5juta untuk menaiktaraf padang boling padang. Bertam memohon agar perkara ini dibincangkan dengan teliti oleh EXCO Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Sukan Negeri dan pihak Majlis Seberang Perai.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli yang Berhormat, Kompleks Sukan MPSP Kepala Batas lebih dikenali sebagai pusat riadah untuk penduduk-penduduk sekitar Bertam di mana ianya menjadi tumpuan warga Bertam untuk menjalankan aktiviti riadah seperti jogging, zumba, permainan bola sepak dan malang sekali aktiviti-aktiviti ini cuma terhad dari pukul 7.00 pagi hingga 7.00 petang. Dan pada sebelah malam Kompleks Sukan ini memang suram. Jika Stadium Bola Sepak ini dapat dilengkapi dengan lampu limpah, *floodlight*...(dengan izin), maka aktiviti seperti pertandingan bola sepak dan lain-lain aktiviti boleh dijalankan juga pada waktu malam. Dan hal ini akan menarik lebih ramai lagi warga Bertam dan Kepala Batas untuk turun beriadah di Kompleks Sukan sejurus dapat memaksimumkan penggunaan Kompleks Sukan ini. Dan sekali lagi Bertam memohon pihak yang berkenaan untuk berbincang dan meluluskan permohonan untuk menyediakan lampu, lampu limpah, *floodlights* ini di Stadium Bola Sepak, Kompleks Sukan MPSP Kepala Batas.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak lengkap rasanya kalau Bertam tidak menyentuh mengenai kemudahan sukan untuk kaum wanita. Permainan bola jaring merupakan permainan yang cukup popular di kalangan kaum wanita. Jika di sekolah mungkin permainan inilah yang menjadi pilihan pelajar-pelajar wanita sebagai aktiviti sukan mereka. Di kawasan DUN Bertam, setakat ini tiada kemudahan untuk permainan bola jaring secara tertutup. Secara rasionalnya, jika terdapat stadium tertutup untuk bola jaring, maka ianya dapat digunakan oleh persatuan-persatuan bola jaring sama ada untuk menjalani atau mengadakan pertandingan. Dan oleh itu, Bertam sekali lagi memohon pertimbangan EXCO Belia dan Sukan, Jabatan Belia dan Sukan dan MPSP untuk meneliti dan membuat cadangan tentang pembinaan sebuah stadium tertutup bola jaring di DUN Bertam. Dan dengan adanya

stadium tertutup ini, sukan lain seperti badminton dan bola keranjang juga dapat diintergerasikan dalam dewan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, penduduk di kawasan Bertam adalah terdiri daripada golongan kakitangan kerajaan, pekerja swasta, petani dan nelayan. Kawasan DUN Bertam ini terdiri daripada taman perumahan, kampung-kampung tradisi dan perkampungan nelayan juga ada. Kawasan-kawasan ini membentuk satu persekitaran yang ideal bagi penempatan penduduk-penduduk di sekitar Kepala Batas. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa masalah yang menyelubungi kehidupan nelayan dan juga petani. Seperti sedia maklum, Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth, *Butterworth Outer Ring Road*...(dengan izin) (BORR), merupakan sebuah projek di bawah Kerajaan Persekutuan. Projek BORR bertujuan meningkatkan sosio ekonomi bandar Butterworth dan menjadikannya sebagai sebuah bandar pelaburan yang moden. Terdapat juga beberapa perancangan projek mega lain seperti pembinaan Terowong Dasar Laut yang menghubungkan Bagan Ajam dan Persiaran Gurney serta Projek Tiga Lebuhraya atau dikenali sebagai Projek Tiga Jalan Utama. Pembangunan sebegini secara tidak langsung dikhuatiri akan mengganggu aktiviti perikanan khususnya kepada nelayan sekitar Bagan Ajam, Telok Ayer Tawar dan juga Padang Benggali. Projek-projek yang dirancang ini akan menyempitkan kawasan tangkapan ikan nelayan tradisi memandangkan projek-projek berkenaan bakal memberikan kesan kepada aktiviti penangkapan ikan oleh para nelayan. Dan Bertam dengan ini memohon agar satu jawatankuasa diwujudkan untuk membincangkan serta meneliti kesan-kesan sampingan kepada nelayan dan bagaimana untuk mengatasi masalah penempatan, pekerjaan sekiranya para nelayan tidak lagi dapat turun ke laut untuk mencari rezeki. Dan jawatankuasa ini juga perlu membuat kajian terhadap pelan pemulihan alam sekitar. Ianya amat penting kerana melibatkan hidupan marin dan hidupan lain di sekitarnya. Seperti yang diketahui, kawasan yang dicadangkan adalah merupakan kawasan yang kaya dengan sumber hasil laut yang selama ini merupakan punca pendapatan para nelayan.

Kajian ini juga penting bagi memastikan hidupan marin seperti terumbu karang tidak terjejas selain mengelakkan ekosistem hidupan akuatik diancam kepupusan. Dan Pelan Pemulihan dan Pembangunan Nelayan perlu dititikberatkan bagi mengelakkan berlakunya impak yang drastik terhadap kehidupan mereka khususnya nelayan tradisi yang bergantung hidup sepenuhnya dengan hasil laut.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, dadah merupakan musuh nombor satu (1) negara. Ia menjadi satu masalah yang tidak dapat dibendung dengan mudah. Bermula daripada dadah *old school* ...(dengan izin) seperti ganja, candu heroin, *moffin* kini dadah pun sudah *involve* menjadi lebih canggih kita ada syabu, *ice*, *eramin five*, *estacy*, pil kuda, pil goyang dan sebagainya yang mudah didapati di pasaran. Pihak Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK), Polis Diraja Malaysia dan dibantu oleh sukarelawan AADK, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan KRT sering kali menyerbu *port-port* dadah di sekitar Kuala Bekah dan Penaga. Tetapi keadaan penagihan dadah masih tidak berubah. Statistik menunjukkan bahawa pada tahun 2018 sejumlah 3,000 penagih dadah baharu dikesan di Pulau Pinang setiap tahun dengan 80% daripadanya adalah remaja berusia 20 tahun ke bawah. Ini adalah satu (1) statistik yang cukup membimbangkan. Dan sekiranya saya salah pohon diperbetulkan ya. Dan adakah pelaksanaan program pemulihan tidak efektif atau langkah kawalan yang kurang cekap yang menyebabkan angka ataupun jumlah penagih dadah ini berada di tahap yang cukup membimbangkan. Kesan daripada penagihan dadah ini menyebabkan masalah sosial seperti pengabaian kanak-kanak apabila ibu bapa terlibat dengan penagihan dadah dan juga masalah sosial lain seperti kecurian barang, pecah tabung masjid dan lain-lain akibat tekanan daripada penyalahgunaan dadah. Dan untuk makluman semua kebanyakan kes-kes jenayah juga adalah berpunca daripada penyalahgunaan dadah. Oleh yang demikian, Bertam memohon agar badan-badan kerajaan, ADDK, JKM serta Polis Diraja Malaysia untuk sama-sama mempergiatkan usaha membanteras masalah penyalahgunaan dadah dan aktiviti sosial yang memang merunsingkan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Projek naik taraf jalan dari dua (2) lorong ke empat (4) lorong dari Titi Mukim ke Jambatan Merdeka yang sedang dijalankan sekarang diharapkan dapat memberi manfaat kepada penduduk-penduduk di sekitar Permatang Kuala, Permatang Pak Elong, Permatang Sintok, Permatang Manggis, Kampung Dato' dan keseluruhan Jalan Kedah. Walaupun di peringkat awal projek ini mendapat tentangan yang hebat dari penduduk setempat. Namun memandangkan projek ini memberi manfaat terutama kepada penduduk sekitar Kampung Datok, Kampung Setul dan Jalan Kedah berkenaan dengan tebatan banjir maka diharapkan projek ini akan dapat mengurangkan masalah banjir kilat yang berlaku. Bertam telah menerima beberapa aduan baru mengenai masalah lintasan di Kampung Datok dan juga Kampung Permatang Pak Elong. Projek ini menyebabkan masalah kepada penduduk kampung di mana penduduk kampung menghadapi kesukaran bila siap nanti dan mungkin terpaksa membuat satu pusingan "U" agak jauh. Dan jika dahulunya penduduk boleh menyeberang jalan dengan senang. Sekarang apabila siapnya jalan empat (4) lane ini agak sukar. Oleh itu, Bertam memohon agar pihak projek khas Jabatan Kerja Raya (JKR) dapat mengkaji dan merancang semula mengenai laluan lintasan untuk kegunaan penduduk-penduduk di kawasan yang terlibat yang menyebabkan kesulitan terutamanya kepada warga emas yang perlukan perhatian. Mungkin pembinaan satu jejambat pejalan kaki yang juga boleh dilalui oleh motosikal seperti jejambat di Taman Rupawan yang menghubungkan Taman Rupawan ke Seberang melalui lalu lintas lebuh raya utara-selatan dapat menjadi penyelesaian kepada masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Bertam ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas perlaksanaan kemudahan Bas Percuma CAT di kawasan Bertam namun kemudahan ini tidak mendapat sambutan seperti yang diharapkan. Bertam telahpun membuat permohonan untuk menukar laluan yang sedia ada ke laluan Permatang Sintok ke Pekan Penaga dan laluan Permatang Kuala ke Padang Benggali. Satu *test run*...(dengan izin) telah pun dijalankan oleh pihak BPEN, Bersama Pusat Khidmat ADUN Bertam bersama MPSP, JKR dan Agensi-agensi yang berkaitan dan dengan penukaran laluan ini ianya dapat memberi manfaat yang lebih kepada penduduk kampung di sekitar laluan dan memberi faedah kepada pelajar-pelajar sekolah yang terpaksa menggunakan pengangkutan awam.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kebanyakan penduduk amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana membantu meringankan kos pengangkutan mereka dan Bertam amat berharap permohonan laluan baru bas CAT ini mendapat kelulusan daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Penggerak Komuniti Muda (PEKA) telah bekerjasama dengan Pusat Khidmat ADUN Bertam dalam menjalankan tuisyen rakyat percuma kepada pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM. Tuisyen rakyat ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang 200 orang pelajar miskin dan Bertam ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada PEKA dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas inisiatif peduli rakyat ini.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan. Yang Berhormat Bertam terima kasih. Memang pusat tuisyen rakyat (PEKA) sedang dikembangkan di kawasan-kawasan di mana tertumpunya golongan B40. Baru-baru ini saya telah mendapat berita saya tidak tau percaya atau tidak minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk jelaskan bahawa program PEKA ini tidak akan diteruskan dalam jangka masa yang panjang dan akan ditamatkan dalam tahun ini. Dan adakah Yang Berhormat Bertam juga sedar perkara ini dan saya minta dan mengambil peluang ini minta Kerajaan Negeri meneruskan program PEKA ini dan juga program itu sendiri dan *volunteer* ataupun sukarelawan perlu *reflect* penang *multi-racial* kena ada semua *volunteer* daripada pelbagai latar belakang kaum itu adalah pandangan saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam. Yang Berhormat sekiranya benar apa yang dikatakan tadi saya pun terkejut dan bagi saya inisiatif peduli rakyat ini patut diteruskan. Dan kita patut beri perhatian kepada golongan B40 dan tuisyen rakyat ini memang cukup penting bagi kita memartabatkan pelajar-pelajar kita. Jadi saya mohon agar Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus mengadakan inisiatif ini. Saya pohon.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Bertam juga mengambil peluang ini perbincangan ini menyentuh sedikit mengenai isu nasional yang diperkatakan netizen-netizan di media sosial. Salah satu manifesto Kerajaan Pakatan Harapan adalah memansuhkan bayaran balik PTPTN tetapi ianya masih belum mendapat apa-apa keputusan. Seingat saya kerajaan telah berjanji untuk menanggung bayaran balik di kalangan pelajar yang masih belum mendapat pekerjaan ataupun pelajar yang bekerja tetapi gaji belum mencecah RM4,000 sebulan. Bertam amat memahami keadaan kewangan negara yang masih belum pulih dan dibelenggu dengan hutang yang cukup tinggi sehingga mencecah angka *trillion* namun begitu apa yang dicanangkan semasa kempen pilihan raya perlu juga diberi perhatian dan dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pengundi muda yang mengundi Pakatan Harapan merangkumi hampir 40% daripada jumlah pengundi. Dan kebanyakan pengundi muda mengharapkan janji-janji Pakatan Harapan ditunaikan kerana bebanan yang ditanggung oleh mereka amat berat dan kesannya akibat daripada kenaikan kos sara hidup. Bertam mohon agar pihak Kerajaan Pusat dapat menunaikan janji Pilihan Raya untuk menanggung pembayaran balik pinjaman PTPTN sehingga mereka ini mencapai gaji RM4,000 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Pembangunan usahawan dan pemerikasaan perniagaan amat memerlukan perhatian yang serius dari pihak kerajaan di dalam menyediakan infrastruktur dan juga prasarana yang sesuai untuk kemudahan perniagaan. Usahawan di bawah bimbingan agensi kerajaan seringkali dibantu dan dijaga dengan baik. Untuk mereka belajar berdikari dan memajukan perniagaan sendiri. Biasanya peniaga yang ingin berjaya akan cuba meningkatkan pendapatan mereka dengan kreativiti masing-masing sama ada dari segi promosi barangan dan juga peningkatan mutu perkhidmatan. Pihak kerajaan juga telah membantu mempromosikan produk usahawan tempatan sehingga keluar negeri melalui agensi-agensi yang tertentu. Kejayaan yang diraih bukanlah sedikit. Tapi masih ada lagi peniaga atau pengusaha yang memerlukan bantuan dan sokongan kerajaan. Kompleks Perniagaan Dato' Kailan Kepala Batas yang merupakan mercu tanda perniagaan di Kepala Batas kini memang agak sunyi dan longlai. Rata-rata peniaga hanya berniaga umpama kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Bertam ingin mengusulkan agar Kompleks Kailan ini dinaik taraf ataupun dimajukan sesuai dengan peredaran masa. Kompleks yang menempatkan peniaga-peniaga bumiputera kini semakin lesu dan tidak berdaya saing. Pembangunan pemulihan imej Kompleks Kailan amat diperlukan untuk merencanakan lagi perniagaan di kawasan tersebut. Diharapkan EXCO Pembangunan Usahawan dapat berbuat sesuatu untuk merencanakan kembali aktiviti perniagaan di situ dengan mempromosikan kembali Kompleks Dato Kailan Kepala Batas ini.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, agensi kerajaan merupakan pusat aktiviti masyarakat di mana semua penduduk berurusan dengan kerajaan. Sama ada Kerajaan Negeri, Pusat, Tempatan atau Syarikat berkaitan kerajaan. Terdapat juga agensi kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan yang menyewa premis-premis untuk aktiviti harian. Dan di sini Bertam ingin mengusulkan bahawa semua pejabat agensi kerajaan dan persekutuan diletakkan di premis yang tiada kaitan dengan sesebuah parti politik. Sebagai contoh Pejabat Tenaga Nasional Berhad di Kepala Batas masih lagi beroperasi di Wisma UMNO Kepala Batas. Yang masih lagi duduk dibawah *sign board* besar UMNO Kepala Batas. Saya percaya ada lagi premis lain di sekitar Kepala Batas yang TNB boleh sewa. Dan kalau rasa susah nak sewa premis tersebut. Mai cari saya. *(Ahli Dewan menepuk meja)*

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, satu isu yang akhir, *last*. Bertam juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada Penang International Halal Hub (PIHH) yang telah berjaya mengumpul dan membawa usahawan-usahawan Negeri Pulau Pinang ke satu tahap yang amat membanggakan. Halal Penang di bawah pimpinan Yang Berhormat. Dato' Haji Abdul Halim, EXCO Perdagangan Antarabangsa dan Dalam Negeri telah membuktikan bahawa dengan kerjasama erat antara PIHH, Kerajaan Negeri, usahawan-usahawan dan agensi-agensi kerajaan telah berjaya meningkatkan kesedaran mengenai produk-produk halal di Malaysia dan juga peringkat di antarabangsa. Sealiran dengan visi menjadikan Negeri Pulau Pinang ini sebagai pusat halal global melalui prinsip Kerajaan Negeri iaitu Transparensi, Akauntabiliti dan Telus, agensi Halal Penang untuk merealisasikan tugas dan tanggungjawab tersebut selaras dengan dasar dan perancangan Majlis Halal Malaysia yang bervisikan Internalisation atau pengantarabangsaan industri tempatan.

Perancangan dan implimentasikan agresif memartabatkan industri halal negeri melalui inisiatif Bahagian Pengurusan Halal Pulau Pinang bersama Halal Penang telah menyaksikan pertumbuhan dalam jumlah premis berdaftar halal. Statistik kenaikan mendadak ini telah direkodkan dari sejumlah 55 permohonan halal pada tahun 2008 kepada 1,112 permohonan halal sehingga tahun 2018 dan sektor kenaikan ini merangkumi restoran dan *outlet* makanan industri pembuatan produk makanan, kosmetik, farmaseutikal, perkhidmatan makanan atas pelayaran *cruise*, logistik dan juga perhotelan. Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang Fasa 1 di Bukit Minyak telah mencatatkan nilai pelaburan sejumlah RM484juta melalui pelaburan 10 buah syarikat dan sehingga kini empat (4) syarikat telah beroperasi sepenuhnya. Manakala zon makanan di bahagian utara Taman Perindustrian Sains Pulau Pinang Bukit Minyak telah menarik pelaburan bernilai RM 244.86juta melalui 22 buah syarikat halal. Kedua-dua taman perindustrian halal ini telah mendapat pengiktirafan status HALMAS daripada Halal Industry Development Corporation (HDC) bagi membolehkan pengusaha industri menikmati pengecualian cukai dan duti import bahan mentah bagi pengeluaran produk mereka.

PIHEC telah, maaf, perkembangan agresif sektor industri halal Pulau Pinang jelas terbukti dengan penganjuran Ekspo Dan Persidangan Halal Antarabangsa Pulau Pinang (PIHEC) selama 10 tahun berturut-turut sejak tahun 2010 bagi memperkenalkan produk dan perkhidmatan halal tempatan dan antarabangsa. Dan PIHEC telah membawa rangkaian penyertaan luar negara dari Indonesia, Singapura, Thailand, Pakistan, China dan Jepun serta dari Timur Tengah dan Eropah bersama pelbagai program pembangunan usahawan dalam usaha membangun dan memperkembangkan industri halal tempatan ke persada global. PIHEC ke-10 kali ini tampil dengan kelainan dengan buat pertama kalinya menganjurkan forum bertemakan *The Global Blockchain Halal Industry Forum 2019* seiring dengan perkembangan ekonomi digital. Dan selain mengukuhkan peranan di rantau ASEAN dalam industri halal, Halal Penang meneruskan usahanya untuk memartabatkan lagi kedudukan Pulau Pinang di peringkat halal global dengan membangunkan rangkaian dan mewujudkan jaringan perdagangan dua hala dengan negara-negara luar seperti Jepun, Indonesia, Thailand, Taiwan dan Dubai. Halal Penang turut mempromosikan dan membangunkan Pulau Pinang sebagai *gateway into ASEAN Halal Industry* melalui penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa seperti HALFEST Tokyo, International Halal Lifestyle Expo, Jakarta dan Indonesia Trade Expo, Bandung di Indonesia. Misi perdagangan ke Taiwan, penyertaan ke Expo HAPEX Hatyai, Thailand, Medan Fair, Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) dan misi perdagangan ke Dubai baru-baru ini. Di mana telah termeterainya satu MoU di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Dubai Air freeZone Authority (DAFZA) untuk mengukuhkan perdagangan dua hala. Bertam mengucapkan tahniah kepada Halal Penang di atas usaha memartabatkan negeri Pulau Pinang sebagai satu hab halal terkemuka di rantau Asia.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli yang Berhormat, akhir kata, *Penang2030, a family focus, green and smart state to inspire the nation. Penang shall inspire the nation*. Marilah kita sama-sama berganding bahu merealisasikan visi ini.

Terima kasih daun keladi, Jika boleh, bantulah lagi.

Kerajaan prihatin,
Penduduk suka hati,
Undi pasti,
Tidak akan lari.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Bertam. Dipersilakan Yang Berhormat Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (H'ng Mooi Lye):

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama, Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di dalam Dewan yang mulia ini. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana memberi peluang keemasan untuk berada di dalam Dewan yang mulia ini bagi melunaskan tanggungjawab membawa suara dan hasrat rakyat yang telah memilih kita dalam PRU 14 yang lalu. Izinkan saya untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana memberi pandangan yang bernas samada dari pihak kerajaan mahupun Pembangkang untuk membantu Pulau Pinang mengorak langkah menuju visi Penang2030 iaitu negeri berorientasi kekeluargaan, hijau dan pintar untuk inspirasi negara.

Timbalan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita ketahui, Daerah Seberang Perai Selatan merupakan satu-satunya daerah yang sedang pesat membangun dan kita tidak boleh menafikan bahawa Daerah Seberang Selatan ini berpotensi menjadi nadi utama kepada negeri Pulau Pinang pada satu hari nanti. Pembangunan pesat di kawasan Nibong Tebal, Batu Kawan, Bukit Tambun, Simpang Ampat dan Transkrian juga memainkan peranan yang penting kepada pertambahan populasi di Daerah Seberang Perai Selatan. Daerah Seberang Perai Selatan merupakan satu-satunya daerah di Pulau Pinang yang bersempadan dengan negeri Kedah dan negeri Perak. Hal ini menyebabkan kebanyakan penduduk dari negeri Perak dan Kedah berhijrah ke daerah Seberang Perai Selatan atas faktor kepesatan pembangunan di daerah Seberang Perai Selatan.

Untuk pengetahuan Timbalan Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, daerah Seberang Perai Selatan merupakan daerah yang kedua terbesar di negeri Pulau Pinang iaitu 243 km persegi. Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2016, jumlah kepadatan penduduk adalah seramai 794 orang per KM dan angka ini dianggarkan akan bertambah pada tahun-tahun yang akan datang disebabkan oleh pembangunan yang semakin pesat di daerah ini.

Tambahan lagi, pembangunan yang sedang dan akan dijalankan di daerah Seberang Perai Selatan seperti pembinaan kilang-kilang antarabangsa di Industrial Park Batu Kawan, hospital kerajaan dan swasta di Batu Kawan, universiti di Batu Kawan, ECO Bloom seperti pusat membeli belah dan residensi, Vortex (Kompleks Perniagaan Bukit Tambun) dan pembinaan hotel-hotel serta taman-taman perumahan yang sedang dalam pembinaan.

Untuk pengetahuan sidang hadirin, terdapat sejumlah 280 kawasan perumahan termasuk kampung-kampung, 76 buah institusi pendidikan antaranya Universiti Sains Malaysia (Kampus Kejuruteraan), Stadium Negeri Batu Kawan, Kompleks Penjara Seberang Perai, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang dan juga pusat membeli belah seperti Design Village dan IKEA menjadi faktor penarik utama penduduk berhijrah ke daerah Seberang Perai Selatan.

Norma pertambahan penduduk di kawasan Seberang Perai Selatan dianggarkan sebanyak 60% setahun setelah pembinaan kawasan perumahan baru siap kelak untuk diduduki.

Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang yang bermula di kawasan Batu Kawan dan berakhir di Batu Maung telah menjadi pencetus kepada pembangunan yang pesat dari segi komersial dan perumahan. Dengan pembinaan Jambatan Kedua ini, bukan sahaja kepadatan penduduk di sekitar kawasan meningkat malah juga turut meningkatkan darjah ketersampaian ke sesuatu tempat.

Di mana jumlah anggota polis di daerah IPD Seberang Perai Selatan seramai 620 orang bagi saya amat tidak mencukupi bagi menjaga daerah Seberang Perai Selatan.

Selain daripada itu, pertambahan kompleks-kompleks pentadbiran di dalam daerah Seberang Perai Selatan seperti Pejabat Pentadbiran Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang, Kompleks Penjara Seberang Perai serta Hospital Sungai Bakap menjadi faktor penarik utama penduduk bertumpu di kawasan Seberang Perai Selatan dan secara tidak langsung ia juga menjadi faktor kepadatan penduduk di daerah Seberang Perai Selatan.

Tambahan lagi, gred perkhidmatan pegawai-pegawai yang berkhidmat di pejabat-pejabat kerajaan adalah lebih tinggi berbanding dengan Ketua Polis Daerah mengikut perjawatan yang sedia ada. Penjawatan di ibu Pejabat Daerah SPS perlu dinaik taraf bagi memastikan '*command and control*'...(dengan izin) yang lebih berkesan daripada pihak PDRM.

Dengan mengambil kira faktor keselamatan populasi penduduk di Seberang Perai Selatan yang kian meningkat, bilangan warga PDRM di Seberang Perai Selatan yang sedia ada memang tidak mencukupi dan kekurangan warga PDRM yang sedang berlaku di daerah SPS ini boleh melumpuhkan keberkesanan menjaga keselamatan daerah Seberang Perai Selatan yang semakin dicabar disebabkan oleh pertambahan penduduk.

Oleh itu, dalam Dewan yang mulia ini saya ingin memberi cadangan di Dewan yang mulia ini supaya Y.A.B. Ketua Menteri dapat memberi sokongan kepada PDRM supaya menaik taraf perjawatan IPD Seberang Perai Selatan dari kategori 'B' ke kategori 'A'. Cadangan ini akan memberi ruang kepada warga PDRM supaya lebih berkeyakinan melaksanakan tugas dan tanggungjawab diamanahkan yang penuh dedikasi serta semangat yang tinggi.

Timbalan yang di-Pertua, Kerajaan Pakatan Harapan juga dikenali dengan kerajaan yang sangat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh rakyat dan masyarakat. Oleh itu, seharusnya wujud satu sistem mesra pelanggan supaya mudah diakses dan mudah untuk memohon, berurusan atau bertanya sebarang kemusykilan yang dihadapi.

Perkara yang saya maksudkan adalah dalam sistem e-kasih. Sistem e-Kasih ialah satu sistem pangkalan data keluarga miskin yang diwujudkan di peringkat nasional bagi membantu merancang, melaksana dan memantau program kemiskinan.

e-Kasih merupakan bank data kemiskinan nasional yang mengandungi maklumat mengenai kemiskinan bermula dari profil individu, program atau bantuan yang diterima oleh ketua isi rumah dan ahli isi rumah daripada agensi pemberi bantuan sehinggalah kepada permohonan bantuan dan pemantauan keberkesanan program atau bantuan yang diterima.

Timbalan Yang di-Pertua, satu program Hari Bersama Pelanggan KADUN Jawi 2019 telah saya anjurkan pada 7hb April 2019 yang lalu. MPKK kawasan mengedarkan risalah-risalah kepada orang ramai untuk pendaftaran e-kasih bersama KWSP. Sejumlah 19 jabatan kerajaan terlibat dalam program tersebut.

Pada masa itu, pelbagai masalah berkaitan dengan sistem e-Kasih diadukan oleh orang ramai. Seperti alamat dan nombor telefon tidak dikemaskini atau tidak dapat dihubungi. Bukan itu sahaja, ada juga alamat yang salah serta warga emas yang tidak layak juga menerima surat untuk pendaftaran program i-Suri.

Begitu juga dengan MySalam, penerima hanya dimaklumkan melalui SMS. Bagaimana pula bagi orang yang telah menukar nombor telefon ke nombor baru. Pasti mereka tidak dapat dihubungi dan tidak tahu kelayakan mereka untuk bantuan MySalam.

Jawapan yang saya pernah dapat pada Mesyuarat Kedua Penggal Pertama pada 9hb November 2018 yang lalu, dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membuka pusat pendaftaran e-kasih di semua daerah. Akan tetapi, cuba bayangkan bagi seorang pemohon miskin tegar yang ingin berdaftar e-kasih. Beliau tinggal di Nibong Tebal dan perlu mengambil perjalanan sejauh 100KM pergi dan pulang balik di Kepala Batas untuk membuat pendaftaran di Kepala Batas.

Bukan semua orang mempunyai kenderaan sendiri. Maka terpaksa mereka mengambil teksi untuk perjalanan yang begitu jauh dan kos perjalanan akan membebankan mereka. Kebanyakan penerima adalah warga emas dan golongan berpendapatan rendah, miskin dan miskin tegar. Jadi kebanyakan mereka kurang mahir dalam bidang komputer untuk mengemaskini data secara *online* ataupun berinteraksi dengan SMS yang diterima.

Maka di sini saya bercadang bahawa sebagai Kerajaan Negeri prihatin kepada rakyat, haruslah kita menubuhkan satu Jabatan Khas di semua Pejabat Daerah untuk membantu rakyat Pulau Pinang mengurus segala permohonan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat. Sekiranya jabatan khas ini dapat mengaitkan dengan Pejabat Pembangunan Persekutuan ataupun Pejabat ICU yang tentunya akan memudahkan untuk masyarakat berurusan. Semoga semua hujah ini dapat perhatian untuk kebaikan dan kebajikan masyarakat.

Timbalan Yang di-Pertua, isu seterusnya yang saya nak bangkitkan adalah berkaitan dengan dengan JPS. Soalan yang pernah saya kemukakan semasa Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 9 November 2018. Berkaitan tentang rancangan tebatan banjir dalam masa lima (5) tahun yang akan datang di kawasan KADUN Jawi. Difahamkan satu rancangan tebatan banjir dengan membina dan menaik taraf rumah *pump* di kawasan KADUN Jawi sebanyak kos anggaran projek RM40 juta. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada EXCO Tebatan Banjir, saudara Tanjung Bunga kerana dapat membantu Jawi menyelesaikan beberapa masalah berkaitan dengan isu banjir di kawasan Jawi. Salah satu adalah dalam MMK Tebatan Banjir telah meluluskan satu projek iaitu menaik taraf *pump* di Pump Bagan Buaya supaya dapat mengatasi isu banjir bagi kawasan Taman Desa Jawi sehingga Taman Cenderawasih yang meliputi lebih daripada 1,000 unit rumah. Selain daripada itu, di sini saya amat berharap kita harus memberi perhatian dan keutamaan untuk menaik taraf kapasiti *pump* di Rumah Pump Sanglang iaitu terletak di sebelah Taman Rekreasi Sanglang.

Timbalan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Banyak kawasan di Jawi, kedudukannya adalah di bawah paras air laut khasnya di kawasan Nibong Tebal. Apabila hujan lebat yang bertemu dengan air pasang laut yang tinggi, kawasan rendah di KADUN Jawi akan dilanda banjir kilat. Sebagai wakil rakyat Jawi, saya amat berharap pihak Kerajaan Negeri dapat memberi perhatian tentang permohonan ataupun rancangan projek yang telah dicadangkan sebelum ini. Satu cadangan untuk membina rumah *pump* dan naik taraf di Taman Genting dengan kos RM3 juta oleh MPSP masih belum mempunyai apa-apa maklum balas walaupun dimaklumkan sejak 9 November 2018. Rumah *pump* ini amat penting kerana ia dapat membantu untuk mengatasi masalah banjir di beberapa taman yang wujud sejak 20 tahun yang lalu seperti Taman Belatuk, Taman Genting, Taman Bersatu. Saya yakin sekiranya rumah *pump* ini dapat dibina, masalah banjir di kawasan di beberapa taman ini pasti dapat diatasi.

JPS pernah menyatakan pada tahun 2019 akan menjalankan kerja-kerja mendalamkan Sungai Jejawi termasuk di bahagian hilir sungai berdekatan dengan Sungai Tengah. Di sini, saya mempunyai satu soalan iaitu adakah kerja-kerja mendalamkan Sungai Jejawi sudah dijalankan? Sekiranya ada, berapakah jarak yang telah dijalankan selama ini? Dan sekiranya belum dijalankan, bilakan ia akan bermula? Sungai Jejawi merupakan satu laluan air sungai yang amat penting kerana Sungai Jejawi membawa air daripada kawasan *upstream*...(dengan izin) di bahagian Relau, Kedah sehingga menyalur ke laut. Kita perlu sentiasa memastikan paras kedalaman Sungai Jejawi supaya kapasiti air di dalam Sungai Jejawi dapat menampung lebih banyak air. Di kawasan ini kita hanya perlu melaksanakan secara teknologi hijau supaya sentiasa kita pastikan *level*/pendalaman sungai yang ditetapkan. Saya percaya sekiranya kerja-kerja mendalamkan Sungai Jejawi diikuti ataupun dijalankan pasti ia akan membantu kawasan rendah di sepanjang Sungai Jejawi seperti Kampung Sethu di bawah kawasan Timbalan Yang di-Pertua, Kampung Jawi, Desa Jawi, Kampung Bagan Buaya yang sering kali dilanda banjir.

Untuk pengetahuan Timbalan Yang di-Pertua, pada awal tahun 2019 saya telah mengadakan satu program santai bersama persatuan nelayan di Jeti Nelayan Changkat. Saya diberitahu bahawa Sungai Tengah merupakan satu laluan penting bagi para nelayan yang keluar masuk ke laut untuk mencari rezeki harian. Sungai Tengah yang semakin cetek telah menghalang sampan atau perahu mereka keluar atau pulang ke Jeti Nelayan Changkat. Mereka mengadu kepada saya bahawa seringkali mereka terpaksa pulang awal untuk mengelakkan air laut surut. Perkara ini pasti akan merugikan para nelayan kerana sumber hasil laut yang dibawa pulang tidak dapat menampung kos pembelanjaan. Ini adalah kerana masa untuk mencari mereka pergi mencari rezeki adalah terhad. Oleh sebab itu, saya memohon Kerajaan Negeri harus mengambil berat tentang isu yang dibangkitkan terutamanya Jabatan JPS.

Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang rancangan pembinaan gelanggang badminton di bekas asrama JKR, Nibong Tebal yang telah diumumkan pada bulan Mac 2018 oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dijangka akan menelan kos lebih kurang RM5 juta. Di mana bakal terdapat 9 hingga 12 gelanggang badminton. Sehingga hari ini rakyat Nibong Tebal masih menunggu lagi. Saya rasa bukan saja rakyat Nibong Tebal tetapi seluruh rakyat di kawasan daerah Seberang Perai Selatan masih menunggu lagi tentang pembinaan gelanggang badminton yang telah diumumkan pada Mac 2018 dan mereka masih belum nampak apa-apa pembangunan yang dijalankan dan sering bertanya kepada wakil rakyat samada saya sendiri mahupun Ahli Parlimen.

Bukan saja perkara ini sering dibangkitkan oleh masyarakat tempatan. Isu pembinaan bagi penduduk di Ladang Byram dan perpindahan sebuah sekolah SJKT Byram masih belum selesai walaupun telah diumumkan tiga (3) tahun yang lalu. Manakala Jabatan Tanjung Berembang ke Jalan Victoria, Jambatan Industri Valdor ke Jalan Industri Batu Kawan juga menjadi satu masalah yang besar kepada rakyat tempatan. Untuk pengetahuan Timbalan Yang di-Pertua, kesemua-semua projek ini adalah di bawah PDC.

Saya ingin mengutarakan soalan tentang apakah KPI Kerajaan Negeri terhadap badan pelaksana seperti PDC? Adakah satu piawaian ditetapkan bagi badan-badan berkanun dan GLC bagi memenuhi kehendak Kerajaan Negeri. Ini merupakan satu contoh realiti yang amat dikesali oleh rakyat khususnya di Kawasan Seberang Perai Selatan kerana janji semasa pilihan raya umum tersebut masih tidak dapat nampak apa-apa kemajuan mahupun Kerajaan Pakatan Harapan sekarang juga sebagai Kerajaan Persekutuan. Kita haruslah memainkan peranan dengan menyelesaikan masalah tersebut dengan kadar yang segera sebagai langkah menyebabkan rakyat yang kian hilang sabar.

Sebelum mengakhiri perbincangan saya. Sekali lagi saya percaya bahawa dengan adanya sokongan daripada Kerajaan Pusat iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam pembangunan Negeri Pulau Pinang agar lebih besar dan lebih kompetitif supaya kita dapat bersama-sama dapat

merealisasikan Visi Pulau Pinang 2030 Negeri Berorientasikan Kekeluargaan, Hijau Dan Pintar Untuk Inspirasi Negara yang dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang. Dengan ini saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat dari Jawi. Dipersilakan Yang Berhormat Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. *Sorry*, Tuan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih kerana memberi saya satu peluang untuk membahas usul berterima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di atas ucapan perasmian Dewan Undangan Negeri Penggal Kedua.

Pertama sekali kita berada sekarang dalam penggal Dewan Undangan Negeri ke.. / *means* kita berada dalam Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Ke-14. Sudah satu tahun sejak PRU yang ke-14. Sekarang, kita berada di sini dan 37 Ahli-ahli dalam kerajaan. Oleh itu, kita merupakan *check and balance* kita sendiri. Okey dan ini adalah satu langkah terhadap pembaharuan dari formasi politik di Pulau Pinang. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah mengubal Perlembagaan Negeri Pulau Pinang untuk menghadkan jawatan Ketua Menteri kepada 2 penggal.

Kita di Pulau Pinang, kita ingin saya Pilihanraya Yang Ke-14 telah memberi jaminan saya di Pulau Tikus untuk menambahkan kawasan hijau di Pulau Tikus. Oleh itu, kawasan hijau adalah amat penting dalam hati saya dalam usaha untuk menghijaukan bukan saja di Pulau Tikus tetapi saya rasa Pulau Pinang juga. Projek Gurney Wharf berhampiran Gurney Drive di kawasan projek tambakan laut. Saya rasa bahawa kawasan hijau di Gurney Wharf ini boleh ditambahkan dan perlu sebesar mungkin di kawasan Gurney Wharf ini dan juga kemudahan-kemudahan untuk rekreasi tujuan rekreasi mesti diambil kira dalam projek Gurney Wharf ini terutamanya untuk orang-orang yang kurang upaya atau OKU, warga emas dan juga kanak-kanak. Saya rasa kalau apabila Gurney Wharf projek ini siap, ia akan jadi diantara projek yang paling cantik di Negeri Pulau Pinang.

Satu lagi perkara yang saya ingin membangkitkan adalah perkara bahawa kita boleh mengurangkan penggunaan kertas di kalangan kita. Dalam dunia ini yang semakin sekarang dalam iklim yang semakin macam *change*...(dengan izin), kita perlu secermat mungkin untuk planet ini. Macam saya akan bangkitkan macam contoh Pusat Khidmat KADUN diamanahkan untuk menguruskan pendaftaran permohonan i-Sejahtera, warga emas, ibu tunggal, anak emas, ibu emas dan OKU. Maklumat yang telah diisi pada borang oleh pemohon perlu diisi semula oleh kakitangan secara *online*. Permohonan tersebut perlu memerlukan pengesahan ADUN, MP atau Pengerusi MPKK dan Penghulu. Selanjutnya borang permohonan bersama-sama salinan dokumen sokongan dihantar kepada pejabat berkaitan. Isunya, saya rasa kaedah sistem lama ini boleh diberhentikan kerana kita sekarang telah memasuki era teknologi baru. Corak proses ini tidak menyumbang kepada pengurangan penggunaan kertas di alam sekitar. Tidak sehaluan dengan matlamat ke arah Pulau Pinang yang hijau. Oleh itu, saya rasa bahawa Kerajaan Negeri boleh mengurangkan dengan menggunakan teknologi baru untuk buat pendaftaran.

Penggunaan teknologi secara menyeluruh perlu dipraktikkan agar selaras dengan Penang 2030 tema empat iaitu melabur dalam persekitaran infrastruktur dan kemudahan awam bagi meningkatkan daya tahan dalam pelbagai keadaan atau (dengan izin)....*invest in the built environment to improve resilience*. Ini adalah untuk memperkukuhkan mobiliti ketersambungan dan infrastruktur digital dan mengintrigasikan perkhidmatan perbandaran dengan teknologi pintar. Walaupun saya sedang menggunakan kertas ini untuk membuat satu ucapan saya rasa satu hari saya pun akan menukar kepada kegunaan digital yang lebih sikit ini adalah *habit-habit* kita ini yang kita boleh bertukar saya rasa.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, terima kasih iaitu kata untuk permohonan kali yang pertama, dokumen-dokumen harus diambil supaya kami ada buat semakan. Memang saya akui bahawa jika kami *go online*, *go online* ada jimatkan banyak kerja jimatkan banyak masa akan tetapi tidak ada satu buktikan kita dapat semak. Untuk ibu emas dan juga ibu tunggal di mana pada satu masa saya kerana ada maklumat-maklumat yang saya tidak bersetujui bolehkah saya beri peluang kepada mereka untuk *go online* dengan menggunakan ini kata laluan sendiri untuk *update the system*, *update the system* seperti ibu tunggal, adakah anda kahwin semula? Untuk ibu emas, adakah anda bekerja kerana dalam pembayaran sumbangan terlihat bahawa ada ibu emas yang datang pakai uniform-uniform kilang-kilang yang tertentu. Kita pada hari Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri semua adalah satu kerajaan kami *cross-check*, *cross-check* dengan EPF terdapat bahawa mereka ada bayar sumbangan EPF, ini bermaksud mereka ada sedang bekerja. Untuk membersihkan *system* tidak ada lain, selain daripada mereka *go online* untuk *update the whole system*. Untuk pendaftaran baharu memang mereka kena bagi supaya boleh dapat simpan satu apa ni satu salinan apabila audit *department* hendak *check*, *at random check* kita dapat tunjuk bukti bahawa yang itu betul tidak ada pilihan. Kalau saya, saya minta lebih minat pilih *go online* tak payah check tetapi ini tidak boleh kerana ikut SOP pentadbiran kerajaan yang bersih, yang tulus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih atas penjelasan daripada Yang Berhormat Sungai Puyu, saya faham juga apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Sungai Puyu. Tapi kita masih boleh mencari, *you know* mencari cara-cara yang baru untuk, *you know* untuk, untuk mengurangkan kegunaan kertas di dalam kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin membangkitkan isu kesedaran sivik dan pengurusan sampah. Sebagaimana yang kita semua ketahui PBT dan pihak swasta telah menyediakan tong kitar semula dan tong sampah di seluruh negeri. Baik kawasan perumahan tempat awam bahkan pusat beli belah. Walau bagaimanapun adakah tong kitar semula dan tong sampah ini digunakan sepenuhnya oleh masyarakat? Harga tong kitar semula yang disediakan tidak murah. Agak-agak RM600 kepada RM800 untuk tiga (3) unit. Isunya penggunaan tong kitar semula tidak ubah kepada fungsi tong sampah. Masyarakat gagal sekarang untuk mengasingkan barang kitar semula dan sampah mengikut warna tong. Saya rasa ini adalah sesuatu inisiatif yang kita perlu mengkaji dan juga mencari cara-cara yang baharu.

Saya memberi satu contoh, tanah lapang yang digunakan oleh pihak yang oleh yang tidak bertanggungjawab sebagai tempat pembuangan sampah. Baru-baru ini ada satu kes di Pulau Tikus pada 24 April bahawa kebakaran telah berlaku di tanah lapang terbiar yang telah sudah ditumbuhi tumbuhan panjang dan menjalar dan juga lalang atau rumput yang banyak sampah telah dibuang di sana secara haram. Operasi untuk memadamkan api kebakaran di tempat sebegitu baru tamat pada 28 April 2019 iaitu hari Ahad pukul 3.30 petang. So, oleh itu kebakaran di sana telah memerlukan empat (4) hari untuk dipadamkan. Iaitu berada di satu tempat pembuangan sampah secara haram. Banyak, banyak barangan telah ditemui seperti seramik, kaca, tilam dan juga polisterin. Polisterin ini walaupun telah diharamkan tetapi ini telah dibuang pada masa yang lama dah. Seperti plastik, polisterin ini dihasilkan oleh bahan yang dikenali sebagai dioktil iaitu sejenis bahan yang menghasilkan zat benzin iaitu larutan kimia yang tidak boleh dihadam oleh sistem pencernaan dan juga tidak boleh dikeluarkan melalui najis. Salah satu bahan yang menjadi penyebab berlaku penyakit kanser. Now, polisterin ini mengambil masa beratus tahun untuk reput, nak terurai pun sudah susah. Bayangkan bahan ini terbakar membakar akan menyebabkan kesan yang lebih teruk. Kerana pembakaran ini akan melepaskan lebih daripada 90 jenis bahan kimia yang merbahaya dan kesan buruk terhadap kesihatan mereka yang terdedah seperti menghidu bahan-bahan tersebut.

Saya rasa bahawa yang penting sekali adalah penguatkuasaan oleh PBT-PBT kita. Kerana kalau dengan adanya penguatkuasaan perkara ini tak mungkin berlaku pada mulanya. Dan pentingnya dengan penguatkuasaan juga kita boleh menolong kesedaran sivik ini untuk kita akan menolong kempen kesedaran sivik ini untuk berterusan di peringkat sekolah, komuniti, daerah dan negeri. Kerana kalau kita membuat pendidikan atau kempen kesedaran sivik tanpa, tanpa penguatkuasaan mungkin kebanyakan rakyat akan rasa bahawa kerajaan ini tidak serius tidak mengambil perkara ini dengan serius. Konsep '3R' *Reduce*, *Reuse* dan *Recycle* dan ini mesti diteruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Minta laluan, ya memang ke tapak ini yang terbakar pada hari Khamis ini sebab hari ini masih bakar kerana dia jadi *peat fire* dan saya sendiri ada turun padang dan sudah buat siasatan. Semasa saya duduk di sini saya hantar PA saya pergi mesyuarat di Tingkat 51, Pejabat Daerah dan kami akan mencadangkan apakah, apakah tindakan yang boleh diambil iaitu kata maksimum *every department* akan *rekomen* apakah undang-undang kawalan mereka boleh buat. Satu cadangan yang saya akan buat di sini untuk menghapuskan kegiatan pembuangan sampah tanpa izin, saya mencadangkan bahawa semua MPKK bergerak dalam kawasan-kawasan masing-masing. MPKK adalah mata, telinga wakil-wakil rakyat di tapak itu. Jika semua dalam satu KADUN sekurang-kurangnya ada lima (5), ada 10 ada 15 jika mereka turun padang jaga kebersihan tapak sendiri ini boleh dihapuskan. Janganlah selalunya kata tunggu penguatkuasaan. Memang jika nak semua tempat ada penguatkuasaan kami kena hantar ribu, ribu penguatkuasaan baru boleh jalan tugas. Marilah kita bersama-sama minta MPKK kalau anda punya kawasan jika ada *any illegal plastic waste recycling center* ada ni pembuangan tapak sampah secara tanpa izin haram kebakaran terbuka terus laporkan kepada ADUN-ADUN terus kepada penguatkuasaan. *We have got those hotline. Work together with us we will do that and* untuk Tanjung Tokong itu memang *we will showcase* apakah tindakan yang boleh Kerajaan Negeri ambil.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Puyu atas penjelasan tadi. Seterusnya saya ingin membangkitkan isu bahawa saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri pada hari ini saya pernah juga jadi Ahli Majlis untuk lima (5) tahun dari 2013 ke 2018 dan juga saya rasa bahawa Ahli Majlis ini merupakan satu, satu jawatan yang penting dalam pentadbiran kerajaan kita. Kerana (PBT) Pihak Berkuasa Tempatan adalah *tier 3*...(dengan izin) atas kerajaan *3 tier* kita iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan.

Dari Ahli Majlis kita juga saya ingin membangkitkan Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan Elaun Ahli Majlis kita. Saya rasa Ahli majlis kita bekerja keras, bekerja kuat dan juga memerlukan sokongan kita sebagai Kerajaan Negeri untuk menjalankan tugas mereka. Dan saya rasa bahawa dengan penukaran dengan kos kehidupan kita di seluruh dunia, kos kehidupan kita di seluruh dunia bahawa Elaun Ahli Majlis boleh dipertimbangkan untuk dinaikkan untuk menolong mereka. Bukan sahaja untuk menjalankan tugas mereka tetapi untuk sebab mereka mempunyai satu tanggungjawab yang amat berat.

Sebagai Ahli Majlis mereka juga merupakan eksekutif dalam pihak Kerajaan Tempatan. Dan mereka akan, mereka akan membuat keputusan yang amat penting dan saya rasa bahawa kenaikan elaun ini, ini akan menunjukkan kepada mereka bahawa Kerajaan Negeri ini mengambil serius keputusan-keputusan mereka juga. Kesibukan mereka dalam, dalam tugas menjalankan tugas mereka adalah di antaranya untuk menghadiri mesyuarat, untuk membuat keputusan, berkhidmat untuk rakyat dan turun padang. Kerana mereka turun padang juga mereka tidak mempunyai Pegawai Seranta seperti ADUN-ADUN di sini dan tiada pejabat juga. Oleh itu, saya rasa bahawa peningkatan elaun Ahli Majlis ini boleh dipertimbangkan.

Seterusnya saya ingin bercakap sedikit mengenai aplikasi *mobile* kita, beberapa aplikasi *mobile* kita seperti *Penang Intelligent Traffic and Transportation System* atau PiTTS. Ini termasuk dalam senarai projek dan inisiatif SmartCity yang telah dilaksanakan. Tetapi baru-baru ini, setelah disemak saya rasa bahawa *Apps* ini boleh juga lagi boleh *dicheck* semula...(dengan izin) kerana dia tidak lagi memaparkan nombor bas dan anggaran waktu tiba bas. Saya tahu bahawa inisiatif untuk meningkatkan perkhidmatan kualiti perkhidmatan bas kita telah sedang dilaksanakan. Tetapi saya rasa bahawa semua perlu, semua perlu diselaraskan secepat mungkin kerana ada banyak orang, banyak rakyat di luar sana sudah menanya mengapa *Apps* semua tidak berfungsi seperti biasa. Seperti *search* dan *browsing* juga bila kita buka dia akan buka *google maps*, so *Apps* ini sekarang saya rasa perlu diubah semula.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga walaupun ini Hospital Pulau Pinang berada dalam pentadbiran Kerajaan Persekutuan bahawa tetapi Hospital Pulau Pinang tetap merupakan satu *entity* yang amat penting di negeri Pulau Pinang. Hospital Pulau Pinang merupakan hospital kedua paling besar selepas Hospital Kuala Lumpur dan menjadi pusat rujukan negeri-negeri zon utara. Sekarang *accessibility* tandas dan bilik mandi di wad hospital untuk kegunaan pesakit, sempit dan tidak mesra OKU, ruang yang cukup-cukup untuk kerusi roda bergerak ke hadapan dan berundur pun tak ada pun tak cukup. Menyukarkan penjaga pesakit untuk memandikan dan membantu pesakit guna tandas atau bilik mandi. Kita ada tempat letak kenderaan untuk OKU, laluan penjalan kaki yang mempunyai *tac tile* tak boleh kini tidak boleh diabaikan, ini kini tidak boleh diabaikan keselesaan dan kemudahan *accessibility* untuk tandas dan bilik mandi di wad-wad hospital tetapi yang paling penting sekarang kita dari pihak Kerajaan Negeri saya rasa juga kita boleh bekerjasama dengan pihak Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan mutu atau kualiti dalam Hospital Pulau Pinang. Saya tahu bahawa 60 tahun lebih pentadbiran Barisan Nasional wang Persekutuan pun sudah tidak banyak, sudah hilang. Oleh itu sekarang sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita boleh menunjukkan *Penang Leads* juga dan kita boleh menolong semua fasiliti-fasiliti di Pulau Pinang kerana Hospital Pulau Pinang itu, ini adalah amat penting yang digunakan oleh rakyat Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Saya mohon mencelah, dengan izin Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Pulau Tikus apakah bukti untuk menyatakan wang daripada Kerajaan Barisan Nasional di hospital telah hilang. Tolong jelaskan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Saya tak cakap wang untuk hospital hilang, saya cakap banyak wang telah hilang, *in general*..(dengan izin).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Penjelasan saya, *okay, actually* (dengan izin), *I don't think I need to* menjelaskan *anything, you can just read the news, thank you. Okay.* Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga telah memulakan, telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Tindakan Aksesibiliti. Jawatankuasa ini kita, saya rasa amat penting dalam pentadbiran Pulau Pinang dan kita telah mempunyai satu *checklist*...(dengan izin), yang kita berharap Kerajaan Negeri akan membawa masuk dan boleh digunakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan kita. *Checklist* ini amat penting kerana kalau kita melihat negara-negara jiran kita kebanyakan aksesibiliti infrastruktur mereka telah menjalankan aksesibiliti sejagat ataupun boleh dikatakan (dengan izin)...*universal accessibility* dan aksesibiliti sejagat ini bukan sahaja boleh memanfaatkan kawan-kawan kita yang kurang upaya tetapi juga warga-warga emas kita. Dan ini adalah penting dan saya

berharap bahawa Jawatankuasa Kumpulan Tindakan Aksesibiliti akan dapat meneruskan mesyuarat kita *checklist* kita akan diterima oleh Kerajaan Negeri pada masa yang akan datang.

Penyediaan jajaran *fiber optic* di negeri kita, saya rasa bahawa kita perlu menjalankan lebih, membuat program yang lebih dan juga menolong untuk memastikan negeri kita boleh mencapai tahap rangkaian yang tinggi untuk melaksanakan inisiatif *Smart City* dengan penyediaan jajaran *fiber optic*. Saya rasa hanya sekarang rangkaian *fiber optic* di negeri kita adalah berkurangan dan banyak lagi boleh kita menjalankan untuk mencapai *connectivity* secara menyeluruh. Penyediaan jajaran *fiber optic* ini adalah keperluan asas, *basic accessity* untuk mencapai *Smart City* yang kita ingini di Pulau Pinang memang *basic accessity* ini mesti dilaksanakan.

Saya juga ingin membangkitkan isu STEM, Penang2030 saya rasa boleh lebih mempromosikan STEM. Inisiatif telah dimulakan untuk mempromosikan STEM pada beberapa tahun yang lalu, ini adalah untuk masa hadapan kita sebagai satu *Smart City* juga. Kerajaan Negeri boleh saya rasa peruntukan untuk STEM ini juga perlu dijaga untuk sebagai komponen-komponen STEM kita seperti Techdome ini juga perlu dijaga untuk masa hadapan kita kerana kita ini akan membolehkan Pulau Pinang untuk tampil ke depan sebagai ketua dalam bidang pelajaran. Yang paling penting adalah sebelum STEM dapat dilaksanakan, (dengan izin)... *interests needs to be forged in our young people first.*

Akhirnya saya ingin membangkitkan isu bakat muda kita. Baru-baru ini ada satu artikel yang telah bercakap *you can have investments but it doesn't make sense if the best talents are not interested to work in the state.* Walau saya rasa bahawa surat khabar ada mempunyai *buyers-buyers* mereka sendiri tetapi ada banyak perkara yang kita mesti memikirkan dari slogan itu . Nombor satu, bakat-bakat muda kita, kita mesti mencari satu jalan untuk *keep track* anak-anak muda Pulau Pinang kita dan kemahiran yang dimiliki oleh setiap daripada mereka kerana kemajuan di negeri ini diusahakan oleh bakat-bakat tempatan dan kita mohon bahawa mereka yang telah meninggalkan Pulau Pinang boleh pulang dan menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negeri. Tetapi apakah tindakan yang boleh kita mengambil. Di antaranya mungkin kita boleh memulakan satu *portal career profile* untuk kumpulkan bakat-bakat muda Pulau Pinang. Pihak IPTA atau IPTS boleh melakukan kaedah ini untuk mengenal pasti perkembangan *career* mereka dan sejauh mana graduan mereka telah pergi dan maju sama ada dalam bidang yang diceburi seperti di universiti atau sudah bertukar bidang.

Kita boleh cuba mendapatkan kerjasama anak-anak Pulau Pinang dan bakat-bakat Pulau Pinang untuk meng*update* kebolehan dan kemahiran mereka sendiri. Kita pasti memerlukan mereka untuk memajukan negeri di samping bakat-bakat luar negeri dan negara. Persoalannya sekiranya bakat *local* tidak berminat mengapa kita mesti cari cara yang baru untuk menyimpan bakat-bakat muda kita, kerana walaupun saya tidak tua dan pun tidak muda lagi, *in the middle...*(dengan izin), 37 tahun, tetapi ada banyak kawan saya telah berhijrah ke negeri lain atau pun negara lain. Saya rasa kebanyakan mereka masih menyayangi negara tercinta mereka terutamanya negeri tercinta mereka dan ingin kembali. Tetapi kita mesti mencari apa yang kita boleh buat untuk membawa mereka kembali ke sini dan apa yang kita boleh buat untuk menyimpan bakat-bakat yang sedia ada, anak-anak muda kita di sini. Saya rasa dengan Kerajaan Negeri ini kita boleh mencari jalan.

Akhir kata, dengan izin *we all want the best for Penang whether in Government or Opposition we are doing this because we love Penang.* Dengan itu saya ingin berterima kasih dan mohon menyokong usul.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih YB. Pulau Tikus. Dipersilakan YB. Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih Tuan Speaker. Salam Sejahtera dan Salam Reformasi. Yang saya hormati Tuan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri, YB. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, YB. Ahli-ahli DUN, ketua-ketua jabatan dan rakan-rakan media sekalian. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk menyampaikan ucapan perbahasan Usul Ucapan Terima Kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kedua DUN ke 14. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang Tuan Speaker kerana saya faham dengan kekangan waktu yang kita ada.

YB. Speaker, dalam ucapan Tuan Yang Terutama Tun baru-baru ini, Tun telah menyentuh tentang perancangan dan juga pembangunan negeri dan juga Visi Penang iaitu 2030 dan saya berpendapat bahawa pada Mei 9 haribulan nanti Kerajaan Negeri Pakatan Harapan di bawah kepimpinan Y.A.B. Padang Kota, saya rasa kita berada dalam landasan yang betul dan banyak pencapaian yang telah dicapai. Kita lihat pelancaran buku ataupun *booklet* Visi 2030 dan juga banyak pengumuman baru, projek-projek baru yang bakal diadakan di Pulau Pinang ini, maka saya percaya dengan adanya pengumuman projek-projek baru ini, maka saya rasa peluang ekonomi dan juga peluang pekerjaan itu akan ada di Pulau Pinang ini. Saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Pulau Tikus berkenaan dengan remaja ataupun ramai golongan-golongan muda yang keluar dari Pulau Pinang dan juga mereka pergi ke luar negara untuk mencari peluang-peluang pekerjaan, maka saya rasa dengan kemajuan yang terdapat di Pulau Pinang ini, maka bolehlah kita membawa semula mereka ini untuk digunakan sebagai sumber manusia di Pulau Pinang.

Sejak pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat, di bawah Y.A.B. Padang Kota saya rasa Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang betul dan untuk itu mungkin kalau Ketua Pembangkang tadi dia bagi 50% sahaja tapi bagi saya mungkin saya boleh bagi A+ kepada Ketua Menteri kita.

Tuan Speaker, pada sebelah pagi tadi, kita telah mendengar jawapan lisan yang dikemukakan oleh YB. EXCO berkenaan dengan aduan atau kerisauan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, rakan-rakan Yang Berhormat berkenaan dengan kegiatan pembuangan sisa pepejal dan juga pencemaran alam sekitar. Kita faham sekarang pencemaran alam sekitar ini menjadi satu isu yang panas, kita lihat bagaimana apa yang berlaku di negeri Johor yang telah menyebabkan suasana yang panik rata-rata di kalangan masyarakat. Maka kita perlulah sentiasa untuk *precaution... (dengan izin)*, supaya perkara-perkara tersebut tidaklah berlaku di Pulau Pinang ini. Saya bersetuju bahawa agensi dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan perlulah meningkatkan segala perundangan ataupun penguatkuasaan bagi membendung isu ini supaya ianya tidak berlaku di Pulau Pinang ini. Sudah tiba masanya saya rasa kita menggunakan segala perundangan yang dibenarkan di bawah akta supaya mereka yang melibatkan pencemaran ini bolehlah dibawa ke muka pengadilan dan juga diberi hukuman yang setimpalnya. Kita tidak mahu hanya memberi notis amaran sahaja tetapi, kita mahu melihat mereka ini yang telah mencemarkan, bukan sahaja mencemarkan sungai maka juga mencemarkan persekitaran ini dapat didakwa di dalam mahkamah. Maka satu hukuman yang berat ini bolehlah dijadikan pengajaran kepada mereka yang lain dan ini juga dapat dengan membendung supaya pencemaran ini tidak berlaku pada masa yang akan datang.

Maka saya juga berasa bahawa antara langkah yang boleh dibuat oleh Kerajaan Negeri adalah dengan memberi penerangan dan juga mengesyorkan budaya kitar semula di kalangan masyarakat. Saya menyokong penuh dasar-dasar seperti pengasingan Sisa Pepejal di Punca yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 1 Jun 2016. Berkenaan itu, saya telah membuat satu soalan, saya minta jawapan sejauh manakah keberkesanan program pengasingan sisa pepejal di punca ini dan saya dimaklumkan bahawa program ini telah mendapat satu sambutan yang baik daripada penduduk Pulau Pinang. Maka saya rasa ini adalah satu permulaan yang cukup baik, dengan saya perlu mengucapkan

terima kasih kepada YB. EXCO yang berkenaan, kerana telah bersungguh-sungguh untuk kita menjayakan program pengasingan Sisa Pepejal di-Punca ini. Namun saya rasa penduduk sudah mula mempraktikkan budaya kitar semula ini, dengan sokongan yang baik terhadap keluarga harmoni dibawah dasar ini. Sokongan penduduk juga dapat dilihat melalui peningkatan, kadar kitar semula negeri iaitu telah meningkat setiap tahun daripada 37.76% pada tahun 2015 dan kepada 42.69% pada tahun 2018.

Dan bilangan pusat kitar semula dan komuniti juga telah meningkat daripada 55 buah pada tahun 2015 kepada 123 buah pada tahun 2018. Selaras dengan kemajuan program ini, maka ingin saya cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk kita mempertimbangkan insentif kepada mereka yang berjaya melaksanakan dasar pengasingan Sisa di-Punca ini. Antaranya yang kita boleh pertimbangkan:

Pertama, Insentif pemulangan botol untuk dikitar semula. Botol minuman yang boleh dikitar semula, bolehlah dipulangkan ke pasar raya ataupun kedai minuman dan mereka boleh dibayar bagi setiap botol yang dipulangkan. Dengan ini, setiap orang mempunyai lebih sebab untuk tidak membuang bekas minuman begitu saja sebaliknya mereka akan kembali ke pasar raya berhampiran untuk menebus insentif. Mungkin saya rasa Kerajaan Negeri perlu memastikan setiap *stake holders* dan juga pemain industri untuk menjalankan insentif ini sepertimana program '*No Plastic Bag*'. Saya rasa program '*No Plastic Bag*' yang telah kita jalankan mendapat sokongan yang baik. Ramai yang kita lihat sekarang ini bila dia nak pergi *shopping*, dia bawa *recycle bag*. Maka ini adalah satu permulaan yang baik. Mungkin itu yang saya ingin cadangkan untuk kita memberi juga insentif untuk mereka yang membuat kitar semula ini, supaya kita dapat memberi satu peluang dan juga memberi satu insentif kepada mereka, selain mereka dapat menjual, mereka juga mendapat sedikit insentif;

Kedua, mungkin kita boleh lihat dari segi polisi kerajaan. Kerajaan perlu memperkenalkan sebuah Akta yang mewajibkan sesiapa sahaja yang menghasilkan, memasarkan dan juga menggunakan sesuatu produk, perlulah bertanggungjawab untuk proses guna semula, kitar semula dan juga pelupusan sisa sampah. Akta ini bertujuan untuk menggalakkan setiap pihak yang terlibat untuk mengfokuskan kepada pelupusan sisa buangan mesra alam sekitar. Akta ini telah diperkenalkan dikebanyakan negara maju seperti di Jerman antara negara yang nombor 1 *the best recycling rate... (dengan izin)*, dan juga di South Korea. Mungkin di Malaysia ataupun di Pulau Pinang, PBT bolehlah mengkaji Akta ini dimana kita mewajibkan semua pengeluar produk ini untuk menghasilkan dan memasarkan dan juga menggunakan satu produk itu dengan membuat program *recycling* semula.

Yang Berhormat Speaker, kemajuan negeri Pulau Pinang ini telah membuka peluang dan ruang yang besar kepada semua orang termasuk juga kita lihat sekarang ada isu kebanjiran pendatang warga asing tanpa izin iaitu PATI. Lambakan PATI ini sering kali menjadi polemik dengan mengambil kira kedudukan geografi Pulau Pinang ini, maka tidak bolehlah kita mengelak daripada kemasukan PATI daripada negara asing dan juga pelarian daripada negara jiran kita iaitu yang mereka yang menggunakan kad UNHR. Dalam laporan PAC Kerajaan Negeri Pulau Pinang, terdapat laporan yang mengatakan lambakan PATI dan juga pemegang kad UNHCR ini memberi kesan kepada perniagaan tempatan. Bukan itu saja, mereka juga menimbulkan pelbagai masalah sosial ini. Warga asing sudah bergiat berniaga dalam sektor makanan dan juga perkhidmatan.

Baru ni saya pun terkejut Dato' Speaker, bila saya pergi makan di sebuah kedai yang dengan nama dia kedai makanan klasik orang Melayu. Selepas makan, saya tengok mereka yang menyediakan makanan tersebut adalah chef Bangladesh. Maka saya pun terasa teragu dengan kebersihan makanan, penyediaan makanan tersebut dimana namanya adalah makanan klasik orang melayu, tetapi chefnya adalah orang Bangladesh.

Maka inilah yang perlu kita lihat semula, kerana kita tidak tahu dari segi kebersihan sama ada mereka ini telah menerima suntikan *typhoid* dan sebagainya. Perlu kita mengambil

kira tentang isu tersebut, dan banyaklah yang boleh kita katakan dari segi perkhidmatan kedai gunting. Sekarang kedai gunting banyak warga Bangladesh, Myanmar dan sebagainya sudah buka. Begitu juga perkhidmatan sebagai cuci kereta, dan juga perniagaan menjual sayur-sayuran.

Di KOMTAR saja saya pun terkejut ada satu kedai sayur-sayuran yang *ownernya* adalah orang Bangladesh. Maka inilah yang ditimbulkan dan kita sebagai warga tempatan dan masyarakat tempatan yang menjalankan perniagaan ini menimbulkan kerisauan kerana mereka, pendatang asing tanpa izin ni datang ke sini dan mereka menjalankan perniagaan. Maka dimanakah penguatkuasaan yang kita sebut ni?

Maka saya minta pihak Imigresen sepatutnya memainkan peranan yang lebih aktif lagi. Walaupun kita faham ada juga ditimbulkan isu kemanusiaan, contohnya mereka yang memegang kad UNHR ini. Tetapi bagi saya, mereka yang memegang kad UNHR ini, sekarang ini mereka tidak ada tempat yang khusus untuk ditempatkan. Mereka ini adalah pelarian dan mendapat kad UNHR, tetapi mereka bebas saja boleh duduk dimana-mana. Boleh duduk di kawasan perumahan, boleh bergerak kemana-mana saja. Tetapi sepatutnya mereka ni perlulah dikhususkan ataupun diletakkan di sesuatu kawasan. Kalau mengikut undang-undang, mereka yang memegang kad UNHR ini tidak dibenarkan untuk bekerja, dan juga menjalankan apa-apa perniagaan. Tapi yang sebaliknya yang berlaku pada hari ini kebanyakan mereka salah guna kad UNHR ini. Maka apakah tindakan yang boleh kita ambil, maka ini adalah perlu kita kaji semula.

Saya juga ingin mensyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk kita juga melihat semula Garis Panduan pengeluaran lesen perniagaan kepada warga asing. Setakat ini saya difahamkan kerana ramai warga asing ini dia pandai. Dia datang ke sini, dia berkahwin dengan warga tempatan untuk semata-matanya untuk dia mendapat lesen perniagaan. Tetapi buat satu tempoh masa, dia akan bercerai. Maka selepas dia bercerai, maka lesen dia tu pun berjalan. Maka kita perlu ada satu kaedah...(ganguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Minta laluan. Yang Berhormat Batu Uban, saya berpendapat walaupun masalah ini memang berlaku. Yang seperti kita nampak kedai-kedai runcit dimiliki oleh warga asing. Tapi saya berpendapat hak asasi untuk cinta itu diadakan. Kira tak boleh kata mempertikaikan warga asing datang sini untuk tadi apa yang dikatakan pandai lepas kahwin dapatkan hak untuk berniaga di sini. Lepas itu cerai. Itu adalah sesuatu *buyer* bagi saya. Sebab tidak menghormati hak asasi cinta.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih rakan saya daripada Berapit. Ya, saya faham. Hati daripada golongan wanita. Tetapi saya di sini bukan nak marah sesiapa, tapi saya kesian juga kepada ibu-ibu tunggal ini. Kerana selepas mereka ditinggalkan, mereka ni menjadi ibu tunggal dan juga tiada tempat untuk mereka. Dan ini juga adalah menjadi bebanan kepada Kerajaan Negeri kerana akan menambah lagi peruntukan untuk kita memberi kepada ibu tunggal ini.

Ini yang perlu kita lihat semula, dan apa yang saya syorkan di sini, setakat ini contohnya (MBPP) Majlis Bandaraya Pulau Pinang, dia meluluskan lesen sekiranya 50% pegangan syarikat itu, adalah daripada warga tempatan. Tetapi apa yang boleh kita syorkan ataupun saya mengikut laporan daripada PAC yang disyorkan oleh PAC, kita perlu mensyaratkan sesuatu *company* itu ataupun syarikat itu perlulah 100% pegangan warga tempatan untuk dia memohon lesen perniagaan. Okey, ini adalah satu kaedah untuk kita mengelakkan warga-warga asing ini menyalahgunakan lesen perniagaan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, minta jalan. Ya, Timbalan Dato Speaker.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bawa soalan disini boleh dijawab semasa penggulungan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, saya nak bagitau bahawanya memang apa yang dia katakan ini MBPP, pejabat saya dan juga MPSP telah ambil tindakan. Kami telah merujuk kes-kes tertentu, dimana warga asing menggunakan isteri atau dia punya suami untuk ambil lesen-lesen MPSP. Dan juga kami telah dengan bahawa meniaga punya kan kurang berapa ratus ribu atau apa, tidak akan diberi lesen. Ini sedang dikaji, dan saya bagi jaminan bahawanya tindakan-tindakan akan diambil pada mereka kerana mereka telah boleh dikata mencero bohi pasaran anak tempatan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih YB. EXCO daripada Sungai Puyu. Saya rasa ini adalah satu langkah yang bagus dan saya pun mengharap-harapkan bahawa satu SOP yang jelas perlulah diadakan dengan secepat mungkin.

Yang di-Pertua *Speaker*, di Dewan yang mulia ini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memuji pengurusan Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang kerana sejak tahun 2008 selepas pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih, kita telah melihat bagaimana Lembaga Wakaf Hindu pengurusan dia lebih efisien. Banyak ketara. Sebelum 2008 ini saya percaya ramai yang tidak tahu terutamanya masyarakat India tentang kewujudan Lembaga Wakaf Hindu dan juga harta-harta yang dimiliki oleh Lembaga Wakaf Hindu ini.

Tetapi selepas 2008, saya rasa Lembaga Wakaf Hindu ini telah lebih menonjol dan telah menjadi Lembaga yang menjadi *role model*... (dengan izin), kepada negeri-negeri yang lain juga. Saya difahamkan di peringkat pusat juga, sedang berbincang untuk menubuhkan Lembaga Wakaf Hindu ini di setiap negeri dan saya rasa Pulau Pinang telah menjadi satu *role model* yang bagus di peringkat tersebut dan dalam *manifesto* Pakatan Harapan juga Lembaga Wakaf Hindu merupakan satu janji yang telah kita berikan kepada masyarakat bahawa sekiranya pakatan harapan berjaya mengambil alih Kerajaan Pusat maka Lembaga Wakaf Hindu ini dapat ditubuhkan di setiap negeri.

Untuk itu saya perlulah mengucapkan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang khususnya, Yang Berhormat Perai, beliau tidak ada di sini kerana telah membawa wardah yang baru kepada Lembaga Wakaf Hindu. Untuk makluman, Lembaga Wakaf Hindu ini telah ditubuhkan pada tahun 1906. Seperti yang telah saya sebutkan, telah lama Lembaga Wakaf Hindu ini terdapat di Pulau Pinang tetapi kita tidak ketahui sebelum ini tetapi selepas 2008 baru kita lihat bagaimana Lembaga Wakaf Hindu ini beraktif dan juga telah memainkan peranannya dan kita faham peranan utama Lembaga Wakaf Hindu ini adalah menguruskan wakaf-wakaf yang diletakkan di bawah pentadbirannya iaitu dari segi tanah, bangunan, rumah, perkuburan dan juga kuil. Namun demikian, Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang terutamanya telah mengorak langkah baru iaitu bukan sahaja *manage temple*, kuil tetapi menjaga kebajikan dan juga pendidikan masyarakat Hindu terutamanya masyarakat India di Pulau Pinang ini. Dan untuk itu sejak tahun 2010 sehingga April 2019, saya rasa Lembaga Wakaf Hindu telah memberikan bantuan pendidikan lebih kurang RM3.3 juta, saya rasa ini adalah satu permulaan yang bagus di mana kita dapat *manage* sumber kewangan itu dengan baik maka kita dapatlah memberikan semula kepada masyarakat.

Maka inilah perlu kita memberi praktikkan dan saya rasa selepas ini mungkin kita boleh melihat semula skop Lembaga Wakaf Hindu ini kerana sebelum ini ramai mungkin rasa dia hanya satu badan berkanun yang menjaga hal-hal *temple* atau kuil sahaja tetapi saya rasa selepas Kerajaan Pakatan Harapan ini mengambil alih maka kita lihat banyak pembaharuan yang telah dibuat dan baru-baru ini pada 14 April iaitu hari tahun baru bagi masyarakat Tamil,

Lembaga Wakaf Hindu telah melancarkan muzium pertama masyarakat India di Pulau Pinang. Maka syabas saya ucapkan. Ini adalah satu perkara yang cukup bagus.

Saya juga di sini ingin memohon bantuan Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang untuk menyelesaikan satu isu pembermilikan tanah kerajaan untuk tujuan tapak gantian Kuil Sri Veera Kaliamma, Sungai Dua iaitu di kawasan saya, KADUN Batu Uban. Untuk makluman, pada tahun 1998, Kerajaan Negeri ketika itu iaitu di bawah pentadbiran Barisan Nasional telah mengarahkan penempatan semula kuil tersebut yang tapak asalnya terletak di 742, Mk.13, Sungai Nibong. Arahan penempatan semula kuil ini dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri ketika itu, dengan alasan terdapat bantahan penduduk persekitaran walaupun saya difahamkan kewujudan kuil tersebut di tapak asal adalah pada tahun 1970-an, lebih kurang 50 tahun tetapi ketika itu, telah diarahkan oleh Kerajaan Negeri ketika itu untuk pindah ke tanah yang baru tetapi apa yang menjadi persoalan, ketika tanah gantian diberikan, gantian itu adalah untuk sementara waktu sahaja. Maka saya tidak faham, apakah ketika itu, apakah prosedur yang digunapakai oleh Kerajaan Negeri terdahulu dan kenapa ketika itu, *Hindu Endowment Board* tidak memainkan peranan dan sampai sekarang masalah itu tidak dapat diselesaikan iaitu pembermilikan tanah.

Maka, saya memohon sangat bantuan daripada Lembaga Wakaf Hindu dan juga YB. Prof untuk membantu untuk mendapatkan sebuah tanah ataupun tanah yang sedia ada, dapat memohon tanah yang sedia ada. Saya rasa perkara ini dapat diselesaikan kerana telah berlanjutan untuk sekian lama.

Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pembangunan dan juga penceriaan di kawasan *Little India*. Kita lihat di Pulau Pinang, *Little India* adalah satu kawasan tarikan masyarakat India. Ada ramai pengunjung mahupun pengunjung dalam negeri dan juga luar negeri yang datang ke kawasan *Little India* ini. Tetapi saya rasa perlu ada banyak lagi pembangunan di kawasan tersebut dan saya berharap YB. EXCO Pelancongan dapat melihat perkara ini supaya kita dapat menaiktaraf kawasan ini dan juga dapat mencerikan kawasan ini dengan pemasangan lampu hiasan terutamanya ketika musim perayaan seperti Pongal dan Deepavali sepertimana yang kita lihat contohnya di Singapura, apabila tibanya musim-musim perayaan, maka PBT di sana ataupun Kerajaan Negeri memainkan peranan yang cukup bagus.

Tetapi buat masa ini, di kawasan *Little India* ini, saya rasa pernah juga timbul isu di mana bila tiba musim Deepavali kawasan itu tidak ceria. Dan ada juga mereka-mereka yang memberi pandangan yang tidak baik terhadap Kerajaan Negeri. Mungkin saya rasa selepas ini kita dapatlah menarik lebih banyak pelancong ke kawasan itu dengan menaiktaraf seperti *Little India* yang terdapat di Brickfields di Kuala Lumpur. Kerana dengan itu, kita juga dapat membantu untuk menarik lebih banyak tarikan pelancong ke kawasan tersebut dapatlah mempamerkan warisan kepelbagaian yang terdapat di Pulau Pinang ini.

Yang di-Pertua *Speaker*, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang sukan. Saya berharap bahawa pembinaan Satu DUN, Satu Gelanggang futsal di kawasan Batu Uban, dapat dilaksanakan. Pada sesi sidang DUN yang lepas, saya telah mengutarakan cadangan ini dan YB. EXCO telah bersetuju untuk bekerjasama dengan Pejabat Daerah untuk kita mencari lokasi dan juga mengadakan gelanggang futsal tetapi sampai hari ini belumlah ada apa-apa, ada perkembangan, saya berharap untuk tahun ini sekurang-kurangnya dapatlah kita buat majlis pecah tanah.

Dan saya juga ingin menyentuh sedikit tentang FAP. Saya tidak ada apa-apa masalah dengan FAP, saya rasa sekarang dengan pentadbiran di bawah Yang di-Pertua *Speaker*, kita bagi peluang jugalah, seperti yang kita tahu, bola sepak ini dia ada naik dan turun. Bila dia menang selalu, penyokong akan *happy*, akan gembira, tetapi bila kita kalah, penyokong akan marah kita. Tetapi, saya percayalah dengan kepimpinan yang terdapat oleh YB. *Speaker* supaya kita dapat menonjol FAP ini dan pada satu hari nanti mungkin Pulau Pinang dapat mengambil piala. Tetapi apa yang saya ingin sentuh tentang sini adalah saya berpendapat bahawa FAP juga seharusnya...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

YB. minta laluan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Minta laluan. Tak diberi? Beri?

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Ringkaskan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Okey, ringkas. Terima kasih Batu Uban. Sebenarnya, Timbalan *Speaker* tak nak saya cakap kot. So memang diakui ada peningkatan di tangga liga tetapi kita tidak dapat, kita pun tidak boleh menjangkakan *overnight changers*...(dengan izin), apabila pengerusi baru mengambil alih FAP tetapi harapan saya adalah jangan jadi macam *Liverpool*; 20 tahun tidak ada apa-apa Liga Perdana Inggeris, jangan jadi macam *Liverpool*, kita kena kembali ke *Super League*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Itu saya setuju sebab saya penyokong *Manchester United*...(Ahli Dewan ketawa).

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Yang Berhormat, *you* ada lagi dua minit sahaja.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Okey, saya ringkaskan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

This is our year but it never come for the last 20 years.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Tuan *Speaker*, apa yang saya ingin bawakan ialah saya berpendapat bahawa sudah tibalah masanya untuk FAP seharusnya memberikan suntikan peruntukan untuk klinik latihan bagi pelapis kerana kita perlulah memberi fokus untuk pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi ini dan untuk membentuk pemain *professional* untuk masa akan datang. Dan saya minta satu perhatian yang sewajarnya dapat diberikan. Sekiranya kita dapat melatih pelapis-pelapis ini kita lihat untuk jangka masa panjang, mungkinlah pada satu masa nanti tidak perlulah kita untuk membelanjakan wang yang besar untuk pemain-pemain *import* sebab saya lihat pemain-pemain *import* pun tidaklah menyerlah sejak kebelakangan ini. Maka kita membayar mereka dengan gaji yang lumayan tetapi prestasi mereka adalah tidak mencapai tahap yang kita mahukan. Maka saya rasa kita mempunyai banyak potensi, banyak pelatih-pelatih ataupun pelapis-pelapis yang di mana kita boleh menonjolkan mereka di satu peringkat nanti. Kita perlulah bermula dari sini dan memberi satu suntikan kewangan kepada kelab-kelab bola sepak pelapis ini untuk mereka melaksanakan klinik-klinik bola sepak di peringkat anak-anak muda ini.

Akhir sekali saya ingin juga memohon supaya bantuan peruntukan tebatan banjir disegerakan di kawasan Minden Heights, Halaman Sentosa dan juga Taman Sunway, Bukit Gambir. Saya berharap EXCO, YB. Tanjung Bunga akan memberi perhatian yang khusus terhadap isu ini. Saya pun telah membuat beberapa lawatan dan juga telah menulis kepada beliau dan beliau juga telah memberi respon, maka saya berharap segala perancangan yang dibuat oleh pihak JPS dan juga JKR dapat menyelesaikan masalah banjir yang berlaku di kawasan yang saya sebut sebentar tadi.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pembayaran iSejahtera. Dan saya berharap pembayaran untuk masa-masa yang akan datang dapat dilaksanakan secara EFT sepenuhnya kerana baru-baru ini, untuk pembayaran warga emas, KADUN Batu Uban

mempunyai seramai 5,569 penerima. Ini adalah KADUN yang ramai warga emas. Maka berlaku sedikit salah faham kerana pembayaran pada kali ini telah dibuat di KOMTAR iaitu di Tingkat 3, maka ramai warga emas yang memberitahu kepada saya, dia kata kenapa mereka telah menyerahkan dokumen, telah *update* dalam sistem untuk membuat pembayaran secara EFT tetapi kenapa pembayaran EFT ini tidak dapat dilaksanakan. Maka saya juga memberitahu, berjanji kita sedang membuat *pilot* projek untuk pembayaran EFT ini maka saya berharap selepas ini YB. Sungai Puyu bolehlah kita melaksanakan sepenuhnya bayaran secara EFT ini. Untuk kita senang proses pembayaran pada masa yang akan datang.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Ya, saya minta penjelasan. Memang dasar untuk bayar di iSejahtera khasnya Warga Emas melalui EFT kerana pada kini kita ada 185,000 penerima. Dan kami telah selepas pendaftaran, kami telah cuba menggunakan M2U tetapi Bendahari kata tidak boleh pakai M2U, kehendak pakai SPEKS. Bila pakai SPEKS kita hendak ambil dokumen, *full of documents*, satu demi satu disahkan oleh seorang pegawai. Dan kemudian disahkan lagi oleh satu pegawai dan akan ambil masa yang panjang kerana pakai SPEKS. Oleh demikian, kami telah mencuba pakai SPEKS, dan kami cuba untuk SPU, 2 KADUN sahaja, untuk Sungai Puyu dan Telok Ayer Tawar dan kami *go straight*. Satu *district* kami pakai, satu KADUN saja.

Apabila kami buat, kami telah hadapi juga kesulitan seperti ada orang yang hendak bayar kepada BSN, BSN dia ada 14 digit tetapi SPEKS hanya 10 digit dan semua yang masuk bank EFT adalah 15% yang telah dikembalikan. Oleh yang demikian, kami telah merayu kepada Bendahari dan satu mesyuarat dengan Bendahari bahawa kita bayar melalui M2E. Oleh yang demikian, apabila kami kata M2E kami dah buat, kami cuba untuk SPT. SPT kami pilih Penanti dan juga Permatang Pasir dan di sana juga menghadapi sedikit masalah. Supaya boleh selesai perkara, saya jangka September baru boleh bayar. Oleh yang demikian, saya telah mencadangkan bahawa jangan bagi warga emas tunggu terlampau lama so saya telah buat bayaran baru Sabtu atau Ahad iaitu kata 27 dan 28. Segala kesulitan amat dikesali dan saya janji bahawanya tahun hadapan saya akan bayar melalui EFT. Ini untuk senang saya juga.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Terima kasih penjelasan oleh Yang Berhormat Sungai Puyu dan juga bersyukur kerana beliau telah berjanji bahawa pada pembayaran yang akan datang, akan dibuat melalui EFT. Kalau sekiranya pembayaran tidak dapat dibuat secara EFT, saya mohon juga lah Yang Berhormat Sungai Puyu untuk memberi saya di cawangan Maybank yang berdekatan sebab di kawasan KADUN Batu Uban ini, tiada cawangan Maybank. Mungkin bolehlah diberi di kawasan yang berdekatan supaya ianya dapat menyenangkan penerima-penerima. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Batu Uban. Dipersilakan Yang Berhormat Air Putih.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Tentang peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam ucapan untuk menjunjung kasih dan juga terima kasih atas ucapan Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang berkaitan dengan pembukaan rasmi Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada minggu lepas.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama lagi kita akan menyaksikan ulang tahun yang pertama Pakatan Harapan pada 9 Mei yang juga merupakan ulangtahun ke-11 pemerintahan pakatan di Negeri Pulau Pinang. Dari peringkat kebangsaan adalah ulang tahun yang pertama tetapi untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kita menyaksikan tempoh 11 tahun yang saya rasa merupakan satu *game changer*...(dengan izin) satu peralihan paradigm bukan sahaja untuk Negeri Pulau Pinang tetapi untuk seluruh Malaysia di mana kita menyaksikan bahawa sebuah barisan pembangkang boleh menjadi kerajaan dan juga menunjukkan prestasi yang jauh lebih

baik daripada kerajaan lama, dan ini saya rasa telah memberikan keyakinan bahawa sememangnya Parti Pembangkang dapat memerintah negeri dan negara dengan baik berdasarkan prinsip menjalankan pentadbiran yang bersih atau CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus).

Tuan Yang di-Pertua, kita akan menghadapi pelbagai cabaran dan di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh sesebuah kerajaan yang baru. Untuk rakan-rakan di sini yang telah menjadi ADUN-ADUN baru selepas pentadbiran yang telah pun masuk penggal ke-3, mungkin tidak dapat rasai kita punya pengalaman semasa kita baru jadi kerajaan baru. Dato' Seri SUK ada, saya rasa beliau fahamlah. Di mana, pada awal tahun yang pertama, kedua dan ketiga, kita menghadapi masalah untuk melaksanakan program-program dan dasar-dasar kerana menghadapi rintangan dan juga halangan daripada dalaman kerana mungkin tidak biasa dengan kerajaan yang baru. Tidak biasa selepas diperintah oleh satu parti selama 50 tahun, lebih 50 tahun. Berlaku perubahan, tidak biasa sekali. Dan itulah sebabnya pada awalnya kita menghadapi masalah sedemikian sehingga ada Ahli-Ahli EXCO menyatakan begitu sukar dan juga daripada pegawai-pegawai kanan sehingga kita terpaksa dengan penuh sabar hati, kerja keras di peringkat akar umbi dan yang penting sekali, mendalami semua aspek tentang pentadbiran khususnya dari segi perintah-perintah dan juga perundangan. Baru kita dapat bukan sahaja melaksanakan program-program tetapi menyakinkan ahli pentadbiran bahawa kita benar-benar ikhlas untuk berkhidmat kepada rakyat dan membawa perubahan yang bermakna untuk negeri Pulau Pinang. (*Ahli Dewan menepuk meja*). Inilah pengalaman yang kita terpaksa lakukan.

Tentulah sekarang selepas tiga (3) penggal, keyakinan sudah pun wujud daripada pihak pentadbiran kita, saya yakin tidak menghadapi masalah tapi awalnya itu adalah satu pengalaman yang amat sukar sekali dan tentulah kita hadapi masalah yang sama di peringkat Putrajaya apabila kerajaan baru ditubuhkan. Ini lagi lama selepas 61 tahun. Tentulah dari segi aspek-aspek ini kena diberikan perhatian supaya program-program dapat dilaksanakan tanpa menghadapi masalah-masalah seperti yang saya sebut tadi. Tetapi sekurang-kurangnya kita perlukan masa. Dua (2) tahun, tiga (3) tahun supaya dapat menyesuaikan di antara satu sama lain. Samada kita boleh dapat masa yang sama di peringkat kebangsaan, itu satu soalan yang kita harap kita dapat tangani. Tapi kalau kita berdasarkan pengalaman di Pulau Pinang, ia memang menjadi satu cabaran pada masa itu dan dengan sokongan daripada pelbagai pihak, tentu kita semua bersyukur kita dapat melaluinya dan tentu dengan sokongan daripada pegawai-pegawai yang benar-benar yang nak jalankan tugas berdasarkan perkhidmatan dan juga kesetiaan kepada *government of the day*. Kerajaan mana yang memerintah dan dipilih oleh rakyat dan diberikan mandat oleh rakyat, berkhidmat untuk kerajaan itu dan bukanlah berdasarkan faktor-faktor lain. Barulah kita boleh lihat dan menjana perubahan yang kita saksikan hari ini di Pulau Pinang.

Di sini, saya ingin mencerita sedikit halangan-halangan yang kita terpaksa hadapi supaya kita boleh bawa perubahan itu. Dan kalau sekiranya kita boleh imbas kembali, saya rasa Ahli Yang Berhormat bila kita perkenalkan bayaran yang pertama, bantuan yang pertama iaitu bantuan warga emas. Betapa susahnya kita nak laksanakan program ini sampai Parti Pembangkang UMNO mengecam Kerajaan Pakatan kerana nak berikan RM100 kepada warga emas sampai cakap ini wang judi pula. Itulah halangan yang kita hadapi. Nak bagi wang pun dikecam dan dipersalahkan. Bila saya lihat keadaan macam ini, saya pun ingat bila kita bantu Kerajaan PAS untuk bayar gaji kakitangan mereka. Selepas bagi wang untuk bayar gaji kakitangan kerajaan mereka yang mereka tak mampu bayar, saya pun dikecam dan dimaki. Saya pun ingat balik masa itu bila kita nak bagi wang untuk semua warga emas, kita hadapi maklum balas dan juga reaksi yang serupa. So itulah keadaan masa itu yang kita lihat, ulangi sekali lagi. Termasuk pemberian sumbangan ataupun peruntukan kepada hal ehwal agama Islam. Bila ditambah, saya rasa ini bukan cakap berdasarkan sebab, ini berdasarkan fakta. Bila Kerajaan Negeri Pulau Pinang tambah peruntukan untuk Hal Ehwal Agama Islam, sekali ganda lebih dua (2) kali ganda, ini pun dijadikan isu sampai saya pun dikritik sebagai

anti Islam sungguh pun tambah peruntukan untuk Hal Ehwal Islam dan keadaan serupa ini pun berlaku dekat Putrajaya. So keadaan sedemikian, kita harus hargainya. Kerana apa yang kita hadapi sekarang bukan macam dulu. Bukan macam apa yang kita terpaksa lalui pada awal-awalnya dan saya harap bahawa semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini, kita gunakan peluang ini kerana Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sama. Masa itu, Kerajaan Persekutuan lain, Kerajaan Negeri lain. Itulah sebabnya mungkin ada setengah pegawai pentadbiran rasa mereka boleh bersandarkan Kerajaan Persekutuan pada masa itu dan tidak berikan kerjasama sewajarnya kepada Kerajaan Negeri. Tapi sekarang lain, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri lain.

Sungguhpun ada masalah-masalah seperti saya sebut tadi, saya harap semua Ahli Yang Berhormat gunakan peluang yang ada sekarang supaya kita dapat jalinkan hubungan yang rapat di antara peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Saya nak berikan satu contoh, mungkin ada setengah wakil rakyat mereka belum kenal lagi pengarah-pengarah agensi Kerajaan Persekutuan. Kita harus lebih kenali mereka kerana mereka pun sedia memberikan bantuan supaya kita dapat selaraskan kerja tak kira itu jalan, sekiranya itu Pengarah JKR, mereka sedia membantu. Kita kena menjadi orang tengah supaya dapat pastikan kerja-kerja dapat berjalan dengan lebih licin dan lancar kerana ada beberapa isu yang saya perhatikan di mana kita hanya perlu hubungi agensi Kerajaan Persekutuan, kita boleh selesaikan masalah. Tetapi kerana kita tidak buat kerja sedemikian, masalah-masalah itu sangkut ataupun terbantut. So di sini saya nak syorkan, jadilah jambatan, jadilah penghubung dengan pihak agensi Kerajaan Persekutuan. Itu penting. Kalau boleh kita kena kenali mereka dan sekiranya mereka berikan masalah, saya rasa harus diberikan aduan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri yang boleh selesai masalah.

Sekiranya Setiausaha Kerajaan Negeri tak boleh selesaikan masalah, pun boleh buat aduan kepada pejabat saya. Kita akan tahu apa masalahnya kerana ini penting. Sekiranya kita boleh jadi jambatan di antara agensi Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri, banyak kerja kita dapat lakukan dengan lebih licin dan lebih berkesan lagi. So itu seruan saya kerana dalam setahun ini saya tahu ada beberapa perkara yang timbul di mana sampai tak kenal siapa pengarah agensi jabatan persekutuan pun. Ini tak seharusnya berlaku. Kalau dulu mereka tak mau kenal sama kita, okey lah. Kita tahu itu hakikatnya. Tapi sekarang lain. Termasuk sekolah-sekolah kerajaan, dulu tak boleh masuk. Sekarang boleh masuk. Ada sesetengah sekolah, universiti, saya 10 tahun jadi Ketua Menteri tak pernah masuk, sekarang boleh masuk. Dan bila boleh masuk, kita boleh lihat apa masalah yang berlaku, kita kena cuba selesaikan masalahnya.

Saya nak sebut di sini, bahawa akhirnya penyampaian perkhidmatan adalah segala-galanya. Sekiranya kita boleh pastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan, rakyat tetap akan sokong kita tanpa kira permainan sentimen perkauman ataupun ekstrimisme agama oleh parti-parti lawan. Mereka boleh mainkan sentimen sedemikian tetapi sekiranya kita boleh tunjukkan perubahan di mana mereka boleh hidup lebih senang sekarang berbanding dengan dulu, kita tak payah takut permainan sentimen yang jahat oleh elemen ataupun anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab ini. So penyampaian adalah segala-galanya. Itulah saya harap bahawa kita cuba mantapkan penyampaian supaya kita boleh dapat berikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan di sini mungkin ada dua perkara yang saya nak sebut. Satu tentang alam sekitar, ini tentu YB Phee sudah tahu, saya pun dah bincang dengan dia tapi saya nak bawa di sini ialah tentang itu *recycle plastic* atau apa yang kita sebut plastik kotor. Sekiranya ada mana-mana kilang yang import plastik daripada luar negeri kerana negara-negara di luar tak mahu terima plastik dan juga haramkan plastik, jangan biar Malaysia jadi tong sampah. So sekiranya ada perkara sedemikian, ada kilang-kilang menjalankan aktiviti sedemikian, buatlah aduan dan saya yakin kita punya Yang Berhormat Ahli EXCO, YB Phee akan ambil tindakan tegas. Kalau perlu bantuan daripada pihak Kementerian Alam Sekitar, buat aduan saya percaya Menteri pun akan bertindak tegas ke atas kilang-kilang haram ini. Ini penting Tuan Yang di-Pertua, kerana sekiranya kita tak pastikan dia tidak bertapak atau dia tidak berselerak dan berleluasa di Pulau Pinang. Ini akan

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam dan juga Yang Berhormat Ketua Pembangkang kalau bagi 98 markah kepada Najib dahsyatlah. Ini kalau kita dapat 50 itu satu petanda baik kerana Kerajaan Najib boleh dapat 98 makna dia pandai-pandai makan, makan apa? Makan rasuah dia bukan macam kita, kita tak makan itu terpulang kepada Yang Berhormat itu hak dia.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Itu manifesto PRU-13, yang Pakatan Harapan manifesto untuk yang baru punya PRU-14 baru setahun.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Itu belum sampai lagi Yang Berhormat berikan masa takkan 61 tahun punya masalah kita satu tahun boleh semua sekali so berikan masa kalau perkara ini masih wujud atau berlarutan lama (5) tahun kemudian atau empat (4) tahun kemudian kalau nak cakap itu saya pun tak boleh jawab tapi sekarang masih awal lagi beri masa sedikit itulah sebabnya saya bangkitkan perkara ini supaya ia dapat diberikan perhatian supaya itu pihak penaja mereka pun tahu manifesto kita so kita harap dapat teruskan dua (2) kali setahun tentu ini akan mendapat sambutan yang baik daripada semua pihak, tentu saya tidak menyalahkan sesiapa kerana memang ada sebabnya ada asasnya mengapa ia tidak dijalankan dua (2) kali setahun, saya pun faham ada asas dan ada sebabnya tetapi sekiranya ia sudah tercatat dalam manifesto biar kita teruskan supaya ia tidak dijadikan isu oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kita tak mau bagi isu sama dia dan saya rasa itu bukan satu perkara yang sukar dan memang dapat dilaksanakan. Saya percaya Yang Berhormat Paya Terubong dapat melaksanakannya tanpa sebarang masalah. Ini ialah permintaan daripada saya.

Okey dan di sini saya juga harap bahawa dalam aspek ini kita teruskan usaha sebelum ini iaitu Pulau Pinang yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat sekarang adalah Pulau Pinang2030 Negeri Berorientasikan Kekeluargaan, Hijau dan Pintar untuk inspirasi Negara dan dalam tempoh setahun ini kita dapat menyaksikan kemajuan yang terus dibawa kepada Negeri Pulau Pinang di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang di mana saya yakin bahawa pembangunan Negeri Pulau Pinang akan dimungkinkan lagi dengan adanya matlamat-matlamat seperti yang digariskan di bawah Pulau Pinang2030.

Sebagai mantan Ketua Menteri saya sering melihat dari jarak dekat kesinambungan dasar-dasar yang digubal dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sememangnya kita telah meletakkan Negeri Pulau Pinang di atas satu asas yang amat kukuh yang telah kita bina dan usahakan dalam tempoh 10 tahun yang lepas, kita yakin bahawa Y.A.B. Ketua Menteri akan membawa idea-idea yang baharu dengan menyuntik nafas serta projek-projek pembangunan yang baru kepada negeri Pulau Pinang supaya negeri kita akan terus menjadi satu model pembangunan untuk menyakinkan lagi rakyat jelata terhadap pemerintahan Pakatan Rakyat di Negeri Pulau Pinang.

Dan itulah sebabnya saya yakin bahawa kesinambungan Pulau Pinang akan diteruskan dan tidak adillah untuk Yang Berhormat Ketua Pembangkang menyatakan markah hanya 50, ini saya rasa satu pemberian markah politikot bukanlah secara ikhlas kerana memangnya saya rasa jauh lebih tinggi daripada markah yang diberikan.

Di sini bukan sahaja kita boleh lihat bahawa Pulau Pinang terus bersih bahawa ada satu rancangan supaya kita dapat memastikan pembangunan dapat dikekalkan dan diteruskan, yang pembangunan mampan termasuk mengatasi masalah-masalah yang disebutkan di sini bukan semua kawasan pembangkang dipinggirkan atau pun diabaikan pun ada satu projek jalan Pantai Merdeka yang telah pun diteruskan. Jalan daripada Butterworth, Pantai Merdeka ke Kepala Batas, saya rasa Yang Berhormat pun tahu ini pun dah diluluskan di mana tak dihalang oleh pihak kami, ini adalah satu projek yang menunjukkan tidak dihalang sungguh pun ini adalah kawasan pembangkang. Itulah yang kita nak lihat iaitu pembangunan

lestari dan seimbang yang terus akan dibawa oleh Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Y.A.B. Ketua Menteri dan yakinlah Yang Berhormat Ketua Pembangkang bahawa Pulau Pinang pasti akan jadi lebih baik dalam masa lima (5) tahun lagi. (*Ahli Dewan menepuk meja*)

Seperti yang saya sebut tadi, Negeri Negeri Pulau Pinang sememangnya memerlukan kerjasama dan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan untuk merencanakan lagi pembangunan dalam negeri kita. Sebagai ADUN di Pulau Pinang dan juga seorang Ahli Parlimen dan Menteri Kabinet saya tentu akan memastikan kepentingan Negeri Pulau Pinang akan terjamin dan di sini tentu sokongan padu akan diberikan ke atas beberapa projek-projek termasuk projek-projek pengangkutan dan saya yakin ia akan memenuhi semua keperluan EIA ataupun Alam Sekitar tapi janganlah kita kerana keperluan-keperluan demikian digunakan sebagai alasan untuk menghalang ataupun melambatkannya kerana sememangnya Pulau Pinang perlu projek-projek sedemikian supaya kita bukan sahaja mengatasi masalah kesesakan trafik tapi dapat memajukan ataupun mengerakkan ekonomi negeri Pulau Pinang ke landasan yang lebih tinggi lagi.

Saya percaya semua pun ada dengar istilah TOD (*Transit-oriented development*) dan inilah salah satu penerak ekonomi dan ia dapat sokongan daripada semua pihak semua lapisan masyarakat tak kira kaum tak kira agama, rakyat Pulau Pinang menyokong projek-projek pembangunan infrastruktur ini, saya berharap Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun cuba janganlah menentang atas alasan politik di Negeri Pulau Pinang tapi sekiranya di jalankan di negeri Barisan Nasional dia kan sokong itu saya rasa tidak patutlah dan sehingga kini telah diberikan pelbagai kelulusan termasuk kelulusan EIA bagi projek PIL 1 Lebuhraya bertingkat yang menyambung Air Itam dengan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, Lebuhraya Pintasan yang menyambung Persiaran Gurney dengan Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan jalan berkembar dari Tanjung Bunga sehingga ke Teluk Bahang oleh Kerajaan Persekutuan. Saya percaya Y.A.B. Ketua Menteri telah berusaha untuk memastikan projek ini terus berjalan.

Di samping itu, projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang akan dijalankan daripada kapasiti 6.5 juta penumpang sekarang kepada 16 juta penumpang setahun dan ini akan dibuat secara BFI dan kini dia masuk dalam pelaksanaan awal di mana persiapan persediaan telah dijalankan untuk membentangkan permohonan kelulusan pelan kemajuan kepada Pihak Berkuasa Negeri tetapi tentulah dalam aspek untuk meningkatkan kapasiti lapangan terbang kepada 16 juta ia memerlukan perbincangan tentang tanah-tanah kerana perlukan itu keluasan tanah yang lebih besar dan ia melibatkan tanah-tanah swasta. So lebar urus perlu dijalankan tapi kita ada dua (2) pilihan sama ada kita terus kalau kita tak mau ambil tanah persendirian jalan ini ambil 12 juta penumpang sahaja dan saya yakin kalau kita teruskan dengan 16 juta penumpang bila dia siap dibina sekarang dia penumpang setahun di Pulau Pinang Lapangan Terbang Pulau Pinang adalah 8 juta, kalau kita hanya bina untuk kapasiti 12 juta bila ia siap dibina sudah hampir penuh lebih baik kita teruskan dengan kapasiti 16 juta setuju tak rakan-rakan saya di sini? (*Ahli Dewan menepuk meja*).

So kalau kita mau, ini sudah lebih sikit sekiranya setuju dengan itu 16 juta kapasiti penumpang saya rasa kita kena lihat dengan jangka masa yang lebih panjang dan juga satu perancangan yang lebih mendalam yang melibatkan kerana tanah-tanah swasta supaya bila ia diperluaskan kita boleh buat perancangan untuk masa depan.

Sekiranya buat 16 juta dan nak tambah lagi ada ruang nak tambah lagi 16 juta campur 4 juta kepada 20 juta ada ruang sebab kita rasa kita kena lihat dengan jangka masa yang lebih panjang pastikan lapangan terbang ini dapat menampung kapasiti bukan sahaja untuk 3 – 4 tahun tapi satu jangka masa 7 – 8 tahun. Kalau tidak nanti bila ia siap dibina kita kena pohon lagi pada masa itu mungkin tak begitu mudah tak begitu senang untuk mendapat kelulusan itu. Oleh sebab itu saya nak syorkan bahawa janganlah sekadar 12 juta buatlah lebih besar untuk 16 juta dan sekiranya semua Yang Berhormat semua setuju mungkin mengambil masa yang panjang sedikit biar kita usahakan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang kepada kapasiti 16 juta penumpang dengan ruang untuk tambah

4 juta setuju tak termasuk Ketua Pembangkang pun setuju tak?...(gangguan) Agak keberatan ya?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):

Untuk kepentingan rakyat Negeri saya setuju tapi untuk Lapangan Terbang Antarabangsa sajalah.

Ahli Kawasan Air putih (YB. Lim Guan Eng):

Ya lah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Untuk PIL, saya masih belum setuju sebab...(gangguan).

Ahli Kawasan Air putih (YB. Lim Guan Eng):

Ya, ya, ya, saya masih cakap Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Saya tak sebut tentang perkara-perkara lain. Kita tak akan main kotor macam ini. Kita demi, demi apa ini demi kebajikan dan juga kepentingan rakyat Pulau Pinang. So, ini kita boleh anggap sebagai satu, satu keputusan sebulat suara bersama oleh semua ADUN-ADUN dan juga rakyat kita mau lihat itu Lapangan Terbang sebesar 16 juta kapasiti penumpang kita akan buat secara PFI, iaitu *Private Financial Initiative* kerana yang pertama saya kena terus terang pihak kerajaan tak cukup wang la. Itu wang semua sudah terbang. Pergi ke Hong Kong la pergi kat Amerika Syarikat la. Pergi sana sini. Terbang dan terbang. So, untuk cari wang begitu besar, lebih RM1 billion, RM1.2 billion ini bukan mudah untuk cari sumber ini. Itu sebab kita buat secara PFI. Dan bila kita buat secara PFI, tentu secara tender terbuka. Sebab kita boleh dapat itu apa ini tawaran yang paling baik. Saya yakin ia juga boleh di berjalan dengan lebih lancar dan lebih cepat kerana oleh pihak swasta. So kita harap bahawa dengan mekanisme atau kaedah sedemikian Lapangan Terbang Pulau Pinang dapatlah menampung keperluan kita dan pada masa yang sama dapat juga menjadikan satu ikon di mana dijalankan dengan prinsip-prinsip yang telus dapat jadi satu tarikan pelancong para pelancong secara tersendiri dengan mutu yang sedia ada. Sila.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta laluan. Terima Kasih YB. Air Putih. Tadi pagi ini kita juga ada sebut tentang Lapangan Terbang Kulim. Dan kita difahamkan Lapangan Terbang Kulim juga akan menelan perbelanjaan yang tinggi. Dan mengikut laporan yang telah dikeluarkan oleh dua agensi, dua syarikat perunding yang telah menyatakan kesan Lapangan Terbang Kulim ini akan ada kesan negatif dia terhadap pembangunan di Pulau Pinang. So, apa pandangan Air Putih, adakah lebih baik peruntukan yang digunakan untuk Lapangan Terbang Kulim ini, untuk digunakan untuk perbesarkan, menaiktarafkan Terminal Lapangan Terbang Pulau Pinang untuk dibesarkan untuk jadi ada terminal dua atau terminal yang baru lah untuk Lapangan Terbang Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Air putih (YB. Lim Guan Eng):

Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk. Tadi saya sebut ialah buat secara PFI, *Private Financing Initiative* bila dibawah PFI bermakna ia akan dibiayai oleh pihak swasta. Kerajaan, MAB tak perlu keluarkan wang. Mereka boleh gunakan wang ini untuk membangunkan KLIA kerana ini lebih lumayan. Ini menjadi apa ini itu pusat itu *hub* atau *hub* itu penerbangan yang bertempat di dekat ibu, ibu kota kita. So, dia boleh jimatkan untuk tujuan ini. Tapi bila kita buat secara PFI, bermakna sumber pembiayaan adalah datang daripada pihak swasta, kerajaan tak perlu keluarkan wang. Itu yang kita dapat jimat. Sama juga dengan konsep Kulim. Iaitu dia dibiayai oleh pihak swasta. So, itulah pendekatan itu pihak kerajaan selama ini sekiranya pihak swasta keluarkan wang, kerajaan tak perlu keluarkan wang, mengapa kita harus apa ini menghalangnya? Sekiranya wang ini datang dari pihak swasta.

So, itulah sebabnya bila kita sebut tentang Pulau Pinang dan Kulim ia dibiayai oleh pihak swasta sudah tentu mereka akan menjalankan operasinya untuk mendapat balik pulangan daripada pelaburan mereka. So, itu kita nak lihatlah sama ada ada pihak yang berminat atau tidak.

Untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, tentu kita dengar ada pihak yang berminat dan ini tentu tertakluk kepada pemanggilan tender terbuka IFP ini. So, ini juga sama dengan, dengan itu Kulim. So, tidak akan wang yang akan dibelanjakan. So, kalau ada wang yang dibelanjakan, ialah selepas itu Lapangan Terbang siaplah. Baru masa itu kita buat pelaburan. Janganlah kita buat pelaburan untuk infrastruktur yang berkaitan bila ia belum siap lagi atau belum ada dana swasta untuk membina lapangan tersebut. So, itulah kedudukan, kedudukannya sekarang. So, di sini kita harap bahawa dengan pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dapat juga lagi memangkin ataupun membolehkan industri pelancongan melonjak ke tahap yang lebih tinggi lagi.

Satu lagi perkara yang saya nak sebut ialah tentang UTC KOMTAR, di mana satu *Urban Transformation Centre* (UTC) akan dibina di KOMTAR. Dan saya ingin menyatakan penghargaan kepada pihak Kerajaan Negeri kerana telah pun memastikan bahawa PDC akan membuat itu renovasi untuk menarik UTC didirikan di kawasan KOMTAR. Dan ini sedikit sebanyak akan memastikan KOMTAR sebagai Pusat Pentadbiran Negeri dapatlah memainkan peranannya sekarang. Tapi ini adalah tertakluk kepada syarat bahawa Pusat Pentadbiran Negeri masih bertempat di KOMTAR lah. Sekiranya tidak nanti akan disoalkan mengapa pula pergi ke KOMTAR kalau pusat pentadbiran Kerajaan Negeri bukan di sana? Tapi sekiranya ada apa-apa perubahan, saya yakin pun kena angkat masa satu jangka masa yang panjang. Bukanlah sekarang. So, adalah diharapkan bahawa UTC ini boleh beroperasi pada tahun depan sekiranya semua proses renovasi dan juga apa ini itu kerja-kerja sampingan dapatlah dijalankan dengan baiknya lah. Saya harap bahawa pihak Kerajaan Negeri yang berkenaan dapatlah segerakan kerja mereka supaya kita boleh cepatkan pembukaan UTC di KOMTAR ini.

PDL saya pun nak sebut sikit Yang di-Pertua tentang PDL 2. Saya sebut perkara ini kerana dia telah dapat perhatian dan juga minat daripada pelbagai pihak. Bukan saja peringkat kebangsaan tapi juga peringkat antarabangsa dan PDL 2 atau *Penang Digital Library*, perpustakaan digital yang pertama di Malaysia dimana ia adalah sebuah perpustakaan yang tanpa sebuah buku pun. Ini sesuatu konsep inovatif dan unik. Dan begitu popular saya rasa semua pun ada pergi mengunjung PDL 2 yang baru. Di mana 10.8 juta telah dibelanjakan seperti mana yang disebutkan oleh Tuan Yang Terutama Tun di dalam ucapan perasmianya minggu lepas. Begitu popular sekali, penuh sesak. Sampai tak ada tempat pun. So, ini adalah satu konsep yang inovatif daripada Kerajaan Negeri yang telah dimulakan dua (2) tahun setengah lepas yang begitu popular sehingga kita nak perkenalkannya dekat tentu di Seberang Perai, di Butterworth tapi sekarang telah pun diterima pakai dan akan dilaksanakan di Alor Setar oleh pihak NCIA. Menggunakan konsep yang sama menggunakan itu apa ini idea yang sama. So, itulah sesuatu konsep di mana Pulau Pinang menjadi pelopor projek perintis minat di mana Pulau Pinang menjadi pelopor dan mula dicontohi oleh negeri-negeri lain. Dan tentu itu adalah sesuatu yang mungkin boleh ditambah di tempat-tempat lain. Tapi itu bergantung, tertakluk kepada apa yang saya sebut tadi ialah kedudukan kewangan.

Satu lagi ialah tentang perlunya kita melihat idea-idea inovatif yang berteknologi tinggi, berteknologi tinggi supaya kita dapat pastikan Pulau Pinang di peringkat yang paling depan menguasai teknologi ini. Dan tentulah saya sebut tentang industri atau I4.0, Industri 4.0. Ia amat penting sekali. Pihak kerajaan telah berikan banyak itu pinjaman dengan kadar faedah yang amat rendah dan kita harap bahawa ia boleh digunakan sebaik-baiknya oleh industri-industri khususnya industri IKS. Kerana amat penting bahawa kita jalankan peralihan kepada ekonomi digital. Industri 4.0 gunakan semua aplikasi tak kira *Big Data Analytics* ataupun *Cloud Computing* ataupun *Robotics* dan AI (*Artificial Intelligent*). Kalau tidak, mungkin kita akan ketinggalan. Kalau kita sebut dari segi penjana ekonomi satu lagi sektor yang harus juga

kita berikan penekanan ialah *Medical Tourism* iaitu apa ini Pelancongan Perubatan. Dan itu adalah satu bidang atau satu industri yang bukan sahaja boleh yang bukan sahaja membolehkan negara menjimatkan tukaran wang asing, *Foreign Exchange* tetapi juga menjana peluang pekerjaan kepada rakyat. Di sini kita lihat bahawa Island Hospital telah mulai program untuk membina satu cawangan di Peel Avenue di mana ia akan bina sebuah hospital yang mempunyai 1000 katil. Hospital swasta yang paling besar di Malaysia. Dan penjualan tanah ini tentu ia cuba dijadikan kontroversi oleh parti lawan sebelum pilihanraya umum di mana ia dijual dengan harga yang lebih tinggi daripada harga pasaran. Harga pasaran ialah RM148 juta tapi dijual dengan harga RM156 juta, harga yang lebih tinggi. Dan pembayaran terakhir pun telah dibuat pada tahun lepas, pada akhir tahun lepas RM128 juta telah pun masuk ke Kerajaan Negeri pada tahun lepas. Dan ini sesuatu apa ini transaksi yang baik. Kerajaan Negeri dapat wang pada masa yang sama dapat pelaburan sebanyak RM2 bilion ringgit dan sebuah hospital swasta paling besar di Malaysia sebanyak 1000 katil. Dan kita harap dengan penubuhan hospital ini Pulau Pinang boleh jadi sebuah hospital ataupun bandaraya perubatan. Dan ini penting saya rasa untuk pembangunan industri ini di Pulau Pinang. Kerana Pulau Pinang adalah negeri yang paling besar dalam sektor ini. Pasaran di Malaysia saya rasa Pulau Pinang ada hampir 50% hampir 50% kita harus jaga dan pastikan industri ini boleh terus berkembang. Di sini ada satu hospital yang ada minat dan perbincangan sedang diadakan. Itu pihak mereka ada jumpa sama saya dan saya pun telah syorkan kalau mereka tak mahu atau selain daripada KL, mereka pun boleh pilih Pulau Pinang tapi bukan di kawasan George Townlah, di kawasan lainlah supaya dapat semua tak bertumpu di kawasan Georgetown tapi di kawasan pulau tapi bukan di kawasan George Town.

So, kita terpulanglah kepada itu rumusan dan juga perbincangan tentang pembinaan hospital swasta ini yang saya rasa itu satu konsep yang baru, lain daripada yang lain tetapi saya tak sebut lebih daripada itu kerana terpulang kepada perbincangan dan tentu *non-disclosure agreement* (NDA) dimana hanya bila mereka muktamadkan perbincangan baru mereka akan umumkan. Tapi itu adalah satu konsep yang amat menarik sekali dan juga menarik perhatian Y.A.B. Perdana Menteri dan saya akan kongsi dengan Dato' Seri SUK nanti bila dia jemput saya minum kopi. So, kerana beliau sudah tunggu lama untuk minum kopi. Saya pun tak mau cakap panjang.

Dan saya sekali lagi ucapkan tahniah dan syabas kepada semua ADUN-ADUN termasuk daripada pihak Pembangkang, sungguhpun tinggal tiga (3) tapi juga mainkan peranan masing-masing dan juga kepada Kerajaan Negeri kerana teruskan kesinambungan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang untuk rakyat Pulau Pinang yang boleh menjadi satu contoh untuk seluruh negara. Sekian, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat Air Putih. Dipersilakan Yang Berhormat Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Ketua-ketua Jabatan Kerajaan, salam sejahtera dan salam harapan. Saya dengan sukacitanya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan perasmian oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua khasnya usul untuk membina Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan Pusat Pentadbiran Negeri yang baharu. Sudah tiba masanya kita berpindah ke sebuah bangunan yang lebih efektif dan moden demi keselamatan dan keselesaan kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya juga bersetuju bahawa sebagai Ahli Dewan kita perlu bertanggungjawab untuk menjadi pemudahcara dan pengantara untuk rakyat pelbagai kaum. Perkara ini berkait rapat dengan beberapa isu-isu penting yang saya ingin bangkitkan pada sesi perbahasan ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, perpaduan kaum. Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan identiti kepelbagaian kaum dan agama. Sejak 200 tahun dahulu lagi Pulau Pinang adalah sebuah bandaraya yang moden dan majmuk di mana semua suku etnik tanpa mengira bangsa dan agama hidup dengan harmoni. Walau bagaimanapun, dewasa ini kita sering dihujani oleh retorik toksik perkauman dan agama daripada pelbagai sumber. Baru-baru ini juga Yang di-Pertuan Agong bertitah bahawa perpaduan kaum bukan sekadar slogan sahaja tetapi patut diterap di dalam jati diri masing-masing dan menjadi usaha yang berterusan. Saya masih ingat ketika saya membesar di kawasan Batu Lintang iaitu di Jalan Perak, semua kawan-kawan dan jiran tetangga hidup dengan harmoni dan hormat menghormati. Bermain dan makan bersama-sama tanpa sebarang masalah. Saya juga adalah seorang murid di sekolah kebangsaan rendah dan menengah. Maka kawan-kawan saya dari pelbagai kaum namun kami boleh berkawan rapat dan makan bersama-sama di satu meja. Tetapi situasi pada zaman ini amat berbeza. Saya merasa kesal dengan sikap individu dan ahli-ahli politik yang menggunakan isu sensitif kaum demi agenda mereka dengan menggunakan teknologi pintar, individu-individu yang tak bertanggungjawab ini mengeksploitasikan isu perkauman dan agama melalui sebaran *Whats Apps, Facebook, Instagram, Youtube* dan lain-lain lagi. Kita sering lihat mesej-mesej berunsur perkauman dan juga komen-komen di *Facebook* dalam pelbagai Bahasa yang sangat mengejutkan dan membimbangkan. Komen-komen kumpulan dan pages yang dibentuk khas untuk menyebarkan fitnah dan menghina bangsa dan agama yang dianuti rakyat Malaysia, ini sangat popular dan mendapat beribu-ribu *likes*.

Saya ingin menyarankan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri supaya menderaf dasar-dasar untuk menangani isu rasisme yang sesuai dengan peredaran zaman. Pada zaman ini teknologi boleh dicapai dengan mudah melalui komputer dan telefon bimbit. Mengikut statistik, lebih 22 juta rakyat Malaysia menggunakan *Facebook*. Malaysia ialah negara nombor satu di Asia Tenggara yang menggunakan *Facebook video* dengan purata 159 minit, 55% lebih daripada purata dunia iaitu 102 minit. Pergerakan teknologi yang pantas bermakna undang-undang yang sedia ada tidak sesuai dan tidak boleh digunapakai dengan efektif. Di dalam dunia yang tidak bersempadan kita perlu menggalakkan pemikiran kritikal dan kebebasan bersuara tetapi perlulah seimbang dan sesuai dengan sensitiviti masyarakat tempatan. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melancarkan kempen-kempen untuk mempromosikan populasi dan perpaduan kaum yang mengajar rakyat Malaysia lebih-lebih lagi kanak-kanak untuk menghormati agama, budaya dan adat rasmi masing-masing. Bukan sahaja di sekolah-sekolah tetapi juga melalui MPKK dengan kempen-kempen kreatif di atas talian di media massa baharu. Salah satu kempen yang boleh kita contoh ialah kempen *online literacy...*(dengan izin), yang digunapakai oleh negara Singapura di mana kanak-kanak di sekolah rendah diajar bagaimana hendak menapis maklumat dan membezakan antara fakta dengan berita palsu apabila melayari internet. Ini adalah satu kemahiran asas yang perlu dipelajari oleh semua pengguna internet.

Keselamatan ICT. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, program *online literacy...*(dengan izin), seperti yang saya sebutkan tadi boleh merangkumi Program Keselamatan ICT untuk kanak-kanak sekolah. Seperti yang kita semua tau, hampir semua kanak-kanak di zaman sekarang menggunakan peranti seperti telefon bimbit, iPad dan banyak lagi dari umur seawal 2 tahun. Banyak kes di mana kanak-kanak menjadi mangsa eksploitasi dalam pelbagai bentuk. Pada zaman dahulu kita sering menasihati supaya kanak-kanak supaya berhati-hati di luar rumah. Jika ada orang yang tidak dikenali memberikan gula-gula jangan ambil dan jangan ikut dia tetapi pada zaman ini penjenayah dan *predator* tidak perlu keluar rumah daripada rumah mereka. Mereka sudahpun mendapat akses kepada anak-anak kita melalui aplikasi seperti *Whats Apps, Facebook, Instagram* dan lain-lain. Selain itu kanak-kanak juga mudah terpengaruh dengan kandungan internet yang penuh dengan anasir-anasir tidak bermoral seperti *pornography*. Realitinya kebanyakan ibu bapa tidak mengambil tahu atau tidak mempunyai kemahiran ICT untuk memantau anak-anak mereka. Walaupun Kerajaan Pusat mengambil inisiatif untuk menghalang laman-laman web ini akan tetapi kita tetap terdedah dengan kandungan-kandungan tidak sesuai ini melalui

Whats Apps dan *Facebook*. Oleh yang demikian, kita perlu mendidik diri sendiri dan juga kanak-kanak sekolah supaya menjadi pengguna yang cerdas supaya semua dapat menikmati teknologi dengan selamat ini.

Di negara-negara maju seperti Eropah, Jepun dan Singapura, program cerdas ICT sudahpun diimplimentasikan di dalam bilik-bilik darjah. Saya harap Kerajaan Negeri dengan kerjasama badan NGO dapat mengadakan lebih banyak program di sekolah-sekolah untuk mendidik anak-anak muda kita supaya menjadi pengguna teknologi yang bijak dan bertanggungjawab. Saya juga menyarankan Kerajaan Negeri melalui rukun tetangga untuk mengadakan aktiviti-aktiviti bersama ahli MPKK khas untuk orang dewasa dan warga emas supaya mereka juga tidak ketinggalan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, tentang perubahan iklim, merupakan satu isu yang amat serius di mana penduduk dunia makin kerap menghadapi ribut, kemarau, banjir dan cuaca yang ekstrem. Pada 1 April yang lepas, penduduk Pulau Pinang dikejutkan dengan sebuah fenomena *water sprout* ataupun belalai air yang sangat besar. Selalunya belalai air berlaku di tengah laut tetapi kali ini berlaku berdekatan dengan kawasan pantai dan beberapa rumah di Tanjung Bunga dan Tanjung Tokong mengalami kerosakan. Mengikut Jabatan Meteorologi, fenomena belalai air ini akan berlaku dengan lebih kerap lagi kerana perubahan iklim dan cuaca dunia. Isu yang serius ini berpunca oleh kelalaian manusia sendiri. Sebagai contoh isu pencemaran kimia di Sungai Kim Kim baru-baru ini yang menjejaskan kesihatan lebih 2,000 orang dan 11 buah sekolah di Daerah Pasir Gudang diarahkan ditutup. Pencemaran sisa kimia adalah insiden yang amat serius di mana kesan sampingannya boleh menyebabkan kecacatan otak sehingga beberapa generasi. Pada masa yang sama juga, baru-baru ini bahan kimia juga ditemui di ladang kelapa sawit di Bukit Teh. Beberapa minggu yang lepas pula kita dikejutkan dengan video viral yang menunjukkan dua (2) individu yang membuang sisa pada waktu siang ke dalam laut di kawasan Lebu Farquhar.

Saya memohon Jabatan Alam Sekitar dapat membuat rondaan dan pantauan yang lebih kerap lebih-lebih lagi di kawasan FTZ dan kilang-kilang untuk memastikan bahan kimia toksik tidak dibuang sesuka hati. Saya juga berharap individu-individu yang tidak bertanggungjawab ini dapat dihadapkan ke muka pengadilan dengan hukuman maksimum. Walaupun Kerajaan Negeri banyak membuat program-program dan aktiviti jangkauan seperti kempen beg plastik dan pengasingan Sisa di-Punca, saya harap kempen ini dapat diteruskan dengan lebih efektif dan disasarkan kepada penggiat industri. Saya percaya sebagai wakil rakyat kita juga perlu mengambil inisiatif untuk mempromosikan gaya hidup ataupun *going green* yang selari dengan Wawasan 2030 Negeri Pulau Pinang. Sebagai wakil ADUN Batu Lintang saya telahpun menanam 500 buah pokok di kawasan Batu Lintang dengan kerjasama MBPP. Selain itu saya juga akan menanam 250 buah pokok spesies *Rainbow Eucalyptus* untuk menceriakan lagi kawasan di Batu Lintang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan. Saya akan tentang Jabatan Alam Sekitar yang telah disebut oleh Yang Berhormat, pagi tadi saya telah melontarkan satu tuduhan lah, boleh dikatakan tuduhan tetapi memang fakta. Apakah pandangan Yang Berhormat Batu Lintang, tentang isu pencemaran semakin menjadi-jadi ini? Apakah yang telah mendorong pesalah-pesalah ini terus melakukan kesalahan ini tanpa takut? Adakah kerana mereka tidak dibawa ke mahkamah dan selalu dikompaun sahaja di mana hukuman di mahkamah adalah lebih kurang RM100,000, RM500,000 tetapi mereka dapat dalam RM2,000, RM3,000 dan mereka menjadikan ini cara mudah untuk lupus bahan buangan sisa jadual dan lain-lain. Adakah, dimanakah kelemahan penguatkuasaan ataupun pendakwa raya tidak sanggup mendakwa mereka di dalam mahkamah. Apakah pandangan Yang Berhormat Batu Lintang?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Terima kasih Bagan Dalam. Saya ingat EXCO akan menjawab, dari segi penguatkuasaan. Pandangan saya adalah manusia yang tidak bertanggungjawab akan melakukan kerja-kerja seperti ini daripada segi *enforcement* ataupun seterusnya saya berharap EXCO akan menjawab dalam masa penggulangan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Pulau Pinang akan melancarkan Tahun Melawat Pulau Pinang 2020 atau *Experience Penang 2020*...(dengan izin). Saya yakin *Experience Penang 2020* ini pasti akan menarik ramai pelancong domestik dan antarabangsa ke tarikan menarik di negeri kita. Selain daripada merancang program dan aktiviti-aktiviti menarik, saya ingin mengingatkan EXCO Pelancongan supaya memberikan perhatian kepada realiti logistik kempen tersebut dan juga pelan pelancongan jangka panjang. Ini termasuklah pelan dan rancangan strategi untuk meningkatkan kualiti infrastruktur pelancongan seperti tandas awam, meningkatkan jumlah kakitangan dan sumber manusia contohnya pemandu pelancongan dan staf hotel dan memberikan keutamaan kepada kualiti kebersihan di tempat-tempat awam khasnya restoran-restoran dan gerai-gerai makanan seperti yang telah dibangkitkan ADUN Seri Delima pagi tadi ya.

Seperti yang Ahli Dewan sudah maklum Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang sangat popular dengan makanan-makanan yang lazat dan kita sudah mendapat banyak anugerah dan liputan daripada media antarabangsa seperti CNN, Cardian, BBC, *South China Morning Post* dan banyak lagi. Ramai *chef-chef* dan selebriti antarabangsa melawat Pulau Pinang untuk mencuba makanan kita. Mengikut statistik sebelum tahun 2008, sebanyak 50 premis makanan mendapat Gred A sahaja tetapi selepas tahun 2008, angka ini telah meningkat kepada 129 buah premis yang mendapat Gred A. Ini adalah satu penambahbaikan yang positif dan membuktikan kecekapan dan ketelusan Kerajaan Pakatan Harapan. Akan tetapi saya yakin angka ini masih boleh ditingkatkan lagi. Saya difahamkan kuasa untuk menutup premis adalah di bawah Jabatan Kesihatan Negeri. Oleh yang demikian, saya berharap pihak PBT, MPSP dan MBPP juga boleh diberikan kuasa untuk menutup premis makanan yang kotor dan pemeriksaan dibuat lebih kerap dua atau tiga kali seminggu. Saya ingat saya telah membuat permintaan ini di mesyuarat yang lepas. Saya harap saya dapat jawapan daripada EXCO. Selain ini saya juga menyarankan untuk memberikan penalti yang lebih keras kepada premis yang sering melakukan kesalahan. Saya difahamkan premis yang didapati kotor akan ditutup selama dua minggu tetapi jika premis dibersihkan tiga atau empat hari, premis dapat dibuka semula.

Di sini saya ingin mencadangkan atau menekankan supaya premis yang didapati bersalah pada kali kedua ditutup minimum satu (1) minggu dan kali ketiga selama dua (2) minggu tanpa sebarang fleksibiliti. Tindakan tegas ini adalah untuk memastikan pengusahaan premis makanan belajar dari kesilapan mereka dan tidak mengulangi perkara yang sama. Mengikut Laporan Kementerian Kewangan Malaysia, Pulau Pinang telah berjaya mengutip sebanyak RM21.97 juta Cukai Pelancongan dan 50% daripada jumlah cukai ini akan diagihkan kepada Kerajaan Negeri. Saya berharap EXCO Pelancongan dapat menggunakan wang agihan bernilai RM10.89 juta ini dan melaburkannya untuk membentuk satu rancangan jangka panjang sempena Tahun Melawat Pulau Pinang 2020. Contohnya kempen-kempen kebersihan gerai-gerai makanan dan kempen promosi pemasaran yang strategik.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, pelancongan dan lapangan terbang pada bulan Februari yang lalu saya ada menyertai delegasi Kerajaan Negeri ke Shenzhen, Chengdu dan Beijing bersama-sama dengan EXCO Pelancongan untuk mempromosikan destinasi pelancongan Pulau Pinang kepada pasaran di Negara China. Di mana delegasi kami berpeluang untuk berjumpa dengan beberapa buah syarikat penerbangan iaitu Air China dan Shenzhen Airline dan mereka berminat untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di masa yang akan datang. Ini membuktikan bahawa syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa berasa yakin dengan status Pulau Pinang sebagai sebuah negeri dan bandar

pelancongan yang unggul di rantau ini. Saya ingin sarankan Kerajaan Negeri untuk menumpukan perhatian dan memperuntukkan dana untuk kegiatan promosi di bandar-bandar besar di China seperti Shenzhen, Chengdu, Chongqing, Nanning dan banyak lagi. Selain itu Kerajaan Negeri boleh juga memberikan insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa yang berminat untuk memulakan penerbangan terus dari destinasi luar negeri lebih-lebih lagi negara China.

Pada masa ini terdapat 16 buah syarikat penerbangan dari destinasi-destinasi antarabangsa dengan frekuensi lebih 280 penerbangan terus setiap minggu. Seperti yang dibincangkan di dalam sesi Dewan sebelum ini, situasi Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang pada masa ini amat membimbangkan. Lapangan terbang kita semakin sesak dan melebihi kapasiti yang ditetapkan. Saya difahamkan pada tahun lepas Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mencatatkan aliran penumpang sebanyak 7.78 juta. Situasi ini bukan sahaja menyusahkan penumpang tetapi juga membahayakan keselamatan mereka. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat mendesak Kerajaan Pusat supaya memberikan keutamaan nombor satu (1) kepada projek penambahbaikan dan pembesaran lapangan terbang yang sedia ada. Saya amat kluatir nama baik di negeri Pulau Pinang akan tercemar apabila pelancong-pelancong ini melihat keadaan lapangan terbang yang kita tidak teratur dan sesak dan seperti di dalam pasar malam.

Saya amat gembira dari pagi tadi Y.A.B. Padang Kota telah menjawab soalan lisan Bukit Tambun bahawasanya menaik taraf (LTABPP) Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke 12 juta penumpang dijangka akan bermula pada Jun 2020 dan akan siap dalam masa 36 bulan. Saya berharap kalau boleh ia terus dinaikkan taraf ke 16 juta penumpang kerana pada kadar pertumbuhan purata 6% setahun maka 12 juta penumpang akan di capai dalam masa tujuh (7) tahun sahaja iaitu 2027. Kalau kerajaan di jangka kerja akan bermula 2020 dan siap tiga (3) tahun iaitu 2023 hanya tinggal empat (4) tahun akan mencapai 12 juta. Dengan baiknya tadi saya telah menerima jawapan yang baik daripada YB. Air Putih bahawa Kerajaan Pusat telah sedang mengkaji peningkatan kepada 16 juta penumpang. Ucapan yang baru kita terima tadi. Saya juga ingin menyarankan Malaysia Airport Berhad supaya mengambil iktibar dan inspirasi daripada reka bentuk Lapangan Terbang Changi di Singapore yang moden dan mengutamakan penumpang. Baru-baru Changi juga telah membuka Changi Jewel sebuah lembah hutan vortex hujan dan air terjun dengan rekaan kreatif dan canggih berdekatan dengan terminal lapangan terbang. Pulau Pinang juga memerlukan sebuah rekaan kreatif dan inovatif yang mencerminkan keunikan Pulau Pinang di mata dunia.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi membangkitkan isu kualiti jalan raya di Pulau Pinang mengikut spesifikasi Jabatan Kerja Raya kualiti jalan tar kita masih kurang memuaskan. Mengikut laporan surat khabar Kwong Wah pada 21 April yang lepas, Persatuan Konsumer Pulau Pinang telah mendapati beberapa jalan-jalan utama di Pulau Pinang berada dalam keadaan tidak sekata, berlubang dan bergelora. Jalan-jalan tersebut adalah Jalan Sultan Ahmad Shah, Lebuhraya Thean Teik, Jalan Paya Terubong, Jalan Jelutong, Lebu Hutton dan banyak lagi. Keadaan jalan yang tidak rata ini sangat bahaya kepada kenderaan awam.

Seperti yang saya telah bangkitkan pada sidang yang lalu di negara Singapore dan Jepun, jalan tar mereka sangat lasak sehinggakan kapal terbang pun dapat mendarat di atas permukaan jalan. Di Pulau Pinang pula setiap kali hujan lebat sahaja kita dapat lihat lopak air dan lubang di atas permukaan tar. Saya difahamkan tar yang digunakan untuk menurap jalan di beli di Seberang Perai. Kilang tar atau *patching plant*...(dengan izin) ditutup pada jam 6.00 petang di mana lori akan mengangkut tar dari seberang ke kawasan pulau. Mereka hanya dibenarkan untuk memulakan kerja-kerja penurapan jalan pada pukul 10.00 malam atau pukul 11.00 malam. Ini bermakna mereka perlu tunggu lebih kurang lima (5) jam sebelum menurap jalan berkemungkinan suhu tar yang diangkut telah pun sejuk. Saya kluatir proses pengangkutan tar dari seberang ini memberikan kesan negatif kepada kualiti tar kerana kita tahu bahawa tar perlu betul-betul panas sebelum digunakan.

Kita juga dapat lihat jalan raya di Pulau Pinang penuh dengan tampalan semula atau *patch work*...(dengan izin) dan lopak-lopak. Pada pendapat saya, keadaan ini menunjukkan imej kebelakangan dan kurang baik. Syarikat-syarikat utiliti seperti PBA dan TNB pula kerap suka mengorek jalan-jalan raya dan menampal semula jalan dengan sembarangan dan mencacatkan lagi permukaan jalan. Saya berharap semua pihak yang bertanggungjawab, termasuk dari JKR, pengusaha kilang tar dan juga syarikat utiliti dapat mengkaji semula masalah-masalah ini dengan teliti dan mencari penyelesaian yang lebih holistik. Saya juga mencadangkan JKR menggunakan spesifikasi tar yang lebih berkualiti tinggi supaya Pulau Pinang dapat menjadi satu negeri anatarabangsa yang setanding dengan negara-negara maju.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Minta laluan, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Batu Lancang yang tadi yang telah membangkitkan tentang isu syarikat utiliti khususnya bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan berhubung dengan penyelenggaraan. Sememangnya tepatlah yang diceritakan oleh Yang Berhormat Batu Lancang di mana sering kali kita nampak Pihak Berkuasa Tempatan selepas mereka tar semula jalan. Tiba-tiba syarikat utiliti seperti PBA ataupun TNB akan pula korek untuk kerja-kerja *piping* dan sebagainya. Dan kadang kala sememangnya ia menjolok matalah. Tidak ada koordinasi di antara agensi-agensi yang berkenaan. Jadi mungkin saya boleh dapatkan pandangan Yang Berhormat Batu Lancang, setujukah sekiranya satu (1) jawatankuasa koordinasi ditubuhkan memandangkan kini Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan kini sehaluan di bawah pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi mungkin setujukah Yang Berhormat Batu Lancang satu (1) jawatankuasa koordinasi ditubuhkan untuk semua agensi-agensi yang berkenaan untuk mengaturkan masa penyelenggaraan pada waktu yang sama agar ia dapat juga menjimatkan. Sebab ini semua hasil daripada pembayar cukai, semua peruntukan yang digunakan tersebut jadi sekiranya kerja-kerja telah disiapkan tetapi syarikat utiliti pula datang untuk korek ia merupakan satu (1) pembaziran sebenarnya. Jadi mungkin saya dapatkan pendapat Yang Berhormat Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Terima kasih Yang Berhormat Padang Kota, eh Pengkalan Kota, saya amat setuju tetapi dengan persetujuan saya. Saya juga berharap EXCO akan setuju. Okey, memang saya setuju. Tambahan pula berdasarkan pengalaman saya, Kerajaan Negeri melalui tender terbuka selalunya memilih kontraktor yang memberikan harga yang berpatutan akan tetapi, kualiti tar yang digunakan juga murah. Saya menyarankan supaya PBT lebih-lebih lagi jabatan kejuruteraan dapat memantau jenis produk yang digunakan oleh kontraktor supaya kualiti jalan raya kita tidak terjejas.

Sebagai satu (1) pelan jangka panjang saya ingin Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk membangunkan sebuah Loji Bancuhan Aspal di bahagian pulau iaitu di Pulau Pinang, yang juga berintegrasi dengan Loji Kitar Semula Aspal. Loji seperti ini telah dibangunkan di negara Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah.

Dengan adanya loji ini, kerja-kerja pengisaran ataupun *milling* (dengan izin) bagi tujuan menyingkirkan lapisan turapan jalan yang telah rosak dapat digalakkan. Proses pengisaran jalan memberikan kebaikan dimana paras jalan tidak akan naik dan seterusnya pembinaan bebendul jalan atau *road kerb*...(dengan izin) baru dan rel adang atau *guardrail* tidak diperlukan. Ia juga dapat mengelak dari berlaku halangan aliran air hujan yang boleh menyebabkan takungan air. Walaupun kos penggunaan aspal berkualiti adalah lebih mahal tetapi ia lebih tahan lasak dan dalam jangka masa panjang kos ini adalah lebih murah daripada penggunaan tar biasa. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan ini. Saya nak jelaskan aspal adalah sejenis *material* yang untuk menurap jalan, saya terdengar apa itunya aspal.

Okey, yang seterusnya saya juga ingin menyokong apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulau Tikus tadi tentang menaikkan elaun Ahli Majlis bulanan mereka. Saya menyokong pandangan Yang Berhormat Pulau Tikus, dan saya juga bercadang bahawa Ahli Majlis juga diberikan elaun untuk menubuhkan pusat perkhidmatan mereka untuklah rakyat jelata senang untuk mencari mereka tentang masalah-masalah berkenaan dengan *local government*...(dengan izin) ataupun kerajaan tempatan isu-isu kerajaan tempatan.

Dan saya mengambil kesempatan ini untuk bertanya satu (1) soalan tentang soalan bertulis saya yang telah dijawab dan saya harap saya dapat satu (1) lagi penjelasan tentang soalan saya adalah berapa jumlah lampu jalan yang telah ditukarkan kepada jenis LED di MBPP dan MPSP dan kos pemasangan dan jumlah penjimatan bil elektrik. Saya terima jawapan pagi tadi dan dapat membaca tadi ya. So saya nampak jadual yang diberikan kepada saya, satu (1) soalan nak saya tanya balik dan saya harap soalan ini dapat dijawab. Disebabkan jadual yang diberi kepada saya MBPP telah membuat *open* tender sebanyak 7,135 batang tiang dan MPSP dengan 663 tiang. MBPP dalam harga RM16 juta 338, MPSP 663 batang tiang dengan RM3.4 juta. Tetapi perbezaan yang saya kira tadi tiang yang telah di *open* tender oleh MBPP satu (1) tiang hanya RM2290.00 malah di MPSP satu (1) tiang dengan harga RM5128.00 jauh amat berbeza harganya. Saya harap dapat jawapan selepas pengulungan ini mengapa harganya jauh berbanding dengan MBPP.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan perbahasan saya, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat di dalam sesi perbahasan pada kali ini. Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan :

Terima kasih, Yang Berhormat Batu Lancang. Dewan ditangguhkan, dewan akan bersidang kembali selepas makan pada waktu pukul 8.00 malam.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.00 malam.

Dewan disambung semula pada jam 8.00 malam.

Setiausaha Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Sila, Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya mengucapkan terima kasih ke atas peluang turut menyertai sesi perbahasan kepada usul terima kasih ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena dengan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke-14. Pada mesyuarat kali ini, Dewan yang mulia ini bersidang di Dewan Sri Pinang buat kali kedua di mana persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pernah diadakan di Dewan Sri Pinang pada tahun 2005. Dan pada ketika itu, Dewan yang mulia ini hanya diwakili oleh dua (2) orang ahli Pembangkang iaitu Ahli Kawasan Permatang Pasir, yang pada ketika itu diwakili oleh Ahli Parti PAS dan juga Ahli Kawasan Sungai Puyu yang kini masih diwakili Ahli Kawasan Sungai Puyu yang sama. Tapi itulah, pada ketika itu walaupun kita mempunyai dua (2) orang ahli Pembangkang sahaja, namun ia turut membantu dalam mencetuskan harapan di mana pada pilihan raya umum yang akan datang selepas itu, kita

berjaya untuk menukarkan pentadbiran Kerajaan Negeri di negeri Pulau Pinang ini pada pilihan raya umum pada tahun 2008.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, hampir genap satu tahun Pakatan Harapan menerajui Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan juga di negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, sidang Dewan Undangan Negeri menjadi satu platform yang baik untuk menyemak dan menilai prestasi Kerajaan Negeri di bawah Pentadbiran Pakatan Harapan. Dan di antara aspek yang menjadi pengukur kepada prestasi sesebuah pentadbiran kerajaan, adalah menerusi keadaan ekonominya. Di peringkat Persekutuan, kita telah menyaksikan bagaimana Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan berusaha untuk memulihkan keadaan ekonomi negara. Antara kejayaan Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan, untuk memulihkan ekonomi negara adalah dengan pemansuhan cukai perkhidmatan dan barangan atau dengan izin GST. Dengan pemansuhan cukai ini, kita telah menyaksikan penurunan kadar inflasi yang ketara iaitu 1% pada tahun 2018 dan ini adalah kejayaan Kerajaan Persekutuan yang memansuhkan cukai yang mencekik ini yang dilaksanakan oleh pentadbiran Barisan Nasional terdahulu. Selain daripada itu, kita juga menyaksikan peningkatan pelaburan asing secara langsung ataupun (dengan izin)...*foreign direct investment* pada kadar 48% peningkatan iaitu RM80.5 billion pada tahun 2018 berbanding dengan RM54.4 billion pada tahun 2017. Di negeri Pulau Pinang pelaburan asing dan domestik secara langsung adalah pada kadar yang memuaskan sepanjang 10 tahun ini di bawah pentadbiran Pakatan Harapan. Namun pelaburan ini terdedah dengan risiko seakibat daripada situasi ekonomi sedunia. Misalnya perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dengan negara China merupakan salah satu faktor yang utama memandangkan negeri Pulau Pinang merupakan salah satu medan perdagangan antarabangsa semestinya kita terdedah dengan risiko seakibat kejadian isu ekonomi antarabangsa. Dan sehubungan dengan itu, adalah menjadi keperluan Kerajaan Negeri untuk menerokai industri yang baru untuk memastikan keadaan ekonomi negeri sentiasa pada tahap yang baik.

Dengan kebangkitan revolusi industri 4.0 dan kemajuan teknologi yang dialami sekarang, salah satu industri yang perlu diberikan penekanan adalah industri kreatif atau ekonomi kreatif. Walaupun sumber asli yang ada di negeri Pulau Pinang tidak banyak, namun negeri Pulau Pinang kaya dengan harta kesenian dan warisan. Kita diberkati bukan sahaja dengan sejarah yang menarik, malah makanan jalanan kita turut diiktiraf oleh agensi antarabangsa seperti CNN. Akan tetapi adakah kita telah meneroka ke semua potensi harta kesenian dan warisan yang unik untuk Pulau Pinang. Selain daripada cenderamata yang dijual kepada pelancong, sebenarnya harta kesenian dan warisan kita boleh membuah hasil yang lumayan kepada warga Pulau Pinang. Selain daripada format kesenian tradisional seperti lagu dan filem, kita sepatutnya meraikan kesenian dan warisan kita melalui satu industri kreatif yang komprehensif. Saya ingin mengambil contoh pusat reka bentuk kebangsaan ataupun (dengan izin)...*national design center* negara Singapura. Ia merupakan satu usaha oleh kerajaan Singapura untuk membantu pengusaha tempatan untuk mengembangkan perniagaan mereka melalui kelebihan di dalam rekabentuk. Satu Majlis Rekabentuk Singapura atau (dengan izin)...*Design Singapore Council* telah ditubuhkan pada tahun 2003 dan usaha ini telah menyumbangkan kepada Singapura diiktirafkan sebagai Bandar Kreatif Rekabentuk UNESCO ataupun (dengan izin)...*UNESCO Creative City of Design* pada tahun 2015. Selain daripada pembangunan sektor industri elektronik dan elektrik ataupun E&E. industri perkhidmatan yang sedia ada Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai hasrat untuk membangunkan industri kreatif dengan cadangan pembinaan Penang Art District. Yang merupakan pemangkin kepada arena kesenian tempatan.

Sehubungan dengan itu, ingin saya mencadangkan supaya Penang Art District ini dapat dijenamakan kepada Penang Art and Design District dengan mengambil kira usaha pembangunan ekonomi kreatif yang diharapkan pada satu masa kelak. Negeri Pulau Pinang juga boleh diiktirafkan sebagai Bandar Kreatif Rekabentuk UNESCO. Suka saya mengambil contoh negara Singapura yang meraikan dan mengagungkan seni reka bentuk khususnya daripada pereka-pereka tempatan mereka sebagai contoh apabila kita sebut Phua Chu Kang,

iaitu satu filem ataupun siri TV daripada Singapura, ia menjadi satu ikon yang simbolik. Kita sebut Phua Chu Kang sahaja, semua orang tahu itu adalah hasil daripada Singapura. Tapi di Pulau Pinang malah di Malaysia, kita juga patut meraikan reka bentuk yang unik khususnya di Pulau Pinang, misalnya bangunan KOMTAR, Jambatan Pulau Pinang merupakan satu ikonik kepada kita. Dan saya yakin sekiranya kita memberikan perhatian dan mengambil usaha dan inisiatif untuk meraikan dan kita bagi sokongan dan bantuan kepada pereka-pereka daripada tempatan ini, saya yakin pada satu hari nanti kelebihan dalam rekebentuk ini boleh menjadi kelebihan kita yang unik di Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Minta celah sekejap.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Silakan Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Kita minta mencelah nak... Yang Berhormat Pengkalan Kota saya setuju yang apa yang telah dicadangkan untuk memberi peluang kepada artis-artis, dan pereka-pereka ini untuk membawa bakat-bakat mereka untuk dilihat oleh rakyat Pulau Pinang. Tetapi saya nak tanya Yang Berhormat Pengkalan Kota adakah rasanya kadang kala, kadang kala *expressiveness* ini...(dengan izin) digunakan oleh setengah-setengah puak untuk sentimen-sentimen politik?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Tikus. Sememangnya dalam isu kesenian tatkalanya kita menghadapi cabaranlah khususnya dengan sentimen masyarakat tempatan kita, yang kadang kala menganggap ini hasil kesenian itu mungkin agak sensitif dan tidak sesuai dengan masyarakat kita. Tetapi, untuk kita melangkah ke masa depan, seharusnya kita melihat kesenian dan reka bentuk itu sebagai kesenian dan reka bentuk semata-matanya. Dan tidak harusnya meletakkan fikiran perkauman, keagamaan terhadap sesebuah jenis kesenian dan reka bentuk tersebut. Terima kasih kepada rakan saya, dari Pulau Tikus yang membangkitkan. Silakan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pengkalan Kota, saya minta jaga masa. Perbahasan anda, kalau anda bagi laluan banyak, masa akan ditolak juga daripada...(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Tapi banyak yang ingin meminta laluan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau bukan melanggar Peraturan Mesyuarat, saya pun minta jangan gangguan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Sekejap sahaja. Pandangan sahaja Dato'.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Mengenai pandangan daripada Pulau Tikus dan juga Pengkalan Kota, tentang ekspresi kesenian dalam hal-hal politik, tidak harus kita mengeneipkan ekspresi tersebut langsung walaupun kita menjadi kerajaan di Negeri dan juga Persekutuan. Apabila dulu kita ada kartunis seperti Zunar di halang di Pulau Pinang membuat pameran, kita membantah. So,

kita perlu kekal dengan pendirian, walaupun kita dikritik, kita perlu terima kritikan yang di ekspresi melalui kesenian itu. Pandangan saya lah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Saya setuju Yang Berhormat Bagan Dalam. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dalam usaha menuju ke Revolusi Industri 4.0, kita mula lihat wujudnya konsep ruang kerja khas ataupun (dengan izin)...*co-working space*, di negeri Pulau Pinang. Ini adalah untuk memenuhi trend terbaru dimana ia memberikan kebebasan dan keselesaan kepada pekerja untuk memilih persekitaran pekerjaan yang sesuai baginya. Susulan dengan ini, saya difahamkan bahawa 10 ruang kerja khas ini telah diwujudkan di negeri Pulau Pinang termasuk @CAT di Gat Lebu China yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, maklumat lanjut perlu diperolehi untuk mengenalpasti situasi kepergunaan ruang-ruang kerja ini agar kita dapat merancang pemajuan ruang kerja khas ini secara teliti. Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri boleh menubuhkan satu jawatankuasa untuk meneliti pemajuan ruang kerja khas ini. Di samping, menetapkan spesifikasi seperti rekabentuk dan infrastruktur untuk pemajuan ruang-ruang kerja khas ini pada masa yang sama juga, ia dapat memenuhi keperluan pasaran dan juga dapat menarik lebih ramai syarikat khususnya syarikat antarabangsa untuk melabur di negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dengan situasi negeri Pulau Pinang khususnya di kawasan Pulau yang kekurangan tanah, kekangan persekitaran terbina ataupun (dengan izin)...*built environment* seringkali menjadi cabaran kepada rancangan dasar pembangunan bandar yang baru. Berbeza dengan keadaan pemajuan *green field*, Kerajaan Negeri perlu merancang infrastuktur awam baru ke atas *brown field* atau pemajuan *intill* untuk meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat. Antara pembangunan infrastuktur awam yang penting untuk sesebuah bandar, adalah laluan pejalan kaki.

Seringkali apabila kita berkunjung ke kawasan bandar George Town, adalah menjadi cabaran khususnya kepada pejalan kaki untuk bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi yang lain melalui berjalan kaki. Jadi dengan bilangan kenderaan swasta dan juga penutupan sebahagian kaki lima di kawasan bandar ini, ia adalah amat sukar khususnya kepada pelancong yang berkunjung ke negeri Pulau Pinang.

Susulan daripada itu, satu cadangan untuk mewujudkan konsep (dengan izin)...*super block* telah dibentangkan untuk kawasan Seven Streets Precinct...(dengan izin), iaitu dari Lebu Magazine ke Lebu Sandilands. Konsep ini adalah untuk menaiktaraf laluan pejalan kaki, sistem perparitan, lampu jalan dan menaiktaraf jalan raya demi menyenangkan pejalan kaki dan meningkatkan keberkesanan sistem aliran trafik. Konsep *super block* ini di ambil iktibar dari Barcelona, Sepanyol di mana tujuan perlaksanaan oleh Barcelona adalah untuk menurunkan kadar pencemaran udara di dalam kawasan bandar dan selain itu kita juga boleh nampak hasil daripada pelaksanaan *super block* ini di mana perniagaan-perniagaan di dalam kawasan yang melaksanakan *super block* ini telah meningkat sebenarnya pada kadar 40% hingga 50% dari hasil daripada tambahan trafik pejalan kaki.

Susulan daripada itu, Pejabat saya juga telah mengadakan satu sesi penglibatan awam, bersama dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang untuk pelaksanaan cadangan *super block* fasa pertama di Lebu Noordin yang dianjurkan pada 26hb April 2019 dan ia telah menerima satu sambutan yang baik. Dan maklum balas yang dibangkitkan oleh penduduk setempat juga akan diambil kira dalam reka bentuk akhir supaya cadangan pembangunan ini benar-benar memanfaatkan rakyat tempatan di samping menyediakan infrastruktur yang mampu meningkatkan kualiti kehidupan rakyat secara am. Selain daripada kawasan Seven Streets Precinct...(dengan izin), satu lagi kawasan tumpuan pelancong di kawasan DUN Pengkalan Kota adalah kawasan Clan Jetties yang merupakan sebahagian daripada tapak warisan dunia UNESCO, George Town.

Jadi dengan tambahan bilangan khususnya pelancong kapal layar yang berdekatan dengan sini, destinasi tarikan pelancong yang utama dan percuma, bagi mereka sebenarnya adalah di Clan Jetties. Maka mereka hanya perlu berjalan dari pelabuhan sampai ke Clan Jetties, saya rasa dalam masa *say about 15 to 20 minutes* berjalan kaki mereka boleh sampai ke Clan Jetties. Jadi adalah menjadi keperluan untuk kita melihat tentang isu laluan penjalan kaki di kawasan tersebut dan isu ini juga pernah dibangkitkan oleh rakan saya dari Berapit pada mesyuarat yang lepas.

Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada jawapan bertulis yang diberikan oleh Yang Berhormat Datok Keramat tentang cadangan untuk menaiktaraf dan mewujudkan laluan pejalan kaki dari Kota Cornwallis sehingga ke kawasan Clan Jetties dan sehingga disambungkan ke IJM *water fronts*. Saya berharap agar maklumat yang berkenaan dapat dipanjangkan kepada saya untuk diteliti dan mendapatkan maklumbalas khususnya penduduk setempat tentang cadangan tersebut.

Menyentuh pasal Clan Jetties, disini ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Paya Terubong atas penubuhan Jawatankuasa Khas Clan Jetties untuk meneliti isu-isu yang timbul di kawasan Clan Jetties, susulan daripada cadangan saya pada Mesyuarat yang lalu. Menerusi Jawatankuasa Khas tersebut, banyak perkara yang telah dibincangkan dan diantaranya telah mencapai keputusan yang amat positif. Sebagai contoh, di sini juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Khas tersebut yang meluluskan cadangan pemulihan Lee Jetty kepada panjang asalnya dan juga isu-isu berhubung dengan lesen pendudukan sementara di sekitar kawasan tersebut. Dan selain daripada Jawatankuasa Khas tersebut, kawasan Clan Jetties juga turut mendapat perhatian dan bantuan daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen Tanjong merangkap Y.A.B. Kawasan Padang Kota dan semoga usaha ini dapat membantu kita untuk memastikan kelestarian Clan Jetties sebagai sebahagian daripada Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Yang Berhormat Dato' yang di-Pertua, berbicara berhubung dengan infrastruktur awam. Salah satu infrastruktur yang sering dibangkitkan adalah tempat letak kereta dan umum kita mengetahui bahawa orang Pulau Pinang sememangnya sayang sangat-sangat kepada kereta mereka. Saya mengambil satu contoh pernah ada penduduk kawasan Seven Street Precinct bagi tahu saya, kalau dari Lebuhr Presgrave nak ke Lebuhr Magazine untuk beli barang, dia pandu kereta juga. Walaupun sekiranya dia berjalan kaki, masanya lebih kurang 10 minit sahaja tetapi masih memilih untuk memandu kereta sampai ke Lebuhr Magazine lah. Jadi, berhubung dengan isu tempat letak kereta ini. Selalu kita menerima aduan daripada rakyatlah tentang kekurangan tempat letak kereta khususnya kawasan *hot spot*lah...(dengan izin). Namun, ada juga yang mengadu tentang kesesuaian penyediaan tempat letak kereta khususnya berdekatan dengan kawasan perumahan dan kediaman. Sebagai contoh baru-baru ini pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang telah melukis petak tempat letak kereta di sekitar kawasan Jalan C.Y. Choy dan saya difahamkan bahawa jalan tersebut telah digazetkan sebagai tempat letak kereta pada tahun 2014. Tetapi petak itu baru-baru ini saja dilukiskan tetapi ini telah menimbulkan rintihan rakyat setempat. Ada aduan yang saya terima tentang lukisnya petak yang baru ini. Penduduk datang bagi tahu keluarga saya telah menetapkan di kawasan C.Y. Choy ini tiga (3) generasi dekat-dekat 100 tahun. Tidak perlu bayar *parking* pun. Kenapa tiba-tiba pihak Majlis datang lukis tempat letak kereta, perlu kita bayar itu *fee* untuk meletakkan kereta lah.

Jadi susulan daripada itu, ingin saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan satu pas khas ataupun kadar diskaun yang bersesuaian diperuntukkan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan George Town khususnya kepada mereka yang mempunyai tempat letak kereta secara langsung di hadapan rumah kediaman mereka. Kita mempunyai satu dasar, *repopulating* George Town yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Datok Keramat dan juga Majlis Bandaraya Pulau Pinang tetapi sekiranya kita mengenakan cas tempat letak kereta untuk penduduk yang memilih untuk menetap di kawasan George Town ini bukan sebagai galakan tetapi macam satu penalti terhadap mereka yang memilih untuk menetap di Bandar George Town. Jadi, selaras dengan dasar

repopulating George Town yang dibangkitkan saya berharap cadangan ini dapat digunapakai oleh Kerajaan Negeri dan pada masa kini juga saya difahamkan juga bahawa Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan sistem parkir pintar ataupun (dengan izin)...*smart parking*. Dan saya berharap agar cadangan kadar diskaun khas ini kepada penduduk kawasan George Town dapat diambil kira apabila kita melaksanakan sistem parkir pintar tersebut dan di kawasan George Town ini juga salah satu isu yang sering mengakibatkan kesesakan lalu lintas adalah lori-lori yang berhenti untuk menurunkan barang dan juga bas-bas persiaran yang menurunkan penumpang dan susulan daripada itu, saya juga berharap agar undang-undang kecil yang sedia ada ini dapat diperhalusi untuk merancang masa yang sesuai untuk tujuan penurunan barang. Jadi mungkin kita boleh kaji balik undang-undang kecil yang sedia ada ini. Sama ada kita boleh menetapkan satu masa yang khusus untuk lori-lori kepada perniagaan di kawasan George Town untuk menurunkan ataupun mengambil barang. Ia dapat dirancang dengan rapi dan saya yakin ia dapat serba sedikit membantu untuk mengurangkan kadar kesesakan trafik khususnya di kawasan George Town dan juga kita perlu lihat pada had masa bagi bas-bas persiaran yang masuk ke Bandar George Town. Sememangnya kita boleh nampak di banyak negara, bas-bas persiaran khususnya berdekatan dengan tempat tarikan pelancong memang menghadkan masa, tidak membenarkan bas-bas persiaran ini untuk *parking* di tempat-tempat tarikan pelancong ini. Sepatutnya mereka pergi ke sana menurunkan penumpang dan satu masa nanti datang balik untuk mengambil semula penumpang. Jadi saya harap cadangan ini dapat dipertimbangkan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, baru-baru ini kita mendapat berita baik di mana Pusat Tranformasi Bandar ataupun UTC akan dibangunkan di bangunan KOMTAR. Ini adalah berita yang baik kerana dengan adanya kemudahan UTC, ia akan menyenangkan rakyat Pulau Pinang untuk berurusan dengan banyak agensi kerajaan di kawasan yang sama. Sesungguhnya dengan penubuhan UTC ini ia akan membawa nafas baru kepada bangunan KOMTAR dan menyumbangkan kepada peningkatan perniagaan khususnya kepada pengusaha-pengusaha yang berdekatan. Akan tetapi, perlulah pihak pengurusan bangunan Komtar yang kini di bawah pentadbiran Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk meningkatkan lagi prestasi pengurusan untuk memastikan pembangunan kemudahan UTC ini akan mencapai tahap dan prestasi yang baik untuk menyenangkan rakyat dan juga agensi-agensi kerajaan yang bakal bertugas di situ.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Norhafizah Binti Othman):

Mohon mencelah.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Norhafizah Binti Othman):

Dengan izin Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada yang Berhormat Pengkalan Kota. Adakah Yang Berhormat Pengkalan Kota bersetuju bahawa UTC adalah salah satu yang boleh dimanfaatkan dan diteruskan melalui perjuangan Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Seringkali ada juga, ada juga kalau cakap secara jujur kalau dasar atau polisi yang memanfaatkan rakyatnya sememangnya kita tidak membantah. Saya rasa tidak ada pemimpin dari parti kita juga membantah terus-terus dengan pembinaan UTC tapi kalau bab 1MDB, bab Tabung Haji, bab Felda itu kita akan lawan habis-habisan. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Norhafizah Binti Othman):

Saya ingin mencelah sedikit lagi. Jadi maksudnya Pengkalan Kota bersetuju memang ada manfaatnya sebelum ini. Setuju?

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Macam saya cakap. Secara jujur ada dasar yang baik kita ambil tapi macam saya katalah skandal-skandal tersebut kita tidak perlulah.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, negara kita dikejutkan insiden tembakan secara rambang di sebuah masjid di Christchurch, New Zealand pada 15 Mac 2019. Kejadian tersebut telah meragut nyawa sebanyak 50 orang umat Islam dan di antara mangsa keadian tersebut adalah Encik Rahimi Ahmad yang berasal dari Bayan Lepas dan sememangnya insiden keganasan dan tembakan rambang ini patut dikutuk secara keras dan sebagai masyarakat yang menginginkan keamanan. Isu perkauman dan ekstremisme ini sememangnya tiada ada ruangnya di Malaysia Baharu ini.

Jadi susulan daripada kejadian di Christchurch, Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menghantar Yang Berhormat Sungai Puyu dan Yang Berhormat Bayan Lepas untuk menemani keluarga Encik Rahimi Ahmad bergegas ke New Zealand untuk menyalurkan bantuan. Saya memuji tindakan Kerajaan Negeri yang mengambil keputusan yang betul ini untuk membantu mangsa tembakan di Christchurch. Tambahan lagi mangsa yang terlibat itu merupakan seorang warga negeri Pulau Pinang dan sememangnya saya memujilah tindakan Kerajaan Negeri yang pantas ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, negeri Pulau Pinang juga turut menerima berita baik dalam usahanya untuk melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan untuk memastikan sistem pengangkutan negeri kita dapat bersiap sedia menghadapi masa depan. Majlis Perancangan Fizikal Negara baru-baru ini telah menimbangkan cadangan Projek Tebus Guna Selatan Pulau Pinang ataupun *Penang South Reclamation...*(dengan izin) dan meluluskan pelaksanaannya dengan mematuhi 18 nasihat yang telah ditetapkan. Dengan kelulusan di dalam projek tebus guna tanah ini, ia akan membantu untuk membiayai pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dan seterusnya menjadi pemangkin ekonomi di negeri Pulau Pinang. Namun, masih terdapat pihak-pihak tertentu yang mempertingkatkan projek tebus guna tanah ini. Jadi ingin saya menggunakan kawasan Pengkalan Kota sebagai contoh perbandingan terhadap cadangan tersebut. Di mana terdapat hujah yang menyatakan bahawa *density* projek tebus guna tanah tersebut akan mencecah bilangan yang amat tinggi iaitu 21,636 orang setiap kilometer persegi dan hujahan ini cuma menakutkan bahawa projek tebus guna tanah ini akan menjadi terlalu sempit. Ini adalah tidak benar sama sekali. Saya ingin memetik contoh DUN Kawasan Pengkalan Kota. Keluasan kawasan DUN Pengkalan Kota sebenarnya adalah lebih kurang 1 kilometer persegi sahaja. Tetapi jumlah kalau kita ikut bilangan pengundi yang berdaftar adalah pada jumlah 20,069 orang pengundi. Kalau kita mengikut statistik daripada Suruhanyaja Pilihanraya Malaysia dan ini cuma hanya mengambil kira bilangan orang pengundi sahaja dan sememangnya kalau kita kira semua bilangan penduduk di kawasan DUN Pengkalan Kota sememangnya *density* yang dicatat adalah lebih tinggi dan ini adalah justifikasi kepada *density* penduduk bagi Projek Tebus Guna Selatan tersebut. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini hampir separuh dari kawasan Pengkalan Kota ini sebenarnya kawasan tebus guna tanah. Jika kita mengimbas balik kembali sejarah negeri Pulau Pinang, sebenarnya Lebuh Pantai, saya rasa semua orang tahu di mana. Lebuh Pantai sebenarnya merupakan garisan pantai yang asal bagi kawasan George Town ini. Malahan garisan pantai tersebut itu juga menjangkau ke Jalan C.Y. Choy ataupun dikenali sebagai Beach Street dahulu mengikut peta ukur pada tahun 1959. Jadi saya ada satu peta yang kecil yang pada zaman 1959 kita boleh tengok sebahagian besar boleh saya cakap kawasan Pengkalan Kota belum wujud lagi pada masa itu.

Dan isu yang saya ingin bangkitkan di sini, sekiranya penduduk pada ketika itu memilih untuk membantah usaha tebus guna tanah Kerajaan Negeri pada masa itu sudah tentu kawasan DUN Pengkalan Kota tidak akan menjadi keluasannya pada masa kini dan sekiranya penduduk ketika itu membantah usaha untuk membuat tebus guna tanah, maka kita tidak ada Tapak Warisan Dunia UNESCO yang kita ada pada hari ini sebab tebus guna tanah ini juga adalah wujudnya Clan Jetties, kawasan Clan Jetties dan juga kawasan *core zone*...(dengan izin) Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan sememangnya kita tidak dapat menikmati kebaikan yang datang hasil daripada pengiktirafan tersebut.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua sebagai penutupan, sepanjang pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan di Negeri Pulau Pinang, kita tidak pernah berhenti untuk memberikan inspirasi kepada Negeri Malaysia. Banyak amalan yang baik iaitu (dengan izin)...*good practices* yang berlandaskan konsep Cekap, Akauntibiliti dan Telus akan ataupun telah pun dicontohi oleh Kerajaan Persekutuan yang kini diterajui oleh Pakatan Harapan. Jadi menjelang ulang tahun pertama pentadbiran Pakatan Harapan di Kerajaan Persekutuan, banyak lagi isu yang perlu diselesaikan, yang diwarisi dari pentadbiran Barisan Nasional terdahulu. Banyak lubang yang kita kena tutup, banyak situasi khususnya ekonomi dan kewangan negara yang kita perlu berusaha mencari idea agar kita dapat memulihkan situasi ekonomi negara ini.

Jadi, di sini juga saya ingin menyeru kepada pimpinan Kerajaan Persekutuan untuk melihatlah ke Pulau Pinang di atas dasar dan polisi yang mesra rakyat serta pencapaian yang menakjubkan walaupun ditekan dan dianak tirikan oleh Barisan Nasional pada 10 tahun yang lalu. Kerajaan Negeri kini di atas landasan yang betul dan tepat untuk mengharungi cabaran masa hadapan. Visi Penang2030 yang telah diutarakan oleh Y.A.B. Padang Kota sememangnya membawa suara rakyat negeri ini menuju ke satu masa depan yang lebih cerah. Dalam pada ini juga kita juga berharap lebih ramai warga Pulau Pinang dapat menyuarakan pendapat mereka agar Visi Penang2030 dapat disediakan dengan lebih komprehensif dan memenuhi hasrat semua.

Jadi di sini sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana atas peluang untuk menyertai usul perbahasan ucapan perasmian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Pulau Pinang dan kita akan menyambut Hari Pekerja pada 1 Mei nanti di sini saya mengucapkan terlebih dahulu Selamat Hari Pekerja dan juga bagi rakan-rakan kita yang beragama Islam, kita juga akan menyambut bulan Ramadan, puasa jadi saya di sini juga mengucapkan selamat menunaikan ibadat puasa dan saya menyusun 10 jari sekiranya terdapat perkataan ataupun tindakan yang menyinggung perasaan kepada mana-mana pihak. Jadi dengan kata-kata ini, Pengkalan Kota mohon menyokong. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Pengkalan Kota. Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin? Sila Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih Dato' Speaker. Salam Sejahtera, Salam Harapan. Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri, Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua Jabatan, rakan-rakan media. Terima kasih Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di dalam Dewan yang mulia ini. Menjunjung kasih ucapan Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Yang Keempat Belas Negeri Pulau Pinang. Saya dengan rendah hati mengucapkan terima kasih atas kesudian dan keprihatinan Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dalam memastikan kerajaan ini bergerak dan dipimpin dengan baik sekali.

Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan seperjuangan saya dalam Pakatan Harapan, Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional dan juga Ahli Yang Berhormat yang merupakan rakan baik kepada Barisan Nasional. Kita di era pembentukan Malaysia baru yang memperkenalkan produk berkualiti dan berprestasi tinggi seperti kebebasan bersuara yang mana dahulu tidak berlaku. Memerangi rasuah di peringkat pentadbiran negara dengan memberi kuasa dan tiada campur tangan politik. Suruhanjaya Pilihanraya yang bebas serta tidak memihak kepada parti kerajaan dalam menjalankan tugas dan telus memastikan proses pilihan raya berjalan sejajar dengan prinsip demokrasi. Pihak berkuasa seperti PDRM juga begitu serius menangani permasalahan jenayah setempat dan salah guna kuasa dalam proses penguatkuasaan di dalam jabatan masing-masing. Inilah produk utama yang sedang diusahakan oleh kerajaan Pakatan Harapan. Seharusnya yang mendapat sokongan oleh semua pihak terutamanya *legislative* yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Speaker, Pulau Pinang sejak 2008 telah memperkenalkan dasar pentadbiran yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus yang mana yang masih kita amalkan sehingga kini mengikut unjuran KDNK negeri yang dilaporkan dan kadar simpanan wang negeri rezab yang berada pada RM1.074 bilion.

Di dalam ucapan Tuan Yang Terutama telah mengukuhkan hujah bahawa pentadbiran negeri ini berada di tahap terbaik dan dipimpin oleh orang yang baik dan amat tepat. Justeru, perlu diakui oleh semua di dalam Dewan ini bahawa Negeri Pulau Pinang adalah antara negeri yang terbaik dalam pengurusan kewangan dan pembangunan dari rakyat kepada rakyat dipulangkan hasil masuk negeri.

Dato' Speaker, untuk terus mengekalkan kejayaan ini dan memastikan setiap perancangan kerajaan berjalan dengan baik, perlunya kesefahaman yang lebih mendalam oleh pihak *legislative* terutamanya perancangan pembangunan yang mampan dan sempurna yang mampu memberi pulangan baik kepada negeri dan rakyat dalam sektor pelancongan khususnya di kawasan peranginan Bukit Bendera perlu dilihat semula perkara-perkara berkaitan infrastruktur terutamanya keadaan jalan yang perlu ditampung akibat banjir pelancong ke sana. Begitu juga kemudahan parkir kereta yang tidak mencukupi sehingga memberi kesukaran kepada penduduk sekitar apabila kenderaan pelancong-pelancong diletakkan di kawasan perumahan mereka. Perlunya kawasan parkir bas yang bersesuaian bagi menempatkan bas-bas pelancong tanpa mengganggu aliran lalu lintas dan kawasan perumahan penduduk tempatan. Umum mengetahui Air Itam sememangnya kepadatan penduduk amat tinggi. Perkara-perkara begini mampu mengundang ketidakselesaan kepada penduduk di sini. Saya ingin mencadangkan agar negeri, Kerajaan Negeri dapat merancang jadual temasya pelancongan yang lebih teliti dan tahap penyelesaian penduduk di sini diberi perhatian yang sewajarnya. Selain daripada memberikan perhatian dalam mempromosikan pelancongan sahaja.

Dato' Speaker yang dihormati, sejak kebelakangan ini banyak berlaku insiden kebakaran di kawasan Air Itam dalam tempoh 11 bulan ini. Lapan (8) kes kebakaran telah berlaku dan ini amatlah merunsingkan pihak saya yang terpaksa berdepan dengan situasi sebegini. Akibat daripada kekerapan berlakunya kebakaran di kawasan Air Itam, saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan Negeri agar melihat semula keperluan sistem saliran pili bomba yang perlu disediakan dan diselenggara dengan baik oleh pihak-pihak yang berkenaan. Saya dimaklumkan bahawa pihak bomba kekurangan dana untuk menyediakan pili-pili bomba.

Bagi pihak saya, telah mengadakan beberapa perbincangan dengan pihak bomba berkenaan pemasangan dan pihak saya terpaksa juga menggunakan peruntukan ADUN untuk menyelesaikan masalah ini. Apakah pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk menanggung kos bagi tujuan ini atau berbincang dengan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan berkenaan peruntukan yang perlu dibelanjakan dahulu oleh Kerajaan Negeri secara kontra dengan bayaran-bayaran yang lain. Begitu juga dengan masalah kenderaan lusuh atau terbenkakai yang diletakkan di tepi jalan-jalan atau lorong-lorong yang

mengganggu kemasukan jentera penyelamat apabila berlakunya kecemasan. Saya juga ingin mencadangkan pihak Kerajaan Negeri dapat menyediakan lebih banyak rumah transit bagi mangsa bencana terutamanya mangsa bencana kebakaran. Terima kasih juga diucapkan kepada JKM dan NGO yang banyak membantu saya meringankan beban mangsa kebakaran tersebut. Selain itu, saya juga berharap kebajikan wira-wira anggota pasukan bomba sukarela diberi perhatian kerana ke semua wira ini telah berkhidmat secara sukarela demi keharmonian rakyat semua.

Dato' Speaker, saya memang setuju dengan visi Kerajaan Negeri dalam menyediakan dan membina rumah LC, RMC dan Rumah Mampu Milik untuk membolehkan rakyat Pulau Pinang dapat memiliki rumah oleh setiap keluarga. Namun, isu-isu selepas perlu juga diberi perhatian yang serius lazimnya penyelenggaraan bangunan, isu JMB dan kos kerosakan lif yang sering berlaku terhadap bangunan ini selepas setiap fasa. Dana yang tidak mencukupi kerana banyak wang *maintenance*...(dengan izin) tidak dapat dikutip. Walaupun Kerajaan Negeri adanya program HAPPY di mana tanggungan 80% 20% tetapi ini tidak dapat selesaikan isu ini dengan sepenuhnya. Saya memang berharap isu ini, isu ini diberi perhatian juga oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Minta laluan. Terima kasih kepada rakan saya daripada Air Itam. Sememangnya saya bersetuju dengan pandangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Air Itam khususnya tentang pengurusan, khususnya rumah kos rendah dan sederhana rendah ini. Banyak kali ada banyak contoh yang kita boleh nampak. Ada rumah yang dikosongkan dan ini telah mengakibatkan JMB ataupun MC Perbadanan Pengurusan ini tidak dapat ditubuhkan kerana kekurangan penduduk di kawasan setempat ataupun kekurangan dana untuk jalankan kerja-kerja penyelenggaraan tersendiri.

Jadi mungkin kita boleh mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melalui pesuruhjaya bangunan, kita boleh mengambil *best practices*...(dengan izin), kita ada banyak sebenarnya perbadanan pengurusan di seluruh negeri Pulau Pinang ini dan ada yang berjaya dikendalikan secara berkesan. Jadi saya mencadangkan mungkin pesuruhjaya bangunan kita boleh mengambil *best practices* dari pelbagai perbadanan pengurusan dan kita membuat satu (1) rumusan agar *best practices* ini dapat kita ajarkan kepada projek-projek perumahan yang berlainan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Kota atas cadangan yang disalurkan dan saya berharap Kerajaan Negeri dapat mengambil pakai cadangan yang telah disebutkan.

Dato' Speaker, dalam ucapan saya yang pertama di dalam Dewan ini terdahulu, pernah dibangkitkan tentang penyediaan makanan berkhasiat kepada seluruh pelajar sekolah terutamanya sekolah rendah. Terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Kementerian Kewangan kerana telah mengumumkan akan menyediakan makanan percuma kepada pelajar sekolah rendah mulai Januari 2020. Inilah yang kita mahukan apabila kerajaan prihatin dengan masalah perbelanjaan ibubapa. Saya nak sebut di sini inilah antara produk berkualiti tinggi yang sedang diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, bukannya ambil dari orang miskin beri kepada orang yang kaya. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan, pelaksanaan program ini perlu dipantau dan diberi perhatian yang teliti oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan dan bermanfaat. Jangan hanya untuk melepaskan batuk di tangga seperti rancangan makanan tambahan, RMT. Kita semua tahu bagaimana RMT ini diuruskan kerajaan terdahulu. Makanan tidak berkhasiat dan tidak memenuhi spesifikasi yang sepatutnya. Saya ingin juga mencadangkan pelaksanaan program ini diberi peluang kepada MPKK bersama-sama dengan PIBG untuk memantau pelaksanaan dari segi penyediaan makanan dan keselamatan makanan. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri juga perlu memainkan peranan dalam hal ini. Kita

tidak mahu berlakunya ketirisan dan ketidaktanggungjawaban pihak penyedia makanan di kantin-kantin sekolah. Wang yang diperbelanjakan ini adalah wang pembayar cukai.

Dato' Speaker, bagi menjamin *food security* adalah dicadangkan kawasan pertanian di dalam negeri Pulau Pinang dipelihara terutamanya padi, sayur-sayuran dan sumber protein iaitu makanan laut. Saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri mempergiatkan usaha meningkatkan produk-produk makanan di Pulau Pinang terutamanya padi, sayur-sayuran dan ikan. Memperkenalkan *trend* pertanian satu perniagaan amat tepat di masa kini apabila Kerajaan Persekutuan amat mengalakkan pertanian di bandar ataupun di kampung. Idea ini perlu digarap dan perlu dilaksanakan di Pulau Pinang. Pertanian bukan hanya penternakan, bercucuk tanam atau membajak tanah. Pertanian adalah rantai daripada pengeluaran hasil *research and development* ... (dengan izin) pembekalan untuk pertanian. Pulau Pinang adalah antara negeri tertinggi dalam membekalkan stok ikan sangkar di negara tetapi terdapat 77 buah sangkar ikan yang tidak berlesen di Pulau Pinang. Jumlah sangkar ikan yang berlesen 159 buah dan jumlah keseluruhannya 236 buah sangkar ikan seperti yang dimaklumkan dalam soalan bertulis yang diperolehi. Apakah perancangan Kerajaan Negeri bagi memastikan sektor ini mampu meningkat dan memberi tambah nilai bagi negeri ini. Adakah perlu diperluaskan lagi zon tersebut dan mempermudah permohonan lesen pendudukan sementara.

Mengalakkan penanaman pokok, maaf, mengalakkan penanaman sayur-sayuran di tanah-tanah lapang perumahan dalam bentuk program komuniti adalah perlu digiatkan semula. Pertanian dalam bandar perlu diterokai dan rantai industri berkaitannya. Program-program pendidikan dalam mengalakkan usahawan muda pertanian perlu diberi perhatian dalam bentuk kewangan dan pinjaman yang disediakan. Kita sekarang ini berada di dalam sebuah negeri industri yang mana tahap pendidikan dan kesedaran rakyat sepatutnya bijak dan peka dengan keadaan sekeliling. Apa yang sedang diutarakan oleh saya adalah berkenaan kesedaran rakyat tentang keselamatan sekeliling terutamanya kawasan kejiranan, sekolah dan tempat kerja. Sekarang ini kerajaan telah melaksanakan pengasingan sisa di mana perlu dilaksanakan oleh semua pihak terutamanya kawasan perumahan, syarikat makanan segera, sektor perkilangan dan sebagainya. Saya beberapa kali terlihat pengasingan sisa tidak dilaksanakan di premis-premis makanan segera. Adakah tindakan diambil dan pelaksanaan penguatkuasaannya hanya indah khabar dari rupa. Begitu juga sisa makanan yang dilepaskan terus ke dalam parit. Apakah tindakan yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan?

Pencemaran sungai berlaku dan kerap kali disuarakan oleh Yang Berhormat Sungai Pinang. Tetapi sungai-sungai yang ini dicemari oleh sisa-sisa makanan dan industri melalui parit yang mengalir terus ke sungai. Perangkap gris yang diperkenalkan tidak mampu menyelesaikan masalah ini kerana tiadanya kesedaran dari pihak pemain-pemain industri ini. Saya cadangkan kerajaan perlu mengkaji tindakan yang sewajarnya bagi meminimumkan tahap pelepasan sisa makanan ke parit. Kesian sekali apabila melihat pekerja awam Majlis bertungkus lumus membersihkan parit yang kotor dan tidak sampai sejam sahaja ia kembali kotor semula.

Dato' Speaker, saya dengan rendah hati memohon agar perkara-perkara yang dibangkitkan sepanjang perbahasan ini mendapat perhatian pihak Kerajaan Negeri dan bersama-sama kita memastikan negeri ini diperlihara oleh Tuhan daripada segala malapetaka, bencana dan ketidaktanggungjawapan dalam melaksanakan tugas pentadbiran negeri. Dengan ini saya memohon menyokong ucapan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Air Itam. Seterusnya saya ingin mempersilakan Komtar. Sila.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan perbahasan ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Harapan bakal menyambut ulang tahun pertama selepas PRU14 dalam tempoh beberapa hari lagi. Ramai pihak berminat untuk mengetahui berapakah janji-janji manifesto PRU14 yang telah ditepati oleh Kerajaan Negeri.

Menerusi pemantauan saya, hampir 2/3 daripada kesemua 68 manifesto telah ditepati. Tahniah kepada Kerajaan Negeri dan jutaan tahniah juga kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang bukan sahaja memastikan manifesto-manifesto tersebut tercapai, malah turut berjaya merangka pelan perancangan negeri dalam tempoh 11 tahun akan datang dengan kejayaan pelancaran *booklet* Penang2030 baru-baru ini.

Visi Penang2030 telah dilancarkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada tahun lepas berlandaskan empat tunjang utama iaitu meningkatkan daya huni sebagai peningkatan kualiti kehidupan, menaik taraf ekonomi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah, memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan umum dan melabur dalam persekitaran infrastruktur serta kemudahan awam bagi meningkatkan daya tahan dalam pelbagai keadaan.

Berlandaskan visi yang jelas, Kerajaan Negeri akan dapat menetapkan matlamat atau objektif yang hendak dicapai, memastikan pembangunan negeri Pulau Pinang yang seimbang serta mempunyai hala tuju yang tersendiri serta berkesan bagi memperkukuhkan lagi potensi dan daya saing negeri Pulau Pinang.

Umumnya, tiada satu projek pembangunan bandar yang boleh dilaksanakan tanpa menjejaskan alam sekitar di permukaan bumi ini, ia adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Kerajaan Negeri hanya dapat mengurangkan kesan-kesan projek kepada tahap minimum dengan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi.

Dalam usaha mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP). Projek fasa pertama dalam pelan ini adalah PIL 1, yang membabitkan pembinaan sebuah lebuh raya baharu sepanjang kira-kira 20 km sebagai laluan alternatif ke George Town, Paya Terubong, Bayan Baru dan Relau. Namun, pelan tersebut telah dibantah oleh pihak NGO tertentu yang berpendapat bahawa kerosakan yang terjadi kepada alam sekitar adalah jauh lebih serius daripada kebaikan yang dibawa.

Berlandaskan ini saya ingin menekankan bahawa pelan ini telah dikaji daripada semua aspek dalam memastikan kesan PIL1 terhadap alam sekitar adalah pada tahap minimum. Ya, ini juga merupakan sebab-sebab mengapa kerajaan memilih untuk membina terowong yang menembusi kawasan bukit dan bukanlah seperti Jalan Tun Sardon yang sedia ada yang mengelilingi bukit. Pelan pelaksanaan PIL1 telah memperoleh kelulusan pada 10 April yang lalu dengan 56 syarat tambahan. Kerajaan Negeri lazimnya akan mengawasi dan meneliti setiap proses kerja-kerja tersebut, serta memastikan semua kerja yang dijalankan adalah mengikut piawaian. Merujuk kepada salah satu elemen projek sebenarnya pembinaan terowong untuk menghubungkan dua lokasi bukanlah satu perkara yang baru.

Di Xiamen, China iaitu *sister city* kepada negeri Pulau Pinang, terdapat kira-kira 18 buah terowong jalan raya di bahagian pulau. Infrastruktur tersebut sehingga kini tidak mendatangkan apa-apa kerosakan ketara kepada alam sekitar.

Saya telah memerhati infrastruktur bandar semasa lawatan saya ke Xiamen dan mendapati bahawa jalan raya di sana dibangunkan dengan baik. Bandar Xiamen mempunyai empat (4) jambatan serta satu terowong bawah laut yang menghubungkan kawasan pulau

dengan seberang bandar tersebut. Ini merupakan satu unsur utama yang mana pertumbuhan ekonomi di Xiamen boleh melonjak dalam tempoh masa 20 tahun.

Pulau Pinang dan Xiamen mempunyai banyak persamaan daripada segi geografi. Pada tahun 1993, ketika Xiamen menjadi *sister city* Pulau Pinang, mereka telah datang ke Pulau Pinang untuk mempelajari pendekatan serta inisiatif kita untuk membangunkan zon perindustrian seperti di Bayan Lepas. Selepas itu, tidak dinafikan Xiamen telah mengatasi Pulau Pinang dari segi ekonomi, dan saya percaya bahawa salah satu unsur utama kejayaan mereka adalah pembangunan infrastruktur terutamanya pembinaan jalan yang sistematik dan berkesan untuk memudahkan pengangkutan logistik serta perdagangan, bak kata pepatah Mandarin "*Xiang Yao Fu, Xian Xiu L'u*". Di sini, saya juga ingin menyeru kepada Kerajaan Pusat supaya mempercepatkan kerja-kerja penyelidikan pembinaan landasan LRT di Pulau Pinang supaya dapat menyediakan pengangkutan awam alternatif yang boleh menggantikan penggunaan kereta sebagai melengkapkan transformasi Pulau Pinang kepada bandar bertaraf antarabangsa yang dapat bersaing dengan bandar-bandar negara maju yang lain.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

KOMTAR terjemahkan tadi.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Oh. Nak menterjemah, "nak kaya perlu membaik membina jalan dululah".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nak kaya buat jalan raya.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Nak kaya buat jalan rayalah. Ini slogan di China lah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey sambung.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Okey. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, dadah merupakan musuh nombor satu di negara. Penyalahgunaan dadah telah mendatangkan kerosakan kepada diri penagih umumnya terutama daripada segi kesihatan, keluarga, masyarakat dan secara tidak langsung kepada negara secara menyeluruh.

Merujuk kepada statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), kita boleh lihat bahawa bilangan penagih dadah di seluruh negara adalah semakin meningkat. Dengan jumlah lebih daripada 10,000 kes baharu dilaporkan bagi setiap tahun. Di Pulau Pinang, walaupun bilangan kes baharu telah mencatatkan penurunan yang drastik bagi tahun 2018 iaitu 2,303 kes berbanding dengan 5,081 kes pada tahun 2017, Kerajaan Negeri masih perlu memandang serius terhadap perkara ini.

Kes-kes penagih dadah perlu ditangani segera dan sekiranya ia ditangguh lagi, kemungkinan besar akan membawa padah tidak dijangka. Ini adalah disebabkan tingkah laku penagih yang lazimnya tidak dapat dikawal. Contohnya, dua (2) kes yang amat menyedihkan telah berlaku pada tahun 2016 iaitu kes bunuh membabitkan empat (4) ahli sekeluarga di Batu Maung dan satu lagi kes tiga (3) sekeluarga yang maut dikelar di Melaka. Suspek bagi kedua-dua kes ini masing-masing adalah penagih dadah.

AADK sebagai agensi peneraju dalam membanteras masalah dadah boleh memainkan peranan untuk menghalang penagih daripada mengganggu keluarga atau menimbulkan kebimbangan masyarakat. Namun sebagai makluman, AADK masih memerlukan laporan patologi agar penagih dadah dapat dihantar atau dimasukkan ke pusat pemulihan bagi mendapatkan rawatan serta pemulihan yang intensif.

Menyentuh mengenai laporan patologi, *urine test* di hospital-hospital kerajaan di Pulau Pinang pada asalnya hanya mengambil masa 10 hari mengikut SOP untuk mendapat laporan patologi. *Urine test* boleh dibuat di Hospital Kepala Batas, Hospital Pulau Pinang, Hospital Balik Pulau, Hospital Seberang Jaya dan Hospital Seberang Perai Selatan.

Tetapi, kini hanya satu hanya sebuah hospital sahaja yang dipilih untuk menjalankan *urine test* iaitu Hospital Kepala Batas, dan ianya telah memanjangkan tempoh masa pihak berkaitan dalam penyediaan laporan patologi. Contohnya, laporan *urine test* bagi dadah opiate perlu mengambil masa tiga (3) bulan, bagi dadah jenis syabu pula ia mungkin perlu mengambil masa enam (6) bulan sehingga satu tahun. Ini secara langsung telah menjejaskan kecekapan AADK untuk mengambil sebarang tindakan terhadap penagih-pengaih. Dengan itu saya ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri supaya memohon kepada Kementerian Kesihatan untuk mengkaji semula dan mengekalkan SOP *urine test* sebagaimana praktis sebelum ini iaitu hanya dalam tempoh 10 hari sahaja.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, tindakan penguatkuasaan mengunci dan menyita unit-unit PPR Taman Manggis sebelum ini telah membawa saya untuk lebih mendekati isu PPR. Rumah PPR yang dibina oleh Kerajaan Pusat adalah untuk membantu keluarga tidak berkemampuan dalam memilik sebuah kediaman yang mampu dijadikan tempat berteduh. Namun, permintaan adalah selalunya melebihi bekalan unit PPR sedia ada. Justeru, pemohon adalah perlu mematuhi syarat-syarat permohonan yang agak ketat.

Antara syarat-syarat utama adalah, pemohon mesti seorang warganegara Malaysia. Semasa menguruskan kes rumah PPR Taman Manggis, salah satu asas tindakan adalah pemohon bukan warganegara dan pasangan bukan warganegara, termasuk pemegang IC merah.

Untuk kes-kes masa depan, saya berharap Bahagian Perumahan boleh memberi kelonggaran kepada mereka yang dilahirkan sebelum Hari Kemerdekaan dan memegang IC merah, kerana proses untuk menukar IC merah ke IC biru adalah sangat susah dan memakan masa yang panjang. Terdapat juga pemohon yang sudah meninggal dunia tetapi masih belum memperoleh IC biru. Saya berpendapat bahawa pemohon dalam kategori ini perlu diberi kelonggaran atau pertimbangan khas. Satu lagi syarat permohonan PPR adalah pendapatan seisi keluarga tidak boleh melebihi RM1,500 sebulan. Di Pulau Pinang, jumlah pendapatan sebanyak RM1,500 bukan senang untuk menampung kos sara hidup bagi sebuah keluarga, malahan keluarga yang mempunyai lima (5) orang atau lebih ahlinya.

Saya ingin mencadangkan lagi satu kelonggaran iaitu pendapatan seisi keluarga boleh dikira berdasarkan pendapatan per kapita, contohnya RM300 per kapita, ini bermaksud jika sebuah keluarga mempunyai lapan (8) orang ahli 8 x RM300 bersamaan dengan RM2,400. Maka keluarga dengan pendapatan seisi keluarga yang tidak melebihi RM2,400 masih layak memohon atau menduduki rumah PPR.

Bagi projek PPR baharu yang akan dibina saya berharap kerajaan boleh membina rumah PPR dalam beberapa kategori dengan mengambil contoh skim rumah mampu milik sekarang. Rumah PPR ini boleh dibina dan diasingkan kepada kategori satu bilik, dua bilik dan tiga bilik dengan kadar sewa yang berbeza. Kadar sewa untuk rumah PPR sekarang adalah RM124.00 sebulan, dan perjanjian penyewaan rumah akan disemak semula pada setiap tiga (3) tahun. Sekiranya penyewa didapati hilang kelayakan, maka mereka perlu menyerahkan balik unit PPR. Sebagai contoh jika pendapatan seorang penyewa telah mencapai RM2,000 iaitu sudah melebihi siling pendapatan RM1,500, maka dia akan diminta pindah dari unit PPR yang dia duduki sekarang. Tetapi dengan pendapatan ini, dia mungkin tidak dapat membayar kadar sewa rumah harga pasaran yang biasanya adalah berjumlah contoh RM400 atau lebih tinggi.

Jika kita memperkenalkan skim dengan kadar sewa RM250 sebulan atau kadar yang lain yang lebih rendah daripada harga pasaran, maka ia membantu untuk mengurangkan beban penyewa tersebut sekurang-kurangnya dalam masa jangka pendek supaya dapat

menyesuaikan diri dengan harga sewa pasaran. EXCO Perumahan selepas PRU 14 telah mengumumkan berita baik berhubung persetujuan Kerajaan Pusat untuk membina skim PPR baru di Jelutong. Saya berharap skim ini boleh dijadikan projek perintis dalam menawarkan unit PPR yang mempunyai lebih banyak kategori dan kadar sewa yang berlainan seperti apa yang dicadangkan oleh saya. Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan terus melaksanakan skim sewa beli kepada unit PPR yang baru bagi menyelesaikan masalah tunggakan sewa dan juga membantu penyewa memiliki rumah sendiri.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagai wakil rakyat kami berasa gembira dan pada masa yang sama juga bimbang apabila kerajaan meluluskan projek menaik taraf membabitkan kawasan kami. Gembira kerana ada projek penaiktarafan atau pembangunan yang mana bermaksud terdapat penambahbaikan di kawasan tetapi apa yang lebih membimbangkan adalah pemantauan projek tidak dijalankan dengan rapi oleh agensi yang bertanggungjawab. Ia sekaligus bakal membawa banyak masalah pada tempoh pelaksanaan. Sebagai contoh, projek menaik taraf paip pembentungan di Jalan Hutton telah dijalankan oleh kontraktor SPAN untuk menukar paip pembentungan di bawah tanah. Tetapi malangnya selepas beberapa tahun projek ini masih belum disempurnakan dan ia telah membawa banyak masalah serta dilema kepada para peniaga setempat serta pengguna jalan Jalan Hutton.

Projek-projek seperti projek menaik taraf jejantas Octopus, projek menaik taraf Pasar Chowrasta yang telah siap juga pernah mengalami kelewatan lebih daripada satu tahun. Satu lagi projek yang mengalami kelewatan adalah projek pemasangan kanopi di Jalan Chowrasta. Projek ini sepatutnya dijangka siap pada 30 April 2019 iaitu esoklah tapi disebabkan masalah utiliti tarikh persiapan projek terpaksa ditangguh selama dua (2) bulan. Sebenarnya saya pernah bertanya adakah projek ini adalah ada, maaf, sebenarnya saya pernah bertanya adakah projek ini ada masalah utiliti sebelum ia dimulakan kerana daripada pengalaman saya punca-punca utama kelewatan kebanyakan projek adalah bersangkut paut dengan utiliti bawah tanah dan jawapan yang saya terima adalah semua kajian telah dibuat dan tiada sebarang masalah utiliti. Namun apabila kerja bermula dan tidak sampai satu minggu projek ini terpaksa ditangguhkan kerana dikesan kabel TNB 33kv di bawah parit.

Apabila kelewatan seperti ini berlaku siapanya pihak yang dimarah serta disalahkan oleh orang ramai, adalah Yang Berhormat-Yang Berhormat wakil rakyat yang duduk di sini dan bukan agensi pelaksanaan. Dan kami adalah orang yang akan diundi oleh rakyat dan bukan pegawai yang bertanggungjawab. Kelewatan projek bukan sahaja akan menimbulkan masalah kepada masyarakat, ia juga akan menjejaskan imej negeri Pulau Pinang malah juga menjadi senjata kepada pihak pembangkang untuk menyerang pentadbiran Kerajaan Negeri. Wakil rakyat sudah tentu mempunyai kewajipan untuk memantau projek-projek di kawasan tetapi adakah agensi pelaksana dan pegawai *in charge* juga perlu bertanggungjawab terhadap kelewatan projek-projek ini.

Bagi mengelak atau mengurangkan kelewatan berlaku terhadap projek-projek pada masa hadapan saya ingin mencadangkan supaya kerja pemantauan projek dijadikan sebagai KPI kepada pegawai bertanggungjawab dan agensi pelaksana. Ini secara tidak langsung dapat menggalakkan pegawai-pegawai bekerja lebih proaktif serta menyelaraskan projek dengan lebih cekap. Selain itu, agensi pelaksana juga perlu mengemaskini status atau masalah projek dari masa ke semasa sekurang-kurangnya kepada ADUN kawasan supaya kedua-dua pihak dapat memantau projek secara bersama. Umumnya pendekatan ini bukan susah memandangkan teknologi kini semakin canggih dan yang penting, yang paling penting adalah ADUN kawasan mempunyai kewajipan untuk menjawab soalan-soalan masyarakat umum sekira terjadinya sebarang kejadian yang tidak diingini.

YB. Dato' Yang di-Pertua, negeri Pulau Pinang terkenal dengan gelaran "Syurga Makanan" ekoran keunikan, keaslian dan variasi, variasi makanan yang terdapat di sini. Namun apabila kita perhatikan parit bersebelahan restoran dan lokasi premis kita boleh nampak keadaan parit yang penuh dengan sisa minyak serta sampah sarap terutamanya di

sekitar Bandar Georgetown. Bagi menjaga kesihatan dan keselamatan makanan, pihak MBPP dan pihak Kesihatan perlu mengadakan operasi dan mengeluarkan saman kepada restoran dan premis makanan yang melanggar syarat-syarat. Namun ianya telah menimbulkan salah faham dan perasaan tidak puas hati persatuan penjaja tentang tindakan pihak berkuasa tempatan berkaitan.

Saya berharap pihak berkuasa tempatan boleh mengadakan satu perjumpaan dengan persatuan-persatuan penjaja supaya tujuan-tujuan penguatkuasaan PBT dapat dikongsikan bersama pihak-pihak ini. Diharapkan menerusi perjumpaan seperti ini PBT dapat mengeratkan perhubungan dengan penjaja-penjaja serta mewujudkan persefahaman positif antara dua pihak. MBPP umumnya perlu terus berusaha untuk meningkatkan imej penjaja-penjaja khususnya penjaja tepi jalan.

Dato' Yang di-Pertua, mekanisma mengawal kenaikan harga makanan dan minuman perlu diwujudkan untuk mengurangkan beban masyarakat, *what I mean is* harga makanan dan minuman yang dijual di pasar-pasar dan kompleks-kompleks makanan yang dimiliki oleh PBT. Saya ingin mencadangkan supaya Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengenakan syarat-syarat kepada penjaja-penjaja baru yang ingin berniaga di pasar atau kompleks makanan milik PBT bahawa harga jualan makanan atau minuman tidak boleh melebihi harga siling yang ditetapkan. Kami sering menerima aduan daripada orang ramai bahawa mengapa harga makanan di pasar dan kompleks makanan milik PBT adalah agak tinggi walau pun bayaran sewa atau lesen adalah murah sekali iaitu RM21.00 sebulan, tak sampai RM1.00 pun sehari. Saya berpendapat jika usaha ini dijalankan secara berterusan lama kelamaan kita akan dapat mengawal harga jualan penjaja dan mengelakkan kenaikan harga yang melampau. Saya berharap pihak Majlis boleh memandang serius terhadap permasalahan berbangkit ini dan mengkaji cadangan ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pelancongan, maaf, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pelancong yang berkunjung ke George Town seringkali mengadu bahawa selain makanan hanya terdapat sedikit aktiviti hiburan sekiranya dibandingkan dengan bandar raya lain seperti Bangkok, Guang Zhou, Taipei dan Hong Kong yang mana mereka mempunyai *tourist night market* dan *walking street* iaitu destinasi-destinasi yang disediakan kepada pelancong untuk membeli-belah selepas makan malam. Saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa satu *Night Market Master Plan* boleh dirancang untuk mewujudkan beberapa pasar malam di dalam kawasan George Town. Lokasi ini boleh meliputi kawasan pasar Chowrasta, Jalan Kuala Kangsar, Lebuh Tamil, Jalan Chowrasta, Lebuh Kimberly, Lebuh Keng Kwee, Jalan Pee Choon dan mungkin boleh diperluaskan ke Lebuh Campbell. Konsep *tourist night market* ini adalah sedikit berbeza dengan pasar malam yang sedia ada sekarang yang mana sasaran utama adalah pelancong.

Manakala barang, barangan yang dijual adalah perlu menumpu kepada kehendak serta menjadi tarikan pelancong. Produk-produk *made in Penang* atau *Penang brand* harus dipromosikan, antaranya kraftangan tempatan, permainan serta persembahan tempatan. Barang yang dijual juga perlu dilengkapi dengan pembungkusan atau *packaging* yang menarik untuk mencipta identiti dan imej tersendiri. *Tourist night market* ini boleh diadakan pada setiap hari supaya ia akan menjadi satu tarikan pelancongan yang unik. Sebagai perkongsian, saya pernah mengadakan lawatan ke Hong Kong dan Taipei. *Night market* destinasi-destinasi pelancongan berkaitan umumnya diuruskan dengan baik dan teratur. *Night market* di Taipei lebih menumpu kepada makanan manakala di Hong Kong adalah lebih kepada jualan barangan. Ini adalah contoh-contoh baik yang kita boleh pelajari. Bagi menjayakan projek ini saya juga mencadangkan supaya pihak berkuasa tempatan menganjurkan lawatan sambil belajar ke Bangkok, Hong Kong dan Taipei. *Tourist night market* di negara-negara ini adalah terkenal pada peringkat dunia. PBT umumnya boleh belajar cara pengurusan serta pendekatan pihak berkaitan dalam mengawal tahap kebersihan dan perkhidmatan pasar malam serentak itu juga kaedah pihak terbabit dalam membuat promosi untuk menarik para pengunjung.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, lukisan mural di tapak Warisan George Town menjadi daya tarikan pelancongan kepada negeri Pulau Pinang pada suatu ketika dulu, namun kini ia semakin hilang serinya. Justeru adalah perlu kita mengwujudkan tarikan alternatif yang baru sebagai usaha berterusan dalam menarik minat pelancong agar berkunjung lagi ke sini. Setiap tahun Kerajaan Negeri akan menganjurkan sambutan George Town Festival pada bulan Julai atau Ogos. Bagi memeriahkan lagi sambutan ini saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menjemput *Sister City* dan *Friendship City* untuk menyertai atau bekerjasama dalam aktiviti-aktiviti penganjuran berkenaan. Selain menambahkan tarikan sedia ada ia secara langsung dapat mengeratkan perhubungan serta memupuk persefahaman budaya bandar-bandar ini.

Pendekatan serta seruan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan menjadikan Penang Port sebagai *home port* adalah langkah-langkah yang baik dan diharap ia boleh dilaksanakan secepat mungkin bagi menampung keperluan pelancong yang semakin bertambah. Kini di Terminal Swettenham terdapat kawasan gudang lama yang dibiarkan begitu sahaja. Menteri Kewangan semasa pengumuman Bajet 2019 telah mengumumkan kelulusan kawasan ini sebagai zon bebas cukai. Saya ingin mencadangkan supaya Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) boleh memanggil RFP untuk memajukan kawasan tersebut supaya menjadikan ia sebagai salah satu lokasi tarikan pelancongan baru. Dalam usaha menarik lebih ramai pelancong dari Negara China dan India, saya ingin mencadangkan supaya EXCO Pelancongan membuat permohonan kepada Kerajaan Pusat supaya memberi *Visa On Arrival* (VOA) atau lebih baik sekiranya boleh perjalanan tanpa visa kepada pelancong-pelancong tersebut. Inisiatif ini semestinya akan membantu sektor pelancongan negeri kita.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan selama ini telah mengambil langkah-langkah wajar untuk memulihkan kegemilangan KOMTAR. Antaranya memperkenalkan tarikan-tarikan baru seperti The TOP, Tech Dome Penang, ICT Mall, Asia Comic Cultural Museum, pusat membeli belah Pacific. Satu lagi berita baik, baru-baru ini adalah KOMTAR telah dipilih sebagai lokasi UTC yang ke-23 iaitu negeri yang terakhir mempunyai UTC selepas inilah. Dijangka kira-kira 15 agensi dari Kerajaan Persekutuan bakal beroperasi di UTC KOMTAR. Inisiatif ini secara tidak langsung akan memudahkan orang ramai menjalankan urusan-urusan rasmi di bawah satu bangunan tanpa perlu rujuk atau ke bangunan-bangunan kerajaan yang terletak di lokasi yang lain.

Cadangan ini pernah saya bantahkan pada persidangan DUN lepas, dan saya juga telah menulis surat kepada Y.A.B. Ketua Menteri bagi mengutarakan cadangan ini kepada Kerajaan Pusat, khususnya Menteri Kewangan. Hari ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada mereka yang merealisasikan cadangan tersebut.

Bagaimanapun, bagi betul-betul memulihkan kegemilangan KOMTAR, kerajaan perlu melakukan lebih banyak usaha lagi, terutamanya dalam membuat perancangan serta pendekatan untuk menarik peniaga-peniaga baru bagi mengisi kedai-kedai yang kosong di podium KOMTAR.

Saya ingin mencadangkan bahawa tingkat 1 sehingga tingkat 4 KOMTAR diasingkan kepada zon yang berlainan. Tingkat 1 boleh dijadikan, dirancang sebagai zon makanan dan hiburan, tingkat 2 sebagai zon *retail outlet*, tingkat 3 sebagai zon pejabat kecil atau *co-working space* dan tingkat 4 sebagai zon kolej, hotel atau kerajaan boleh mengadakan sebuah pusat inkubator untuk belia serta wanita yang berhasrat untuk memulakan perniagaan.

Hanya dengan adanya perancangan yang menyeluruh, barulah kita dapat betul-betul menghidupkan semula bangunan KOMTAR. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya satu Jawatankuasa Pemulihan KOMTAR ditubuhkan dalam menjayakan perancangan ini. Selain itu, KOMTAR juga perlu menganjurkan program-program secara berterusan untuk menarik orang ramai ke lokasi ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagai makluman Pusat Khidmat saya dengan kerjasama pihak penganjur utama Penang ICT Association (PICTA) dan Pertubuhan Perniagaan Telekomunikasi Malaysia (PPTM) akan mengadakan Karnival KOMTAR dari 3 Mei hingga 5 Mei 2019. Lokasi anjuran karnival termasuk tingkat bawah sehingga tingkat 5 The TOP, di bangunan KOMTAR. Semua adalah dijemput hadir bagi memeriahkan penganjuran karnival ini. Pelbagai aktiviti akan dijalankan iaitu ICT & Mobile Fair, Book Fair, Food Fair, E-sport Tournament, Cosplay dan lain-lain lagi. Pengunjung yang datang juga akan dapat menikmati diskaun yang diberi oleh peniaga-peniaga.

Saya berharap agar karnival ini dapat menarik semula minat orang ramai untuk datang 'semula' ke KOMTAR, selain hanya untuk urusan kerajaan dari semasa ke semasa sahaja. Jika karnival ini berjaya dianjurkan, pihak kami juga akan membuat pertimbangan agar menjadikan Karnival KOMTAR sebagai aktiviti tahunan.

Dato' Yang di-Pertua, sebelum mengakhiri perbahasan saya, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan cadangan Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang yang menyeru Kerajaan Negeri supaya memindahkan pusat pentadbiran Kerajaan Negeri dari KOMTAR ke lokasi baru.

Sebenarnya saya pernah membuat cadangan yang sama, pada DUN yang lepas lah. Tapak sesuai yang mungkin boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri ialah tapak pelupusan sampah Jelutong, pulau tambakan laut baru di perairan selatan atau Tanjung Pinang. DUN dan pusat pentadbiran boleh ditempatkan di dalam sebuah bangunan atau kompleks yang sama. Namun perlu mempunyai padang yang luas seperti Padang Kota Lama untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ditepinya.

Janganlah kita risau tentang nasib KOMTAR, selepas pemindahan pusat pentadbiran kerajaan, sekiranya ia betul-betul berlaku. Sebaliknya, Menara KOMTAR boleh ditransformasikan kepada sebuah hotel, *service apartment* atau pejabat swasta yang tentu akan menarik perhatian para pelabur yang berminat.

Projek pemindahan pusat pentadbiran sekiranya dilaksanakan, juga akan mengambil masa yang agak panjang dan bukan projek yang boleh disiapkan dalam satu malam. Malah, maka para peniaga dan pemilik swasta di KOMTAR usahlah risau. Selagi saya menjadi ADUN KOMTAR, saya akan memastikan KOMTAR akan betul-betul ditransformasikan dan berkembang ke arah yang lebih baik dan gemilang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu selagilah.

Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):

Selagi. Ya betul. So, dengan ini saya memohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat KOMTAR. Saya ingat sambung dengan Bagan Dalam. Sila.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan usul untuk mengucapkan terima kasih ke atas ucapan Tuan Yang Terutama Tun, yang merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke 14.

Dato' Speaker, saya akan mulakan ucapan saya dengan bercakap tentang satu perkara penting yang telah disebut oleh Tun, dalam ucapan beliau tempoh hari. Kali ini kita bersidang di Dewan Sri Pinang kerana kerja-kerja pembaikan bangunan DUN sedang dijalankan.

Saya menyokong penuh cadangan yang diusulkan oleh Tuan Yang Terutama dan juga rakan saya daripada KOMTAR, iaitu satu bangunan baru dibina untuk menempatkan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Tahun lepas apabila saya melawat Negeri Perlis, saya berpeluang untuk melihat Dewan Undangan Negeri Perlis. Negeri yang begitu kecil, hanya mempunyai 15 orang ADUN, tetapi Dewan Undangan Negeri yang begitu besar, dengan segala kemudahan.

Saya dengar setiap orang ADUN mempunyai masing-masing mempunyai bilik di Dewan Undangan Negeri tersebut ataupun pejabat. Tetapi, kita tidak perlukan satu Dewan Undangan Negeri yang begitu besar, tetapi satu Dewan Undangan Negeri yang selesa untuk Dato' Speaker, Timbalan Speaker, Ketua Menteri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan juga para penjawat kerajaan dan juga para pemberita untuk menjalankan tugas masing-masing. Ketua Menteri sekali dengan EXCO.

Saya cadangkan perancangan untuk membina bangunan DUN baru itu haruslah meliputi satu pusat sumber untuk menempatkan satu unit *research* khas yang bertanggungjawab kepada Dewan Undangan Negeri ini. Saya masih ingat apabila Dato' Speaker telah mengambil alih tugas Speaker, beliau telah menjanjikan reformasi-reformasi, demokrasi dalam dewan ini. So, saya berharap unit *research* tersendiri yang bertanggungjawab kepada Dewan Undangan Negeri juga harus ditubuhkan seperti *Congressional Research Service* di United State ataupun Amerika Syarikat. Dato' Speaker, kita memerlukan satu unit *research* sendiri supaya para Ahli dapat menggunakan khidmat unit tersebut, supaya Ahli-ahli Dewan ini boleh berkhidmat lebih efektif lagi. Itu pandangan saya Dato' Speaker.

Tuan Yang Terutama Tun dalam ucapannya telah menyatakan tentang kepentingan memperkasakan para belia, seperti yang diucapkan oleh saudara saya daripada kawasan Bertam. Saya pun berpendapat program PEKA, Penggerak Komuniti Muda, harus diteruskan kerana mereka telah memainkan satu peranan yang penting dalam menghubungkan kita dengan rakyat di kawasan pendalaman khususnya di Seberang Perai Utara, dimana kita lihat mereka menjalankan kelas-kelas tuisyen kepada para pelajar daripada golongan B40 dan cukup bermanfaat kepada para keluarga B40 yang tidak berupaya untuk menghantar anak-anak mereka ke kelas tuisyen persendirian.

Tetapi mereka juga telah sering membawa program dan polisi Kerajaan Negeri kepada rakyat terbanyak. So, itu adalah salah satu sebab kenapa program PEKA ini harus diteruskan dengan peruntukan kewangan daripada Kerajaan Negeri tetapi, saya ada satu komen sahaja di mana saya ingin lihat keahliannya haruslah *more divers...*(*dengan izin*) ataupun berbilang kaum dan agama, supaya program-program yang dianjurkannya, program-program Kerajaan Negeri akan meliputi semua lapisan masyarakat, tak kira kedudukan geografi mereka ataupun kaum ataupun agama.

Itu adalah pandangan saya. Dan juga untuk memperkasakan golongan belia yang merupakan tunjang utama masa depan negeri kita, Kerajaan Negeri juga harus mempertimbangkan untuk melabur dalam bidang pendidikan kemahiran. PSDC adalah latihan *TVET* yang terkemuka diseluruh Malaysia, melahirkan ramai bakat mahir. Dan saya rasa sudah tiba masanya untuk Kerajaan Negeri melabur untuk mendirikan satu universiti ataupun *Penang Skill Development University* di mana lebih banyak bakat-bakat mahir, bukan saja untuk pasaran negeri Pulau Pinang dan juga untuk negeri-negeri di serantau ini.

Dato' Speaker, beralih kepada isu pertanian dan industri asas tani. Menurut jawapan daripada Seberang Jaya, untuk soalan bertulis saya, soalan bertulis saya, Seberang Jaya telah menyatakan bahawa industri tani adalah sektor yang penting untuk negeri Pulau Pinang. Seberang Jaya juga telah menyatakan bahawa Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian menggalakkan pengusaha kelapa sawit menjalankan integrasi dengan ternakan bagi ladang yang berumur lebih daripada tiga (3) tahun. Dan untuk ladang yang baru, tanaman selingan digalakkan supaya pengusaha ladang kelapa sawit ini, dapat memaksimumkan keuntungan mereka.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri terus menggalakkan para pengusaha agro untuk beralih ke tanaman baru yang mempunyai potensi di pasaran dunia, bukan kerana kelapa sawit sedang diserang oleh negara-negara Eropah. Sebenarnya saya nak tambah sedikit tentang hipokradi negara-negara Eropah dalam isu kelapa sawit ini. Mereka telah meluluskan satu resolusi dengan yang merendah-rendahkan Malaysia dan Indonesia sebagai *contributor, the biggest contributor to the deforestation* di dunia. Dan menyatakan bahawa mereka tidak boleh sokong, kelapa sawit dan ataupun *veg oils*, minyak sayuran lain kerana mereka menyumbang kepada *the* pencemaran alam dan sebagainya. Tetapi negara-negara ini lah yang sedang mengeksport plastik-plastik *waste* yang mereka tidak mau proses dan menjadikan Malaysia sebagai tong sampah mereka.

Ini adalah tidak boleh terima, ini adalah hipokradi negara-negara Eropah. Kenapa negara Eropah ataupun *European Union* tidak menggubal satu dasar ataupun satu resolusi untuk mengawal syarikat-syarikat daripada negara mereka sendiri, daripada menghalang mereka menghantar sampah-sampah mereka ke negara-negara Asia Tenggara. Itu adalah hipokradi negara-negara Eropah.

Walau bagaimanapun, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Mosteccc baru, Saudari Yeo Bee Yin yang telah bertindak tegas dalam pendiriannya untuk tidak membenarkan Malaysia untuk menjadi negara tong sampah kepada negara-negara Eropah yang sudah maju. Baru-baru ini, beliau telah membuat penguatkuasaan dan menangkap lebih 30 kontena yang membawa barangan-barangan buangan sisa-sisa plastik daripada negara-negara Eropah yang maju seperti Sepanyol dan juga Perancis.

So, tahniah kepada menteri tersebut. Kelapa sawit, bercakap tentang kelapa sawit, saya juga meminta Kerajaan Negeri menggalakkan para pengusaha agro untuk menceburkan diri dalam industri tanaman yang boleh membawa keuntungan yang lebih, sebagai contohnya buluh. Menteri Industri Asas telah mencadangkan perkara ini, dan beliau telah diserang hebat oleh lestar orang kata apa *cyber trooper* ataupun laskar cyber yang dibiayai oleh bukan siapa lagi, bos mereka bukan 'Bossku'. Bos mereka Najib Razak yang ingin mengalihkan pandangan daripada kes-kesnya di mahkamah. Saranan daripada Menteri Industri Asas itu, telah di putar belit menyatakan seolah-olah beliau telah meminta semua pengusaha kelapa sawit untuk beralih ke tanaman buluh. Itu tidak benar, tetapi tanaman baru seperti buluh adalah satu pasaran satu tanaman yang mempunyai pasaran yang begitu besar. Di mana pasaran buluh didunia sudah mencecah USD60 bilion, dan bertumbuh setiap tahun. Anggaran tumbuhannya adalah dalam 2bilion setiap tahun. So, para pengusaha agro di Pulau Pinang harus digalakkan untuk menceburkan diri dalam tanaman-tanaman seperti buluh, nenas dan lain-lain lagi.

Dato' Speaker, saya juga mengambil peluang ini untuk menggesa tanah kekal pengeluaran tanaman di Ara Kuda dan Juru, dibuka kepada para pengusaha agro yang betul-betul berkecimpung dalam bidang agro, dan bukannya kepada mereka yang mempunyai kabel politik seperti sebelum ini. Ini kerana saya lihat, apabila saya melihat fakta daripada laman web Jabatan Pertanian, dinyatakan tanah kekal pertanian tanaman ini, tidak ada seorang pun yang sedang menjalankan aktiviti mereka di Juru. Itu menurut laman web Jabatan Pertanian sendiri.

Saya tidak tau, betul atau tidak. Tetapi, yang saya dengar yang ada di Ara Kuda, memang mereka yang dapat tanah di sana, bukan semuanya. Ada juga yang mereka yang betul-betul bergiat dalam industri asas tani, tetapi ada juga mereka yang mempunyai hubungan politik dengan rejim terdahulu, dimana mereka menyewa tanah kepada orang lain. So, saya cadangkan supaya Kerajaan Negeri buat satu perjumpaan dengan pihak PERDA dan juga Jabatan Pertanian, dan mencari penyelesaian dan membuka ruang kepada mereka yang mempunyai bakat dan juga mereka yang mempunyai minat untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian ini.

Dato' Speaker, saya juga ingin membawa perkara ini di mana ada ramai pemuda berketurunan India ingin menceburkan diri dalam bidang pertanian. Tetapi mereka tidak ada bimbingan dan ruangan, ruang tanah untuk berbuat demikian. Saya memohon supaya program tanah kekal pengeluaran tanaman di Pulau Pinang, membuka peluang kepada pemuda sebegini.

Sebelum ini satu Yayasan telah ditubuhkan oleh Parti Politik. Parti Politik rakan Ketua Pembangkang iaitu MIC, namanya NAAM. Kononnya untuk membimbing para pemuda India untuk menceburkan diri dalam bidang pertanian. Mereka mengambil sebanyak RM19juta daripada Kerajaan Persekutuan, untuk membimbing para pemuda ini. Kita tidak tau, apa sudah jadi dengan RM19juta ini. Tetapi yang saya tau, di Pulau Pinang tidak ada seorang pun pemuda yang telah berjaya dalam bidang pertanian yang dijanjikan oleh NAAM tersebut. Malah mereka yang diberi peluang untuk mengusahakan tanah kekal pertanian tanaman di Ara Kuda pun, hanyalah dari kalangan pemimpin Parti MIC itu sendiri. Yang orang-orang India yang dapat peluang di Ara Kuda, hanya di kalangan Parti mereka. So, ini sesuatu yang kita perlu perbetulkan.

Dato' Speaker, mengenai depot petroleum di Jalan Pantai. Jawapan yang saya dapat daripada EXCO daripada Ahli Kawasan Sungai Puyu, dinyatakan bahawa depot tersebut telah mendapat kelulusan yang diperlukan daripada MPSP dan boleh terus beroperasi. Tetapi Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, bahawa kelulusan berkenaan adalah bukan kelulusan yang baru. Dia dibuat berdekad-dekad lepas sebelum ini. 30, 40 tahun yang dahulu. Masa itu tidak ada Penang Sentral. Masa itu tidak ada konsentrasi penduduk di kawasan Butterworth, di mana sekarang kita lihat kawasan Butterworth itu sendiri dengan adanya Penang Sentral, keseluruhan kawasan yang berdekatan dengan Penang Sentral sedang mengecapi pembangunan yang begitu drastik, di mana kita lihat harga-harga hartanah, harga rumah naik melambung tinggi.

So, saya tidak tahu kesesuaian adakah depot petroleum ini sesuai berada di tempat itu lagi. Sebab kelulusan yang diperolehi adalah sebelum ini. Dan kalau kita lihat kepada kelulusan-kelulusan MPSP yang diberikan semasa pentadbiran Barisan Nasional dulu, banyak yang ada kepincangannya. So, saya menyeru kepada Kerajaan Negeri, supaya kaji balik kesesuaian depot petroleum tersebut untuk mengutamakan keselamatan penduduk disana dan adakan satu kajian kesesuaian tentang kewujudan depot petroleum tersebut.

Apabila berlaku kebakaran di Jalan Pantai beberapa tahun yang lepas, saya masih ingat bagaimanakah penduduk Butterworth itu panik, apakah akan terjadi kepada mereka, kerana terlalu dekat dengan depot petroleum tersebut. So, khususnya di kawasan Bagan Dalam. So, tentang risiko letupan jika api telah merebak ke depot tersebut, Kerajaan Negeri harus mengambil kira perkara ini, dan datang dengan satu solusi yang *win-win*. Mungkin sekarang kita ada banyak depot-depot petroleum di kawasan perindustrian Perai, mungkin yang sedia ada *I think if I'm not mistaken...(dengan izin)* milik syarikat Petron dialihkan ke kawasan perindustrian Perai.

Dato' Speaker, saya beralih satu isu ke satu isu yang saya perjuangkan bersama dengan rakan saya David Marshall sejak sedekad yang lalu, iaitu isu penguatkuasaan terhadap penjualan arak, khususnya arak murah. Kami telah pergi keseluruh negara membuat *road show* tentang bahaya arak murah ini. Di mana rakyat mana-mana di Malaysia, kita tidak boleh membeli nasi kandar dengan harga RM3.00, tetapi boleh dibeli sebotol arak dengan harga RM3.00. Itu adalah hakikat, so memang kita bantah. Dan sebelum kita memenangi Kerajaan Persekutuan banyak halangan Kerajaan Persekutuan sebelum ini tidak pernah mendengar suara-suara kami.

Tetapi Kerajaan Negeri dari dulu sedang mendengar, telah mendengar daripada isu ini suara kami dan apabila Y.A.B. Ketua Menteri menjadi EXCO untuk Kerajaan Tempatan, beliau telah memberikan satu *guide line* yang *clear* pada MPSP dan juga MBPP untuk menyatakan di mana kalau PBT tidak sokong satu-satu permohonan arak lesen arak itu, lesen itu tidak akan diluluskan. Dan ia sedang digunapakai sehingga sekarang. Itu menunjukkan

Kerajaan Negeri mendengar pandangan dan mengambil perhatian dalam perkara ini, yang melibatkan kesihatan dan juga kepentingan sosial ekonomi masyarakat.

Satu perkara yang sering kami tekankan, adalah kedai runcit yang menjual barangan runcit harian seperti beras, gula, tepung ataupun barangan-barangan yang boleh dibeli oleh kanak-kanak, tidak harus diberi lesen untuk menjual arak. Arak di sini saya merujuk kepada *compounded hard liquor* bukannya *beer* sebab *beer* tidak tergolong dalam dari definisi undang-undang tidak tergolong dalam arak kerana dia ditakrif sebagai minuman bergas.

So, when I talk about arak, it's not beer. Saya tidak nanti jangan pula ada *press* yang tulis nyatakan saya bantah penjualan *beer* di kedai-kedai. *So*, itu saya tidak bantah. Saya bercakap tentang *compounded hard liquor* yang mereka yang menjual memerlukan lesen khusus untuk menjualnya. Itu yang saya maksudkan di sini, dan malah kedai runcit seperti itu apabila kami menjadi Ahli Majlis begitu banyak di Seberang Perai. Tetapi setelah kita perkenalkan satu peraturan di MPSP, semakin berkurangan kedai-kedai runcit ini. Mengapa kita minta kedai-kedai runcit tidak dibenarkan menjual *compounded hard liquor*, kerana *the easily the liquor is easily available even for the children*. Yang mereka yang menjual, pemilik kedai runcit dia tidak kisah tentang budak itu 15 tahun ke, 16 tahun, dia jual. *So*, perkara itu perlu kita elakkan dan kami telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menghalang kedai-kedai runcit daripada menjual *compounded hard liquor*, itu cara yang baik.

But, walau bagaimanapun saya lihat masalah birokrasi masih wujud. Saya ingin rujuk kepada satu contoh, di mana ada satu kedai menjual arak di kawasan Chai Leng Park yang berulang kali melanggar Peraturan Akta Eksais. Akta Eksais menyatakan 'Sesuatu kedai itu tidak boleh menjual arak selepas pukul 10.00 malam'. Mereka jual 24 jam sehari. Itu adalah satu pelanggaran syarat yang sangat terang-terang tidak takut kepada undang-undang.

MPSP berulang kali telah mengeluarkan kompaun dan membatalkan, telah mencadangkan kepada Lembaga Eksais untuk membatalkan lesen tersebut, dan lesennya sudahpun dibatalkan. Tetapi, apabila saya lalu di Chai Leng Park baru-baru ini, saya nampak kedai tersebut sudah mula beroperasi kembali. Dan apabila yang memeranjatkan bukan saja saya malah penguatkuasa di MPSP juga, apabila mereka pergi membuat tinjauan, kedai tersebut mempunyai lesen yang baru. Sebelum itu namanya Kasturi Wine Shop, bukan Ahli Parlimen Batu Kawan. Tapi nama kedai tersebut. Dan aah, Dato' Speaker pun mengangguk. Dato' Speaker pun orang Chai Leng Park, *so*, beliau tau tentang kewujudan kedai ini.

Baru-baru ini, kedai ini walaupun PBT tak sokong dasar yang diambil masa Y.A.B. Ketua Menteri menjadi EXCO adalah, 'Kalau PBT ulas bahawa kita tidak sokong, kedai tersebut tidak akan diberi lesen'. Saya tidak tahu bagaimana. Walaupun PBT membantah, kedai ini mendapat lesen. Dan lesennya sudah bertukar nama dengan KKRC Mart. Ini serius. Saya memohon kepada EXCO, supaya perkara ini diberi perhatian lebih khusus. Kita tidak mau kedai-kedai arak yang menyumbang kepada masalah sosial ini, diberi lesen sewenang-wenangnya.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Mohon laluan. Minta laluan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Okey, teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):

Okey, terima kasih kepada Bagan Dalam. Cuma saya nak tanya, selain daripada agensi penguatkuasaan di bawah PBT, apa lagi cadangan yang kita boleh ambil tindakan sama ada agensi-agensi lain yang boleh dilibatkan, kerana aktiviti ni memang daripada Majlis dulu. Saya menyokong perkara yang dibawa oleh Bagan Dalam, sebab daripada arak murah inilah dia berlakunya aktiviti sosial. Padang-padang permainan dijadikan tempat untuk

melepak hinggakan pecah, dan membahayakan kanak-kanak. Selain daripada PBT yang mungkin ada kekangan daripada segi penguatkuasaan, maksud saya daripada segi anggota ataupun kewujudan banyak kedai-kedai yang menjual arak murah secara senyap-senyap. Walaupun kita tau, ada tak cara lain untuk kita libatkan agensi lain dalam untuk memberantas kes arak murah ni.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Terima kasih, rakan saya daripada Sungai Acheh. Ini bila kita bercakap tentang arak murah ini, kita perlukan satu dasar yang baru, kerana dasar yang sedia ada, undang-undang yang sedia ada yang mengawal selia penjualan arak *compounded hard liquor* ini dibuat pada tahun 1976 Akta Eksais. So, kita perlukan Kerajaan Persekutuan *the political wheel of the federal government to amend the act overall* untuk menambah baik kelemahan-kelemahan yang sedia ada. Di mana arak bukanlah baru-baru ini ada satu stesen television telah menemu ramah saya. Saya pun telah menyatakan benda yang sama, arak bukan benda asas. Kalau tidak ada arak, tak kan ada orang yang meninggal dunia. So, yang itu tidak perlu diberi begitu banyak *lenient* ataupun *flexibility* kepada mereka yang menjual arak ini.

Sepatutnya undang-undang perlu lebih ketat dan kita melihat di Singapura, negara yang kecil yang boleh dikatakan *liberal*, mereka ada undang-undang khusus di mana ditempat-tempat awam tidak boleh meminum arak. Kalau mereka minum arak, akan ditangkap dan akan dipenjarakan. Dan kalau warga asing, mereka cukup takut membuat kecoh dikawasan-kawasan awam, kerana sebelum ini pernah ada insiden di mana berlaku satu pergaduhan, dan Kerajaan Singapura telah mengeluarkan satu dasar di mana kalau warga asing terlibat dalam kes-kes yang melibatkan arak, ketagihan arak ini, mereka akan dihantar kembali serta merta.

Di Malaysia kita tidak ada, sekarang kita nampak ada seorang dua pemimpin yang menyatakan seolah-olah dia adalah jaguh kepada perpaduan ummah dan juga rahmat Islam. Selalu mencanang-canangkan, kata negara ini adalah menjunjung prinsip-prinsip agama Islam. Tetapi tidak ada *political wheel* daripada Barisan Nasional untuk membuat perkara ini.

Saya ingin rujuk kepada satu perkara di mana Kementerian, Menteri Kesihatan sebelum ini daripada Parti MIC, pada tahun 2016 telah mengeluarkan satu dasar iaitu 'Peraturan Makanan 1985, Peraturan 368A telah diubah'. 'Dimana dinyatakan tidak ada arak *hard compounded liquor* boleh dibotolkan, *manufactured* ataupun dijual daripada, tidak boleh dibotol daripada botol yang kurang daripada 700ml'. Dia buat peraturan ini tahun 2016 sampai tahun 2018 sampai dia keluar daripada pemerintahan dia tidak berani untuk melaksanakan peraturan ini. Walaubagaimanapun, Menteri Kesihatan baru Doktor Zul berani dan menyatakan pada 18 Oktober 2018 kita akan laksanakan benda ini. Tidak akan ada arak yang dijual dalam botol yang kurang isipadunya daripada 700 milliliter. Walau bagaimanapun, masalah birokrasi lagi, Kementerian Kesihatan telah memberikan penangguhan selama enam (6) bulan kerana Persatuan Pembotol dan Pengilang Arak telah membuat rayuan kepada kementerian kerana mereka kata stok kami masih ada dan telah memberikan enam (6) bulan penangguhan dan saya amat terkejut baru-baru ini 22 April 2019 kementerian sekali lagi berikan penangguhan tiga (3) bulan lagi ini kita tidak boleh terima berulang kali membuat benda yang sama lepas tiga (3) bulan lagi kalau..(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat ini tiada jawapan dari sini.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

10 minit.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Itu isu kementerian, terlalu banyak arak saya mabuk.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Okey.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sebelum saya mabuk, sila jangan terlalu banyak tiada exco yang boleh jawab.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Saya ringkaskan. Saya bawa perkara ini Dato' Speaker, sebab Kerajaan Negeri boleh mengambil sikap tegas supaya kedai-kedai, masalah sosial yang berhubung kait daripada arak ini boleh dikurangkan kalau kita kawal kedai-kedai yang menjual arak murah ini. Itu saya mohon EXCO supaya memberikan perhatian dalam hal ini.

Seterusnya Dato' Speaker, saya beralih kepada isu penguatkuasaan undang-undang oleh jabatan-jabatan kerajaan. Memang ada kelemahan sudah dua kali hari ini saya nyatakan Jabatan Alam Sekitar dan kita tidak tahu siapa yang menyebabkan masalah itu. Cabang penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar itu sendiri ataupun PBT yang bertanggungjawab. Tetapi agensi-agensi negeri juga mempunyai kekangan sendiri dan kelemahan sendiri sebagai contohnya PBT kita sendiri walaupun MPSP dan MBPP ingin mengemaskini UUK ataupun undang-undang kecil mereka untuk mereka menjadi lebih efektif mereka menghadapi pelbagai masalah birokrasi.

Saya ambil contoh kes MPSP. Di mana sebagai misalnya ada undang-undang kecil yang dihantar kepada kelulusan Pejabat Penasihat Undang-Undang tidak dapat persetujuan sehingga kini walaupun sudah lalu 10 tahun kita pun sudah lihat berapa orang Penasihat Undang-Undang Negeri telah bertukar dalam masa sepuluh tahun ini tetapi benda-benda yang *simple* macam ini sampai sekarang ia tidak dapat persetujuan nasihat Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri untuk MPSP menggunakan undang-undang kecil. Saya bagi secara spesifik nyatakan tiga (3) undang-undang kecil tersebut iaitu Undang-Undang Kecil Pelesenan Trek Perniagaan Dan Perindustrian Majlis Perbandaran Seberang Perai 2010, Undang-Undang Kecil *Establishment* Makanan MPSP 2010 dan Undang-Undang Kecil Penjaja MPSP 2010. Ini adalah satu birokrasi yang kita tidak boleh terima di negeri Pulau Pinang yang kita sering mencanang-canangkan *Competency Accountability And Transparency (CAT)*. 10 tahun satu jangka masa yang begitu panjang, tiga empat Penasihat Undang-Undang telah bertukar saya tidak tahu salah siapakah ini. Tetapi apabila saya selalu tanya MPSP kenapa tidak ada tindakan dia kata kita tidak ada kuasa dan apabila kita semak ada undang-undang kecil diluluskan tetapi tidak dapat persetujuan daripada pihak berkuasa negeri. Ini saya ingin bawa kepada perhatian *since* kita ada Penasihat Undang-Undang Negeri Yang baru boleh mengambil tindakan untuk *rectify* masalah ini...(dengan izin).

Dato' Yang di-Pertua, satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang rumah mampu milik. Saya bersetuju dengan Ketua Pembangkang bahawa rumah mampu milik ini sebenarnya harus betul-betul mampu milik kepada golongan B40 kerana golongan M40 dan T20 mereka membeli rumah untuk menjadikan pelaburan mereka *investment* tetapi golongan B40 mereka beli rumah untuk duduk dalam rumah itu. Saya minta lebih banyak rumah mampu milik Kelas A iaitu RM42,000.00, Kelas B RM72,000.00 dan juga Kelas C1 yang itu di bawah RM150,000.00 yang boleh dibeli oleh golongan B40 dibina dalam kadar yang lebih banyak di kawasan Butterworth khususnya sebab kawasan Butterworth itu saya lihat tidak ada rumah mampu milik yang boleh dibeli oleh golongan B40. Satu saja itu pun berharga RM72,000.00 dan selepas itu memang tidak ada rumah yang boleh dibeli oleh golongan B40. Semuanya RM200,000.00 ke atas so saya minta EXCO mengambil serius perkara ini. Saya nyatakan perkara ini supaya menjadikan Butterworth sebagai bandar untuk semua dan bukan hanya untuk golongan elit.

Dato' Yang di-Pertua, isu warga asing seperti yang Ketua Pembangkang telah menyatakan tadi telah dibincangkan dalam PAC. Kita lihat kelemahan di MBPP khususnya di mana MBPP tidak ada kawalan terhadap warga asing yang ingin membuka perniagaan

mereka dan kita lihat di sekitar KOMTAR itu sendiri cukup banyak kedai-kedai Bangladesh dan apabila saya bertanya dia boleh tulis zon Bangla macam dia tulis lagi ini perniagaan Bangla. So di Seberang Perai semasa kami menjadi Ahli Majlis kita menghalang tidak boleh ada perkataan-perkataan selain daripada Bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin ataupun Tamil ini yang bahasa orang Malaysia dia berani tulis Bahasa Bangla dan juga Nepal. So ini sesuatu yang kita tidak boleh terima dan kita lihat MBPP lemah dalam isu pelesenan ini di mana syaratnya adalah 50 peratus kalau ada warga Malaysia sudah cukup. Apa modus operandi peniaga pendatang asing ini? Mereka datang sini kalau hendak bekerja tidak ada halangan kalau mereka hendak datang membuka perniagaan kita pun tidak ada halangan tetapi bawa pelaburan lebih daripada RM500,000.00. Kita *perlu cap the capital pay up capital in the company before we give lessen to RM500,000.00*. Itu adalah cadangan saya.

Saya juga ingin mengulangi syor PAC negeri di sini di mana lesen perniagaan runcit tidak dikeluarkan sama sekali kepada warga asing. Kalau dia kata ini dia berkahwin dengan orang tempatan isteri dia orang Malaysia boleh daftarkan perniagaan itu di atas nama isteri sebab apa dia ingin dia datang sini dia berniaga lepas dia buat untung dia lepaskan isteri dia tidak cerai pun dia terus lari dengan duit. Kalau dia daftarkan atas nama isteri dia tidak boleh lari mana-mana. Kalau dia lari pun orang Malaysia juga untung. Kita perlu wujudkan ini dan pegangan saham 100% warga tempatan boleh menjaga kebajikan isteri. Itu adalah cadangan.

Satu jawatankuasa khas berkaitan banjiriran warga asing menjalankan perniagaan dan aktiviti ekonomi di peringkat negeri Pulau Pinang harus ditubuhkan segera untuk mengawal perkara ini supaya kita tidak mahu kawasan KOMTAR menjadi satu lagi Petaling Street macam di Kuala Lumpur penuh dengan warga asing. Ada sesetengah kawasan itu sudah jadi kawasan eksklusif warga asing, pasar malam. Pasar malam MBPP kata ada ambil tindakan saya tidak tahu ini khususnya di sekitar KOMTAR, jangan kita jadikan Petaling Street *vision of Penang* so ini adalah syor daripada PAC.

Dato' Speaker saya juga ingin menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk membawa isu sekolah menengah pertama Tamil pertama ke perhatian Kerajaan Persekutuan. Tanah disediakan oleh Kerajaan Negeri sudah tiba masa pihak Persekutuan mengambil langkah untuk membina sekolah menengah Tamil pertama di negara ini seperti yang kita janjikan dalam manifesto Pakatan Harapan. Walau pun saya tidak bersetuju dengan markah yang diberikan oleh Ketua Pembangkang, saya lihat masih ada ruang untuk kerajaan Pakatan Harapan di Persekutuan untuk mengotakan janji-janji yang kita telah janjikan dalam manifesto.

Itu adalah harapan saya bukan saja seorang ADUN di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini tetapi sebagai seorang rakyat Malaysia yang betul-betul dahagakan perubahan demokrasi yang kita semua rasa tidak akan berlaku tiba-tiba telah berlaku dan saya berharap kerajaan persekutuan lebih serius dalam mengotakan janji-janji dalam manifesto walaupun ada kekangan kewangan kita berharap dalam tahun akan datang akan lihat perubahan-perubahan yang dapat membawa negara ini ke menjadikan negara ini kembali sebagai *The Asian Tiger*. Dengan itu Dato' Speaker saya mohon menyokong.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat dari Bagan Dalam. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan dan kita akan bersidang semula esok 30 April 2019 hari Selasa jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 10.00 malam.